

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 49

Selasa

3 Disember 2013

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman	30)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Perbekalan 2014		
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>		
<b><u>Jadual:-</u></b>		
B.28	(Halaman	31)
B.62	(Halaman	94)
<b>USUL-USUL:</b>		
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	30)
Usul Anggaran Pembangunan 2014		
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>		
P.28	(Halaman	31)
P.62	(Halaman	94)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 3 Disember 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah terdapat sebarang perancangan untuk menambah kuota permohonan 1AZAM khususnya di kawasan luar bandar memandangkan program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peniaga-peniaga kecil agar lebih ramai yang akan mendapat faedah.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, di bawah bidang Keberhasilan Utama Negara meningkatkan taraf hidup isi rumah bawah pendapatan rendah (NKRA LIH), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melaksanakan Program 1AZAM bagi membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah menjana pendapatan tambahan untuk keluarga. Perkara ini adalah selaras dengan pendekatan produktif *welfare* supaya golongan tersebut mampu hidup berdikari. Dalam hal ini, Program 1AZAM ditawarkan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) atau ahli isi rumah kategori miskin dan miskin tegar yang berdaftar di bawah sistem e-Kasih. Selain itu, dalam usaha memberikan peluang kepada golongan berpendapatan rendah yang belum lagi didaftarkan dalam sistem e-Kasih, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menggunakan senarai penerima bantuan kebajikan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan Program 1AZAM terbuka kepada golongan miskin dan yang berpendapatan rendah tidak kira dari kawasan bandar atau pun luar bandar. Sehubungan itu, kementerian tidak menetapkan sebarang kuota penyertaan untuk sesbuah kawasan, asalkan pemohon memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan. Kriteria-kriteria permohonan untuk menyertai Program 1AZAM di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah seperti berikut:

- (i) warganegara Malaysia;
- (ii) berdaftar dalam sistem e-Kasih;

- (iii) miskin, miskin tegar;
- (iv) berumur di bawah 55 tahun; dan
- (v) berminat, berkemahiran dan masih lagi produktif.

Setakat ini program ini telah pun memberikan manfaat kepada 132,511 orang dari tahun 2010 hingga 31 Ogos 2013. Terima kasih.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih saya hendak ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan pada pagi ini. Saya juga hendak mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak. Sesungguhnya program 1AZAM ini begitu berkesan khususnya di kawasan saya, di Parlimen Baling.

Walau bagaimanapun, ada sedikit permohonan setelah kita membuat pengamatan, penelitian dalam konteks pemberian bantuan 1AZAM ini, izinkan saya membuat permohonan sedikit kepada kementerian khususnya dalam konteks pemberian barang di luar pakej. Contohnya, mesin uli tepung untuk membuat roti canai, mesin kerisik, kopi, mesin pengisar soya, mesin buat muruku, mesin penebang pokok dan hari ini mereka sedang memberi mesin memotong rumput. Mesin memotong rumput ini lazimnya diambil untuk kegunaan peribadi. Kita hendak memberi pengupayaan kepada mereka. Justeru itu, cadangan kita untuk memberikan mesin penebang pokok dan juga kerepek pisang.

Jadi soalan tambahan saya sekarang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kerajaan berpuas hati dengan program 1AZAM ini? Berapakah jumlah peratus atau jumlah angka 1AZAM yang telah berjaya diberikan peluang khususnya di kawasan luar bandar?

Soalan kedua, apakah kaedah pemilihan untuk memastikan mereka ini berjaya dalam program ini? Ini agak penting kerana kita hendak tahu bagaimana pemantauan ini sedang dilakukan. Sekali lagi sebagai Ahli Parlimen Baling, saya ucapkan terima kasih kerana pemberian yang diberikan setakat ini sudah melebihi 300 orang. 50 orang setiap kali diberi bantuan ini dan saya harap dapat dilaksanakan dan diperkasakan lebih luas lagi sebab inilah satu-satu kaedah atau cara untuk kita benar-benar membantu masyarakat di luar bandar dalam konteks sosioekonomi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat adinda daripada Baling. Tidak dapat dinafikan bahawa 1AZAM adalah satu program yang cukup bermanfaat untuk rakyat kita termasuklah yang berada di luar bandar. Kita berterima kasihlah kerana Yang Berhormat Baling sama-sama memberikan penghormatan kepada program ini.

Bagi pihak kementerian kita tidak ada masalah walaupun kita sudah ada 20 pakej Azam Niaga yang ditawarkan kepada peserta kita tetapi kita tidak ada masalah untuk menambah lagi pakej-pakej ini supaya ia selaras dan sesuai dengan kehendak peserta kita dan rakyat yang memerlukan. Jadi kerepek pisang dan juga mesin untuk menebang pokok semua ini boleh kita masukkan.

**■1010**

Yang Berhormat boleh beritahu kita, apakah lagi pakej-pakej yang diperlukan. Bagi soalan yang seterusnya, berkenaan dengan bilangan ataupun peratusan persatuan kita di luar bandar. Daripada bilangan yang ada pada kita pagi ini kita dapat bahawa 54% daripada peserta kita ialah datang daripada kawasan luar bandar. Untuk memastikan Program **1Azam** ini benar-benar berkesan dan berjaya untuk membantu kumpulan sasar kita, kementerian sentiasa menambah baik kaedah dan proses kita.

Pertamanya, dengan kita mengenal pasti peserta kita ini yang benar-benar berminat dan ingin untuk capai kejayaan. Oleh kerana itu mereka akan dikenal pasti dahulu di kawasan-kawasan yang terlibat kemudian diadakan temu duga. Pegawai kita akan turun untuk menemu duga setiap seorang daripada pemohon ini.

Setelah pemohon ini dikenal pasti dan berjaya, maka mereka seterusnya akan diberi Kursus Kewangan supaya mereka dapat memulakan perniagaan mereka dengan baik lagi. Ini kerana kalau tanpa kursus ini nanti apabila mereka mula bermula, mereka tidak boleh menjalankan perniagaan dengan baik.

Ketiganya, setelah itu kita akan mengadakan pemantauan. Setelah kita berikan barang ini, kita akan pantau pula mereka untuk selama setahun. Tiga kali dalam tahun itu kita akan pantau mereka bagi memastikan perniagaan sudah dimulakan, barang yang diberikan itu berkesan untuk membantu mereka dan seterusnya. mereka telah dapat memulakan perniagaan dengan berjaya sekali.

Selain daripada itu, kita juga ada lagi satu sistem untuk memantau dan sistem pelaporan yang dibuat dalam Mesyuarat *Delivery Task Force* (DTF), dengan izin, yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Inilah menunjukkan bahawa kerajaan ini amat-amat serius sekali terhadap pelaksanaan Program **1Azam** ini dan pencapaian untuk rakyat kita yang menyertainya. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah saya mengucapkan tahniah di atas inisiatif yang telah dibuat oleh kerajaan untuk menambahkan pendapatan golongan keluarga yang kurang berada ini.

Soalan saya ialah daripada jumlah yang kita telah beri bantuan, setakat ini berapa peratus yang betul-betul mencapai objektifnya iaitu dapat mengeluarkan mereka daripada kepompong taraf hidup di bawah paras kemiskinan. Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh pihak kerajaan dalam melaksanakan projek ini. Satu lagi ialah dari sudut pembahagian projek ini ke kawasan ataupun Parlimen yang diwakili oleh kami Pakatan Rakyat. Sejauh mana dan berapakah yang terlibat? Saya bimbang, pengalaman yang lepas-lepas, kebanyakannya hanya tertumpu kepada Parlimen yang diwakili oleh wakil kerajaan sahaja. Minta penjelasan.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Rantau Panjang. Kita ucap terima kasih juga kerana telah mengiktiraf bahawa program ini adalah program yang baik untuk rakyat kita termasuk yang berada di luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, daripada penyertaan seramai 132,511 orang daripada tahun 2010 hingga 31 Ogos 2013, berdasarkan pemantauan yang telah dilaksanakan ke atas 20,808 orang peserta 1Azam bermula daripada bulan Januari hingga Disember 2012, seramai 11,694 orang peserta program ini telah berjaya meningkatkan pendapatan keluarga mereka hingga melepas paras garis kemiskinan. Manakala seramai 7,936 orang peserta telah berjaya menjana pendapatan tambahan keluarga melebihi RM200. Manakala bagi pemantauan bagi tahun 2013 sehingga bulan Ogos, seramai 8,961 orang peserta telah berjaya menjana pendapatan tambahan keluarga melebihi RM300 sebulan.

Yang Berhormat berkenaan dengan soalan, apakah cabaran utama kita. Cabaran kita tentulah pertamanya, untuk merubah sikap, merubah mentaliti rakyat kita supaya mereka benar-benar mahu keluar daripada kepompong kemiskinan. Ini adalah cabaran yang amat tinggi sekali. Namun, kita menerimanya dengan baik.

Oleh sebab itu kita kali ini telah memperkenalkan kaedah dengan betul-betul mengenal pasti mereka berminat untuk kita bantu dan juga memberikan kursus kepada mereka. Seterusnya, memantau selama setahun. Kita ada juga cabaran, kadang-kadang barang itu tidak mencapai kehendak mereka. Ini juga telah kita kenal pasti dan kita menambah baik. Sebagai contohnya, kadang-kadang barang itu yang mereka perlukan bukanlah barang yang terlalu besar. Kadang-kadang mereka memerlukan kuasa elektrik sampai tiga fasa, sedangkan mereka orang miskin, rumahnya pun tidak ada kuasa elektrik sedemikian. Ini juga telah kita kenal pasti dan kita perbaiki lagi *insya-Allah*.

Seterusnya, berkaitan dengan adakah kita memilih sahaja kawasan-kawasan Parlimen tertentu, tidak. Sebenarnya kita bagi kepada semua kawasan mengikut keperluan dan senarai ada di dalam e-Kasih. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini hal keluarga Yang Berhormat Pokok Sena. Jadi, Yang Berhormat Kalabakan mesti ada.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita mengiktiraf bahawa Program 1Azam ini satu bantuan yang cemerlang. Ini memang kita ucapkan tahniah kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi 1Azam ini seperti Yang Berhormat Baling katakan, tidak mencukupi. Jadi, persoalan saya kalau tidak dapat 1Azam, kerana di Sabah banyak orang-orang miskin di luar bandar, ibu tunggal dan OKU. Mereka ini mahu bantuan. Bolehkah kementerian mempertimbangkan mereka ini dapat bantuan kebijakan setiap bulan kerana sekarang di Sabah tidak ada tambahan. Kalau boleh

daripada Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat di Persekutuan ini kalau boleh atau tidak boleh, dapat bantuan-bantuan. Kalau boleh, kita boleh senaraikan dan hantar kepada timbalan menteri, terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih kepada kakanda saya. Kita semua dalam satu keluarga, *alhamdulillah*. Yang Berhormat, kita sentiasa prihatin sebagai kementerian yang menjaga kebajikan, kita sentiasa prihatin. Kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk membantu rakyat yang memerlukan. Ada juga di kalangan Orang Kurang Upaya, ibu tunggal ini memang juga mendapat bantuan melalui Program 1Azam ini.

Bagi Sabah dan Sarawak pula, Program 1Azam ini dijalankan sendiri oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui bantuan dan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Tidak boleh kita katakan bahawa Sabah ketinggalan. Sebenarnya memang ada dan saya ada senarai di sini berapa bilangan yang telah menerima bantuan. Untuk 1Azam Sabah sahaja, bumiputera 23,246 orang. Jumlah sekali gus 26,631 orang semuanya telah menerima.

Untuk bantuan kebajikan itu, *insya-Allah* OKU, ibu tunggal dan macam-macam program yang kita ada di bawah kementerian, Yang Berhormat Kalabakan, kita boleh memberikan pertimbangan. Tidak ada masalah untuk memberikan nama-nama ini asalkan mereka memang layak dan mengikut kriteria yang telah ditetapkan, kita boleh membantu *insya-Allah*. Terima kasih.

2. **Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, kekuatan Malaysia mendapat kedudukan ke-24 *World Economic Forum* (WEF) dan langkah-langkah untuk menangani kelemahan negara dalam persaingan antarabangsa.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Selayang. Tuan Yang di-Pertua, saya perlu membaca berhati-hati dan perlahan sedikit. Tidak berapa panjang kerana data yang dikutip oleh WEF dalam peruntukan *ranking* kita, 70% daripada data persepsi, 30% daripada data statistik. Jadi, saya perlu berhati-hati, minta maaf.

## ■1020

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan *Global Competitiveness Report 2013-2014* (GCR) telah menempatkan Malaysia di kedudukan ke-24 daripada 148 negara yang mana secara keseluruhannya Malaysia berada di kalangan 20% negara paling berdaya saing di peringkat global. Di kalangan negara-negara ASEAN, Malaysia berada di tempat kedua selepas Singapura.

Malaysia kekal berada di tahap peralihan dari tahap pembangunan yang didorong oleh kecekapan ke arah tahap pembangunan yang didorong oleh inovasi dengan peningkatan KDNK per kapita kepada USD10,304 pada tahun 2012 berbanding USD9,700 pada tahun sebelumnya. Kelebihan ketara bagi Malaysia ialah pasaran barang dan perkhidmatan yang cekap dan berdaya saing iaitu yang kesepuluh. Pasaran kewangan yang maju dan kukuh, keenam, dan kerangka institusi yang mesra perniagaan, ke-29.

WEF turut memberi penilaian bahawa Malaysia berada di kedudukan yang membanggakan berkaitan beban peraturan kerajaan iaitu di tempat yang kelapan dan mencapai kedudukan memuaskan bagi indeks etika dan rasuah di tempat yang ke-33. Malaysia turut berada di kedudukan ke-15 bagi kualiti infrastruktur pengangkutan, mencatatkan satu pencapaian membanggakan bagi negara di rantau ini di mana kekurangan infrastruktur dan kesaling hubungan yang lemah merupakan halangan besar dalam proses pembangunan di kebanyakan negara.

Menjawab soalan tersebut, di antara kriteria-kriteria yang berada di kedudukan kesepuluh teratas adalah indeks hak perundangan yang mengukur sejauh mana perlindungan terhadap peminjam dan memberi pinjaman juga kekal di kedudukan yang pertama. Dua kriteria berasaskan persepsi yang berada di kedudukan kedua ialah upah dan produktiviti serta kos pertanian. Seterusnya, kekuatan perlindungan ke atas pelabur dan perolehan kerajaan bagi barang berteknologi maju kekal di kedudukan keempat.

Walau bagaimanapun, ini kita terima realitinya Tuan Yang di-Pertua, kesetiaan teknologi pada kedudukan ke-51 adalah teras yang perlu diberi penekanan berterusan. Antara kriteria yang memerlukan penambahbaikan adalah langganan jalur lebar mudah alih bagi setiap 100 penduduk yang sekarang ini kita ke-79, lebar jalur *internet* antarabangsa ke-77 dan langganan *internet* jalur lebar talian tetap bagi setiap 100 penduduk ke-66.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah untuk menangani kelemahan negara dalam persaingan antarabangsa ialah:

- (i) Mewujudkan persekitaran yang dapat memupuk inovasi melalui kerjasama dan secara khususnya membangunkan sistem pendidikan yang dapat memenuhi keperluan industri dan menggalakkan penerapan teknologi sebagai persediaan ke arah negara berpendapatan tinggi;
- (ii) meneruskan usaha dalam pembaharuan sektor dan struktur dan pelaburan penting yang diperlukan untuk memastikan persekitaran yang makmur dan peluang pekerjaan untuk rakyat seiring dengan Program Transformasi bagi mendorong pertumbuhan ekonomi;
- (iii) mempergiatkan usaha-usaha penyebaran maklumat daya saing dan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan kepada sektor awam, swasta dan masyarakat umum; dan
- (iv) penglibatan secara berterusan dengan agensi penarafan antarabangsa dengan meningkatkan kerjasama strategik antara agensi pembekal iaitu pembekal data tempatan serta agensi antarabangsa seperti ILO, UNESCO, ITU, INSIT dan WHO bagi memastikan data yang dibekalkan adalah tepat dan menggambarkan keadaan yang sebenar.

Sekian, terima kasih.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan atas penambahbaikan kedudukan ke-24 dalam

*Global Competitive Report 2013* yang diterbitkan oleh *World Economic Forum* yang meliputi 148 negara. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kelebihan yang paling ketara adalah kedudukan kesepuluh untuk pasaran barang dan perkhidmatan; kedudukan keenam bagi pasaran kewangan yang maju dan kukuh; dan rangka institusi yang mesra perniagaan yang mendapat kedudukan yang ke-29.

Akan tetapi, kita juga ada kelemahan dan kita hendak mengadakan program untuk membaikkan kelemahan ini. Selain daripada kesediaan teknologi yang masih konsisten rendah yang mendapat kedudukan ke-51, penyertaan wanita dalam tenaga kerja juga mengadakan kedudukan yang rendah iaitu ke-122.

Mengikut Laporan Bank Dunia yang diterbitkan pada November 2012, sehingga 2011, penyertaan wanita dalam tenaga kerja adalah hanya 47.9%, di bawah kadar purata Asia Timur dan Pasifik. Mengikut Bank Dunia ya. Produktiviti negara pula bertambah 23% jika kumpulan wanita yang berbakat dapat menyertai dalam tenaga kerja.

Tadi jawapan untuk soalan nombor satu, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kita mengadakan Program 1Azam. Saya meminta Timbalan Menteri, adakah program untuk menangani kelemahan penyertaan wanita dalam tenaga kerja supaya mereka digalakkan untuk mengadakan jawatan yang tinggi dan juga masalah mereka untuk keluar daripada rumah tangga untuk menyertai tenaga kerja? Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Selayang, rakan saya di PAC penggal yang lepas. Terima kasih atas ucapan tahniah. Kita terima hakikat bahawa kita meningkat dari segi WEF indeks daripada 25 ke 24.

Tentang wanita, semalam panjang lebar diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan. Panjang lebar. Maknanya ada progress yang mampan untuk meningkatkan taraf wanita khususnya dari segi jawatan, kerajaan dan sebagainya.

Mula-mula saya sebut tadi, data ini adalah data yang dikutip berdasarkan kepada 70% data persepsi, 30% data statistik. Ada satu lompong kita panggil di mana banyak data yang tidak dikutip secara terperinci yang boleh memenuhi atau memperbaiki indeks tersebut.

Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, pihak MITI sentiasa meningkatkan kerjasama dengan agensi penarafan antarabangsa supaya data-data itu akan memberi gambaran sebenar kepada situasi, prestasi khususnya wanita dan juga sektor lain seperti yang dimaksudkan tadi. Ini kerana kita sedia maklum bahawa ramai juga di kalangan kaum wanita bekerja tetapi terlepas daripada kutipan data tersebut kerana tidak ada ruang untuk meletakkan bahawa data mereka bekerja ini dalam kutipan data. Oleh sebab itu kita terus bekerjasama dengan mereka supaya kutipan itu benar-benar merangkumi semua.

Umpamanya, wanita di Kelantan misalnya, ramai yang bermiaga, ramai yang bekerja tetapi mereka bekerja sambilan dengan berpendapatan tinggi. Berniaga di pasar Kota Bharu, Pasar Siti Khadijah dan sebagainya. Itu semua tidak dikutip. Terbaru Yang Berhormat Selayang, ialah ramai juga kaum wanita yang bermiaga menggunakan e-business. Kesemua ini Tuan Yang di-Pertua,

tidak termasuk dalam kutipan data tersebut. Oleh sebab itu MITI dan sebuah agensi lain termasuk Kementerian Wanita akan bekerjasama dengan agensi penarafan supaya data-data itu akan dapat memberikan gambaran yang tepat pada situasi dalam Malaysia. Sekian, terima kasih.

■1030

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Majigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar begitu teliti jawapan Menteri soal langkah-langkah untuk menaik taraf ekonomi rakyat kita. Memang kita sedar bahawa Malaysia adalah satu negara yang bertekad untuk mencapai hasrat dan agenda kerajaan iaitu sebuah negara yang maju dan rakyatnya berpendapatan tinggi. Kita melihat bahawa Malaysia adalah antara negara yang paling berkembang iaitu *the highest place developing Asian economy*. Itu kita sedar. Apabila kita melihat langkah-langkah yang kita akan laksanakan melalui agensi-agensi kerajaan ini. Maka kita mendapati bahawa rakyat kita, walaupun kita ada berhubung dengan ketua-ketua komuniti kita, kita melihat bahawa segelintir rakyat kita terutama sekali Sabah dan Sarawak ini seolah-olah terlepas pandang.

Adakah kementerian sedar ataupun tidak bahawa kelemahan kita di sini adalah satu, yang betul-betul kita kenal adalah sistem penyampaian kita. Jadi, soalan saya di sini bagaimanakah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ini dapat membuat satu penyelaras dengan agensi-agensi yang lain terutama sekali Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah misalnya. Untuk memperkasakan industri-industri ataupun pengeluaran-pengeluaran di peringkat-peringkat kampung ataupun di peringkat luar bandar. Adakah MITI juga berhubung dengan agensi-agensi ataupun GLC, syarikat-syarikat swasta untuk membantu rakyat kita? Jangan semata-mata apabila kita melihat kita ada *comfortable* sedikit, kita naik tarif elektrik sampai lima sen seunit di Sabah. Kenapa tidak kasi naik 20 sen terus? Itu soalan [*Tepuk*]

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Putatan. Dia hujung-hujung pergi ke kementerian lain tetapi saya hendak sebut satu perkara sahaja yang berkaitan dengan perkara asal iaitu sudah tentulah MITI akan terus mendapatkan kerjasama daripada semua kementerian dalam menarik pelabur, meningkatkan perdagangan, promosi dan sebagainya di seluruh negara. MITI tidak sesekali dan tidak pernah meninggalkan mana-mana negeri dalam Malaysia termasuklah Sabah dan Sarawak. Saya sendiri telah pun hadir di Kota Kinabalu atas urusan MITI. Saya lihat rakyat Sabah juga sangat bersemangat dalam menyertai bidang keusahawanan dan usaha untuk meningkatkan produk yang banyak di Sabah. Ertinya Sabah tidak tertinggal dan kita akan terus bekerjasama dengan semua pihak.

Apa-apa input yang patut MITI beri kepada semua kementerian termasuklah yang berkaitan dengan elektrik tersebut. Sudah tentulah mengambil kira semua faktor yang sudah tentu memberi kebaikan ekonomi negara Malaysia untuk jangka masa panjang secara keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kehadiran Ahli Jawatankuasa Masjid Al-Akram, Datuk Keramat, Parlimen Titiwangsa [*Tepuk*]

3. **Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah tindakan bagi mengekang penularan penggunaan papan iklan dalam bahasa asing selain Bahasa Melayu dan Inggeris yang dilihat semakin berleluasa terutamanya di Jalan Silang, Jalan Chow Kit, Lebuh Pudu dan Jalan Ampang.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Titiwangsa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan beberapa siri operasi bagi mengambil tindakan menurunkan iklan di premis perniagaan di Jalan Silang, Lebuh Pudu dan Jalan Tun Tan Siew Sin di atas kesalahan perkataan-perkataan dan huruf-huruf dalam Bahasa Malaysia tidak diberikan keutamaan di dalam iklan yang dipasang di premis perniagaan di lokasi di atas. Tindakan mengeluarkan notis kesalahan juga dilaksanakan selaras dengan Undang-undang Kecil Iklan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1982.

Berdasarkan kepada empat siri operasi yang dijalankan DBKL telah pun menurunkan sebanyak 77 unit iklan di premis perniagaan di lokasi di atas yang terdiri daripada pelbagai saiz. Tindakan ini akan diteruskan di lain-lain kawasan termasuk di Jalan Chow Kit dan Jalan Ampang dan tindakan ini tidak hanya tertumpu pada iklan yang mengutamakan bahasa Myanmar atau Nepal. Malahan kepada lain-lain iklan yang tidak mengutamakan Bahasa Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekali pandang macam *Chairman Tabung Haji* [*Ketawa*]

*Yang loren itu kendi,  
Yang merah itu saga,  
Yang baik itu budi,  
Yang indah itu bahasa.*

Ini melambangkan kekuatan Bahasa Melayu itu sendiri selaras yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia. Yang Berhormat Menteri kalau kita lihat di Korea, Jepun, Taiwan, Thailand dan Indonesia apabila kita pergi negara-negara ini kita dapat merasakan bahawa kita berada di Korea ataupun kita berada di Jepun atau kita berada di Taiwan, Thailand dan juga Indonesia. Ini kerana kalau kita lihat papan tanda-papan tanda ini melambangkan negara tersebut.

Jadi, saya ingin bertanya banyak kali kalau kita lihat kadang-kadang papan tanda ini meminggirkan ataupun mencemari Bahasa Melayu kita. Penggunaan bahasa-bahasa yang saya sebut tadi seperti bahasa Nepal, Myanmar, Vietnam, Bangladesh kadang-kadang banyak dalam bandar raya Kuala Lumpur ini. Bila saya bising baru mereka mengambil tindakan. Jadi, saya hendak tanya, mengapa ini boleh berlaku? Adakah kerana penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini tidak dijalankan secara berkala? Itu satu.

Kedua, apakah kompaun atau *fine* yang dikenakan kepada pemilik-pemilik premis ini adalah begitu rendah menyebabkan mereka tidak hirau dari segi soal *fine* ataupun bolehkah pihak DBKL apabila mereka ingin memperbaharui lesen-lesen ini mereka kena ada satu pra syarat mananya premis perniagaan yang melanggar Akta Iklan ini yang menggunakan bahasa Melayu maka lesen mereka ini tidak boleh diperbaharui. Jadi apa pandangan Timbalan Menteri?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa.

Untuk maklumat Yang Berhormat Titiwangsa, setakat hari inilah sebanyak 240 kali siri operasi penguatkuasaan telah dijalankan dan pemantauan dijalankan bagi setiap minggu. Ini bermaksud lebih kurang 20 kali penguatkuasaan dijalankan dalam sebulan. Bagi visual untuk meluluskan lesen iklan ini adalah dengan mendapat pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka. Untuk memastikan bahasa yang digunakan itu bahasa yang betul mereka kena dapat pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Walau bagaimanapun dengan syarat mereka- kalau melanggar papan iklan ini semasa ia tidak dibaharui. Saya terpaksa bagi jawapan secara bertulis kerana saya tidak ada jawapan tersebut. Berkenaan dengan denda pula. Dendanya maksimum RM2,000 dikenakan sekali. Kompaun sekali RM2,000 maksimum. So, inilah jawapan. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1040

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menyebut bahawa kerisauan kita bukan kerana penggunaan bahasa-bahasa asing sahaja tetapi Tuan Yang di-Pertua, penggunaan Bahasa Malaysia itu pun sendiri *suspect*, dengan izin. Ini kerana ejaannya, kerana- ialah ejaan yang pentingnya, nahunya. Oleh kerana kita tengok ada iklan-iklan, tidak semestinya *billboard* yang besar tetapi iklan-iklan kecil yang di tulis di sana, "*kincin vole, varak tak vole*" [*Dewan riuh*] Bahasa Malaysialah itu. Kemudian ada pula yang mengatakan, "*Bangla lot untuk dijual, 40,000*"... [*Disampuk*]. 40,000 itu sedikit ya.

Kita hendak tahu macam mana penguatkuasaan tentang salah ejaan ini dan saya merasakan tanda-tanda perniagaan tersebut mesti segera diturunkan oleh pihak berkuasa. Tidak perlulah menunggu Ahli-ahli Parlimen membuat bantahan. Akan tetapi ini yang kita tengok di mananya tempat, tanda-tanda ini kekal untuk masa yang lama sebelum diambil tindakan. Jadi, saya bertanya sama ada pihak berkuasa di DBKL ini mempunyai keupayaan untuk menurunkan tanda-tanda yang salah ejaan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai.

Untuk makluman, seperti saya maklum tadi, kita telah mengambil tindakan. Tiap-tiap bulan ada lebih kurang 20 operasi menurunkan papan iklan ini dijalankan dan pemantauan dijalankan setiap minggu. Ini keupayaan DBKL yang menentukan bahawa mereka tidak menyalahgunakan. Padahal ejaan dan perkara-perkara yang disebut dalam iklan ini, visual untuk mendapatkan

kelulusan dan pengesahan adalah daripada Dewan Bahasa dan Pustaka. Kalau ia memang berlesen secara sah, maka ia akan dipantau oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Cuma yang suka-suka, datang tulis sesuka hati macam *short*, dia buat macam SMS lah, “*Bangla lot for sale*”, itu semua itu macam SMS, yang mereka tulislah. Ini kita tidak boleh buat apa, yang boleh kita buat lakukan kita turunkan. Bila kita lihat, penguat kuasa turunkan iklan-iklan macam ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. **Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan ulasan berhubung *International Covenant on Civil & Political Rights* (IPPR).

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali ingin saya tekankan bahawa kerajaan sentiasa memandang serius tanggungjawabnya untuk melindungi hak asasi manusia semua rakyat Malaysia. Kesungguhan kerajaan dalam melindungi hak asasi manusia, rakyat Malaysia, tidak boleh dinilai hanya melalui kesertaan negara ke instrumen-instrumen hak asasi manusia di peringkat antarabangsa sahaja. Dalam kaitan ini, Kovenan Antarabangsa Berkenaan Hak-Hak Sivil Dan Politik, atau *International Covenant on Civil & Political Rights* (ICCPR) adalah salah satu daripada sembilan instrumen teras hak asasi manusia antarabangsa. Secara ringkas, ICCPR menetapkan piawaian antarabangsa bagi hak-hak sivil dan politik termasuk:

- (i) hak kepada nyawa, *rights to life*,
- (ii) hak kebebasan bersuara dan berpendapat, *rights to freedom of opinion and expression*,
- (iii) kebebasan pergerakan, *freedom of movement*, dan;
- (iv) hak berpersatuan dan berhimpun secara aman, *rights to freedom of assembly and association*, antara lainnya.

Sukacitanya, saya tekankan di sini bahawa Malaysia mengambil maklum semua hak-hak tersebut dan perkara ini jelas termaktub dalam bahagian dua, Perlembagaan Malaysia yang menggariskan ke semua hak-hak tersebut dan juga tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh semua pihak dalam melaksana atau pun menikmati hak-hak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Malaysia boleh menyertai mana-mana instrumen antarabangsa termasuk ICCPR, satu kajian menyeluruh dan terperinci perlu dilaksanakan bagi memastikan semua peruntukan instrumen berkenaan boleh dilaksanakan melalui rangka perundangan negara seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Proses kajian sedemikian adalah penting untuk memastikan supaya penyertaan Malaysia ke instrumen-instrumen tersebut akan membawa pulangan yang baik dan dapat memanfaatkan negara dan rakyat. Pada masa yang sama, kerajaan juga perlu memastikan sistem perundangan negara adalah selaras dengan artikel-artikel di dalam instrumen-instrumen antarabangsa berkenaan sebelum menyertai

instrumen-instrumen tersebut. Namun begitu, saya turut mahu menekankan bahawa kerajaan sentiasa prihatin dengan situasi dan hak sivil dan politik di Malaysia.

Oleh yang demikian, kerajaan telah pun mengambil pelbagai langkah yang selari dengan aspirasi dan prinsip-prinsip yang termaktub dalam ICCPR. Termasuk dari segi penambahbaikan perundangan dan dasar bagi memastikan bahawa rakyat dapat menikmati hak-hak sivil dan politik berlandaskan norma-norma peradaban serta budaya yang sesuai dengan masyarakat kita yang majmuk, berbilang kaum dan kepercayaan. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak merujuk kepada laporan NGO yang dipanggil Comango, yang mengambil tanggungjawab agak besar dalam isu ICCPR ini. Kalau kita lihat, ada beberapa perkara yang menimbulkan kontroversi di dalam Laporan Comango yang berkaitan dengan sensitiviti agama. Berkaitan dengan contohnya, penghapusan undang-undang syariah Islam, hak murtad untuk orang Islam dan sebagainya. Begitu juga kita lihat pada masa yang sama, ada juga isu-isu yang baik. Berkaitan dengan politik dan demokrasi yang boleh diambil kira.

Persoalan saya ialah pertamanya, sejauh mana kerajaan membawa isu-isu yang sensitif ini ke meja rundingan? Bersama pihak-pihak yang terbabit untuk diselesaikan dengan cara harmoni untuk kebaikan negara. Sejauh mana pula isu-isu politik, demokrasi diambil tanggungjawab oleh SUHAKAM? SUHAKAM telah buat siasatan berkaitan himpunan awam 28 April 2012 tetapi laporannya itu tidak didebatkan di Parlimen. Sejauh manakah kerajaan sendiri memberi tanggungjawab besar kepada SUHAKAM dalam perkara melibatkan politik dan demokrasi. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak jelaskan di sini, seperti yang saya sebut tadi bahawa segala kajian untuk kita menandatangani ICCPR ini perlu dibuat secara teliti. Yang Berhormat telah pun menyentuh bab yang sensitif tentang agama sebagai contoh. Banyak artikel di dalam ICCPR itu yang boleh menyebabkan rasa tidak senangnya di antara kaum dalam negara ini yang mempunyai bermacam-macam agama. Manakala dari segi isu hak kebebasan, juga dalam Perlembagaan kita ada menekankan beberapa rizab yang kita berikan. Contohnya, di Sabah dan di Sarawak. Jadi, banyak perkara-perkara ini yang seharusnya dikaji dengan secara teliti sebelum akhirnya kita boleh mengambil maklum dan menandatangani ICCPR tersebut. Manakala dalam bab SUHAKAM yang telah pun diberikan kepada kita, sama.

Oleh kerana banyak daripada artikel-artikel atau cadangan-cadangan yang telah pun dibangkitkan perlu dilihat dari segi keseluruhan mengikut perlembagaan yang kita buat selama ini. Sebagai contoh, banyak perkara yang kita ambil mempunyai *approach*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang kita buat menentukan supaya akhirnya kita dapat hidup dalam keadaan aman, sejahtera, tidak ada masalah, tidak mempunyai sifat ketidaksamaan di antara kaum yang ada dalam negara kita. Itu yang kita buat dahulu sebelum kita menandatangani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. **Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) usaha kementerian meningkatkan tahap profesionalisme di kalangan anggota tentera; dan
- (b) bentuk atau kerjasama ketenteraan dengan negara-negara jiran serta negara lain serta menjelaskan projek atau program yang dilaksanakan melalui pendekatan "*Blue Ocean Strategy*".

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan sentiasa menitik berat dan berusaha untuk mempertingkatkan tahap profesionalisme di kalangan anggota tentera Malaysia demi menjamin keutuhan dan melahirkan anggota tentera yang sangat profesional, berintegriti dan *versatile*. Di antara langkah-langkah yang diambil ke arah itu ialah:

- (i) melatih dan meningkatkan tahap ilmu pengetahuan berkaitan ilmu peperangan yang bersifat kontemporari dan moden sejajar dengan cabaran global semasa melalui pelbagai institusi seperti *Royal Military College, Staff College and Defense College* dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia bagi golongan pegawai.

#### ■1050

Manakala, anggota tentera lain-lain pangkat dilatih di Pusat Latihan Asas Tentera Darat. Bagi anggota tentera laut, mereka dilatih di Pusat Latihan KD Sultan Ismail dan bagi tentera udara, dilatih di Sekolah Tentera Udara Ipoh.

- (ii) mendedahkan anggota tentera dengan pelbagai *exercise* melalui pelbagai latihan dan operasi domestik mahupun *exercise* dua hala atau *bilateral* dan pelbagai hala dengan negara-negara sahabat.
- (iii) memperlengkapkan anggota tentera dengan persenjataan moden dan melatih mereka untuk menguasainya dengan baik untuk meningkatkan *superiority* dan kemahiran anggota tentera supaya ianya menjadi *forces* yang akan menjadi cegah rintang kepada musuh.

Bagi soalan (b), Angkatan Tentera Malaysia sememangnya aktif menjalankan kerjasama dengan negara jiran dan negara-negara lain melalui inisiatif. Pertama, pertukaran latihan atau *exchange of training* di kalangan anggota melalui maktab dan pusat-pusat latihan tentera masing-masing.

Yang kedua, mengadakan latihan dan operasi bersama anggota tentera jiran seperti operasi bersama Malaysia-Thailand melalui Ops Pagar dan Ops Merpati. Operasi bersama di sempadan Malaysia-Indonesia melalui Ops Jaga Kawan, Ops Keris Parang dan Ops Balasah. Manakala, wujud kerjasama *Eyes in the Sky* di antara Malaysia-Indonesia dan Singapura di Selat Melaka. Selain daripada itu, wujud juga kerjasama-kerjasama berbentuk latihan dengan negara-

negara jiran seperti negara-negara ASEAN, negara-negara anggota APDA dan juga negara-negara sahabat iaitu latihan yang berterusan diadakan setiap tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat juga berkaitan dengan program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Setakat ini NBOS hanyalah dilaksanakan di peringkat domestik melalui program rentas kementerian. Bermaksud menjimatkan kos pelaksanaan dengan menggunakan sumber-sumber sedia ada bagi meningkatkan hasil kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang baik yang disebut tadi. Saya ucapkan tahniah di atas keupayaan kerajaan dan kementerian melakukan pelbagai usaha dalam usaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme di kalangan anggota keselamatan kita.

Soalan tambahan saya. Pertama, apakah jenis dan berapakah jumlah *exercise bilateral* ataupun *multilateral* ketiga-tiga angkatan tentera kita ini, darat, udara dan laut. Dalam usaha untuk meningkatkan lagi tahap patriotisme mereka. Kita tahu bahawa dalam keadaan dunia yang sudah begitu berubah, dengan perubahan teknologi, tahap keselamatan perlu ditingkatkan. Apakah pihak kerajaan dan kementerian berpuas hati dengan kerjasama yang dijalankan oleh kementerian atau angkatan tentera dengan negara-negara jiran kita sebagaimana yang disebut tadi. Ini kerana ancaman kepada tahap keselamatan negara hari ini telah berubah dan lebih mencabar pada masa akan datang, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini pada tahun 2013 kita telah mengadakan 29 *exercise bilateral* di antara negara Malaysia dengan negara-negara sahabat dan sembilan *exercise multilateral* ataupun *exercise pelbagai hala* yang melibatkan negara-negara jiran seperti negara-negara ASEAN, anggota *Five Powers Defence Arrangement* (APDA), negara-negara sahabat yang lain seperti France, Amerika dan Pakistan.

Untuk makluman Yang Berhormat, objektif *exercise* ini adalah untuk memperkuuhkan dan mengeratkan lagi hubungan angkatan negara dengan negara-negara luar, mempertingkatkan lagi tahap kemahiran dan profesionalisme di kalangan pegawai dan anggota. Ketiga, menguji dan menilai tahap keberkesanan prosedur dan doktrin serta keupayaan persenjataan dan peralatan logistik. Keempat, mewujudkan konsep *interoperability* dan meningkatkan kemampuan bekerjasama yang berkesan. Kelima, *meningkatkan* persefahaman dan peluang berinteraksi serta pertukaran pendapat.

Berkaitan sama ada kita berpuas hati atau tidak dengan latihan-latihan ini. Saya ingin menyatakan di sini bahawa setakat ini kerajaan berpuas hati dengan latihan-latihan yang dilaksanakan dengan negara-negara jiran dengan melihat kepada cabaran semasa yang semakin *complicated* berkaitan dengan berlakunya *transborder crime* dan juga ancaman-ancaman *terrorism* yang sentiasa melanda di wilayah ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sama ada kementerian mempunyai hak campur tangan dalam kurikulum ataupun pelantikan pensyarah dalam Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap Dr. Riduan Tee yang telah pun kita ada bukti plagiat yang artikel dari pensyarah yang lain dalam kertas kerja kursusnya. Beliau juga mengajar teknik *ethnic cleansing* kepada pelajar dalam kursusnya dan juga memberi pengajaran yang melanggar dengan etika undang-undang pertahanan, *military*. Kita tahu Universiti Pertahanan Nasional Malaysia adalah melatih pakar tentera dan *general* untuk negara kita. Jadi, kalau sekira berlakunya pensyarah macam ini yang mungkin akan memberi pengajaran yang menyeleweng kepada pelajar kita, apakah pendirian Kementerian Pertahanan?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang kita tahu bahawa Universiti Pertahanan Malaysia adalah ditubuhkan sebagai sebuah institusi bukan sahaja untuk melatih anggota tentera tetapi juga orang awam yang ingin mengikuti kursus-kursus bahagian ketenteraan. Sebahagian daripada mereka ini akhirnya akan berkhidmat dengan anggota tentera. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia ini adalah merupakan satu institusi universiti butik yang diwujudkan bagi maksud-maksud membuat kajian dan juga pengajaran berkaitan dengan pertahanan dan keselamatan.

Berkaitan dengan dakwaan Yang Berhormat mengatakan bahawa ada pensyarah-pensyarah yang mengajar berkaitan dengan isu-isu *ethnic cleansing*, saya tidak mempunyai apa-apa maklumat berkaitan dengan ini. Akan tetapi kita harus berlaku adil kepada mereka sama ada pengajaran tersebut adalah dibuat bertujuan untuk maksud itu ataupun hanya untuk mendedahkan fakta-fakta tertentu yang perlu diketahui oleh pelajar-pelajar. Jadi, kita harus berlaku adil terhadap dakwaan-dakwaan tersebut. Ini kerana setahu saya semua pensyarah universiti yang kita *recruit* dalam universiti ini adalah mereka-mereka yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang mencukupi. Kalau mereka mendedahkan sesuatu perkara itu berasaskan kepada fakta-fakta, ianya saya fikir bukanlah merupakan bentuk hasutan. Jadi, kita akan menyiasat perkara ini kalau jika ada tetapi saya akan memaklumkan sekiranya perlu pada masa akan datang. Terima kasih

**6. Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah penceن warga Telekom Malaysia (TM) yang sekarang bernilai RM250 akan dinaikkan ke sekurang-kurangnya RM820.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: ...**

*Speaker Negara bertemu dalam NAM;*

*Dewan selesai selepas jam 6;*

*Orang Titiwangsa kurus kuat bersenam;*

*Saya jawab soalan nombor 6.*

Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, sering kali dalam kehidupan, semasa bekerja sering dikenang. Akan tetapi apabila kita pencer, jarang diperhatikan orang. Jadi, belajarlah jadi orang

yang bersyukur dan sentiasa berterima kasih kepada orang yang telah memberi khidmat yang cemerlang. Adalah tidak adil untuk komen bekas menteri wanita pada hari semalam.

**■1100**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran pencek minimum RM820 sebulan adalah untuk pesara perkhidmatan awam yang mempunyai tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira sekurang-kurangnya 25 tahun. Mengikut formula pengiraan pencek di bawah Undang-undang Pencen, jumlah pencek pesara yang rendah adalah disebabkan tempoh perkhidmatan yang singkat serta gaji akhir yang kecil.

Bagi pesara yang terlibat dengan penswastaan Telekom Malaysia dan diserapkan ke syarikat, mereka telah diberi opsyen sewaktu penswastaan sama ada:

- (i) memilih skim ala kerajaan yang mana tempoh dan gaji akhir semasa berkhidmat dengan kerajaan dan syarikat diambil kira bagi tujuan pengiraan pencek dan ganjaran; atau
- (ii) memilih skim syarikat yang menawarkan skim gaji serta faedah yang lebih lumayan tetapi tempoh dan gaji akhir sewaktu berkhidmat dengan syarikat tidak diambil kira bagi tujuan pengiraan pencek dan ganjaran.

Sepanjang berkhidmat dengan syarikat di bawah skim syarikat, majikan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk faedah selepas bersara. Bagi pesara Telekom Malaysia memilih skim ala kerajaan, mereka memperoleh faedah persaraan yang meliputi pencek bulanan, ganjaran dan wang tunai gantian cuti rehat berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan dengan kerajaan serta syarikat dengan perkiraan berdasarkan gaji akhir skim gaji sektor awam.

Bagi pesara yang memilih skim syarikat pula, mereka mempunyai dua faedah iaitu faedah persaraan skim kerajaan berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan dengan kerajaan dan faedah KWSP berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan dengan syarikat. Dari segi pendapatan, mereka yang mendapat pencek kecil akan mendapat jumlah caruman KWSP yang lebih besar semasa persaraan mereka. Ini kerana perkhidmatan mereka semasa dalam kerajaan adalah pendek dan semasa dalam syarikat adalah lebih panjang. Mereka yang memilih skim syarikat akan dibayar ganjaran dan pencek apabila mencapai umur 45 tahun bagi wanita dan 50 tahun bagi lelaki. Manakala mereka yang memilih skim ala kerajaan hanya akan dibayar ganjaran dan pencek pada umur persaraan.

Buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk menaikkan pencek golongan yang memilih skim syarikat kepada pencek minimum RM820 sebulan bagi mereka yang berkhidmat kurang daripada 25 tahun dengan kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan terbuka terhadap kajian semula semakan pencek di masa akan datang.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan Yang Berhormat Menteri nampaknya tidak dapat menggembirakan lebih kurang 20,000 orang penerima pencek Telekom Malaysia iaitu penerima pencek paksa sebanyak RM250 sebulan sahaja. Yang Berhormat

Menteri, lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang. Dahulu tahun 1982, nilai mata wang kita boleh dipertahankan tetapi sekarang makin merudum.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah hasrat kerajaan untuk meneliti semula. Kalau tidak boleh beri RM820 sebulan, RM500 sebulan pun jadilah. Boleh lepas duit api, duit air dan duit minyak. Bolehkah kerajaan memikirkan permohonan daripada pesara Telekom Malaysia yang menerima RM250 sebulan ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya jawab tadi bahawa kerajaan terbuka kepada apa-apa *review* berhubung dengan pencen ini tetapi Yang Berhormat kena sedar, kalau sekiranya kita berbuat sedemikian kita juga kena mengambil kira bahawa semasa dia pencen, dia kerja pendek dengan kerajaan, pencennya hanya RM250 tetapi bila dia bekerja dengan syarikat dia dapat gaji. Contohnya ada satu syarikat yang diswastakan, dia dapat gaji tiga *increment*. Saya tidak pasti sama ada tiga *increment* ataupun tiga kali gaji yang terakhir kalau dia kerja dengan swasta dan semasa dia kerja dengan swasta, dia dapat KWSP yang lebih banyak daripada orang yang menerima pencen. Dia dapat lebih ini, banyak tetapi manusia ini, duit yang begitu banyak itu sering kali di belanja dengan cepat sehingga tidak dapat menampung kadar pencen yang kecil tadi.

Jadi kalau sekiranya kita hendak ambil kira itu, kita kena ambil kira orang yang masuk dengan syarikat juga sebab mereka juga masuk dengan syarikat mereka hanya dapat KWSP. Akan tetapi KWSP yang mereka dapat sering kali bagi mereka yang pencen semasa penswastaan dahulu, KWSP itu kalau dikira dengan gaji yang terakhir kalau dalam kerajaan ia boleh bertahan sampai 30 tahun. Kami kira secara ringkas, 30 tahun kalau dikeluarkan duit katakanlah RM1,000 sebulan dia boleh bertahan macam itu. Itu sebab KWSP ini ganjarannya cukup tinggi dan kalau orang yang tahu berhemat sudah pasti dari segi sumber kewangan dia akan dapat lebih.

Akan tetapi bagi pencen Telekom Malaysia ini walaupun ia RM250 tetapi dia menerima kenaikan 2% tiap-tiap tahun dan sudah pasti kenaikan tersebut kalau kita lihat sudah bukan RM250 lagi. Jadi kena kira balik Yang Berhormat dengan mereka. Mereka ada berapa sekarang berdasarkan kenaikan 2% yang diberi oleh pihak kerajaan.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional dalam pembentangan bajet bekas-bekas ataupun pesara-pesara tetap mendapat imbuhan. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, pesara-pesara yang dinamakan mendapat Pencen Terbitan ini mendapat juga imbuhan kah? Dalam masa yang sama, ada beberapa kenalan telah meminta bertanya kepada pihak kerajaan, suami-suami yang kematian isteri yang sudah bekerja mendapat Pencen Terbitan tetapi apabila anak-anak mereka telah mencapai umur 21 tahun, Pencen Terbitan tersebut tidak boleh dapat pada suami tetapi pada keadaan yang macam ini, apakah suami-suami boleh mendapat terus Pencen Terbitan tersebut? Minta pihak kerajaan jelaskan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ia melibatkan suami, jadi saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat. Akan tetapi kalau berdasarkan pada

isteri senang sebab kita masih hidup ini menerimanya. Akan tetapi baru-baru ini kerajaan telah umumkan satu benda yang cukup baik bagi isteri yang suami meninggal, dia dapat penceن tetapi dia berkahwin pun dia masih dapat penceن. Dahulu dia berkahwin dia tidak dapat penceن. Kira sesuatu yang merugikanlah. Sekarang ini dia dapat penceن dan ada kes yang sekarang ini sedang ditanya kepada saya yang saya akan tanya pada JPA, kawan ini dia dapat penceن berkahwin dengan suami yang pertama meninggal dunia. Suami yang kedua pun meninggal dunia dan suami yang ketiga sekarang pun sudah meninggal. Jadi apakah dia layak mendapat tiga penceن sebab dia berkahwin dengan suami yang berlainan? Itu kita akan jawab bertulis, ya.

Penceن Terbitan Yang Berhormat adalah penceن penuh dengan kenaikan 2%. Suami dapat penuh seperti kelayakan isteri. Terima kasih.

7. **Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah hubungan kementerian dan persatuan sukan induk dalam negara berada dalam keadaan harmonis. Terdapat sesetengah persatuan sukan lebih gemar mempolitikkan persatuan daripada memberi tumpuan kepada aktiviti pembangunan sukan dan pencapaian cemerlang atlet. Apakah kriteria yang digunakan bagi menghulurkan bantuan kewangan kepada persatuan sukan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sememangnya telah dan sentiasa berusaha mewujudkan hubungan yang baik dengan semua badan sukan di negara. Ini bagi memastikan pembangunan sukan negara dilaksanakan secara menyeluruh, berkesan dan memberi impak yang positif kepada masyarakat dan negara amnya.

Hubungan positif antara kementerian dan badan-badan sukan tersebut dapat direalisasikan melalui kerjasama dan penglibatan bersama antara kerajaan dan badan-badan sukan dalam merancang program-program latihan dan pertandingan atlet-atlet negara baik di peringkat kebangsaan maupun di peringkat negeri. Penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa kerja di antara kerajaan dan badan-badan sukan merupakan platform yang berkesan dalam membantu mengembangkan potensi bakat-bakat atlet negara dalam bidang sukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memastikan persatuan sukan berada di tahap yang cemerlang dari aspek tadbir urusnya, kementerian sentiasa menegur mana-mana badan sukan yang tidak menunjukkan prestasi yang membanggakan memandangkan pelaburan dari segi kewangan yang telah diberikan kepada badan induk sukan berkenaan.

#### ■1110

Ini tidak bermakna, teguran yang dibuat dianggap telah mewujudkan keadaan yang tidak harmoni di antara pihak kementerian dengan pihak badan-badan sukan berkenaan.

Kementerian sentiasa berusaha membantu menangani isu-isu remeh badan-badan sukan yang kadangkala boleh menjelaskan prestasi atlet sukan itu sendiri. Ada kalanya tindakan tegas terpaksa diambil terhadap badan-badan sukan yang mengalami konflik dalaman yang

berpanjangan. Seperti menggantung atau membatalkan badan-badan sukan berkenaan selaras dengan seksyen 20, Akta Pembangunan Sukan 1957.

Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara bertanggungjawab untuk membantu persatuan-persatuan sukan kebangsaan dalam melaksanakan program-program pembangunan sukan bagi memajukan sukan negara.

Sukan prestasi tinggi yang merupakan salah satu dari dua bidang utama yang digariskan dalam Dasar Sukan Negara memerlukan peruntukan kewangan yang besar untuk memajukan sukan tersebut ke arah meningkatkan imej negara melalui kecemerlangan sukan.

Justeru, pemberian peruntukan kepada persatuan sukan kebangsaan oleh Majlis Sukan Negara mengambil kira beberapa kriteria seperti berikut:

- (i) sukan-sukan dalam persediaan ke arah temasya sukan antarabangsa di peringkat Asia Tenggara, Komanwel, Asia dan Olimpik;
- (ii) keutamaan kepada sukan teras prestasi tinggi negara seperti mana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan;
- (iii) sukan-sukan yang disenaraikan di dalam program Majlis Sukan Negara sama ada di peringkat elit, pelapis atau pun Olimpik.
- (iv) sukan-sukan yang mempunyai pelan predesasi latihan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Program yang ditubuhkan oleh Majlis Sukan Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria yang digunakan bagi pemberian bantuan kewangan kepada NGO dan persatuan sukan adalah terbahagi kepada status persatuan dan jenis permohonan.

NGO yang layak diberi pertimbangan adalah badan sukan yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997, pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Akta Penubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, sekretariat Rakan Muda di institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) yang berdaftar dengan Jabatan Belia dan Sukan Negara, NGO-NGO yang ditubuhkan di bawah Akta Parliment dan bergabung dengan Majlis Belia Malaysia (MBM). Manakala permohonan yang layak dipertimbangkan adalah:

- (i) aktiviti yang dilaksanakan adalah selaras dengan Dasar Pembangunan Belia Negara atau Dasar Sukan Negara;
- (ii) aktiviti yang dilaksanakan adalah memberi impak positif kepada kumpulan sasar; dan
- (iii) aktiviti yang menggabungkan nilai-nilai integrasi dan perpaduan kaum; dan
- (iv) aktiviti-aktiviti yang berkonsepkan kepimpinan, jati diri, patriotisme, ketatanegaraan, kemahiran, keusahawanan, kesukarelawan dan kesukuanan.

Bantuan aktiviti yang dijalankan bersama NGO. Keutamaan diberikan kepada NGO yang mempunyai kepakaran pengurusan, kepimpinan, kejurulatihan dan kemahiran teknikal dalam bidang berkaitan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, kita melihat bahawa kadang-kadang media telah pun *highlight* isu-isu yang berkaitan dengan persatuan-persatuan sukan. Di mana apa yang *dihighlight* itu, dengan izin, jauh lebih merujuk kepada masalah-masalah dalaman persatuan-persatuan sukan. Kita tak payah hari ini pasal FAM kita sudah tahu. Kita juga pernah dengar pasal BAM, di mana satu ketika semua orang tahu Lee Chong Wei itu adalah anak didik kepada Misbun Sidek.

Akan tetapi oleh kerana ada masalah dalaman itu, maka Misbun terkeluar. Akan tetapi Chong Wei okey, *still on, but he is already 31*. Isunya, bagaimana hendak lahirkan lebih ramai 'Chong Wei'? Kemudian, dalam tekwando. Ada WTAnya, WTFnya, MTFnya dan sebagainya, sehinggakan hendak bawa atlet ke Sukan SEA pun bermasalah.

Jadi, apa yang hendak ditimbulkan adalah, adakah kementerian mempunyai kuasa melalui Pesuruhjaya Sukannya kah, melalui aktanya kah, dapat *intervene* supaya persatuan-persatuan ini dapat kurangkan masalah dalaman mereka. Apa yang penting kepada kita sebagai rakyat Malaysia, kita hendak supaya atlet di bawah naungan mereka ini dapat membawa hasil, bawa pulang pingat emas dan sebagainya.

Soalan saya adalah bagaimana, tadi Yang Berhormat Menteri bercakap pasal bantuan. Mekanisme yang lebih komprehensif. Adakah ia ada macam KPI supaya bila dia dapat pingat *so much*, dia dapat insentif *so much*, persatuan itu.

Begitu juga selain daripada membantu persatuan-persatuan sukan peringkat Pusat, adakah kementerian juga membantu persatuan-persatuan sukan di peringkat negeri. Oleh sebab kita tahu peringkat negeri adalah *based* kepada pembangunan sukan. Jadi, contohnya persatuan kelab ragbi dan sebagainya yang boleh dibantu untuk membangunkan sukan tersebut. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kita lihat apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, di antara persepsi dan fakta melalui media massa. Walau bagaimanapun Kementerian Belia dan Sukan sentiasa peka dan sensitif segala perubahan yang sedang berlaku.

Dari segi mengambil tindakan dan peneguran, ini adalah untuk memastikan supaya kita dapat melahirkan atlet-atlet bertaraf antarabangsa, bukan di peringkat negeri sahaja. Walau bagaimanapun dari segi bantuan, Kementerian Belia dan Sukan dan Jabatan Belia dan Sukan sentiasa memberi bantuan mengikut prestasi yang telah ditunjukkan. Segala tindakan terhadap badan-badan sukan induk, Kementerian Belia dan Sukan memastikan melalui akta-akta yang sedia ada secara teratur supaya mereka terima segala teguran itu demi kebaikan sukan negara. Sekian, terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan yang begitu baik. Tahniahlah kerana menang Naib Presiden MIC [*Tepuk*] Tak ramai orang ingat ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri dan juga hendak menyatakan persetujuan sayalah terhadap apa Yang Berhormat sebut tadi. Dalam badan sukan ini hubungannya agak harmoni, tidak ada masalah besar. Masalah kecil-kecil itu adalah dengan kementerian ataupun dengan dalamannya itu sendiri.

Perkara ini saya rasa kita boleh bagi satu contoh, misalnya rakan saya daripada Jerlun. Apabila pada penggal yang ke dua belas, negeri Kedah diperintah oleh Pakatan Rakyat, persatuan bola sepaknya diterajui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pakatan Rakyat. Akan tetapi kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Jerlun dilantik menjadi pengurus kepada pasukan bola sepak Kedah. Itu menunjukkan tidak ada politik dan *politicking* dalam sukan. Cuma pada hari ini saya hendak sentuh sikit satu perkara yang berlaku pada diri saya sendiri.

Saya adalah Presiden Persatuan Bola Sepak Melayu Malaysia, satu persatuan kecil sahaja. Kita sedang menganjurkan Piala Emas Raja-Raja, satu kejohanan yang berprestij. Sekarang ini masuk siri yang ke-73. Maknanya, sudah 73 tahun diadakan. Beberapa minggu yang lepas saya dijemput oleh penerbit RTM untuk mengikut atau pun memberi wawancara dalam slot *Selamat Pagi Malaysia* bersama dengan sponsor kami, Proton. Akan tetapi satu hari sebelum Selamat Pagi Malaysia pada pagi Jumaat itu di ke udara, saya diberitahu saya tidak boleh tampil. Saya tak tahu masalah apa. Boleh jadi kerana saya dari Kota Bharu, Kota Bharu sebelah sini.

Jadi, ini alasan yang diberikan oleh penerbit, saya tidak dibenarkan oleh pihak tertinggi. Saya minta Hulu Terengganu *checklah*. Saya sudah dalam sukan ini hampir 30 tahun dah. Tak pernah bawa politik dalam sukan ini. Sebelum saya presiden persatuan ini, presiden saya adalah Putrajaya. Putrajaya jadi Presiden saya. Kemudian apabila dia menjadi menteri, dia minta saya ganti sebagai presiden. Tidak ada politik dalam persatuan sukan ini. Akan tetapi ada pihak-pihak lain yang kadang-kadang kelihatan cuba mempolitisir sukan yang sepatutnya kita *neutralisekan* benda ini. Saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu yang sentiasa prihatin terhadap soalan-soalan sukan di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya tidak dapat menjawab kenapa beliau telah dibatalkan di *Selamat Pagi Malaysia*, termasuk di bidang kuasa Kementerian Penerangan.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, mana-mana negara sekiranya gagal mengamalkan sistem terbuka terhadap pendidikan dan sukan, mungkin kita gagal untuk melahirkan modal insan yang bertaraf antarabangsa. Segala pandangan daripada Yang Berhormat Kota Bharu, terima secara baik dan kita akan mengkaji secara mendalam. Terima kasih.

■1120

[*Soalan No. 8 – YB. Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang) tidak hadir*]

9. **Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, jumlah pelajar Malaysia yang memilih untuk kembali menyambung pengajian di Mesir selepas pergolakan tercetus di negara itu yang memaksa kerajaan membawa pulang pelajar kita, dan berapa ramai pula pelajar yang memilih untuk melanjutkan pengajian di dalam negara atau universiti di negara lain.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sipitang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Pelajar Malaysia di Mesir (JPPPMM) yang telah ditubuhkan atas arahan Jemaah Menteri pada 18 September 2013 telah melaksanakan penempatan pelajar ke institusi pengajian tinggi tempatan berdasarkan pemindahan kredit secara *parallel minus one rule*, dengan izin. Kemasukan pelajar-pelajar ke IPT di Malaysia telah ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan tersebut berdasarkan kepada syarat dan kelayakan akademik yang telah ditetapkan, markah merit pemohon, pilihan pelajar dan kapasiti tempat pengajian di IPT.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sebanyak 4,111 permohonan telah diterima dan setelah selesai proses pemilihan, seramai 2,594 atau 63% orang pelajar telah ditawarkan penempatan ke IPT di Malaysia. Pelajar-pelajar tersebut memenuhi syarat kelayakan minima akademik yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Pelajar Malaysia di Mesir. Di samping itu, seramai 17% ataupun 712 pemohon tidak diberi tawaran kerana tidak memenuhi syarat kelayakan minimum akademik. Manakala 15% iaitu 628 orang pemohon lagi ditolak kerana mereka tidak mengemukakan borang permohonan dan 177 ataupun 4% permohonan lagi tidak diproses kerana mereka merupakan pelajar tahun lima atau tahun akhir bidang perubatan yang tidak ditawarkan penempatan di IPT Malaysia.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, terdapat seramai 7,033 pelajar memilih untuk kembali menyambung pengajian mereka di Mesir. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang]:** Tahniah dan terima kasih kepada kerajaan terutama sekali Kementerian Pendidikan yang telah berjaya menyelesaikan masalah dan cabaran yang dilalui oleh pelajar-pelajar yang berkenaan. Pastinya ramai yang telah kembali kerana masalah teknikal seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi yang berkaitan dengan subjek dan pembelajaran mereka.

Cuma saya ingin bertanya, untuk kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pelajar yang menyambung pelajaran mereka di negara ini termasuk dalam subjek dan kesesuaian yang mereka lalui sebelum ini, adakah kerajaan akan membuka rangkaian ataupun cawangan pengajian tinggi di Timur Tengah khususnya Mesir ini di negara ini untuk memberi kemudahan kerana terlalu ramai pelajar kita berada di Timur Tengah ini? Kalau ada, bila dan di mana? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian telah menyediakan pelbagai kemudahan dan kita juga mengambil kira kesesuaian bidang pelajar-pelajar tersebut.

Untuk memberi secara perincian atas kemudahan penempatan kepada pelajar-pelajar ini, satu, selain daripada bantuan-bantuan lain, kita juga memberi penempatan secara *one-off*, secara *parallel* ini. Itu satu kemudahan. Kedua pula, kita memberi kemudahan pemindahan kredit secara *parallel* juga. Ketiga, pinjaman PTPTN. Maksima RM150,000 juga ditawarkan dan pada masa yang sama, penaja-penaja seperti MARA, JPA dan juga kerajaan-kerajaan negeri akan meneruskan pembiayaan dan juga pinjaman yang telah diberi kepada pelajar-pelajar tersebut.

Dalam pada masa yang sama, atas soalan cawangan atau rangkaian, untuk maklumat Yang Berhormat Sipitang dan juga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dalam proses sekarang untuk berunding untuk menubuhkan cawangan Universiti Al-Azhar di Malaysia. Bukan di Timur Tengah tetapi kita hendak membina satu cawangan Universiti Al-Azhar di Malaysia dan kerajaan sekarang dalam proses untuk menubuhkan cawangan tersebut.

Satu aspek lagi yang mana Yang Berhormat minta dalam soalan tambahan ialah kita juga mengambil kira kesesuaian bidang pelajar-pelajar tersebut. Daripada 2,594 pelajar yang memohon yang telah ditawarkan penempatan, 80% daripada mereka dari bidang perubatan; 9.8% dalam bidang pergigian; 1.2% dalam bidang farmasi; dan 9% dalam pengajian Islam. Oleh yang demikian, kita lihat dari semua jurusan kita cuba membantu mereka dengan menyediakan keperluan mereka menyambung pelajaran mereka kepada bidang-bidang yang bersesuaian dengan kehendak mereka.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

[**Soalan No.10 – YB. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)** tidak hadir]

[**Soalan No.11 – YB. Tuan Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang (Sibuti)** tidak hadir]

**12. Tuan Wong Lai Biu [Sarikei]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sama ada semua sekolah diwajibkan menubuhkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Bolehkah sekolah-sekolah yang telah menubuhkan Lembaga Pengurusan Sekolah dikecualikan untuk menubuhkan PIBG.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa dan Guru) Akta Pendidikan 1996, perkara 4 jelas menyatakan bahawa “*Maka hendaklah ditubuhkan dalam tiap-tiap sekolah suatu persatuan yang dinamakan sebagai Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)*”. Sehubungan dengan itu, sekolah perlu juga menubuhkan PIBG walaupun telah menubuhkan Lembaga Pengurusan Sekolah. Terima kasih.

**Tuan Wong Lai Biu [Sarikei]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah impak atau kesan sekiranya sekolah-sekolah lambat atau tidak

menubuhkan PIBG? Kalau mengikut polisi Kementerian Pendidikan, apakah penubuhan PIBG lebih penting daripada Lembaga Pengurusan Sekolah?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Sarikei. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab LPS ialah untuk membantu dari sektor pembangunan fizikal sekolah. Tanggungjawab PIBG lebih luas. Maka kalau tanya soalan adakah penting PIBG, ya, wajib kerana termaktub dalam Akta Pendidikan 1996.

Untuk maklumat Yang Berhormat, kita mewajibkan PIBG. PIBG menjaga hal ehwal, perkara-perkara lain untuk bantuan pelajar, menjadi satu badan yang akan membantu ibu bapa berhubung dengan guru, keperluan ibu bapa, keperluan guru dan juga menganjurkan aktiviti-aktiviti keperluan P&P dan juga aktiviti-aktiviti lain. Akan tetapi LPS fokus terhad tanggungjawab fizikal sahaja. Untuk maklumat Yang Berhormat ya, kita sentiasa tidak menghalang penubuhan LPS tetapi seboleh-bolehnya harus ada PIBG, dan LPS boleh membantu PIBG. Kerjasama itu kita galakkan Yang Berhormat. Terima kasih.

■1130

13. **Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]** minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah dan inisiatif bagi meningkatkan perpaduan rakyat Malaysia.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:**

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 56 tahun mencapai kemerdekaan, negara telah berjaya mencatatkan prestasi pencapaian ekonomi membanggakan melalui jentera pentadbiran yang bijak merangka dan melaksanakan program pembangunan secara mapan lagi berwawasan. Apa yang amat jelas Tuan Yang di-Pertua ialah tanpa perpaduan yang kita kecapi selama ini tidak akan ada pembangunan untuk dibanggakan. Sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara bangsa, pucuk pimpinan negara memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabarannya untuk terus memupuk persefahaman dan keharmonian, mengurangkan pelbagai jurang antara kaum dan agama serta meredakan, penyelesaian sengketa yang timbul.

Tanpa perpaduan dan keharmonian, negara adalah jauh lebih aman dan lebih tinggi berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain. Tuan Yang di-Pertua, Perpaduan adalah satu proses yang berterusan, yang perlu dipertingkatkan untuk memastikan perpaduan dan keharmonian terus kekal dan terpelihara di dalam negara. Dengan peringatan ini, JPNIN atau Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah diberi nafas baru di bawah Gagasan 1Malaysia dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diilhamkan dan pacu oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita sejak 2009. Antara usaha dan langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) mengurangkan jenayah dan memastikan keselamatan komuniti terus terkawal melalui Skim Rondaan Sukarela yang kini mencapai bilangan 3,995 sehingga 31 Oktober tahun 2013;

- (ii) meningkatkan dan memperkasakan semangat kejiranan melalui kawasan rukun tetangga dengan penglibatan jiran wanita, jiran warga usia emas, jiran muda dan tunas jiran atau kanak-kanak berusia 6 tahun hingga 12 tahun. Aktiviti yang dilaksanakan merangkumi bidang sosial, ekonomi, sukan, keselamatan, kebersihan dan alam sekitar, kebajikan dan lain-lain. Sehingga 31 Oktober tahun ini, sebanyak 6,041 kawasan rukun tetangga berjaya ditubuhkan;
- (iii) di samping itu juga dan sebagai *the way forward*, satu kajian memperkasakan peranan rukun tetangga menjangkau seluruh masyarakat di Malaysia sedang dijalankan untuk menjadikan rukun tetangga sebagai pusat transformasi masyarakat;
- (iv) menggalakkan interaksi dan integrasi melalui penubuhan 5,811 Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah rendah dan menengah dan 138 Sekretariat Rukun Tetangga di IPT untuk meningkatkan semangat patriotisme dan persaudaraan di kalangan pelajar berbilang kaum;
- (v) menggalakkan interaksi komuniti dan wilayah melalui program lawatan integrasi di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan;
- (vi) mengekalkan keharmonian dan persefahaman di kalangan komuniti melalui program mediasi komuniti dengan memperbanyakkan bilangan *mediates community* sebagai orang ketiga yang berkecuali menyelesaikan konflik yang wujud di dalam masyarakat;
- (vii) mengendalikan dialog untuk memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian atau pendamaian antara penganut agama melalui penubuhan Jawatankuasa, Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama atau JKMPA;
- (viii) membincang dan mencadangkan kaedah penyelesaian yang terbaik tentang isu-isu penyatuan dan perpaduan melalui Majlis Konsultasi Perpaduan Negara atau *National Consultative Council* yang telah dilancarkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
- (ix) mempromosikan slogan-slogan perpaduan di premis-premis Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan; dan
- (x) menggembungkan kerjasama di antara Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan pihak-pihak NGO dan swasta dengan menjadikan mereka sebagai rakan perpaduan atau *partner in unity* yang akan turut bersama menyumbang ke arah pemupukan semangat perpaduan dan keharmonian rakyat.

Adalah dipercayai Tuan Yang di-Pertua, bahawa melalui langkah-langkah di atas serta kepakaran dan kerjasama semua rakyat jelata, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk, keamanan dan kebahagiaan dapat dikenalkan. Kemajuan dan pembangunan yang lestari dapat dicapai untuk manfaat semua rakyat dan generasi yang akan datang selaras dengan hasrat wawasan negara dan Gagasan 1Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, minggu lalu kalau tak silap saya pada hari Khamis, Yang Berhormat Segambut telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36(12). Beliau mengatakan bahawa Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan telah mengelirukan Dewan apabila membuat satu kenyataan yang bercanggah dengan kenyataan Menteri. Jadi, untuk saya membuat *ruling* ataupun petua kepada hal ini, saya katakan kepada ketika itu saya perlu maklum balas daripada pihak-pihak yang berwajib dan saya berjanji untuk buat petua sama ada pada hari Isnin atau hari Selasa iaitu pada hari ini. Jadi, saya nampak Yang Berhormat Segambut ada hadir dan saya nampak Timbalan Menteri juga ada hadir. Sebelum saya buat keputusan, saya jemput Timbalan Menteri yang berkenaan, Menteri Wilayah Persekutuan untuk buat kenyataan mengenai dengan soal ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Perlu saksi kah Tan Sri? Tidak perlu?

**Beberapa Ahli:** Tak perlu saksilah, tak perlu. Sila duduklah, duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon supaya saya tidak melakukan perkara itu kerana saya dalam Dewan yang mulia ini telah menyatakan bahawa mengikut *Hansard* ini, “*Cukai taksiran DBKL ditangguhkan bagi membolehkan sesi pendengaran bantahan*” dan saya sambung selepas itu. “*Bantahan dilaksanakan mulai dari Januari hingga Mac 2014. Warga kota masih perlu mengemukakan bantahan atau aduan seperti mana yang ditetapkan sehingga 17 Disember 2013 supaya sesi pendengaran dapat dibuat seperti mana Jadual ditetapkan*”. Menteri saya telah menyatakan bahawa taksiran tersebut akan tetap berjalan. Maksud beliau adalah kalau tanpa taksiran sedia ada, maka tiada bantahan boleh dibuat. Oleh itu saya rasa saya tidak mengelirukan Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Segambut, sila.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Timbalan Menteri mengelirukan Dewan sebab saya baca *Hansard* yang sama, dia sengaja tidak menyebut apa yang sebelum itu. Dia kata “*walau bagaimanapun saya ada berita baik sedikit Yang Berhormat-Yang Berhormat. Apa berita baik?*” Ha! Dia sambung, dia kata “*Kenaikan cukai taksiran DBKL*

*ditangguhkan bagi membolehkan sesi pendengaran bantahan". It is very clear cut, ditangguhkan.*  
Lagi satu, ini muka surat 78 Hansard.

■1140

Okey pergi muka surat 87. *Hansard* 27 November. Komputer Parlimen sungguh lambat. [Ketawa] Pada muka surat 87, *Hansard* yang sama, bila saya kata saya terima WhatsApp daripada wartawan di luar saya tanya sekali lagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata, “*Saya sudah ulang tadi. Kita tangguh untuk dengar pembantahan sampai dari bulan Januari hingga bulan Mac 2014. So tarikh untuk dilaksanakan, dengar baik-baik Yang Berhormat, tarikh untuk dilaksanakan belum ditetapkan*”. Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, you punya bos cakap sudah ditetapkan. Pasti akan dilaksanakan pada bulan Januari tetapi Yang Berhormat kata, “*So tarikh untuk dilaksanakan belum ditetapkan*”. Jadi Tuan Yang di-Pertua, suruh buat satu *ruling* merujuk beliau kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, sini ada artikel daripada *themalaymailonline.com* yang melaporkan, “Tengku Adnan – *Property tax high to proceed in January*” pada 28 November, pukul 1.18 petang. Jadi semua ini saya membuktikan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Segambut itu adalah benar dan nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Menteri kedua-dua pun keliru bilakah cukai pintu baru akan dilaksanakan. Dua-dua bercanggah. Jadi saya rasa ini memang mengelirukan kita sebagai wakil rakyat dan mengelirukan semua warga kota Kuala Lumpur. Patut dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. [Ketawa]

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** [Bangun]

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ini Wilayahlah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mengikut peraturan yang kita ada, mana-mana Ahli Parlimen tidak boleh merujuk mana-mana artikel di luar sebagai rujukan. Jadi mungkin Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab tidak bercakap demikian. Jadi itu salah! Peraturan bacalah.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Kinabatangan, peraturan mana?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau Yang Berhormat tidak faham surat khabar atau mana-mana artikel tidak boleh dibuat rujukan. Itu faham?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Sudahlah, sudahlah.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Peraturan mana Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Seputeh ... tadi. Dia patut dirujuk dalam ‘Jawatankuasa Khas’ sebab dia menyelewangkan Dewan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Peraturan berapa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Baca sendiri!

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bacalah, baca!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya sudah faham tetapi Yang Berhormat tidak faham. Baca sendiri!

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Ketawa]*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri boleh tolong Yang Berhormat duduk.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tetapi hendak kena...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Jadi hero pula.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mana boleh! Tidak boleh dirujuk kepada mana-mana.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sudah tutup bajet. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang berdiri, sila duduk.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Kinabatangan dirujuk kepada ‘Jawatankuasa Khas’. *[Ketawa]*

**Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab *punch card* baru datang ini. Ini baru datang buat *punch card*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Segambut pagi-pagi sudah minum ... Dia sudah high.

**Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia mahu *punch card*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau hari-hari .. mahu buang masa.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya ingat boleh panggil doktor check dia punya pernafasan, dia punya bau nafas..

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Yang berdiri itu duduk Yang Berhormat. Duduk.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum ini pun sudah saya minta maklum balas daripada kementerian yang berwajib dan semua itu sudah saya baca. Cuma setakat saya memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri untuk berhujah supaya semua mendengar. Saya beri juga masa untuk sebab Yang Berhormat Segambut membangkitkan balik.

Ahli Yang Berhormat, untuk merujuk seseorang Ahli kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12) seperti mana yang semua Ahli Yang Berhormat

sedia maklum perlu wujud *prima facie* kes. Ataupun tiga prasyarat. Pertama kenyataan yang dibuat oleh ahli yang berkenaan adalah salah. Keduanya apabila kenyataan itu disedari atau pun Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu disedarkan oleh ahli lain bahawa kenyataan itu salah, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tidak membuat sesuatu untuk membetulkannya. Ketiga, mesti ada elemen niat jahat.

Apabila saya membaca segala dokumen termasuk kenyataan-kenyataan dan akhbar dan kenyataan Yang Berhormat melalui *Hansard* dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Segambut, saya tidak nampak bahawa ada niat di situ untuk mengelirukan Dewan atau pun kenyataan itu bercanggah. Cuma penyampaian mungkin berbeza dengan Yang Berhormat Menteri dan penerimaan itu juga mungkin disalahafsirkan. Jadi apabila saya baca itu semua, saya tidak nampak bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan harus dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Ini kerana yang jelas Ahli Yang Berhormat, daripada segala dokumen yang saya baca dan penjelasan adalah begini.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dulu Yang Berhormat Segambut. Hakikat yang sebenar ialah seperti mana yang kita sedia maklum cukai pintu itu akan dinaikkan juga tetapi bila ia muktamad yang sebenar belum ditentukan melalui kenyataan-kenyataan yang awal. Yang benar ialah *the final figures will only determined* sehingga penghujung bulan Mac 2014. Jadi bagi pembayar-pembayar cukai pintu sekarang ini boleh membayar kepada kadar yang sebelum ini pun. Jadi kalau ada kadar baru yang nanti akan ditetapkan oleh kementerian apabila sudah diterima *objection-objection* daripada pihak-pihak yang berkenaan barulah konon ditetapkan cukai pintu secara muktamad.

Pada sekarang ini cukai pintu yang muktamad itu belum ditetapkan dan diberi kelonggaran sehingga bulan Mac 2014. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga tidak akan mengenakan penalti kalau sekiranya pembayar-pembayar cukai pintu itu akan membayar pada penghujung Mac 2014. Jadi tidak ada kekeliruan di situ yang saya nampak atau pun niat untuk tidak baik. Nasihat saya kalau ada perkara begini untuk kepentingan rakyat tolonglah kedua-duanya sama ada daripada sebelah kanan atau sebelah kiri saya, jangan politikkan isu yang jelas. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Segambut sudahlah. Saya sudah buat keputusan. Begitu juga Yang Berhormat Seputeh. Sudahlah. Sila teruskan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan, Tuan Yang di-Pertua.

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 2013****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.48 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Dalam Negeri menjawab di peringkat Jawatankuasa dan sehingga diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 serta Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2014 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 4 Disember 2013”.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN  
USUL  
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2014****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kesebelas]**

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Maksud B.28 [Jadual] –**

**Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan 2014] –**

**Tuan Pengerusi:** Kementerian Pengangkutan Kepala Bekalan B. 28 dan Kepala Pembangunan P. 28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Shah Alam.

**11.50 pagi.**

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud Bekalan Pembangunan Kepala 28 di bawah Kepala 010000 di mana dijelaskan objektif di bawah Kementerian Pengangkutan, satu menyediakan rangkaian prasarana pengangkutan bersepadu. Saya ingin bertanya kepada pihak menteri bagi pengangkutan darat sama ada *master plan* untuk sistem pengangkutan darat bagi seluruh Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur telah pun disediakan oleh pihak kementerian, itu pertama.

Sekiranya disediakan saya melihat bahawa sekarang ini sudah banyak *highway* atau pun lebuh raya swasta yang dibina oleh syarikat-syarikat swasta yang mengutip tol dan apa yang saya hendak tahu ialah sama ada *highway* yang dibina oleh syarikat-syarikat swasta ini telah mengikut *master plan* yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian ataupun ia ditetapkan oleh pihak swasta sendiri mengikut perkiraan kepentingan komersial semata-mata.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]*

Juga dilihat di bawah objektif yang ketiga menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam dan barang yang berhubung tanpa sempadan iaitu *seamless*, cemerlang dan selamat. Semuanya buniinya sedap atas tulisan di dalam buku tetapi saya ingin tahu sejauh mana pihak kementerian telah menunaikan dan mencapai matlamat dan objektif yang sedemikian dan apakah perancangan yang telah atau pun yang sedang dilakukan untuk menentukan bahawa perkhidmatan pengangkutan awam yang *seamless* dan cemerlang itu telah pun disediakan dan sekiranya ada perancangan yang sedemikian rupa harap pihak kementerian sudi untuk berkongsi maklumat dengan kami wakil rakyat di Dewan ini.

Kepala 060400 di bawah Pengangkutan Darat Bahagian Pengujian dan Pelesenan Pemandu. Saya hendak tahu dari segi peningkatan mutu latihan dan pemeriksaan serta pelesenan apa yang telah dilakukan oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah kurangnya cekap pemandu-pemandu di atas jalan raya yang tidak menghormati undang-undang, memandu dalam keadaan yang tidak selamat yang sering menjadi aduan oleh pengguna-pengguna jalan raya.

Di bawah Kepala 060500 Penguatkuasaan Undang-undang. Begitu juga sejauh mana pihak kementerian telah bertindak untuk menjamin bahawa pemandu-pemandu yang menggunakan jalan raya ini benar-benar mengikut peraturan dan cara pemanduan yang selamat dan apakah data jumlah mereka yang telah disaman ataupun yang telah dia terpaksa untuk mengikuti kembali kursus pemanduan yang selamat dan cermat demi menjamin keselamatan pengguna-pengguna jalan raya.

Saya rasa kadangkala pemandu-pemandu yang menggunakan jalan raya ini dia ingat semua yang muda. Dia guna dan dia memandu dengan cara yang bahaya, dia cilok sini, cilok sana tidak terfikir bahawa mungkin yang kereta yang dia potong dan sebagainya adalah dipandu oleh orang yang tua, yang mungkin tindakan-tindakan sebegitu rupa boleh menimbulkan respons yang mengejut bagi pemandu-pemandu yang tua.

Di bawah Kepala 080600 - Subsidi Tren Tidak Ekonomi. KTMB saya lihat bahawa subsidi sebanyak RM40 juta telah dibayar pada tahun 2013 dan begitu juga telah dibayar jumlah anggaran yang sama bagi tahun 2014. Adakah subsidi ini hendak dijadikan sebagai satu perkara yang kekal dan berterusan dan tidakkah pihak kementerian melakukan satu kajian untuk menentukan apakah sebab mengapa perkhidmatan itu perlu diberikan subsidi.

Adakah ia disebabkan kurangnya penggunaan oleh masyarakat umum ataupun orang awam atas sebab-sebab yang tertentu yang mana mungkin dapat diatasi dengan pendekatan pengiklanan dan kempen yang sihat untuk menggalakkan penggunaan KTM dengan cara yang dapat menjamin bahawa ia akan mendatangkan pulangan dan tidak memerlukan subsidi secara berterusan ataupun adakah ia disebabkan kurangnya perkhidmatan sokongan seperti bas dan komuter yang menghubungkan yang dikatakan sistem pengangkutan awam yang *seamless* itu ataupun adakah ia disebabkan ketidakcekapan perkhidmatan dan penyelenggaraan yang menyebabkan jumlah RM40 juta setahun ini seolah-olah hendak dijadikan sebagai satu fenomena yang berterusan tahun demi tahun.

Di bawah tajuk Projek ERL-LRT-ERL - 00900 - Meningkatkan Keupayaan KTM. Kita lihat bahawa jumlah keseluruhan projek untuk meningkatkan keupayaan KTM ini adalah sebanyak RM27.9 bilion dan RM3.58 bilion telah pun dibelanjakan. Anggaran RM3.25 juta pada 2013 dan RM2.92 bilion anggaran untuk tahun 2014. Saya ingin pihak kementerian menjelaskan sejauh mana keberkesanan projek ini. Adakah ia mengikut jadual, adakah ia menepati dari segi *total cost* ataupun adakah ia akan menimbulkan kos tambahan dan sejauh mana kelancaran perjalanan projek tersebut.

Di bawah 01600 bawah Projek KTMB juga iaitu pembelian '*rolling stock*'. Jumlah keseluruhannya RM520 juta telah dibelanjakan RM288 juta akan dibelanjakan untuk 2014 RM151,800,000. Ini merupakan pembelian *rolling stock* yang telah dibajetkan pada tahun-tahun yang sebelumnya. Okey saya hendak tahu sama ada status pelaksanaan projek itu berjalan seperti mana yang dirancangkan, ada atau pun anggaran kos, penambahan kos dan perlanjutan dari segi tempoh pelaksanaan projek ini.

Kita hendak tahu siapakah yang merupakan pembekal-pembekal bagi *rolling stock* yang dibeli oleh KTMB dan sama ada pembelian itu telah dilakukan secara tender terbuka yang kompetitif ataupun ia merupakan satu projek yang diberikan secara runding terus dan bagaimana perbandingan dari segi kos yang dilaporkan agak jauh lebih tinggi berbanding dengan *rooling stock* yang boleh diperoleh daripada sumber-sumber yang lain.

#### ■1200

Saya rasa benda itu, pihak Yang Berhormat Menteri pun sudah tahu, ada banyak dikeluarkan di dalam akhbar tentang persoalan yang sebeginu rupa.

**Tuan Penggerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Di bawah Butiran 89001. Dekat hendak habis, ada sedikit sahaja lagi. Projek Pelabuhan Penswastaan, Pengurukan Pelabuhan Klang Utara. Belanja Projek RM4.2 bilion telah berbelanja RM1.2 bilion. Tahun 2013 sebanyak RM170 juta dan tahun 2014 sebanyak RM170 juta. Ini merupakan satu projek yang agak besar untuk menaiktarafkan Projek Pelabuhan dan juga Penswastaan.

Saya hendak tahu sejauh mana perjalanan projek ini berjalan sama ada ianya menepati *target* dan sama ada melalui apa yang telah terlaksana, pencapaian dari segi prestasi Pelabuhan Klang itu dapat ditingkatkan atau pun apa yang akan berlaku *nauzubillah*, satu *repeat of the PKFZ*. Pasal nampak ada juga penswastaan di situ.

Terakhir, bawah heading Butiran 60000 – NKRA 4 Pengangkutan Awam Bandar (UPT) dan Butiran 94000 – NKEA. Kedua-dua jumlah ini walaupun yang NKEA ini tidak besar hanya RM1 juta tetapi NKRA 4 RM167 juta, apakah yang hendak dibelanjakan, dia punya *details* untuk projek ini dan sama ada ianya merupakan satu projek yang berjalan mengikut apa yang dirancang berdasarkan kepada bajet yang asal. Baik, terima kasih.

**12.01 tgh**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan Butiran Pengangkutan Udara termasuk Wilayah Sabah. Apabila kita menyentuh soal pengangkutan udara, sudah tentu hari ini *current issuenya* Tuan Pengerusi iaitu Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS). Kita melihat MAS hari ini parah, rugi dan terus rugi.

Justeru itu, jalan penyelesaian harus dilihat secara lebih fokus oleh CEO MAS sendiri dan juga mungkin kerajaan melantik jawatankuasa khas untuk menilai sejauh mana kemampuan CEO ini dengan barisan-barisan kepimpinannya menggalas amanah dan tugas ini sebab saya hairan kenapa dia boleh rugi sedangkan penerbangan MAS ini ke mana-mana penuh. Sama ada *business class* kah, *first class* kah? Ekonomi pun, penuh. Ini bermakna, perlu dilihat *operational* sendiri dalam MAS itu. Saya juga melihat MAS rugi sebab *expenses* dia terlampaui tinggi. Kita ada pejabat di seluruh negara, ada HQ. Saya hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya cadangkan supaya HQ di seluruh negara itu ditutup untuk mengurangkan *operational* dia, kos operasi dia dan melantik ejen-ejen tertentu sahaja...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Shah Alam ...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam sudah berhujah tadi, duduk, tidak perlu. Tadi sudah berucap panjang lebar.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya... Itu boleh. Sila, sila. Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Pengerusi, sebelum itu Yang Berhormat Kinabatangan saya hendak mengalukan kumpulan daripada Parlimen Kuala Langat ke Parlimen ini untuk meraikan mereka. Terima kasih. Itu sebab saya mencelih itu sebab ada orang kata mereka peminat Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi, saya hendak bercakap dengan Yang Berhormat Kinabatangan.

Yang Berhormat Kinabatangan, setujukah dengan saya sementara kita bercakap tentang kemeruduman hasil daripada kutipan MAS ini, kita jangan lupa bahawa kita tidak boleh meletakkan kesalahan semutlak-mutlaknya kepada pekerja-pekerja MAS yang di bawah ini. Saya hendak beritahu, itu kena tegas di situ. Pekerja-pekerja MAS ini janganjadikan mangsa atas apa sahaja yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tidak memudaratkan pekerja. Itu saya akan bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Akan tetapi kalau sampai melibatkan pekerja, saya terpaksa berlaga angin.

Keduanya, bersetujukah dengan saya Yang Berhormat Kinabatangan bahawa *service* itu baik tetapi nilai harga barang itu terlalu tinggi. Macam nasi lemaknya, *fresh Orangnya Tan Sri. Tan Sri pula, bakal Tan Srilah*. Tuan Pengerusi, bakallah, bakal. Saya percaya bahawa kos inilah yang menyebabkan banyaknya kerugian pada MAS. Setujukah Yang Berhormat Kinabatangan bahawa ini harus kita fokus dan jangan kita menghukum pekerja sebagai satu andaian untuk mereka juga diberikan penjelasan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, faham Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Setujukah Yang Berhormat Kinabatangan? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam ini...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sedikit sahaja. Saya pun hendak dijelaskan bahawa ada ura-ura mengatakan bahawa banyak daripada services ini, khidmat-khidmat ini di *out source* kan hari ini, hendak diswastakan. Ianya merupakan satu tindakan seolah-olah hendak bawa aspek-aspek yang mendarangkan keuntungan keluar daripada MAS. Adakah ini benar? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu Yang Berhormat Shah Alam, saya pun tidak pasti. Biar kementerian yang jawab. Cuma, saya respons Yang Berhormat Kuala Langat. Sebetulnya, kalau kerugian itu dibebankan kepada staf MAS itu, itu tidak adil. Ini kerana mereka bukan perancang, mereka cuma melaksanakan tanggungjawab daripada awal. Justeru itu, seperti yang seawal-awal saya katakan tadi, MAS harus melihat kos operasi dia di seluruh negara. Kenapa perlu kita ada HQ di mana-mana tempat. Di Itali ada, di *Franc* ada, London ada, Jerman ada, US ada, semua ada. Kos dia saya tidak tahu berapa.

Kalau saya sudah bertanya dengan pakar-pakar ekonomi, cadangkan supaya tutup semua kita punya HQ dan lantik ejen-ejen tertentu yang mengendalikan *ticketing* MAS itu sendiri. Ini boleh mengurangkan *cost operational* dia.

Kedua, memang saya setuju banyak hasil yang mendarangkan kepada MAS di *outsourcing*, diberi kepada orang lain seperti *catering* makanan. Seharusnya MAS yang buat sendiri tanpa perlu bagi sama orang lain dan harga dia pun mahal. Saya simpati dengan nasib pekerja-pekerja MAS sebab kalau di kaunter hadapan mereka bekerja siang malam, 24 jam. Selagi ada kapal terbang berangkat, selagi itu dia bekerja. *Stewardess* dia pun begitu tetapi bonus tidak ada, gaji tidaklah lumayan sangat. Akan tetapi oleh kerana tidak ada pekerjaan lagi, maka mereka tidak ada pilihan.

Saya juga hairan, saya mahu minta kementerian menyemak sebab destinasi Kuala Lumpur-Sandakan biasanya satu hari dua kali. Boleh MAS berhenti tinggalkan satu penerbangan. Dia bagi laluan dengan AirAsia pula. Saya bimbang di antara dalaman ini ada komplot di antara pegawai tinggi MAS dengan AirAsia ini sebab AirAsia ini ular Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Setelah disebut AirAsia tadi, saya ingin menyebut tentang satu fokus tentang MAS. MAS selama ini menjadi kebanggaan rakyat Malaysia kerana *color* kapal terbangnya menyerupai bendera kita. Akan tetapi kebelakangan ini, sejak beberapa tahun lepas, ini saya tunjuk Malaysia

*business* yang terbaru menunjukkan kapal terbang MAS dengan *color* baru, *light blue* iaitu *color* sebuah pasukan bola sepak di *England, Queens Park Rangers*.

Apabila kita bandingkan gambar ini iaitu MAS *light blue*, pudar. AirAsia merah dan Malindo merah. Nampaknya ada komplot seperti yang dikatakan tadi untuk menurunkan atau menjatuhkan imej MAS. Kita ini sangat patriotik tetapi kalau kita sudah hilang fokus dan *branding* MAS, saya rasa ini akan menambahkan lagi masalah MAS dari segi *branding* dan *marketability*. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat. Sebab itu saya minta kementerian siasat perkara ini sebab AirAsia ini dipelopori oleh kumpulan-kumpulan yang *money polluter* yang mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa perlu memikirkan kebaikan rakyat dan sebagainya. Pendirian saya dari dahulu memang tegas sebab sekarang ini saya tidak mahu naik AirAsia. Biar saya tidak terbang sebab saya tidak mahu terlibat dengan kumpulan dia. Kalau di bandar dia kongsi gelap tetapi oleh kerana dia melibatkan pengangkutan udara, dia kumpulan kongsi gelap di atas langit. Lagi hebat.

#### ■1210

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Kinabatangan boleh celah sedikit?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sila, sila.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengurus. Saya setuju, MAS memang dahulunya merupakan kebanggaan kepada kita dan merupakan salah satu *airline* yang betul-betul menjadi kebanggaan nasional. Akan tetapi kebelakangan ini, beberapa tahun ini khususnya tahun lepas, tahun ini. Tiap-tiap tahun rugi, saham hari-hari jatuh. Oleh sebab tahun lepas rugi RM2.8 bilion, sesi baru ini RM370 juta lagi. Itu lubang semakin hari semakin besar. Lain kali pakai itu rakyat isi lubang itu lagi. Apakah pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, kita patut jual MASkah ataupun gabung ataupun strategik baru? Bagaimana menyelamatkan syarikat penerbangan nasional ini, apakah pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk jual, saya rasa memang tidak bolehlah, cuma kita kena cari pendekatan baru ke arah bagaimana mengangkat balik MAS ini. Ini sebab lain-lain penerbangan boleh dipulihkan. Saya hairan, kalau MAS betul-betul hendak memulihkan keuntungan dia seperti saya katakan tadi, beberapa cadangan. Itu perlu diambil kira oleh pihak kerajaan untuk memastikan MAS ini masih menjadi idola kepada seluruh rakyat negara ini, kebanggaan kita. Ini sebab satu-satunya penerbangan yang dikuasai oleh kerajaan. Kapal terbang dia besar-besar, baru tetapi rugi. Bukan soal rugi dari segi penjualan tiket rugi dari segi kos operasi dia tinggi. Mungkin Lembaga-lembaga Pengarah dia hidup mewah, saya tidak menuduh tidak baik. Akan tetapi harus dilihat oleh kementerian secara *total* ke arah bagaimana untuk memastikan MAS kembali kepada landasan yang sebenarnya.

Seterusnya, iaitu saya ingin menyentuh *control tower system* di Kota Kinabalu. Sampai hari ini masih tidak siap-siap, kontraktor sudah lari. Jadi, apa langkah yang diambil oleh

kementerian dan kerajaan? Satu lagi iaitu *instrument landing system* pun begitu, tidak siap-siap dan membimbangkan. Di Sandakan pun, *control tower system* dia masih pakai *manual*, pakai tangan. Jadi, kalau ada apa-apa pertembungan, siapa yang bertanggungjawab? Lagi bangunan dia, kalau hujan macam sekarang ini, bocor. Saya ada melawat sana, kasihan staf sana. Dia punya komputer pun ikut-ikut basah...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Majidoh [Putatan]: [Bangun]**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, Yang Berhormat Putatan, sebelum habis.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Majidoh [Putatan]:** Ya, saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat soal *instrument landing system* ini. Sedar atau tidak Yang Berhormat, di Kota Kinabalu punya *international airport* ini. Kebanyakan penerbangan yang hendak turun ke lapangan kapal terbang terpaksa *divert* kepada kawasan seperti Brunei, Labuan misalnya, apabila *visibility* dia tidak begitu baik. Jadi, kebanyakan penerbangan ini kena *delay*, lambat oleh kerana ketiadaan *instrument landing system* ini.

Apabila kita melihat dengan kontraktor yang dilantik dahulu, sebenarnya kontraktor itu tidak dibayar oleh pihak yang tertentu. Jadi, apa cadangan Yang Berhormat Kinabatangan, kenapa kontraktor baru belum dilantik dan belum dapat menyesuaikan masalah Lapangan Terbang Kota Kinabalu ini sampai sekarang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Kinabatangan sekejap, Yang Berhormat Kinabatangan, sekejap, minta maaf. Untuk menambah Yang Berhormat Putatan sudah ulas. Jawapan daripada Malaysia Airports Berhad berkenaan dengan *instrument landing system* ini adalah mereka hanya akan membina dan mengimplementasikan pada hujung tahun 2014. Bukankah itu bahaya dan bukankah itu agak serius? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat Penampang. Saya minta pihak kementerian masukkan hujah itu dalam sebahagian daripada ucapan saya dan beri penjelasan, sebab ini melibatkan nyawa, melibatkan maruah negara. Kalau ada apa-apa berlaku, maka ianya akan memalukan negara kita disebabkan sistem kita tidak berjalan dengan sebaik mungkin. Tuan Pengerusi, saya menyokong dan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lanang.

## 12.15 tgh.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 010900 - Pengurusan Maklumat, 060700 – Komputer/Teknologi Maklumat dan 060900 – JPJ Sarawak.

Tuan Pengerusi, sistem MySikap yang mula digunakan pada 1 November 2013 telah menimbulkan banyak masalah dan kesulitan kepada rakyat di Sibu, Sarawak dan juga seluruh Malaysia. Saya telah menerima banyak aduan daripada rakyat di kawasan saya bahawa proses pertukaran milikan kereta terutama kenderaan berat seperti lori *rigid* sama ada *dumper*, *tipper* atau

kargo am, *logging truck* atau trak pembalakan dan sebagainya. Menjadi lebih *troublesome*, dengan izin, menyusahkan di bawah sistem MySikap ini. Saya ingin tanya, berapakah jumlah peruntukan yang telah diguna untuk menggantikan sistem Sikap ke MySikap ini?

Penukaran satu sistem lama ke sistem baru adalah untuk menambah baik perkhidmatan dan mempercepatkan kerja JPJ. Akan tetapi mengapa sistem MySikap ini tidak meningkatkan prestasi JPJ tetapi membawa lebih banyak kesulitan kepada rakyat? MySikap juga mengakibatkan kesilapan dalam pembayaran *roadtax*, dengan izin, atau lesen kenderaan motor. Saya difahamkan bahawa kadar lesen kenderaan motor di Sarawak adalah berbeza dengan kadar lesen kenderaan motor di Semenanjung.

Sebagai contoh, seorang pembeli kereta baru BMW bernama Lau Chai Ming telah membayar lesen kereta kenderaan motor sebanyak RM2,120 bagi tempoh 16 Ogos 2013 ke 15 Ogos 2014. Akan tetapi apabila menerima lesen kenderaan motornya, dia dapati bahawa perkataan Semenanjung tercatat di lesen kenderaan motor. Dia balik ke JPJ untuk menukar lesen ini Semenanjung kepada lesen Sarawak dan dikehendaki membayar sebanyak RM1,020 iaitu kadar sebenar yang perlu dibayar di Sarawak. Oleh kerana kesilapan sistem MySikap ini dia perlu mengeluarkan RM3,140 untuk lesen kenderaan motornya. Walaupun diberitahu bahawa duit yang dibayar sebelum ini dapat dituntut balik tetapi dia dikenakan cukai sepuluh hari iaitu sebanyak RM58.20 kerana pembatalan dibuat pada 26 Ogos 2013. Ini adalah mengikut kadar cukai di Semenanjung. Mengapa dia patut membayar RM58.20 dan bukan mengikut kadar Sarawak iaitu lebih kurang RM28 sahaja.

Apakah sebabnya kerana kesilapan sistem MySikap ini dia yang perlu menanggung kosnya? Jadi, dia hanya dapat menuntut balik RM2,061.80 dan dimaklumkan bahawa duit ini boleh dituntut balik dalam masa tiga minggu tetapi sudah lebih tiga bulan. Sampai hari ini bayaran balik belum diterima lagi. Adakah kementerian mempunyai rancangan untuk mempercepatkan bayaran balik atau tuntutan balik pada masa depan? Selain itu masalah pertukaran milikan kenderaan yang membawa kesusahan kepada rakyat adalah kenderaan kelas kegunaan *off-road*. Saya dimaklumkan bahawa dahulu kenderaan berat *off-road* tidak memerlukan pemeriksaan tukar milik semasa jual beli tetapi sekarang perlu pemeriksaan di Puspakom. Banyak kenderaan berat di Sarawak berada di tapak-tapak pembalakan atau kem-kem yang jauh dari Bandar Sibu. Kalau perlu membuat pemeriksaan, kos yang amat tinggi perlu ditanggung oleh pemilik. Rakyat di Sibu ingin tahu tujuan mengapa SOP ini ditukar baru-baru ini dan apakah rancangan kementerian untuk mengurangkan bebanan mereka dalam penghantaran kenderaan kelas *off-road* ke Pejabat Puspakom.

Tuan Penggerusi, adakah sistem MySikap akan ditangguhkan penggunaannya sehingga 1 April 2014? Bila akan ditangguhkan dan adakah ia termasuk Sabah dan Sarawak terutama di Sibu? Bolehkah kementerian membuat satu pengumuman atau membuat satu jawapan yang tepat kepada rakyat Malaysia supaya rakyat tahu penangguhan sistem MySikap ini? Adakah kerajaan pasti jika MySikap digunakan semula pada 1 April 2014, masalah-masalah yang timbul sekarang

dapat dielakkan atau diselesaikan? Tambahan pula saya dimaklumkan bahawa ahli-ahli bertugas di JPJ masih tidak biasa atau tidak *familiar* dengan sistem MySikap ini. Saya bercadang supaya ahli-ahli bertugas diberi latihan yang secukupnya sebelum pelaksanaan MySikap ini.

Satu lagi isu adalah mengenai isu kenderaan perdagangan yang sebelum ini tidak perlu dihantar ke Puspakom untuk membuat pemeriksaan semasa dijual kepada *dealer*.

#### ■1220

Hanya apabila *dealer* ingin menjual kepada pembeli baru, kenderaan tersebut dikehendaki membuat pemeriksaan. Akan tetapi sekarang, *dealer* perlu membawa kenderaan perdagangan untuk pemeriksaan Puspakom semasa membeli daripada pemilik dan pemeriksaan kali kedua perlu dijalankan semasa penjualan. Apakah langkah untuk menyenangkan jual beli kenderaan perdagangan ini?

Saya juga difahamkan bahawa *certified copy* tidak dapat digunakan lagi semasa pertukaran milikan kenderaan. *Thumbprint* atau cap jari oleh kedua-dua pihak diwajibkan dalam masa tujuh hari termasuk hari Sabtu dan Ahad. Ini amat menyusahkan rakyat kerana banyak penjual tidak berada di negeri Sarawak. Apakah rancangan pihak kementerian untuk menyenangkan proses pertukaran milikan kenderaan memandangkan banyak masalah timbul dengan penukaran sistem ini? Sebagai contoh, kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ingin menjual keretanya, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga memerlukan *thumbprint*? Bolehkah pihak kerajaan memberitahu sebab-sebab mengapa *certified copy* dari mahkamah tidak dibenarkan lagi?

Tambahan pula, maklumat-maklumat di Puspakom tidak ada *connection*, tidak sambung dengan sistem MySikap ini. Rekod Puspakom tidak wujud adalah perkataan yang selalu dijumpai semasa mereka ingin menjalankan pertukaran milikan kenderaan di JPJ selepas pemeriksaan tukar milik di Puspakom. Sebagai contoh, sebuah kenderaan yang telah menerima laporan pemeriksaan daripada Puspakom pada 4 November 2013 tetapi semasa dia pergi JPJ, sistem MySikap menunjukkan rekod Puspakom tidak wujud. Banyak lagi aduan yang telah diterima selepas dua minggu ini sistem MySikap digunakan. Apakah tindakan yang akan diambil ke atas kesulitan ini?

Selain itu, Pejabat Puspakom di Sibu telah menetapkan setiap pemeriksaan kepada tiga perkara sahaja seperti nombor casis, nombor enjin, kerangka casis, cermin kenderaan dan sebagainya. Dahulu beberapa banyak perkara boleh diperiksa dengan satu bayaran sahaja, *let say* sebanyak RM50 atau lebih. Sekarang RM50 untuk tiga perkara sahaja. Jadi mereka perlu pemeriksaan yang lebih dan setiap pemeriksaan RM50 untuk tiga perkara sahaja ini amat membebankan dan menyusahkan rakyat. Adakah ini cara untuk menambah pendapatan Puspakom?

Tambahan pula...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sarikei bangun, Yang Berhormat.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Saya habiskan dahulu. Tambahan pula, rakyat mengadu bahawa hanya satu kaunter di Puspakom di Sibu dan ini amat menyukarkan rakyat

apabila banyak pemeriksaan kenderaan perlu dijalankan. Kaunter memang ada dua tetapi hanya satu kaunter yang berfungsi. Adakah kementerian mempunyai cadangan untuk menambah lebih banyak kaunter yang berfungsi di Pejabat Puspakom untuk melancarkan proses pemeriksaan?

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 090300 – Pengangkutan Udara dan Butiran 010500 – Perkhidmatan Bantuan Udara. Tuan Pengerusi, penerbangan dari Kuala Lumpur ke Sibu dan Sibu ke Kuala Lumpur amatlah perlu ditambah terutama pada musim perayaan Tahun Baru Cina. Saya ingin tanya kementerian, sama ada semasa rundingan udara yang dirancang dan diuruskan, adakah garis panduan hak tambang penerbangan ditetapkan supaya harga tambang tidak terlampau mahal pada musim perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya atau semasa cuti sekolah?

Saya bercadang supaya pihak kerajaan dapat mengawal harga ke atas tambang penerbangan. Pihak kementerian boleh semak harga semasa musim perayaan dan semasa cuti sekolah. Sebagai contoh, tambang AirAsia dari Kuala Lumpur ke Sibu pada minggu lepas mencatat setinggi RM741 satu hala sahaja, *one way* sahaja tanpa bagasi dan makanan. Harga ini terlalu tinggi dan saya harap kementerian dapat membuat satu harga kawalan untuk meringankan bebanan rakyat yang ingin balik kampung semasa perayaan Tahun Baru Cina.

Isu seterusnya ialah Butiran 010600 – Perkhidmatan Bantuan Darat. Saya difahamkan *public transport*, dengan izin, pengangkutan awam iaitu bas dari Sibu ke Bintangor dan Bintangor ke Sibu akan dihentikan mulai 1 Januari 2014. Rakyat amat risau kerana banyak lagi rakyat Bintangor yang menggunakan pengangkutan awam ini untuk pergi balik bekerja di Sibu setiap hari. Kalau perkhidmatan bas ini berhenti, macam mana mereka dapat bekerja di Sibu lagi? Apakah rancangan atau tindakan dapat diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah tiada pengangkutan awam dari Sibu-Bintangor-Sibu ini? Sila Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat dari Lanang. Saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Lanang. Saya dimaklumkan bahawa *commercial vehicle* ini terutamanya di Sarawak perlu membuat pemeriksaan di Puspakom setiap enam bulan, dan ini banyak menyusahkan terutamanya petani-petani kita dekat Sarawak.

Juga saya difahamkan, selain daripada itu, apabila mereka buat pemeriksaan, terdapat elemen-elemen rasuah apabila mereka pergi ke JPJ, di mana agen-agen dekat JPJ hendak minta tip kopi. Kalau tidak, mereka melambatkan lagi proses itu. Jadi ini membebankan lagi terutamanya para pedagang kita, terutamanya pedagang-pedagang kecil.

Yang terakhir iaitu sistem JPJ kita. Begitu banyak duit peruntukan telah pun dibagi tetapi kenapakah proses sistem di JPJ begitu lambat sehinggakan lebih kurang setiap minggu saya menerima aduan bahawa mereka terpaksa menunggu begitu lama hanya untuk membuat kerja dekat JPJ bagi rakyat. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat, adakah sistem JPJ kita perlu pergi ke hala yang lebih efektif dan efisien? Terima kasih.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Saya setuju dan masukkan ucapan Yang Berhormat Stampin ke dalam ucapan saya.

Tuan Pengerusi, menurut syarat-syarat yang terkandung dalam seksyen 61 Akta Pengangkutan Jalan 1987, *car dealer* adalah dikehendaki membawa kenderaan untuk diperiksa di Pejabat JPJ negeri atau cawangan dalam masa enam bulan. Kalau kemungkinan membawa kenderaan untuk pemeriksaan dengan tiada sebab-sebab yang munasabah, *car dealer* boleh dihukum di bawah seksyen 119 undang-undang berkenaan. Sekiranya dia tidak dapat menunaikan, segeralah beritahu dan sebabnya penempatan pemeriksaan kenderaan akan dilanjutkan tarikh pemeriksaannya selama dua minggu. Saya dimaklumkan bahawa tiada *extension* atau lanjutan tarikh dan pemeriksaan mulai 1 Disember 2013. Apakah tujuan pembatalan lanjutan dan apakah cara untuk mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh *car dealer* atau peniaga-peniaga kereta ini?

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa isu pelesenan bagi kenderaan perdagangan, *commercial vehicle* mengikut *gross vehicle weight* adalah berbeza di Semenanjung dan di Sarawak. Sebagai contoh, bagi kenderaan tiga ekzos model Nissan Dump Track di Semenanjung dikeluarkan lesen *with a gross vehicle weight of 23,000 kg*, manakala di Sarawak hanya boleh dikeluarkan lesen bagi *a gross vehicle weight of 21,000 kg*. Bagi kenderaan dua ekzos kenderaan perdagangan di Semenanjung adalah dengan *gross vehicle weight* sebanyak 18,000 kg, manakala di Sarawak adalah 16,000 kg. Saya ingin tanya sama ada perbezaan ini wujud dan mengapakah harus mempunyai perbezaan sebegitu? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis.

#### 12.28 tgh.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang membenarkan saya turut serta dalam perbahasan Belanjawan bagi Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan dalam Butiran 050000 yang juga menyentuh pengangkutan udara. Sebagaimana wakil daripada Kinabatangan sebentar tadi, saya juga ingin mungkin menambah baik pandangan kepada pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, kekuatan sesebuah institusi banyak bergantung kepada tiga perkara sebenarnya, iaitu strategi; organisasi ataupun operasi; dan staf dan kakitangannya. Sejak MAS ditubuhkan, kekuatan menguruskan staf banyak bergantung kepada pengurusan CEO itu sendiri. Sejak dahulu lagi, kalau kita lihat mana-mana CEO telah dapat mengurus hubungan industri yang baik antara pengurusan yang tertinggi dengan staf operasi. Kita semua tahu CEO yang lalu, yang diketuai oleh Datuk Tengku Azmir, Datuk Fuad, Tan Sri Yusof yang sekarang ini menjadi Pengerusi MAS dan juga Yang Berhormat Senator Idris Jala. Tiada isu dalam hubungan ini walaupun situasi perniagaan atau *business* ketika itu juga tidak menentu sebenarnya.

**■1230**

Akan tetapi dalam soal sekarang ini yang menghairankan kita sejak ada CEO yang ada sekarang mengambil alih, wujud suasana yang kelihatan cukup tidak sihat sekali. Terlalu banyak lantikan orang-orang luar ataupun konsultan yang kononnya boleh membuat *turnaround*, dengan izin, kepada syarikat MAS ini, syarikat penerbangan kita. Inilah sebenarnya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan yang dinamakan parasit-parasit yang dibayar gaji lumayan, yang menyebabkan suasana tegang antara pengurusan tertinggi khususnya dengan *union* dalaman. Jadi, dalam hal ini saya sebenarnya menyokong saranan dari Yang Berhormat Kinabatangan dalam ucapan sebentar tadi supaya kementerian melihat menyeluruh dalam urusan MAS ini, sedangkan kalau kita perhati betul-betul sepatutnya MAS ini tidak mengalami kerugian yang begitu besar sebagaimana rakan-rakan kita juga sebentar tadi juga membantu bagaimana untuk membangunkan kembali syarikat penerbangan MAS ini.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Mohon mencelah. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Lipis. Isu berkaitan dengan MAS ini, kalau kita lihat pagi ini hampir lima orang rakan-rakan di kalangan Ahli Parlimen menyentuh. Kalau kita lihat kerugian MAS ini Yang Berhormat Lipis, RM375 juta dimaklumkan oleh sahabat kita daripada sebelah sana tadi, walaupun yang lepas katanya keuntungan untuk suku tahun ketiga RM37.1 juta. Akan tetapi saya tidak faham kenapa untuk kali ini, untuk tahun ini kerugian itu jatuh pada keadaan yang amat teruk sekali. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Lipis sendiri. Adakah kerugian ini yang kalau kita kira anggaran bermula awal tahun yang lepas dan nilainya hampir RM3.2 juta satu hari kerugian ini.

Adakah CEO yang mentadbir MAS ini tidak melihat bagaimakah kaedah yang terbaik untuk mereka memastikan MAS dilihat sebagai sebuah syarikat penerbangan negara perlu mengatur strategik seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat juga, adakah Yang Berhormat sedar bahawa MAS juga pernah menghentikan penerbangan ke Qatar beberapa tahun yang lalu. Akan tetapi baru-baru ini meneruskan semula penerbangan ke Qatar ini atas alasan yang tidak diketahui. MAS juga seperti sahabat-sahabat yang sebut tadi mungkin ada konspirasi dengan AirAsia dan lain-lain, tidak lagi mengambil penerbangan tambahan ke Sydney dan dilihat seperti memberi laluan kepada AirAsia X. Kita tahu MAS juga seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi melantik lapan orang individu daripada luar negara untuk menjawat jawatan penting dalam MAS yang melibatkan kos yang sangat tinggi dilihat sebagai tidak berbaloi. Adakah gaji CEO MAS ini rendah sangat Yang Berhormat dan perlu melantik lapan orang lagi kakitangan luar untuk memberi nasihat kepada beliau dan kita juga dimaklumkan ada satu syarikat konsultan iaitu Seabury Consulting diberikan pembayaran kos yang tinggi dan masih lagi kita mengalami kerugian. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Berhormat Sekijang dan Tuan Pengerusi. Sebenarnya itulah yang saya bangkitkan dan saya

sangat menyokong apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Sekijang supaya pihak kementerian memandang serius dalam hal ini kerana apakah kepentingan mereka dari luar negara ini, sedangkan kalau kita lihat daripada CEO yang lalu, kita boleh mentadbir dengan baik walaupun ada kekurangannya. Akan tetapi dalam soal ini kita pastikan di bawah kementerian yang terlibat, di bawah kementerian kita hendaklah supaya mengkaji sehabis baik dalam hal ini supaya kita dapat mengatasi masalah yang timbul, yang pagi ini boleh dikatakan semua Ahli Parlimen membangkitkan soal-soal ini supaya hendak melihat satu syarikat penerangan yang dari dahulunya sangat menjadi kebanggaan kita. Saya juga setuju dengan wakil sebentar tadi yang mengatakan sehingga warna juga diubah cara sedangkan kita bangga dengan negara kita sendiri...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Stampin.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sila Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Lipis, kenapakah selalunya kalau terlibat *Malaysia Airlines* ataupun agensi kerajaan, terdapat kes-kes di mana projek-projek dilambatkan ataupun banyak diperuntukkan. Contohnya, apa yang dikatakan daripada Yang Berhormat Kinabatangan dengan *Instrument Landing System (ILS)* ataupun ATC ataupun *Air Traffic Control System* yang teknologi-teknologi ini, benda-benda ini dari luar. Jadi, kontraktor-kontraktor atau subkontraktor ini, mereka hanya ambil teknologi ini masuk ke Malaysia dan buat *installation*. Akan tetapi kenapa ada berlakunya *delay*? Itu saya hairan.

Kedua, contohnya katering. Katering yang diambil oleh MAS. Saya dimaklumkan bahawa harga yang diambil itu harga yang tinggi. Contohnya kalau kacang, berapa harga ia? Saya pun tidak tahu. So, saya hendak minta penjelasan daripada kementerian kerana saya dapat aduan dari pramugara-pramugari, kasihan saya tengok mereka. Saya dimaklumkan bahawa mereka sampai sekarang tidak pernah ambil bonus. Patutlah kalau kita tengok kita punya *stewardess*, kadang-kadang mereka susah hati. Contohnya, kalau mereka bagi kacang, susah hati. Kacang ini berapa kali ganda dibayar tetapi mereka tidak ada bonus.

Jadi, saya minta cadangan, pandangan Yang Berhormat perlu kah kita *take good care of* kita punya pekerja-pekerja MAS terutamanya dekat tingkat bawah itu seperti *stewardess* dan *stewards* kita. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Stampin. Nampaknya pada hari ini kita membahaskan...

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Mersing bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Sedikit sahaja Tuan Pengerusi, saya hendak tanya. Kalau CEO dia bagus, dia naik pangkat macam Yang Berhormat Senator. Kali ini tidak bagus. Adakah ia layak kita jadikan Menteri bila jawatan CEO itu ditukar dengan orang lain?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ramai dalam Dewan ini pun belum jadi Menteri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Stampin. Oleh sebab itu kita hari ini berbahas untuk mencari kebaikan supaya Menteri kita hari ini yang ada di hadapan dapat mencatat dan boleh diperbincangkan, mungkin tidak boleh jawab dari segi teknologi dan sebagainya. Akan tetapi pihak Menteri sendiri mungkin boleh membawa kepada mesyuarat-mesyuarat peringkat atasan untuk membincangkan soal daripada rakan-rakan yang bercakap sebentar tadi.

Dari segi Yang Berhormat Mersing tadi, saya kira kalau kita sudah bercakap soal ketegangan di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingat Yang Berhormat Mersing lah jadi Menteri agaknya. Yang Berhormat Mersing lah agaknya mengambil alih jadi Menteri penuh *[Ketawa]* Itu terserah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya.

Tuan Pengerusi, saya hendak beralih kepada Butiran 061200 iaitu Korporat dan Penyelidikan. Kalau kita melihat pada hari ini *trend* sesebuah negara maju dia banyak juga menghasilkan daripada pelabuhan darat. Kalau kita lihat negara-negara maju 25 tahun dahulu, kita melihat seperti Pelabuhan Front Royal, Pelabuhan Hampton dan pelabuhan-pelabuhan lain. Semua kebanyakannya adalah menggunakan pelabuhan darat. Akan tetapi kita hari ini kita masih lagi kekurangan dari segi pelabuhan darat.

Saya hendak mencadangkan supaya kalau melihat dari segi di Pahang sendiri, di Pahang perhentian terakhir kereta api adalah di Mentakab. Tidak ada sambungan daripada Mentakab sehingga ke Kuantan ataupun pelabuhan Kuantan. Dari sini saya menyarankan di bawah Butiran 061200 di bawah Korporat dan Penyelidikan, saya hendak supaya di bahagian ini membuat satu penyelidikan khusus supaya rangkaian pelabuhan darat ini dari Mentakab membawa sambungan sehingga ke pelabuhan Kuantan.

#### ■1240

Kemungkinan kos agak besar memandangkan kosnya adalah mungkin dalam masa yang panjang kita untung kerana sekarang ini sebagaimana yang sering saya bangkitkan di bawah Kementerian Pengangkutan telah beberapa kali saya bangkit yang menggunakan jalan raya ini yang kenderaan hari ini kita tidak tahu dari mana gandar-gandar ini terlalu berat sehingga mencecah 120 tan melibatkan lebuh raya sendiri pun tidak boleh tahan, melibatkan jalan raya kecil. Saya sudah kata di Lipis adalah salah satu hasil mineral yang paling tinggi yang melibatkan kalau emas sahaja, 95% hasilnya datang daripada Lipis...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Jadi kita minta supaya pelabuhan darat ini dapat dikaji untuk penyambungan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah Tuan Pengerusi. Saya pun sudah hendak akhirkan ucapan saya. jadi saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

#### 12.41 tgh.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada beberapa kepala. Pertama sekali ialah Butiran 060000 – Pengangkutan Darat. Walaupun SPAD berada di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi banyak kompelin pengguna-pengguna dan pengusaha-pengusaha kenderaan lihat seolah-olah SPAD ini lebih hebat daripada JPJ.

Saya masih ingat lagi kalau dalam Dewan yang mulia ini kita bahas panjang bahawa SPAD diberi tanggungjawab untuk merangka dasar-dasar serta melihat bagaimakah boleh penambahbaikan peranan dimainkan oleh agensi-agensi lain yang berhubung dengan pengangkutan darat. Akan tetapi saya lihat SPAD ini dia jadi macam *new kid in the block*, dengan keretanya dia lebih hebat lagi daripada JPJ dengan polis dan peranan itu sepatutnya dimainkan oleh polis dengan JPJ, so saya minta kerajaan menimbang balik sama ada kuasa SPAD untuk melaksanakan kuasa-kuasa tangkapan dan lain-lain ini boleh dipindahkan ke JPJ dan polis. SPAD seharusnya kembali kepada peranan asalnya untuk melihat hal dasar. Itu yang pertama Tuan Pengerusi.

Kedua saya hendak tanya juga di bawah Butiran 060000 ini, apa jadi tentang keputusan kerajaan yang telah pun menujuhan satu syarikat *AES Solution* sebuah syarikat *Minister of Finance Incorporated* yang akan mengambil alih semua masalah ataupun perkara-perkara yang telah pun selama ini kita bincang iaitu dua syarikat yang mengeluarkan saman iaitu Beta Tegap dan ATIS. Jadi adakah kerajaan- walaupun kerajaan umum akan memanggil juruaudit luar untuk melihat tetapi soalan saya adakah ianya akan dibawa untuk pengetahuan umum supaya akhirnya apabila kerajaan mengambil alih kedua-dua syarikat ini, kerajaan betul-betul mengambil tindakan yang betul dan tidak merugikan rakyat terbanyak yang membayar cukai.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga dimaklumkan ada laporan-laporan mengatakan bahawa kadar tol akan dinaikkan. Adakah benar?.. Kalau naik bila?... Kalau naik berapa percent yang akan naik dan tol-tol manakah kerajaan akan pertimbangkan untuk dinaikkan kadar tersebut?

Seterusnya Tuan Pengerusi tentang Butiran 060400 – Pengujian dan Pelesenan Pemandu. Di antara komponen untuk mendapat lesen ialah seorang itu mestilah lulus komputer. Setiap minggu kita khususnya wakil rakyat akan didatangi dengan satu borang orang-orang yang buta huruf untuk minta cop dan juga pengecualian daripada *test* ini. Saya hendak tanya kementerian, adakah *test* komputer ini dipantau oleh JPJ atau hanya meninggalkan kepada syarikat-syarikat yang melaksanakan *test* komputer ini?

Saya lihat elemen korupsi berlaku di mana ada orang kampung yang kompelin sampai 17 hingga 18 kali pergi *test* tidak lulus dan setiap kali dia terpaksa *reseat* dia kena bayar sejumlah duit

dan ada juga syarikat yang mengatakan kalau tidak mahu *test* pun tidak apa tetapi kita boleh *kawtim* dengan membayar sekian-sekian jumlah duit. Pertama sekali saya rasa *test* komputer ini tidak memberikan apa-apa manfaat pun. Kalau dia *score* 100% dalam *test* komputer ini pun belum tentu dia jadi seorang pemandu yang baik kerana untuk lulus sistem komputer ini tidak menjamin yang dia menjadi pemandu yang berhemah.

Jadi saya minta kerajaan *review* balik siapakah pemilik syarikat-syarikat yang *conduct test* ini dan sekian lama sudah berpuluhan tahun sudah, adakah kerajaan telah pun membuat kajian sama ada betul-betul mereka yang lulus dalam *test* ini menjadi pemandu yang berhemah. Kedua, berapakah perbelanjaan yang digunakan oleh mereka yang gagal dan berapa kali dia gagal akhirnya ada orang yang tidak hendak pergi *test* dan dia terus membawa kenderaan tanpa lesen.

Seterusnya Tuan Pengurus ialah Butiran 070000. Kita lihat banyak kemalangan maut berlaku di *highway* khususnya. Kereta satu keluarga langgar buntut lori yang sedang *parking*. Saya tidak tahu sama ada undang-undang kita ini ialah tidak diendahkan tetapi saya rasa penguatkuasaan menjadi masalah. Saya tengok kalau kita memandu di *highway* khususnya di *highway PLUS*, kadang-kadang kenderaan-kenderaan berat yang rosak ini dia bukan ada *triangle* pun. Dia letaklah pokok daun- kapal terbangkah, kertaskah apa kononnya lori dia rosak. Dia letaklah sampah sedikit depan lori itu. Saya rasa dalam undang-undang bahawa dia mesti meletakkan *signboard* yang jelas. Cuma persoalan sekarang ini tidak ada penguatkuasaan yang tegas dan jitu. Saya rasa JPJ harus mengambil peranan yang cepat...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Yang Berhormat Sungai Petani, setujukah Yang Berhormat Sungai Petani kalau kita minta Kementerian Pengangkutan menyemak semula warna lori ataupun kenderaan-kenderaan besar yang berat? Ini kerana kalau kita tengok di Malaysia ini warna kenderaan-kenderaan berat kita ini kebanyakannya warna gelap. Warna hijau gelap, warna merah pun merah sudah hendak gelap dan kebanyakan memang warna gelaplah sedangkan kalau kita tengok di negara lain macam di Australia dan New Zealand, mereka banyak menggunakan warna putih kepada kenderaan-kenderaan besar.

Jadi mungkin warna ini juga akan membantu untuk mengurangkan kemalangan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Pengurus, saya setuju dan masukkan ucapan Yang Berhormat tadi dalam ucapan saya. Sangat setuju.

Kembali kepada penguatkuasaan ini. Saya kira sudah sampai masanya JPJ melihat bahawa mereka yang terlibat dalam kemalangan khususnya yang melanggar kereta yang berhenti dan kalau terbukti mereka tidak letakkan *signboard* yang dia rosak, saya rasa harus dikenakan tindakan mahkamah terhadap kereta yang rosak ini ataupun pemilik ataupun empunya. Ini kerana terlalu banyak kes langgar belakang khususnya di waktu malam apabila pihak yang tidak bertanggungjawab ini tidak meletakkan *signboard*.

Begitu juga saya hendak tanya apa yang berlaku. Dahulu saya ingat dalam empat atau lima tahun dahulu, kalau kita tengok lori dia ada lampu liplap, liplap atas lori itu. Sekarang ini kalau kita tengok lampu liplap pun sudah tidak ada. Jadi satu masa dahulu paksa lori. Lori terpaksa letak dan *timeline* kena ada. Sekarang ini lampu apa dipanggil atas itulah tetapi maknanya sudah tidak ada. Jadi nampaknya seolah-olah kita ini waktu-waktu tertentu kita memperkemas undang-undang, waktu-waktu lain kalau orang tidak tanya, surat khabar pun tidak tulis, Ahli Parlimen pun tidak sebut, akhirnya dia begitu sahaja. Jadi dia ada pasang surutnya.

Akhir sekali Tuan Pengerasi ialah saya hendak tanya apakah Butiran 081000 iaitu JKJ. Saya tahu yang JKJ sesetengah negeri amat aktif tetapi apakah program mereka ini mendapat manfaat yang secara maksimum? Saya tidak tahu sama ada kawasan-kawasan yang aktif tetapi ada kawasan-kawasan yang macam tidak berapa aktif ataupun langsung tidak ada program. Jadi saya hendak tanya dengan jumlah yang agak besar diberikan kepada mereka, adakah mereka mempunyai, seluruh negara maksud saya- program-program yang berjalan, tidak berkala tetapi yang lebih tersusun.

Akhir sekali Tuan Pengerasi ialah *One Off*, Butiran 100100 ini perkhidmatan bantuan yang satu jumlah yang besar. Saya hendak tahu ke manakah wang ini dibelanjakan dan apakah jenis bantuan yang akan dikeluarkan oleh kementerian untuk perbelanjaan yang akan datang? Itu sahaja Tuan Pengerasi. Terima kasih banyak.

#### ■1250

**Tuan Pengerasi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan.

#### 12.50 tgh.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerasi. Saya ingin juga turut membahas atas Maksud Kementerian Pengangkutan B.48. Pertama sekali saya ingin menyentuh menyambung kepada perbahasan sahabat saya dari Kinabatangan, Lipis dan juga celahan daripada Yang Berhormat Sekijang soal MAS ini. Baru-baru ini saya telah pun ditemui oleh satu dua orang kakitangan MAS yang mana ketidaksenangan hatinya kepada Ketua Pengarah atau CEO MAS ini yang mana sepatutnya dalam pengurusan ini, mereka apabila dia menyentuh soal unsur-unsur penyelewengan dalam pengurusan MAS ini, maka dia kena *warning* dan dia sampai kena ditamatkan kerja atau perkhidmatan dia dalam MAS. Jadi ini saya rasa CEO ini kalau ada unsur-unsur atau penyelewengan dalam ini, kita harus meminta daripada pihak pengurusan MAS ini supaya ada satu pendekatan seperti *whistleblower* dalam pengurusan. Jadi, ini sampai kesatuan ini membuat kenyataan di surat khabar yang mereka mengehendaki CEO ini dilepaskan ataupun ditamatkan khidmatnya di dalam MAS.

Tuan Pengerasi, saya ingin menyentuh khusus kepada Butiran 081300 iaitu MIROS atau *Malaysia Institute of Road Safety* yang mana kita melihat sebagaimana ucapan ataupun perbahasan daripada Yang Berhormat Sungai Petani tadi yang menyatakan bahawa sikap pemandu yang baru mendapat lesen ini agak tidak memuaskan hati kerana apabila kita melihat

kereta-kereta yang di depan apabila kita melihat kereta yang kecil yang ada tanda ‘P’, kadang-kadang juga bukan saya menyentuh soal jantina tetapi kebanyakannya budak perempuan yang muda memandu di tengah-tengah jalan dengan perlahan dan tidak mempedulikan pemandu yang lain. Ini melibatkan kebanyakannya trafik jam. Jadi ini saya rasa daripada peringkat pembelajaran memandu ini yang mana saya mendengar betul atau tidak bahawa syarikat sekolah-sekolah memandu ini terutama sekali yang pelatih itu apabila diberi anjuran dengan wang, dia akan meluluskan pelatih memandu ini. Jadi betul atau tidak saya harap pihak kementerian dapat melihat dan memantau sekolah-sekolah memandu yang mana hanya mementingkan keuntungan daripada pelatih-pelatih ataupun pemandu-pemandu baru kita. Jadi ini saya rasa ini unsur-unsur penyelewengan di mana-mana peringkat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]**

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh? Ini apa hal? Kacau [Ketawa]. Jadi inilah satu yang kita lihat yang mana juga kita melihat dalam institut ini dengan menentukan jenis-jenis aksesori kereta kita Tuan Pengerusi yang mana unsur-unsur keselamatan, helmet yang dipakai oleh mat rempit kadang-kadang bila dia terjatuh dan tergelincir apabila berlumba di tengah-tengah malam dan jatuh. Itu melibatkan kemalangan dan juga jenis-jenis safety kepada kanak-kanak di belakang. Ini kita belum ada.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerlun bangun.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Jerlun, ya.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Putatan, saya mahu minta pandangan tentang Pengujian dan Pelesenan Pemandu ini, satu tajuk dalam Butiran 060400 berkaitan apa Yang Berhormat Putatan katakan tadi, ada pemandu yang ‘P’, yang memandu tidak berhemah. Isu yang saya lihat adakah Yang Berhormat Putatan setuju bahawa masalah yang di hadapan kita ini adalah daripada segi sikap pemandu yang saya ingat Malaysia ini antara satu negara yang cukup teruklah dari segi sikap ini sehingga kita ada kemalangan setiap tahun ratusan orang sedangkan - walaupun pihak JPJ atau polis nak buat daripada segi perundangan dan penguatkuasaan tetapi bila tidak ada JPJ - macam contoh dahulu ada AES. Ada AES mereka bawa slow kerana depan ada kamera itu. Selepas itu dia pecut lagi. Apa pandangan Yang Berhormat Putatan?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Saya setuju sahabat saya dari Jerlun.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Dalam Butiran 080900 ini Kempen Multimedia yang ..

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** ...Membelanjakan RM8.2 juta. Saya tidak tahu bagaimana dia memakai RM8.2 juta untuk Kempen Kesedaran tetapi sikap rakyat kita ini masih begitu juga, budaya itu *could be bothered attitude*. Dia tidak menghormati pemandu-pemandu yang lain. Ya, sahabat Yang Berhormat Kota Tinggi. Kalau tidak, bahaya saya kalau Yang Berhormat Kota Tinggi tidak beri.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengurus, terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya terpanggil untuk menyentuh sikit tentang sikap tadi. Saya rasa bila kita bawa kereta dengan betul, walaupun di jalan raya bila ada trafik jem kita bimbang sebab selalu saya punya *side mirror* ini pecah sama ada kiri atau kanan. Sudah banyak kali dilanggar oleh motor dan ada kala kita hon, lepas itu dia tunjuk signal yang agaknya menyakitkan hati, sudahlah kita kena langgar. Jadi saya terpanggil, terfikir apakah sebenarnya kita kena melihat betapa seriusnya isu ini? Kalau mereka tidak menghormati, contohnya sewaktu kita berhenti, bayangkan kalau sewaktu kita bergerak. Sebab itu masalah rempit ini atau masalah motor ini kita tidak cuba mengasingkan motor ini sebagai satu kumpulan yang bermasalah tetapi kalau kita tidak melihat masalah ini, ini akan jadi satu fenomena yang amat buruk dalam negara kita. Mesti ada suatu langkah-langkah yang konkret dibuat untuk memastikan bahawa pemandu motosikal ini diberi pendekatan yang lebih serius tentang betapa - bukan sahaja bahaya tetapi budaya di jalan raya. Tidak usah cakap pasal *courteous* dan saya terfikir Yang Berhormat Putatan, kalau perkara ini kita tidak bendung, ini akan menjadi satu budaya yang amat buruk untuk masa depan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Tinggi. Ucapan itu sungguh baik sekali, saya masukkan dalam ucapan saya dan saya harap Menteri dapat mengambil maklum dan membuat tindakan ataupun langkah-langkah yang sepatutnya dilaksanakan. Saya ingin sambung Tuan Pengurus soal *community base project for road safety*. Saya tidak pernah mendengar walaupun ada dalam satu objektif MIROS ini, dalam iklan di TV jarang-jarang saya melihat walaupun ada peruntukan yang begitu banyak sekali. Akan tetapi apakah kementerian sendiri buat kempen ini? Apa yang saya lihat pihak SHELL selalu membuat kempen-kempen kepada murid-murid sekolah di Kota Kinabalu, sering diadakan dan kadang-kadang saya juga dijemput untuk merasmikan kempen-kempen keselamatan jalan raya di situ termasuklah polis sendiri yang mana kita bekerjasama tetapi daripada pihak kementerian belum pernahlah. Mungkin Yang Berhormat Kota Kinabalu adalah tetapi dia mungkin tidak libatkan diri, dia tidak pentingkan ini.

Jadi soal AES ini yang dua syarikat yang kita hentikan. Saya mahu tanya pihak kementerian, berapakah jumlah ganti rugi kepada dua syarikat ini? Kita juga mahu ingin tahu berapakah jumlah yang diberi ganti apabila dua syarikat yang AES ini ditamatkan. Akhir sekali Tuan Pengurus - belum. Ada satu perkara lagi, mengenai kereta 12 tahun oleh Ketua Pengarah iaitu Datuk Tam Weng Wah yang baru-baru ini menyatakan kereta 12 tahun ini tidak lagi sesuai untuk

digunakan di jalan raya dan patut dilupuskan, dibuang. Jadi saya mahu tanya pihak kementerian, berapa jumlah kereta di Malaysia ini, seluruh negara ini yang berumur 12 tahun? Berapa jumlah?

Kalau kita buang sejumlah yang banyak itu, hantar pergi mana? Itu satu pertanyaan dan bagaimana mengatasi kereta-kereta yang 12 tahun yang di luar bandar yang kepunyaan oleh apek-apek. Bagaimana kerajaan untuk membantu kepada orang-orang apek-apek di kebun-kebun, lori-lori di kebun-kebun. Saya rasa ramai pun setuju dengan saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya pun ada kereta 12 tahun, belum apek juga Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Ketawa]* Itu Yang Berhormat Lanang cakaplah. 12 tahun itu kebanyakannya juga yang antik, itu kira antik. Itu antik lain yang kadang-kadang 100 tahun pun ada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah. Habiskanlah, berhenti makan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Ketawa]* Ya, sekejap. Boleh satu minit sahaja? Ini soal yang *last* sekali ini, soal Kota Kinabalu punya *airport* yang belum siap ini sebagaimana yang saya celahkan kepada Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Saya mengharapkan pihak kementerian supaya dapat teruskan siapkan projek KKIA ini dengan secepat yang mungkin dan pertanyaan saya kepada kementerian ini berapa jumlah wang, duit yang dibayar kepada kontraktor yang ditamatkan itu dan berapa lagi yang belum dibayar? Kalau belum dibayar, kenapa tidak dibayar? Bilakah kontraktor baru dilantik untuk menyiapkan KKIA ini? Ini soalan daripada rakyat Putatan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi yang hebat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hebat kerana diberi peluang. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempergerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Mesyuarat bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Berapa orang lagi hendak berucap? Satu, dua, tiga. Ya, sila Yang Berhormat, sila. 10 minit.

## 2.32 ptg

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 09900. Dalam bajet ini RM180 juta diperuntukkan untuk pembangunan Lapangan Terbang Labuan dan Kota Kinabalu. Saya minta Yang Berhormat Menteri pecahkan

secara individu peruntukan sebenar untuk Lapangan Terbang Labuan dan Lapangan Terbang Kota Kinabalu. Minta Yang Berhormat Menteri jelaskan secara terperinci bagaimanakah peruntukan ini akan digunakan dalam pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA).

Saya merujuk kepada Laporan Ketua Audit 2012. Laporan tersebut menyebut terdapat beberapa masalah dan kelemahan dalam projek naik taraf KKIA. Contohnya terdapat 599 lubang di landasan dan tempat pendaratan pesawat dan jalan raya di KKIA. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri apakah masalah ini telah diselesaikan? Berapakah peruntukan dalam bajet untuk memperbaiki kelemahan tersebut. Apakah pihak kontraktor beri waranti dan berapa lama tempoh waranti ini. Saya juga mendapati pembinaan KKIA masih belum lengkap ataupun selesai sepenuhnya. Hingga ke hari ini, berapakah jumlah kos pembinaan keseluruhan dan apakah semua pembayaran telah dijelaskan. Saya diberitahu pembinaan fasa kedua masih tergendala. Sila Yang Berhormat Menteri beri penjelasan.

Tuan Penggerusi, saya juga ingin tanya apakah perkembangan pemasangan alat sistem pendaratan baru (IOS) untuk KKIA yang sepatutnya siap dalam masa ini seperti yang dijanjikan. Mengikut laporan *Auditor General* peralatan IOS sudah lama dibekalkan tetapi masih disimpan dalam kontena. Belum dipasang lagi walaupun waranti sudah tamat tempoh, saya minta penjelasan kenapa masih tidak dipasang? Mahu tunggu dimakan tikuskah? Peralatan ini masih boleh digunakan. Gunakan atau tidak? Saya sokong hujahan Yang Berhormat Kinabatangan tentang isu IOS ini, saya minta kementerian cepat bertindak untuk memastikan terhadap keselamatan dijamin. Sebarang gangguan kepada KKIA akan menjelaskan lawatan pelancong-pelancong ke Sabah pada tahun melawat Malaysia 2014.

Tuan Penggerusi, saya minta penjelasan, berapakah peruntukan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Kudat. Lapangan Terbang Sandakan khususnya perlu dinaik taraf dengan secepat mungkin memandangkan tahun 2014 adalah Tahun Melawat Malaysia dan maskot kempen ini adalah monyet *proboscis*, *proboscis monkey* dengan izin yang banyak terdapat di sekeliling kawasan pelancongan di Sandakan. Yang Berhormat inilah dia [*Sambil menunjukkan maskot monyet proboscis*] sangat comel, handsome jugakan. Di Borneo sahaja ada. Berasal dari Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan tiada ya. Saya jemput semua Yang Berhormat datang melawat ke Sabah. Oleh itu saya minta penjelasan berapakah jumlah peruntukan diberi untuk projek naik taraf Lapangan Terbang Sandakan. Bilakah kerja naik taraf ini akan disiapkan? Bolehkah kerja ini disiapkan sebelum Tahun Melawat Malaysia iaitu bulan depan.

Tuan Penggerusi saya dimaklumkan bahawa pembayaran kepada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk tukar milik motosikal adalah tidak sama di antara Sabah dan negeri-negeri yang lain. Di Semenanjung, bayaran hanya RM3 saja. Di Sarawak lebih mahal iaitu RM5 tetapi di Sabah kami kena bayar RM40 Tuan Penggerusi. Kenapa begitu mahal di Sabah? Di Semenanjung hanya RM3, Sabah pula mahu RM40, orang Sabah kayakah? Yang paling miskin. Ini JPJ gilakah?

*[Dewan Riu]*

Lebih susah mahu tukar milik di Sabah. Yang Berhormat Menteri masih ingat pemilik-pemilik motosikal adalah golongan yang lebih miskin. Orang Sabah pun paling banyak yang miskin. Jadi janganlah menyusahkan orang Sabah.

■1440

Jangan selalu cakap 1Malaysia tetapi Sabah dikebelakangkan, Semenanjung sahaja yang didahulukan. Di sini saya minta supaya kadar bayaran itu di Sabah sekurang-kurangnya diseragamkan dengan kadar di Semenanjung. Kalau boleh, saya minta supaya Sabah hanya bayar RM2 sahaja kerana Sabah miskin. Yang Berhormat Menteri, sila timbangkan cadangan ini.

Tuan Pengerusi, saya setuju dengan Yang Berhormat Lanang tentang masalah sistem MySIKAP. Masalah yang sama pun berlaku di Sabah. Yang Berhormat Menteri juga akur bahawa itu kerana kapasiti komputer yang tidak cukup. Saya hairan kenapakah masalah-masalah seperti ini selalu berlaku? Di Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional selalu buat dulu, kaji kemudian, bukan sebaliknya. Kerajaan BN paling *expert* untuk membuat sesuatu yang bukan-bukan, dan menjadikan rakyat sengsara. Di Semenanjung, pihak berkenaan sudah mengumumkan bahawa satu lanjutan masa selama enam bulan diberikan untuk urusan-urusan MySIKAP.

Saya minta Yang Berhormat Menteri beri lanjutan selama enam bulan juga kepada rakyat Sabah untuk menggunakan sistem manual buat sementara waktu. Harap Yang Berhormat Menteri pertimbangkan. Ini akan memudahkan urusan orang ramai terutamanya urusan tukar nama kenderaan *secondhand*, dengan izin, kerana susah mahu mendapat maklumat pemilik-pemilik lama.

Tuan Pengerusi, tentang MAS saya minta penjelasan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya, habis?...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Gulung.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tentang MAS, saya minta penjelasan, berapakah hutang MAS kepada kerajaan, atau geran dari kerajaan sehingga hari ini, sudah habis bayar balik atau tidak?

Saya juga minta Yang Berhormat Menteri menyediakan laporan kajian terperinci kepada Dewan ini tentang masalah kerugian MAS. Yang Berhormat Menteri harus mengatakan kontrak-kontrak yang kosnya terlalu tinggi seperti *catering*, dengan izin, yang disebut oleh Yang Berhormat yang lain pagi ini. Kalau sudah tiada cara menyelesaikan, kita terpaksa menjual MAS. Kerajaan tidak harus menanggung rugi berbilion-bilion ringgit setiap tahun untuk kebanggaan negara. Duit itu boleh digunakan untuk membina jalan raya dan sekolah khususnya di Sabah.

Akhirnya, saya minta kerajaan merancang untuk membina sistem LRT atau monorel di Bandaraya Kota Kinabalu seperti di Kuala Lumpur. Kesesakan lalu lintas semakin teruk di Kota Kinabalu. Kalau Kerajaan BN boleh mengambil dan menggunakan duit petroleum rakyat Sabah

untuk membina mega projek di Semenanjung, tentulah BN mampu membina infrastruktur seperti LRT di Sabah jika ada niatlah Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

#### **2.44 ptg.**

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 060000 - Pengangkutan Darat. Di sini saya ingin mengesyorkan supaya kerajaan mempromosikan sekali lagi kempen berkongsi kereta serta memperkenalkan alat menyekat kereta persendirian yakni kereta persendirian yang dalamnya terdapat kurang daripada empat orang dalam usaha menangani masalah kesesakan lalu lintas.

Kempen berkongsi kereta bukan perkara baru. Idea ini telah muncul buat pertama kali pada awal 1970-an, semasa pasukan pakar pengangkutan awam dari Bank Dunia mengkaji kesesakan trafik di Kuala Lumpur. Pakar pengangkutan awam Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr. Abdul Rahim Mohd. Nor berkata, "Untuk menjayakan kempen ini, ia juga mesti ada program pelengkap iaitu tol dalam bandar digunakan untuk menyekat kemasukan kenderaan persendirian yang kurang daripada empat orang".

Sebagai contoh, Singapura telah memulakannya pada awal tahun 70-an dengan program *Area Licensing Scheme*, di mana kereta persendirian yang dalamnya terdapat kurang daripada empat orang diwajibkan membayar lesen untuk masuk ke pusat bandar. London memperkenalkan *London cordon pricing* bagi mengenakan bayaran terhadap kereta yang akan memasuki kota. Pelbagai insentif boleh diberikan bagi menggalakkan orang ramai berkongsi kereta seperti memberi subsidi bayaran *parking* kereta kepada pemilik yang sudi berkongsi kereta dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, di sini juga saya ingin merujuk kepada Butiran 060200 – Pendaftaran dan Pelesenan Kereta Motor, dan 060500 – Penguatkuasaan Undang-undang.

Tuan Pengerusi, kajian saintifik menunjukkan bahawa pembinaan jalan baru pastinya tidak menjadi penyelesaian untuk masalah kesesakan. Sekiranya jalan baru dibina dan berkembang akan menyebabkan peningkatan lebih banyak pemandu dan kenderaan. Pembinaan jalan baru sebenarnya mewujudkan lebih banyak kesesakan. Analisis yang dijalankan oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) 2011/2012, menunjukkan jumlah kematian di Malaysia meningkat 0.6%, manakala jumlah kemalangan pula meningkat kepada 3%. Pada tahun yang sama juga, sebanyak 460,000 kes kemalangan dicatatkan di Malaysia.

Perangkaan ini adalah satu perangkaan yang besar. Malah, insiden kemalangan dan kematian di jalan raya sudah menjadi satu masalah negara yang sangat serius. Setiap hari secara purata 18 orang mati di jalan raya dan setiap satu jam 20 minit juga, ada orang mati akibat kemalangan maut. Manakala setiap hari pula, secara purata sekurang-kurangnya 11 orang mati melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal.

Kos sosial bagi kemalangan yang berlaku melibatkan kos perubatan, kos sebagai orang kurang upaya dan lain-lain dianggarkan RM9 bilion setiap tahun. Persatuan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM) menganggarkan hampir 300,000 orang menjadi anak yatim di negara ini berkait dengan kemalangan jalan raya.

Secara perbandingan, Malaysia berada di tempat ke-47 daripada 174 negara menurut sumber Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). China diberitakan mencatat kematian seramai 120,000 orang setahun dan India, 98,000 orang. Apa yang membimbangkan ialah kemalangan di jalan raya berkembang pesat mengikut pertambahan kenderaan. Di negara kita ketika ini, terdapat 20 juta buah kenderaan berdaftar dan pemandu berlesen ada 12.1 juta. Setiap bulan kereta bertambah 70,000 hingga 80,000, dan setiap tahun dianggarkan satu juta kenderaan berdaftar bertambah di jalan raya.

Tuan Pengerusi, mungkin tiba masanya kerajaan mempertimbangkan strategi seperti Sijil Pemilikan atau *Certificate of Entitlement* (CoE) yang digunakan oleh negara Singapura dan beberapa negara lain bagi sesiapa yang ingin membeli kenderaan baru, mesti mendapatkan Sijil Pemilikan mengikut kategori kenderaan yang ingin dibeli dan sijil ini akan membenarkan pengguna satu jangka masa untuk menggunakan jalan raya, misalnya sepuluh tahun di Singapura. Apabila sudah tempoh masa tersebut, maka pemilik kenderaan boleh membuat pilihan untuk membatalkan pendaftaran kenderaan atau memperbaharui Sijil Pemilikan dengan membayar sejumlah premium kuota yang ditetapkan. Disebabkan penambahan kenderaan yang begitu banyak, kerajaan terpaksa juga membina dan juga bertambah jalan setiap tahun.

Setakat ini, terdapat 27 buah jalan konsesi dan difahamkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, ada tujuh lagi lebih lebuh raya yang akan dibina. Ini tidak termasuk jalan negeri dan Jalan Persekutuan yang dibina di seluruh negara. Maka sekiranya kita tidak mengawal kenderaan di jalan, maka peningkatan angka-angka ini akan menjadikan jalan-jalan dan lebuh raya kita sebagai landasan maut untuk rakyat kita.

#### ■1450

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk pula kepada Butiran 060400 – Pengujian dan juga Pelesenan Pemandu. Keupayaan penunggang motosikal mengenal pasti *hazard* dan bertindak selamat di persimpangan tidak berlampau isyarat tidak dinilai secara menyeluruh kerana kurikulum yang diguna pakai di sini di Malaysia tidak memerlukan calon menunggang dan diuji di jalan raya sebenarnya. Teori dan praktikal di institut memandu perlu ditingkatkan. Latihan pemanduan dan program pelesenan pemandu merupakan salah satu kaedah mencegah dan mengurangkan risiko berlakunya kemalangan kepada kalangan pemandu baru.

Di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya calon menunggang dan diuji di jalan raya sebenarnya untuk mendapatkan lesen motosikal harus sama yang dilakukan untuk mendapatkan lesen kereta. Latihan pemanduan secara formal memiliki kelebihan mengenal pasti *hazard* atau situasi berisiko kemalangan dan bertindak selamat berbanding pemandu yang tidak berlesen dan tidak pernah dilatih secara formal untuk memandu di jalan raya.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 080000 – Program Khusus. Di sini saya ingin menekankan tentang keutamaan dalam mewujudkan sistem pengangkutan awam yang hijau dan kempen pengangkutan awam adalah milik rakyat. Tuan Pengerusi, di sini satu sistem pengangkutan awam yang bukan sahaja menawarkan perkhidmatan yang berkualiti iaitu cepat, cekap dan selesa bahkan mengurangkan pencemaran alam sekitar. Sekiranya sistem pengangkutan hijau berjaya dilaksanakan dengan sepenuhnya di kawasan bandar tanpa gangguan daripada kenderaan persendirian dan motosikal, sudah pasti matlamat untuk meningkatkan kualiti hidup di bandar akan tercapai serta sekali gus menggalakkan lebih ramai orang untuk menggunakan pengangkutan awam...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Ya, sila.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih. Apakah Yang Berhormat berpendapat bahawa untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam hijau ini bermakna tidak ada lagi kereta-kereta, bas, lori yang berusia melebihi 10 atau 12 tahun di bandar dengan asap yang tebal atau pun ada pendekatan baru Yang Berhormat cuba beri kepada kementerian untuk diterapkan dan dijadikan sebagai asas untuk mewujudkan realiti yang sebenarnya?

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Di sini cadangan saya ialah bagaimana kementerian boleh mewajibkan atau mengusulkan satu kaedah baru iaitu kempen pengangkutan awam adalah milik rakyat iaitu mencipta *sense of belonging*. Maksudnya ialah rakyat dengan sukarela menggunakan kemudahan awam di negara kita kerana pengangkutan awam ini disediakan bukan untuk orang lain tetapi adalah kepada mereka sendiri. Maksudnya ialah menggunakan setiap teknologi hijau itu dijadikan teras untuk digunakan dalam setiap pengangkutan awam di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, sekejap. Boleh Yang Berhormat jelaskan bahawa mentaliti masyarakat Malaysia ini sukar untuk menerima kebaikan bahkan mereka akan memberi tentangan yang hebat sebab mereka suka merealisasikan hidup mereka sendiri dengan gaya tersendiri. Jadi apa cara untuk *influence* atau pun merapatkan masyarakat ini ke arah jalan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor boleh gulung.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Di sini saya fikir dengan kebijaksanaan yang ada dalam Kementerian Pengangkutan sudah sampai masanya dengan jumlah penduduk yang semakin meningkat kempen menggunakan pengangkutan awam dengan adanya program-program yang khusus, sebagai contohnya dengan adanya MRT, LRT. Di samping itu juga kita menggunakan teknologi *green tech*

kepada seluruh pengangkutan awam. Saya amat yakin dan percaya minda ini boleh kita buka kepada seluruh rakyat Malaysia termasuk juga yang dilakukan di kawasan Kinabatangan.

Jadi keseluruhan saya memikirkan bahawa sebagai contoh, kempen pengangkutan awam ini haruslah dilakukan secara berterusan kerana kita melihat statistik yang menunjuk tadi telah jelas menunjukkan bahawa sekiranya jumlah kereta bertambah di negara kita dan juga dengan jumlah lesen yang bertambah, kekhawatiran saya ialah bagaimana untuk memastikan kita mengurangkan kemalangan di jalan raya kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bachok.

## 2.55 ptg.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan beberapa butiran.

Saya merujuk kepada Butiran 09900, 13000, dan 30000. Saya mulakan dengan menyebut bahawa komen bekas Menteri Besar Kelantan dalam mengulas pertemuan Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri minggu lepas menyebut beberapa perkara di antaranya betapa susahnya pertemuan yang hanya dapat selepas 23 tahun PAS memerintah kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Apa kena mengenanya dengan butiran?

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Ada, selepas ini. Dalam tempoh 23 tahun Kelantan dilayan sebagai anak tiri baru Kerajaan Pusat mahu bertemu. Antara perkara penting yang disebut ialah keperluan mendesak rakyat Kelantan bagi menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra untuk menampung operasi pesawat *Boeing 747*. Sudah sekian lama di dalam Dewan yang mulia ini juga Ahli-ahli Parlimen dari Kelantan tidak kira daripada kerajaan dan pembangkang, beberapa kali membangkitkan persoalan ini. Namun sehingga hari ini kita tidak melihat apa-apa yang tercatat dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya juga hendak menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada ribuan tahun dahulu dalam catatan sejarah hasil kebijaksanaan pemerintahan Srikandi Urduja di Kuala Krai mengundang begitu banyak pengunjung pelbagai belahan dunia ke Kelantan termasuklah pengembara Ibnu Battuta. Malangnya sekarang dalam dunia moden Malaysia pesawat *Boeing 747* tidak dapat mendarat di Kota Bharu. Jika ini diperhatikan oleh Ibnu Battuta, maka ia sudah pasti akan membuat catatan yang tidak elok tentang Kerajaan Malaysia yang ada pada hari ini.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Yang Berhormat Bachok.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Saya mempersoalkan... Ya, sila.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Machang.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bertanya Yang Berhormat Bachok, adakah Yang Berhormat Bachok bersetuju kalau saya menyatakan bahwasanya Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu ini adalah antara lapangan terbang yang tertua dalam negara dan memang benar ianya perlu diperbesarkan untuk membolehkan penerbangan di peringkat antarabangsa membuat penerbangan terus ke Kota Bharu. Negeri Kelantan juga bolehlah dianggap sebagai salah satu daripada pintu masuk kepada pelancong dari luar dan kita menganggap bahwasanya Lapangan Terbang Kota Bharu ini adalah suatu lapangan terbang yang amat penting terutamanya bagi jemaah-jemaah haji dari Kelantan untuk membuat penerbangan terus ke Arab Saudi. Ini adalah- boleh kita takrifkan Yang Berhormat Bachok bersetuju atau tidak bahwasanya ia adalah salah satu daripada keperluan mendesak yang perlu disegerakan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Apa pandangan Yang Berhormat Bachok?

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Machang, kakanda saya. Sepatutnya inilah yang perlu dicontohi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Kita menyokong apa sahaja dasar untuk menjaga kebajikan rakyat dan saya minta masukkan sebahagian daripada ucapan saya.

Saya mempersoalkan kenapa dalam Bajet Kementerian Pengangkutan ini hanya setakat Butiran 09900, dan Butiran 30000 bagi Pembangunan Lapangan Terbang Sarawak dan Sabah sahaja. Justeru, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya menambah butiran untuk boleh merealisasikan pelaksanaan pembesaran Lapangan Terbang Kota Bharu dan bajet yang dianggarkan hanya RM282 juta sahaja.

Tuan Pengerusi, Butiran 060000 – Pengangkut Darat adalah dirujuk. Walaupun Malaysia kita tidak pernah diserang oleh US sebagaimana Afghanistan, namun statistik mereka yang mati akibat kemalangan jalan raya dua kali ganda lebih ramai daripada jumlah mangsa yang terkorban di Afghanistan.

#### ■1500

Tahun 2001, kematian akibat serangan Amerika di Afghanistan 28,778. Manakala sejumlah 62,323 rakyat Malaysia pada masa yang sama iaitu tahun 2001 yang mati di jalan raya. Sampai tahun ini kerajaan terus gagal dalam mencapai objektif sistem pengangkutan jalan yang selamat. Barangkali di antaranya ialah sebagaimana yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, antaranya yang menjadi lebuh raya tadi lebuh raya maut ataupun jalan raya maut ialah kerana penyelenggaraan jalan raya yang tidak dilaksanakan secara betul dan juga kerajaan tidak menyediakan lebuh raya terutamanya kepada kami, rakyat di negeri Kelantan.

Berkaitan AES, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan. Berapakah jumlah yang kerajaan perlu bayar kepada syarikat penyedia perkhidmatan sedia ada apabila kerajaan membuat keputusan mengambil alih dengan diberikan kepada syarikat milik penuh kerajaan AES Solutions Sdn. Bhd. Saya juga ingin mengemukakan pertanyaan, berapakah pula jumlah kamera AES yang telah rosak dan dirosakkan serta berapakah jumlah kos pembaikan sepanjang 2012 sehingga kini?

Saya juga ingin bertanya tentang AES ini, berapakah negeri yang Kerajaan Pusat menghadapi masalah dalam soal pemasangan kamera AES akibat polisi dan peraturan kerajaan negeri?

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pendidikan keselamatan jalan raya. Contoh, di United Kingdom sangat berbeza dengan Malaysia. Pendekatan di Malaysia mengutamakan pengeluaran saman tanpa mendidik pengguna jalan raya akan implikasi suatu kesalahan itu dibuat. Di United Kingdom sebagai contoh, pendidikan keselamatan jalan raya juga djalankan oleh polis dengan mengambil masa yang cukup munasabah. Ada yang sampai sejam bagi menerangkan apa implikasi jika sesuatu kesalahan itu dibuat kepada pelaku kesalahan jalan raya. Sebagai contoh, jika seseorang itu disaman kerana memandu laju. Sebelum saman dikeluarkan, pesalah tadi diberikan pendidikan apakah akibat kesan buruk daripada pandu laju yang dilakukan oleh pemandu tadi.

Oleh sebab itu saya mengesyorkan kaedah saman di Malaysia dirombak dengan ditekankan juga soal pendidikan. Biar kita semua pengguna jalan raya lebih terdidik dan lebih menghormati penguat kuasa yang mengeluarkan saman dan tiada menyumpah seranah apabila dikenakan saman. Sebaliknya bertukar menjadi insaf dan pengguna jalan raya sopan dan juga selamat. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerlun.

### **3.03 ptg.**

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya hanya sekadar hendak ucap terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk berbahas Kementerian Pengangkutan ini.

Secara ringkas, 070100 - Keselamatan Jalan Raya. Di mana diberikan peruntukan RM15 juta untuk kali ini dan ada kaitan juga dengan 081000 - Pemberian Kepada MKJR (JKJR).

Jadi, kita melihat bahawa bilangan kempen musim perayaan sentiasa diadakan, tidak kira sama ada semasa Hari Raya Puasa ataupun Tahun Baru Cina dan sebagainya. Untuk tahun 2012 ada 114 dan untuk 2013 hanya 30 dan 2014 pun dijangkakan 30 kempen. Jadi, isunya adalah kita sedar bahawa seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor, kadar kematian di negara kita ini semakin meningkat. Contohnya, pada tahun 2010 – 6,872 kes kematian, tahun 2011 – 6,700 kes kematian, dan - 6,900 kes kematian. Mengikut *Malaysian Institute of Road Safety (MIROS)* ini menjangkakan bahawa kadar ini akan naik lagi sehingga 8,760 untuk tahun 2015, dan juga potensi untuk 2020 adalah 10,716 kes ataupun averagenya 29 nyawa setiap hari.

Jadi, sudah tentulah daripada segi kosnya pun mencecah RM10 bilion setahun dan ini amat mahal. Mahal dari segi kehilangan modal insan dan juga sudah tentu kehilangan dari segi potensi masa depan dan insurans yang terlibat dan sebagainya.

Mengikut ranking yang dibuat oleh *World Health Organization* ini, Malaysia berada di tangga ke-20 untuk kadar kematian akibat kemalangan trafik. Di mana jauh lebih tinggi daripada negara-negara di *South East Asia* ini kecuali Thailand. Jadi, kadar kematian yang dibuat adalah

34.5% kematian bagi setiap 100,000 orang. Jadi, ini menunjukkan bahawa kita menghadapi satu masalah. Kita sedar bahawa berbalik kepada asasnya ialah berkaitan dengan sikap pemandu dan sebagainya, pengguna jalan raya seperti tidak sabar, tidak ada tolak ansur dan sebagainya.

Ia juga berkait rapat dengan 060400 – Pengujian dan Pelesenan Pemandu. Yang diberikan peruntukan RM36.8 juta tahun ini yang saya kira mungkin...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sedikit Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya sebetulnya telah menyuarakan isu masalah pemandu liar di negara kita. Apabila dalam kereta, memang betul rakyat Malaysia ini begitu hormat-menghormati tetapi apabila dalam kenderaan, mereka hilang akal.

Oleh sebab itu kemalangan jalan raya kita lebih banyak mati daripada berperang di Palestin, di Afghanistan, di Iraq. Akan tetapi kita tidak heboh apabila mati di jalan raya, biasa. Akan tetapi kalau mati kena tembak seorang, ribut satu kampung. Sedangkan statistik menunjukkan berpuluhan-puluhan ribu mati satu tahun. Jadi, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kementerian untuk pemandu yang baru masuk belajar, harus dididik bagaimana cara membawa kereta. Bukan hanya untuk mendapat lesen memandu semata-mata. Dididik bagaimana mereka harus untuk menghargai nyawa mereka dan nyawa orang lain? Ini harus ditekankan sebab nyawa melayang di atas jalan raya hari-hari, 20 orang ke 30 orang. Minta komen Yang Berhormat.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Saya amat setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Inilah yang kita hendak bawa. Kita lihat bahawa mungkin terlalu mudah rakyat Malaysia diberikan izin untuk uji memandu. Umur 17 tahun sudah dapat lesen motor dan kini mungkin katanya dipertingkatkan ke umur 21 tahun untuk dapatkan lesen kereta, itu saya tidak pasti. Akan tetapi pada saya, ujian-ujian yang dibuat itu pun terlalu mudah dan mudahlah untuk anak-anak muda ini mendapat lesen.

Jadi, mungkin kita perlu mengkaji silibus ujian memandu ini. Masa latihan mungkin hari ini kalau hendak masuk ujian komputer ada *lecture* 4 jam kemudian dia buat ujian dan sebagainya, dia boleh dapat Lesen 'L'. Jadi, amat mudah dan sudah tentulah...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Bharu bangun.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jerlun. Saya teruja dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan tadi, memperketat mungkin syarat untuk mendapatkan lesen ini. Akan tetapi apakah Yang Berhormat tidak terfikir kalau sekiranya Jabatan Pengangkutan dan Jalan ini memperketat sangat syarat hendak ambil lesen ini timbul pula apa yang berlaku baru-baru ini atau sebelum daripada ini, lesen terbang. Orang jual lesen. Lesen ini pula pada pengamatan saya, lesen kita di

Malaysia ini satu lesen yang tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi. Misalnya, kalau lesen terbang pun tunjuk kepada polis, polis tidak boleh hendak beza antara lesen betul atau lesen tebang. Minta pandangan, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerlun, tak nak tanya tentang Lesen 1Malaysia, apa jadi?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** BL1M atau Bantuan Lesen 1Malaysia. Saya setuju dengan Yang Berhormat Kota Bharu. Masalah ini termasuklah dalam Kepala 060500 - Penguatkuasaan Undang-undang. Namun, kalau kita hidup ini hanya takut dengan undang-undang, makna kita perlu ada undang-undang barulah kita hendak *behave*, hendak berkelakuan baik, maka sudah tentu tidak betul.

Maka, kita perlu melihat kerjasama JKJR, kementerian, mungkin KPM atau Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memperbanyakkan pendedahan awal. Mungkin kalau perlu masuk satu subjek di sekolah tentang keselamatan jalan raya, betapa mahalnya harga sebuah nyawa itu dan sebagainya. Ini perlu dan dalam masa yang sama juga...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Laluan boleh? Kuala Kangsar.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Boleh, boleh.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita lihat ramai anak muda kita memang pandu atau menunggang motor dengan berbahaya sekali, mat-mat motor kita. Jadi, adakah cadangan pihak kerajaan dan kementerian untuk menyalurkan keberanian dan juga kemahiran mereka berlumba ini untuk diberi lesen-lesen atau permit kebenaran berlumba di tempat-tempat yang dikhaskan di trek-trek lumba daripada berlumba secara haram di jalan raya.

#### ■1510

Mungkin, Kementerian Pengangkutan boleh bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan contohnya supaya perkara ini dapat kita salurkan keberanian dan juga mengurangkan keskes kematian jalan raya khususnya di kalangan anak-anak muda yang bermotor ini.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih. Semua setujulah. Dahulu kita pernah ada satu ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerlun, kalau setuju jadikan sebahagian daripada ucapan.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Ya, sebahagian daripada ucapan. Semua lah, tiga-tiga tadi itu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masuk pertanyaan Bantuan Lesen 1Malaysia.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Ya, kita ada statistik yang dipamerkan di simpang-simpang. Dahululah. Sekarang sudah tidak ada. Kononnya, tahun 2011 kemalangan meragut nyawa sekian banyak tetapi hari ini sudah tidak ada. Saya ingat mungkin *educating the public*, dengan izin, melalui pameran statistik-statistik ini juga boleh memberi kesedaran betapa mahalnya sesebuah nyawa.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Contohnya apabila berlakunya tragedi di Lahad Datu memang riuh rendah. Riuh rendah mati tujuh, lapan orang, sembilan orang ini. Akan tetapi bila mati 6,800 orang setahun ini *nobody cares*. Kita hanya bila ada musim perayaan ada ops sikap. Ops Sikap ini kita tahu. Kita pemandu kita tahu simpang ini ada *bid traffic* duduk, jadi *slow* dekat situ tetapi lain.

Cuma saya hendak berkongsi, ini dari segi jalan raya Yang Berhormat Menteri dan juga Menteri Kerja Raya pun ada di sini. Hari Ahad lepas saya daripada Kedah memandu sendiri pukul 4.30. Sampai KL lapan jam. Bukan ada kemalangan, tidak ada kemalangan. Hanya kerana terlalu banyak kenderaan di lebuh raya. Jadi, ini pun satu juga apabila kita berkait lahir antara Kementerian Pengangkutan, pengangkutan darat dengan Kementerian Kerja Raya yang menjaga lebuh raya, semua sudah sampai masa dah daripada Changkat Jering ke Banting itu kena dibuat Lebuh Raya Pantai Barat. Memang Lebuh Raya E1 KL ke Bukit Kayu Hitam sudah memang tepu, sudah tidak boleh. Jadi, bila ada kenderaan yang padat, mengambil masa *normal travelling time* ini hanya empat jam tetapi sudah jadi tujuh jam. Maka, ramai di kalangan pemandu-pemandu yang sudah tidak sabar, kemudian dia mula cilok ikut kiri jalan. Jadi, itulah antara punca-punca yang boleh membawa kemalangan.

Jadi, apa yang kita hendak cadangkan adalah...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Jerlun gulung.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Hendak gulung lah ini. Kita hendak mencadangkan kepada kementerian supaya membuat kempen kesedaran sama ada dengan JKJR, tambahlah peruntukan bagi tahun ini RM1 juta sahaja dekat dia orang. Katalah sesungguhnya 6,800 - 7,000 sampai jangkaan MIROS kata 10,000 pada tahun 2020 ini amat mahal. Jadi, kita perlu kerjasama semua pihak seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kerja Raya dan sebagainya untuk memastikan bahawa rakyat ini sedar betapa mahalnya nyawa itu. Maka, kita perlu meningkatkan lagi keperluan bajet dan sebagainya bagi memastikan jalan raya kita ini betul-betul selamat. Yang Berhormat Jerlun mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil. Sila.

### 3.13 ptg.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ingin memulakan perbahasan ini dengan menyentuh tentang aset dalam Butiran 30000. Daripada sumber Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian terdapat maklumat bahawa terdapat tanah-tanah kosong milik Kementerian Pengangkutan yang tidak dibangunkan dalam tempoh lebih daripada lima tahun. Sememangnya kita sedia maklum, tanah-tanah kosong ini boleh memberikan manfaat pembangunan kepada rakyat. Paling tidak pun dengan membina rumah-rumah kediaman PR1MA, atau pun kuarters-kuarters penjawat awam.

Selepas itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sejauh manakah keprihatinan kementerian dan tumpuan yang akan diberikan terhadap perkara ini kerana kita juga mendapat maklum bahawa terdapat lebihan peruntukan pembangunan, lebih daripada RM500 juta yang tidak dibelanjakan bagi tahun 2013. Sebab itu saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri sekiranya maklumat daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian ini benar, saya ingin mencadangkan paling tidak pun kita memberikan keutamaan kepada pembinaan rumah-rumah kediaman rakyat atau pun kuarters penjawat awam yang saya fikir begitu penting di dalam keadaan pada hari ini.

Perkara yang kedua Tuan Pengurus ialah berkaitan dengan Butiran 010100 iaitu Pengurusan Sumber Manusia. Saya difahamkan dan terdapat juga maklumat dan rungutan bahawa terdapat diskriminasi yang berlaku di dalam Jabatan Pengangkutan Jalan di mana saya difahamkan Skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik mengamalkan dasar dan juga amalan yang tidak sihat dengan menghalang kemajuan kerjaya kenaikan pangkat pelan pengantian dan sengaja menyekat anggota beruniform di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) terutamanya di Skim Gred 41 dan ke atas.

Seperti mana yang kita sedia maklum, *core business* jabatan pengoperasian ini misalnya diisi oleh Pegawai Tadbir dan Diplomatik di peringkat ibu pejabat iaitu seperti di bahagian pendaftaran dan pelesenan kenderaan, pelesenan pemandu, penguatkuasaan, pengarah-pengarah negeri dan lain-lain. *Core business* yang saya maksudkan tadi adalah bukan daripada lapan bidang utama Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan sepatutnya diisi oleh skim beruniform bagi memastikan laluan kerjaya yang lebih sesuai dan juga terancang.

Malah, bahagian kewangan pun diisi oleh Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan bukan di jawatan Skim Akauntan. Saya juga difahamkan terdapat cadangan baru-baru ini bagi penambahbaikan jawatan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik di peringkat ibu pejabat dan tidak mengambil kira peluang kemajuan kerjaya skim beruniform dan lebih bersikap penting diri dan ianya disokong penuh oleh pihak JPA yang juga merupakan sekutu rapat kepada Pegawai Tadbir dan Diplomatik ini (PTD).

Mereka mencadangkan sebanyak lebih dari lima jawatan PTD Gred 54 dinaikkan kepada JUSA. PTD Gred 52 dinaikkan kepada PTD Gred 54 dan lebih daripada 15 Gred 48 dicadangkan pada masa akan datang sedangkan tidak ada satu pun Gred Skim Anggota Beruniform ditambah baik. Seperti contoh Ketua Polis Daerah kini bergred 48 atau 52. Sedangkan Ketua JPJ Peringkat Daerah hanya Gred 32 dan 41 sahaja. Mereka juga mengamalkan pengurusan yang tidak

berintegriti dan tidak telus dengan sengaja melambat-lambatkan pengisian skim beruniform Gred 41, 44 dan 48.

Seperti contoh hampir 60% waran perjawatan gred yang dijelaskan sengaja tidak diisi hampir mencecah dua tahun. Sebaliknya, waran perjawatan PTD yang kosong diisi segera oleh Jabatan Pengangkutan Awam tidak sampai sebulan.

Tuan Pengurus, lebih daripada 70% kakitangan di organisasi JPJ ini adalah daripada skim anggota beruniform dan perlu laluan kerjaya yang lebih baik dan Rancangan Pelan ‘Penggantian’ Yang Terancang memandangkan hanya 40% anggota beruniform bertugas di lapangan penguatkuasaan dan 60% di bahagian-bahagian yang lain iaitu di pelesenan pemandu, pendaftaran kenderaan, pelesenan kenderaan. Maka, perlulah perancangan yang lebih teliti dan terancang.

Kini fungsi teras organisasi JPJ diisi oleh PTD. Gred 54 misalnya jawatan strategik seperti Timbalan Ketua Pengarah Operasi juga diisi oleh PTD walhal sepatutnya diisi oleh pegawai-pegawai yang bukan daripada PTD. Seramai lebih 6,000 kakitangan JPJ daripada 8,300 keseluruhan kakitangan adalah kakitangan skim anggota beruniform di JPJ. Akan tetapi cuma ada satu sahaja anggota beruniform pada Gred 52 yang hanya waran fleksi. Manakala terdapat lebih tujuh Pegawai Tadbir dan Diplomatik bergred 52, lebih sepuluh orang pegawai bergred 54 dan empat orang bergred JUSA.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah benar maklumat-maklumat yang saya dapat ini. Sekiranya benar, saya ingin supaya ada keseimbangan antara PTD dan juga mereka yang beruniform. Kita faham motivasi, semangat dan sebagainya perlu dipupuk. Ini tentulah dengan memberikan laluan kerjaya yang lebih mudah. Perkara yang ingin saya bangkitkan ini ialah apakah kita tidak mahu menggunakan peluang yang ada ini. Dalam usaha untuk memperkasakan JPJ, dia mesti bermula daripada anggota mereka di pelbagai peringkat. Tentunya bila ada laluan kerjaya yang lebih baik, kemudahan naik pangkat dan sebagainya ini memberikan motivasi dan semangat untuk mereka melakukan tugas dengan penuh dedikasi.

Saya juga ingin membawa isu berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang di Butiran 060500. Seperti yang kita tahu, tugas menjalankan aktiviti penguatkuasaan di jalan raya terdiri daripada pelbagai agensi yang lebih daripada empat agensi yang mempunyai cara kerja, cara jalankan tugas, kaedah, mekanisme yang berbeza-beza dan bertindih sehingga mengelirukan rakyat pelbagai lapisan. Antara agensi yang menjalankan tugas ialah polis, SPAD, JPJ dan lain-lain.

#### ■1520

Antara kewujudan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat misalnya, berfungsi sebagai penyelaras dan mengambil perhatian mengenai pertindihan tugas yang berlaku terhadap agensi penguatkuasaan yang berkenaan. Akan tetapi suruhanjaya ini melaksanakan tugas operasi seperti mengeluarkan permit kenderaan syarikat dan memungut hasil, malah melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan seperti agensi yang lain. Perkara ini tentunya tidak seharusnya berlaku. Tentunya

ini akan mengucar-ngacirkan lagi fungsi penguatkuasaan di jalan raya. Oleh sebab itu saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan ada perancangan untuk menyatukan fungsi-fungsi penguatkuasaan di jalan raya di bawah satu *umbrella*, ataupun satu badan satu agensi. Supaya tugas ini lebih berkesan, dan juga tidak berlaku pertindihan dan dalam masa yang sama kita boleh mengurangkan perbelanjaan dan tidak ‘menggembukkan’ biaya untuk membayar agensi-agensi yang berkait seperti ini.

Saya juga ingin tanya berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang ini misalnya sekarang ini difahamkan terhadap rungutan di kawasan saya- ada operasi-operasi mengambil gambar, mereka yang kadang-kadang membongceng menaiki motosikal di kawasan kampung. Kalau tidak pakai helmet dan sebagainya, dia ambil gambar dan kemudian diminta bayar RM300, saman secara berkamera. Saya yakin tujuan mungkin baik- untuk menyeimbangkan antara kemungkinan berlaku kecelakaan dan juga mengambil tindakan yang tegas. Saya fikir dalam hal ini, untuk mereka di kampung-kampung, kalau hendak beli nasi lemak misalnya, hendak pergi ziarah orang mati tidak pakai helmet, dekat mungkin dalam 100 meter. Itu pun kena diambil gambar dan kemudian di saman sampai RM300. Saya minta Yang Berhormat Menteri berilah pertimbangan yang sewajarnya. Janganlah kita hendak kuatkuasakan undang-undang sampai begitu sekali.

Mereka yang berada di kampung ini bila terkena begitu, dia jumpa wakil rakyatlah. Kita juga jadi masalah hendak menjelaskan keadaan. Saya fikir perlu ada keseragaman. Kalau di kampung-kampung ini, biarlah sedikit- bagi peringatan atau kena RM50 dan sebagainya. Jangan terus kena RM300. Sudahlah mereka terpaksa berhadapan dengan tekanan hidup kena bayar lagi saman. Bila disamankan ini mereka bimbang. Saya tahu mungkin niat baik tetapi biarlah pendekatan itu lebih lunak dan munasabah untuk rakyat yang berada di kawasan-kawasan kampung, seperti mana di tempat saya- ada juga *pocket of kampung*.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya saya ingin ulas tentang 090000 – Pengangkutan Udara. Ada dua isu ingin saya bawa. Satu ialah soal Lapangan Terbang Melaka. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, paling tidak pun telah memberikan penjelasan yang terang. Bahawa Lapangan Terbang Melaka ini bukan satu lapangan terbang antarabangsa. Walaupun di Melaka ini kalau kita pergi, di kawasan itu disebut Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka yang saya fikir itu adalah *very exaggerating*, dengan izin, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Akan tetapi saya hendak tegaskan, ada juga permintaan- saya dimaklumkan ada permintaan untuk lapangan terbang itu dibesarkan lagi. Sekarang ini belanjanya sudah- biaya untuk membesarkan lapangan terbang itu sudah sampai RM200 juta, mencecah RM200 juta. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam jawapan bertulis kepada saya, hanya lebih kurang dalam 25% sahaja kekerapan. Masih lagi tidak dimaksimumkan penggunaannya. Kita dimaklumkan bahawa penambahbaikan lapangan terbang ini, boleh didaratkan kapal terbang jenis *Boeing 737-400*, dan juga *Airbus A320*. Kalau pihak kerajaan negeri ingin tambah lagi, kalau benar ada, saya minta pihak kementerian mengambil sikap berhati-hati. Ini kerana kita belanja RM200 juta tetapi dari segi penggunaannya, hanya lebih kurang 25% sahaja, dan tidak mencapai apa yang

kita sebut *value for money*. Ada duit yang digunakan untuk pembangunan tetapi tidak mendapat *return* yang sewajarnya. Ini perlu untuk kita lihat, untuk pastikan agar perbelanjaan itu lebih berhemah.

Akhirnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan KLIA 2. Tadi saya dengar pelbagai perbincangan tentang MAS, AirAsia dan sebagainya. Saya ingin tanya terus terang pada hari ini dalam Dewan Rakyat ini, berapa belanja yang sebenarnya sekarang ini untuk menyempurnakan KLIA 2 ini? Ini kerana kita dengar pelbagai pendapat, berapa sebenarnya belanja KLIA 2?

Saya ingin tanya kenapa AirAsia ini mendapat keistimewaan sampai melampau-lampau. Saya setujulah dengan Yang Berhormat Kinabatangan, dia jadi kongsi gelap di udara. Maknanya kita diberitahu, lesen ataupun bayaran yang dikenakan untuk AirAsia di KLIA 2 ini sama seperti bayaran di LCCT, dari segi *parking fee* dan sebagainya.

So saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah ada *secret deal* antara kerajaan dengan AirAsia? Ini sebab, sudahlah diberikan kemudahan, diberi dari segi dikurangkan bayaran yang sepatutnya dikenakan, perkhidmatannya yang kita tahu, kalau sesiapa naik AirAsia kadang-kadang kita tahu, lambat sedikit kadang-kadang dia tidak ada timbang rasa. Kadang-kadang lebih beg, beg itu tidak tahu hendak pergi mana. Tuan beg sudah naik kapal terbang dah tetapi beg tidak boleh naik. Jadi pelbagai halangan diberikan. Dan akhirnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ia memberikan beban kepada rakyat. Jadi saya minta....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya masa sudah habis.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Ini perkara yang cukup serius kerana ini sentimen di dalam Dewan Rakyat, daripada pagi sampai hari ini sentimennya ialah meminta campur tangan yang tegas daripada kerajaan. Untuk pastikan agar tidak ada dominasi yang melampau daripada AirAsia ini sehingga menyebabkan rakyat itu menanggung kesusahan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ramai ini. Yang Berhormat Bagan Serai.

### 3.25 ptg.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH.*

Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada Bagan Serai untuk tampil bersama-sama membahaskan Perbelanjaan Perbekalan di Peringkat Jawatankuasa berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pengangkutan adalah merupakan kementerian begitu penting dalam menjaga hal ehwal berkaitan rangkaian pengangkutan bersepadu. Justeru

peruntukan sebanyak RM5.2 bilion untuk tahun 2014 amatlah penting untuk menggerakkan industri pengangkutan negara.

Saya tertarik untuk membincangkan mengenai Butiran 070000 mengenai keselamatan jalan raya, yang telah diperuntukkan sebanyak RM15 juta. Tuan Pengerusi jika diteliti dari satu kajian forum pengangkutan antarabangsa Paris, ketika 30 negara menunjukkan penurunan kadar kematian jalan raya, dari tahun 2000 hingga tahun 2009, hanya tiga negara merekodkan peningkatan. Paling menonjol di antaranya ialah Malaysia, yang menjadi tumpuan bersama Argentina dan Kemboja. Dari kajian yang melibatkan kesemua negara ini, Malaysia berada di kedudukan paling atas, top dengan kadar kematian yang tinggi. Berdasarkan 23.8 kematian bagi setiap 150 penduduk tahun lalu, kadar kematian akibat kemalangan di Malaysia adalah 6.3 tiga kali lebih tinggi berbanding dengan United Kingdom dan Belanda. Ini bermakna 6.3 kematian di Malaysia bagi setiap satu nyawa penduduk UK pada tahun lalu.

Jadi Ops Sikap memang bagus, tetapi Ops Sikap hanya berkesan dalam mengurangkan kematian di musim perayaan. Malangnya Ops Sikap menyebabkan kos yang tinggi dan sumber manusia yang banyak. Sikap pemandu, sikap rakyat di negara Malaysia masih lagi tidak berubah. Pemandu berdisiplin bukan kerana kesedaran tetapi kerana mereka sedang diperhatikan oleh penguat kuasa undang-undang jalan raya. Apa yang lebih membimbangkan lagi apabila musim-musim perayaan. Contohnya seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jerlun tadi, pada hari Ahad lepas, saya juga terlibat bersama-sama di dalam kesesakan yang amat sangat di lebuhraya daripada utara. Naik sahaja di Tol Changkat Jering terus *jam* sampai Kuala Lumpur. Biasanya saya memerlukan tiga jam untuk sampai, tetapi saya bertolak pukul 5 petang sampai pukul 11 malam.

Apa yang sangat ketara yang saya perhatikan ialah, jalan raya, jalan untuk kecemasan digunakan sepanjang masa. Bermakna ramai orang menggunakan jalan tanpa memikirkan keselamatan orang lain. Ada seketika kenderaan agak perlahan dan saya terpandanglah orang di sebelah sana. Tahu apa yang berlaku? Macam dia tanya saya, "Apa pandang-pandang?" Cara dia tengok saya itu, seolah-olah dia kata, "Apa pandang-pandang?" [Ketawa]

Jadi ini sikap, selagi sikap tidak betul, maka banyak nyawa akan melayang. Apa yang lebih membimbangkan adalah pemandu-pemandu bas ekspres yang didapati ada segelintir yang memandu cara berbahaya. Contohnya insiden peristiwa kemalangan maut di Genting Highlands yang meragut 37 nyawa dipandu oleh seorang yang mempunyai 16 saman. Apakah tindakan kerajaan untuk mengawal pemandu-pemandu yang sebegini tidak berdisiplinnya?

Jadi statistik sendiri menunjukkan sebanyak 72,316 pemandu kenderaan perkhidmatan awam mempunyai rekod saman tertunggak sehingga 19 September 2013. Ini amat berbahaya pada nyawa penumpang. Saya juga ingin mencadangkan agar Kementerian dapat mengkaji semula dari aspek umur pemandu, kesihatan pemandu sebelum diberikan lesen berterusan. Membawa pengangkutan komersial dan berat seperti bas ekspres, kontena dan sebagainya. Saya ingin bawa kepada satu peristiwa kemalangan pada 24 September 2013. Sebuah bas ekspres dan lori

membawa muatan di *North-South Expressway*, dengan izin, kilometer 45.9. Lori membawa muatan kayu panjang yang lebih panjang daripada lori.

**■1530**

Jadi kejadian kemalangan ini melibatkan tiga kematian. Satu, seorang perempuan mati kerana tercucuk kayu. Jadi macam kena sulalah. Jadi macam jadi satelah. Kedua, *driver bus*, mati juga. *Driver bus*, pemandu bas berumur 23 tahun. Semuda anak saya. Umur 23 tahun bawa bas. Mungkin tidak cukup rehat, tidak cukup tidur, mengejar trip dan sebagainya boleh menjelaskan keprihatinan disiplinnya. Ketiganya, yang mati pemandu lori yang berumur hampir 60 tahun. Dia tidak mati kerana *accident*, dia mati sebab kena serangan jantung. Terkejut pada *accident*. Jadi tiga kematian yang berbeza disebabkan oleh kemalangan begitu.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 050000 – Pengangkutan Udara yang melibatkan peruntukan sejumlah RM242 juta. Saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan operasi lapangan terbang di Ipoh sekali lagi. Buat pada masa kini, apakah status lapangan terbang ini dan berapa banyak syarikat penerbangan yang bersetuju untuk menjalankan operasi di sana? Adakah kemudahan lapangan terbang ini berada dalam tahap yang sepatutnya? Adakah kementerian bercadang untuk menaikkan taraf lapangan terbang ini menjadi lapangan terbang antarabangsa satu hari?

Jadi persoalan juga ingin saya bertanyakan, apakah perancangan *Malaysia Airports* yang diberi mandat untuk memajukan *Airport Ipoh* untuk perancangan masa depan dan apakah usaha-usaha *Malaysia Airports* untuk menarik syarikat-syarikat penerbangan luar untuk beroperasi di Malaysia?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanyakan perkara mengenai laporan, iaitu bilakah laporan akhir hasil siasatan kemalangan udara pesawat *MASwings* yang berlaku di Kudat pada 10 Oktober 2013 dapat disiapkan untuk pengetahuan?

Saya juga difahamkan terdapat penerbangan terus dari *Singapore* ke Ipoh yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan *Firefly*. Adakah dengan penerbangan ini dapat membantu, cukup membantu membawa pelancong ke negeri Perak untuk memajukan negeri dari segi pelancongan dan juga aktiviti komersial?

Jadi saya ucapkan terima kasih sekali lagi pada Tuan Pengerusi kerana mengizinkan Bagan Serai, terima kasih banyak. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong tidak minat ya? Sila.

### 3.33 ptg.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk Bekalan 28 Butiran 010500 - Udara, dan Butiran 020300 - Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan.

Tuan Pengerusi, lapangan terbang menggambarkan imej negara. Projek menaiktarafkan mana-mana lapangan terbang dalam negara kita khususnya lapangan terbang antarabangsa

perlulah dirancang secara komprehensif dan sewajarnya supaya tidak menjelaskan imej negara kita. Namun demikian, projek menaiktarafkan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas merupakan satu lagi projek Kerajaan Barisan Nasional yang gagal di mana pada 1 September 2013 dan 19 November 2013, hujan yang turun lebih kurang satu jam 20 minit masing-masing telah menyebabkan dewan ketibaan dan kawasan jalan di luar dewan ketibaan dilanda oleh banjir kilat.

Saya pernah bertanyakan Menteri Pengangkutan berkenaan dengan banjir kilat yang berlaku pada 1 September 2013 dan jawapan diberikan adalah disebabkan oleh jumlah hujan yang luar biasa. Mengikut Jabatan Meteorologi, hujan yang direkodkan pada hari tersebut adalah setinggi 52.5mm iaitu yang paling lebat dalam tempoh lima tahun yang lepas. Bagaimana pula dengan hujan yang turun pada 18 November 2013? Mengikut pengurus lapangan terbang, iaitu Muhamad Arif Jaafar, hujan yang direkodkan adalah 58.2mm.

Adakah ini merupakan hujan yang paling lebat dalam tempoh 10 tahun yang lepas? Pihak jurutera projek mendakwa bahawa banjir kilat di lapangan terbang adalah hasil daripada limpahan air di longkang perimeter disebabkan paras air sangat tinggi di Sungai Kluang, Sungai Nipah dan Sungai Batu Maung yang terletak di luar kawalan pihak *Malaysia Airports*. Ini adalah disebabkan oleh hakikat bahawa lapangan terbang tersebut adalah terletak di tahap yang lebih rendah daripada kawasan persekitarannya.

Secara kesimpulannya, lapangan terbang kini adalah terdedah dengan risiko banjir kilat. Walaupun didakwa oleh *Malaysia Airports* bahawa menaiktarafkan sistem perparitan adalah di luar kawasan lapangan terbang dan bukannya di bawah bidang kuasa *Malaysia Airports*, kenapa isu tersebut tidak diberi perhatian langsung oleh juru perunding projek tersebut? Mengapa tiada tindakan diambil terhadap pihak juru perunding dan juga kontraktor yang gagal dalam kerja-kerja mereka? Saya difahamkan pihak lapangan terbang telah membelanjakan RM2.5 juta untuk memasang sistem perparitan baru di lapangan terbang tersebut. Kenapa insiden banjir kilat pada 19 November 2013 masih berlaku lagi?

Tuan Pengurus, kebanjiran pelancong asing dan tempatan ke negeri Pulau Pinang amat memberangsangkan. Pertumbuhan kedatangan pelancong ke negeri ini telah meningkat daripada lapan hingga sembilan peratus pada tahun 2012 kepada 14% sehingga Oktober tahun ini dengan catatan seramai 4.4 juta orang pelancong untuk tempoh 10 bulan pertama ini. Jumlah kedatangan pelancong ke negeri Pulau Pinang dijangka akan mencapai di antara 5.2 hingga 5.5 juta orang pada akhir tahun ini.

Kita sedia maklum bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang hanya mampu menampung kapasiti pengguna seramai lima juta orang sahaja. Maka, saya bimbang dengan jumlah pelancong ke negeri ini yang dijangka terus meningkat lebih 10% tahun demi tahun, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang tidak mampu menampung jumlah kedatangan pelancong yang berpusu-pusu di mana akan mengakibatkan kesesakan serta keadaan yang kurang selesa. Dengan itu, adalah wajar bagi pihak kementerian mempertimbangkan supaya

Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang diperbesarkan lagi dengan satu lagi *runway* yang baru.

Mengikut Ketua Menteri Pulau Pinang, ada tanah yang mencukupi di sekitar lapangan terbang antarabangsa yang sedia ada untuk tujuan tersebut dan pengambilan tanah boleh dilakukan oleh kerajaan negeri bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Saya berharap cadangan tersebut dapat diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan Persekutuan.

Kebelakangan ini terdapat khabar angin bahawa Kerajaan Persekutuan ingin membina satu lagi lapangan terbang antarabangsa di Negeri Kedah. Saya ingin mendapatkan pengesahan daripada pihak kementerian sama ada kajian tersebut telah dijalankan dan setakat mana impaknya terhadap status Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas? Ini bukan suatu idea yang baru, tetapi telah dibangkitkan semula akhir-akhir ini. Adakah ini semata-mata pertimbangan politik untuk menjelaskan negeri Pulau Pinang dengan membantu negeri Kedah yang kini ditawan semula oleh Barisan Nasional?

Tuan Pengurus, penswastaan Penang Port Sdn Bhd merupakan suatu isu yang telah dibangkitkan sebelum PRU Ke-13, tetapi proses penswastaannya masih belum disempurnakan sehingga hari ini. Sudah dua tahun proses penswastaan tersebut dilewatkhan. Ini merupakan satu lagi projek untuk mengayakan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary, kroni terbesar bagi Barisan Nasional.

Pengarah urusan Penang Port Sdn. Bhd., Dato' Ahmad Ibnihajar dalam satu sidang media pada 6 November ini telah menyatakan rancangannya untuk mengurangkan perkhidmatan feri di Pulau Pinang sebaik sahaja Jambatan Kedua Pulau Pinang beroperasi. Ini berikutan PPSB yang menjangka kehilangan keuntungan sebanyak RM100 juta dalam tahun 2015. Kehilangan sasaran keuntungan tersebut juga berpunca daripada kelewatan usaha untuk menswastakan PPSB yang menyebabkan beberapa projek utama terpaksa ditangguhkan sementara waktu termasuk kelewatan menjalankan projek pengorekan dasar laut yang bernilai RM353 juta yang menyebabkan kehilangan kontrak dengan *Belgian Lhoist Group* yang bernilai RM60 juta.

Penswastaan Penang Port Sdn Bhd telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan pada Disember 2010, di mana Seaport Terminal (Johor) Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary yang masa yang sama beliau memiliki pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Johor telah memenangi pembidaan tersebut. Kegagalan menjalankan pengorekan dasar laut dari 11 meter kepada 14 meter dan pengurusan Pelabuhan Pulau Pinang yang semakin hilang arah tuju tentang masa depan menyebabkan Penang Port Sdn. Bhd. sebenarnya mengalami kerugian. Ia dapat dilihat kepada petunjuk di mana kredit cukai sebanyak RM32.2 juta diberi kepada PPSB.

#### ■1540

**Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Dipersilakan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong, terima kasih Tuan Pengerusi. Setuju kah Yang Berhormat Tanjong jika saya katakan bahawa Kementerian Pengangkutan telah gagal sama sekali mentadbir dan menguruskan pelabuhan-pelabuhan kita dengan baik. Bukan saja kerugian dan kehilangan peluang di Pelabuhan Pulau Pinang malah Pelabuhan Klang telah menjadi satu pusat sindiket penipuan seperti yang telah didedahkan di Amerika Syarikat, di mana syarikat-syarikat tempatan telah memperalatkan Pelabuhan Klang sebagai pusat untuk rasuah, pusat untuk penipuan. Jadi, setuju kah Yang Berhormat Tanjong.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Saya bersetuju dan saya ingin ini dimasukkan sebagai sebahagian ucapan saya dan inilah yang membolehkan Penang Port Sdn. Bhd. mencatatkan keuntungan RM16.3 juta. Sekiranya tanpa cukai kredit tersebut PPSB sebenarnya mengalami kerugian iaitu sebanyak RM15.9 juta pada tahun 2012. Mengikut PPSB banyak *cruise* yang besar tidak dapat berlabuh di Pelabuhan Swettenham atas sebab dasar laut kita yang kurang mendalam. Kelewatan penswastaan juga menyebabkan perjanjian perkhidmatan yang baru tidak dapat dimeterai.

Perbelanjaan modal tidak dapat dilaksanakan dan jentera-jentera baru tidak dapat dibeli untuk menggantikan yang lama atau yang rosak. Lebih-lebih lagi semangat kakitangan-kakitangan PPSB juga terjejas berikutan dengan ini. Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong. Gulung ya.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Ya, akhir. Memaklumkan Dewan yang mulia ini kemajuan terkini bagi penswastaan Penang Port. Sdn. Bhd. Adakah *due diligent* telah disempurnakan? Mengapakah kelewatan masih berlaku? Adakah pihak kementerian tidak berpuas hati dengan kemampuan Seaport Terminal Johor Sdn. Bhd. untuk mengendalikan Pelabuhan Pulau Pinang? Mengapa tawaran kerajaan negeri untuk mengambil alih Penang Port Sdn. Bhd. tidak dipertimbangkan langsung? Mengapakah perkhidmatan feri perlu dikurangkan demi mengurangkan kerugian yang dialami oleh PPSB. Saya sebagai warga negeri Pulau Pinang membantah sepenuhnya pengurangan perkhidmatan feri yang akan mengakibatkan kesesakan lalu lintas apabila semua kenderaan tertumpu ke jambatan Pulau Pinang atau jambatan kedua Pulau Pinang. Saya berharap mengikut PPSB perkhidmatan feri adalah hampir RM20 juta setiap tahun dan pihaknya pernah bercadang untuk menggunakan kapal ringan bagi menggantikan feri yang sedia ada.

Saya rasa ini menunjukkan bahawa PPSB tidak lagi berupaya dan tidak berminat untuk menjalankan perkhidmatan feri sebagai tanggungjawab sosial korporat dan feri Pulau Pinang merupakan satu identiti yang unik bagi negeri Pulau Pinang dan tidak haruslah dilupuskan malah perlu dikekalkan sebagai salah satu warisan negeri Pulau Pinang. Jadi dengan kata-kata ini, saya berharap dapat penjelasan yang selanjutnya daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tebrau.

### 3.43 ptg.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana saya diberikan peluang ini untuk melaksanakan tugas saya sebagai wakil rakyat supaya suara rakyat dapat didengar di Dewan yang mulia. Saya cuma ada beberapa perkara yang ada kaitan dengan sistem mySIKAP di JPJ. Oleh kerana semenjak pelaksanaan mySIKAP, penjual-penjual kereta *secondhand* sudah menghadapi masalah yang besar. Kereta-kereta yang mereka telah beli lama, sekarang kalau hendak tukar nama kena cari pemilik asal tetapi pemilik asal pun tidak tahu di mana dan satu lagi jadi saya difahamkan bahawa Johor Bahru sendiri ada ribuan kereta *secondhand* yang hendak jual pun tidak boleh.

Satu lagi masalah ialah sekiranya kalau sekarang penjual kereta *secondhand* mereka hendak beli kereta *secondhand*, mereka kena bereskan hutang di bank dan jumlah ini bukan sedikit. Sebuah kereta mungkin lebih RM10 ribu dan dengan kereta yang begitu banyak, ini merupakan satu beban yang besar kepada penjual-penjual kereta *secondhand*. Satu lagi masalah yang mendatangkan perasaan tidak puas hati ialah sistem mySIKAP yang tersangat lambat. Oleh kerana sistem komputer tidak boleh berjalan dengan lancar dan licin dan selalunya berlaku komputer itu *hang* dan sampai kerja-kerja tidak boleh buat.

Jadi, kerja yang dulunya memerlukan hanya beberapa jam untuk dibereskan sekarang ambil masa beberapa hari. Saya fikir bahawa perkara ini harus diambil perhatian oleh kerajaan dan satu lagi isu yang saya difahamkan ialah sistem mySIKAP ini tidak boleh bersambung dengan jabatan kerajaan yang lain seperti trafik, kastam ataupun Polis Trafik dan sebagainya. Jadi misalnya, kalau kita sudah bayar saman di balai polis, kita pergi ke JPJ, dia tidak ada rekod bahawa saman itu sudah dibayar. Oleh itu, orang yang berkenaan masih tidak boleh membaharuinya lesennya.

Jadi, yang keempat ialah saya difahamkan bahawa kalau ada sesebuah kereta yang sudah hilang dan sekiranya pemilik hendak guna balik nombor lama itu, sekarang tidak boleh, tidak mungkin. Ada nombor-nombor yang tertentu, yang pemilik hendak simpan memang susah. Isu kelima ialah saya difahamkan bahawa sekiranya ada data yang sudah tersalah dimasukkan di data bank JPJ, jadi pemilik sendiri kena tampil ke JPJ untuk membuat pembetulan dan ini sudah menjelaskan perniagaan *runner*. Oleh kerana kalau pemilik sendiri kena datang ke JPJ, mereka tidak perlukan *runner*.

Yang terakhir ialah saya difahamkan bahawa ramai pegawai JPJ sendiri tidak biasa dengan sistem mySIKAP itu dan oleh itu dari segi pelaksanaan memang banyak mendatangkan masalah. Ya, sekian saja yang saya hendak bangkitkan di Dewan yang mulia ini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya bercadang pukul 4.15 kita hendak bagi Yang Berhormat Menteri mula menjawab. Dua sebelah sini, dua sebelah sana ya. Saya bagi Yang Berhormat Bandar Kuching. Sila Yang Berhormat Bandar Kuching. Ya, sila-sila. Jangan panjang-panjang ya. Kalau boleh lima minit seorang. Ya.

### **3.48 ptg.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada tiga perkara yang saya ingin bangkitkan dalam perbahasan saya. Pertamanya adalah mengenai kereta yang mempunyai cermin gelap yang amat banyak telah dipandu di Bandaraya Kuching kebelakangan ini dan nampaknya JPJ dan pegawainya tidak buat apa-apa untuk mengehadkan perkembangan kereta yang bercermin gelap sehingga ramai orang awam yang berasa tidak selamat semasa mereka memandu di jalan raya dan di tepinya ada kereta yang bercermin gelap. Tidak tahu siapa di dalamnya dan kebanyakannya banyak kali semasa ada penjenayah-penjenayah pecah masuk rumah. Kebanyakan penjenayah itu dipandu dalam kereta yang bercermin gelap.

Oleh itu, saya seru kepada kerajaan supaya pegawai JPJ boleh mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap perkara ini. Keduanya adalah mengenai peruntukan untuk membangunkan pengangkutan awam di Bandaraya Kuching juga. Saya terima satu jawapan daripada kementerian dalam Mesyuarat ini bahawa untuk tahun 2010 hingga 2013, empat tahun, sejumlah RM7.5 juta sahaja peruntukan untuk membangunkan pengangkutan awam di Bandaraya Kuching.

### **■1550**

Maksudnya satu tahun lebih kurang RM1 juta sahaja untuk pengangkutan awam di Bandaraya Kuching. Apa boleh sejumlah peruntukan yang begitu kurang buat untuk membangunkan pengangkutan awam di Kuching sehingga sekarang masalah *traffic jammed* di Kuching pun semakin hari semakin teruk. Saya masih ingat beberapa tahun lalu semasa kerajaan mengumumkan kenaikan harga minyak, satu alasan yang diberi oleh Perdana Menteri adalah untuk membangunkan pengangkutan awam di negara ini. Akan tetapi orang Sarawak semasa harga minyak naik kita bayar lebih tetapi nampaknya kita tidak menikmati apa-apa duit yang kita bayar dan pengangkutan awam di bandar raya terus diabaikan.

Oleh itu saya rasa polisi yang mendiskriminasikan Sarawak dan Bandaraya Kuching khususnya haruslah dihentikan dan peruntukan yang lebih haruslah disalurkan kepada Bandaraya Kuching untuk membangunkan pengangkutan awamnya kerana sekarang penduduk di Bandaraya Kuching lebih kurang sampai 800,000 sudah dan bukan satu bandar yang kecil. Ia adalah satu bandar raya yang keempat terbesar di negara kita. Tidak munasabah kita hanya memperuntukkan RM7.5 juta sahaja untuk pengangkutan awam di Bandar raya Kuching.

Isu ketiga adalah mengenai PUSPAKOM. Sehingga masa ini, PUSPAKOM merupakan satu syarikat yang tunggal yang boleh memeriksa kereta *for the purpose of JPJ*. Saya rasa kuasa monopoli ini harus dihentikan. Kerajaan harus mewujudkan satu *guideline* dan syarat-syarat supaya

syarikat-syarikat mekanik boleh juga kalau mereka *satisfied guideline* atau syarat-syarat itu, mereka juga boleh menjalankan pemeriksaan kereta untuk *license renewal* atau untuk memindah pemilikan kereta. Sebagai kesimpulan, secara prinsipnya kita memang bersetuju bahawa kereta yang dipandu di jalan raya haruslah selamat tetapi untuk mencapai tujuan ini kita tidak haruslah membebankan rakyat dan pemilik-pemilik kereta dengan mengadakan lebih banyak syarikat yang boleh menjalankan pemeriksaan kenderaan yang akan meringankan beban pemilik kereta dan orang awam. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Hulu Rajang.

### **3.53 ptg.**

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perayaan hari Krismas akan tiba. Hendak pergi ke Hulu Rajang satu sahaja, gunakan ekspres. Penduduk di kawasan saya bergantung kepada bot ekspres sahaja dengan Butiran 040200. Oleh itu, saya mohon agar kementerian dapat membaiki ciri-ciri keselamatan di bot ekspres agar penumpang-penumpang dapat menggunakananya dengan selamat. Setengah daripada bot ekspres ini sering kali mengabaikan faktor keselamatan seperti membawa penumpang lebih muatan dan juga spesifikasi bot ekspres tidak menepati syarat keselamatan. Contohnya Tuan Pengerusi, mempunyai satu pintu kecemasan sahaja. Saya amat berharap agar kementerian mengarahkan supaya perkara supaya tragedi bot ekspres karam di Long Dungan Belaga yang mengorbankan nyawa pada 28 Mei yang lepas tidak berulang lagi.

Maka saya berharap agar pihak kementerian dapat bekerjasama dengan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dalam mempergiatkan usaha untuk membaiki ciri-ciri keselamatan bot ekspres seperti memastikan bot-bot ekspres yang beroperasi mempunyai jaket keselamatan mencukupi berhampiran tempat duduk penumpang serta memastikan juga bot-bot yang beroperasi mempunyai sekurang-kurangnya empat pintu keselamatan yang mempunyai keluasan yang sesuai serta mudah dibuka jika kemalangan. Pengguna bot ekspres juga harus diwajibkan dan mematuhi perincian keselamatan dan tindakan tegas harus dikenakan ke atas pengusaha bot ekspres yang gagal mematuhi perincian keselamatan yang ditetapkan.

Butiran 040400 – Keselamatan Pelayaran. Kejadian bot dan kapal tongkang karam bukan lagi cerita asing di kalangan penduduk di kawasan Sungai Rajang dan kawasan Baleh di kawasan saya. Persoalannya, apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian di dalam membersihkan bangkai bot dan kapal yang tersadai dalam dasar Sungai Rajang dan Sungai Baleh. Saya khuatir bangkai bot dan kapal ini membahayakan keselamatan pengguna iaitu pengguna di rumah panjang menggunakan bot terutamanya ketika air surut dan juga pada waktu malam.

Di sini saya ingin mohon agar melalui peruntukan sebanyak RM44 juta tersebut, pihak kementerian dapat membekalkan kapal yang mempunyai kelengkapan yang secukupnya untuk memudahkan tugas mengeluarkan bangkai bot atau kapal yang di dasar sungai. Kerjasama

kementerian dan lembaga sungai dalam membersihkan bangkai bot dan kapal adalah penting demi keselamatan pengguna bot kecil di kawasan saya.

Butiran 13300 – Pembinaan dan Menaiktarafkan Infrastruktur Lapangan Terbang. Di kawasan ada lapangan terbang ketika dahulu dalam tahun 80-an. Jadi saya mohonlah kepada kementerian supaya dapat mempertimbangkan ataupun pembukaan semula Lapangan Terbang Kapit- *Airfield Lot 505, Block 13, Manuan Land* yang berkeluasan 6,402 hektar sepanjang landasan 1,930 kaki. Saya berharap agar Lapangan Terbang Kapit dapat dinaiktaraf kerana ianya penting bagi kes kecemasan dan untuk membawa pesakit yang kritikal ke Hospital Kuching, Sibu dan sebagainya.

Butiran 30000 – Pembesaran dan Menaik Taraf Lapangan Terbang Kuching/Miri/Sibu/Mukah/Padang Terbang Bario. Di sini saya ingin menyentuh khusus mengenai Lapangan Terbang Sibu. Saya berterima kasih kepada kerajaan telah menyalut peruntukan yang besar untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sibu yang kini berwajah baru. Namun, saya berpendapat wajar bagi kementerian untuk melengkapi lapangan terbang ini dengan mesin *scanning* bagi memasukkan kargo dan bagasi dari kapal terbang yang mendarat dari Lapangan Terbang Sibu.

Pada 27 November tahun ini yang lepas, satu rampasan telah dibuat apabila dua warga asing cuba menyeludup masuk 74 kilogram melalui Lapangan Terbang Sibu. Mereka dipercayai menggunakan *airport* ini sebagai satu transit untuk usaha mengedarkan dadah ke destinasi yang lain yang kita tidak ketahui. Jadi jumlah rampasan ini yang terbesar bagi tahun 2013 dan tidak mustahil ini bukan kali pertama cuba menyeludup masuk dadah di lapangan terbang ini, maka tiada siapa yang tahu berapa banyak dadah yang telah lepas. Saya berharap supaya kementerian dapat mengambil tindakan dan memasangkan *scanning machine* di Lapangan Terbang Sibu. Dengan itu, sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Penggerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya selepas Yang Berhormat Raub, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Menteri jawab. Yang Berhormat Langkawi, boleh mencelah Yang Berhormat Langkawi. So, 4.15 petang Yang Berhormat Menteri menjawab. Lima minit seorang. Kalau bagi tiga minit, ada peluang Yang Berhormat Langkawi.

### 3.59 ptg.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Terima kasih Tuan Penggerusi. Butiran 050000, 050100 - Pengangkutan Udara dan untuk tujuan *supervisory* dan mengujudkan infrastruktur. Cerita yang paling menarik mutakhir ini ialah mengenai MAS dan kita semua, rakyat Malaysia semua sayangkan MAS dan mahu Kementerian Pengangkutan mengambil langkah-langkah untuk menyelamatkan MAS.

Jadi saya terbaca dalam keluaran *The Edge* dua minggu yang lalu bahawa CEO MAS dengan bangga menyebut bahawa kos mesti diturunkan untuk memastikan MAS terus terbang. Ini bukan satu *statement* yang bertaraf *rocket scientist* punya kenyataan, semua orang tahu *cost cutting* adalah suatu yang fundamental untuk menyelamatkan MAS dan Pengarah Urusan memberi tahu bahawa strateginya ialah mengisi kerusi penumpang tapi saya pernah diberitahu oleh seorang bekas Menteri Kewangan yang menggunakan nama samaran *The Oracle of Syed Putra* bahawa kerusi yang dijual ialah kerusi *Economy Class*. Ejen-ejen MAS yang berada di luar negara tidak menjual kerusi-kerusi *business* dan kerusi-kerusi *First Class* malah mereka duduk di sana bertahun-tahun, anak sekolah di sana dan sampai beranak cucu tetapi mereka lebih asyik menjadi ejen untuk menjual tiket untuk *airlines* lain. Jadi saya harap Kementerian Pengangkutan memantau perkara ini

Akan tetapi kenyataan CEO MAS juga amat mengelirukan. Apa guna mendapat dan mengisi *passenger* yang ramai jika hanya berjaya menunjukkan kerugian sebanyak RM325 juta untuk *quarter* ketiga 2013. Bagaimana kos operasi? MAS kehilangan RM4.1 juta satu hari, salah satu kos operasi yang tinggi ialah penggajian dan pengambilan kerja beberapa konsultan yang digelar dan dikenali sebagai *the Bollywood and the Hollywood stars* yang dianggap dapat membantu keadaan MAS. Kebanyakan mereka adalah *rejects* daripada industri penerbangan lain tetapi MAS termakan dengan keterampilan palsu mereka ini. Kenapa menggaji dan membayar mereka dengan begitu tinggi jika prestasi yang dapat ditunjuk ialah kerugian RM4.1 juta sehari. Buktikan kesungguhan MAS untuk mengurangkan kos operasi dengan melepaskan *deadwood consultants* ini.

Salah seorang pengaruhnya saya nak bagi tahu dengan nama dia sekali ialah Dr Hugh Dunleavy, *was made redundant by Westjet*. Kontraknya dengan MAS akan tamat 15 Januari 2014. Saya hendak tahu adakah khidmatnya akan disambung oleh Pengarah Urusan MAS untuk memimpin dia mengemudi MAS. Dr. Hugh Dunleavy ini adalah daripada *low cost airline* dan dia dilantik sebagai konsultan semasa ketika MAS dan Air Asia membuat *share swap* dahulu. Ini seperti mengambil seorang *driver bas mini* untuk memandu bas *luxury* nasional. Kemudian MAS ada beberapa lagi konsultan yang didatangkan dari India. Salah satu daripadanya ialah Mr. Suhas Kutty yang dikatakan pakar *aviation industry* tetapi mempunyai kelayakan hotel *administration* daripada India. Seorang lagi yang *redundant* daripada *Westjet* ialah Mr. Duan Biro. Bagaimana MAS menjustifikasi kerugian ini yakni RM4.1 juta sehari.

Kalau kita dengar penerangan Pengarah Urusan MAS, *the loses were due to increase competition, impacting yields, higher expenses effect by the weakening Ringgit against the US Dollar, increased charges of oversea airport- including higher over flying charges, and an intensive advertising program to build the Malaysia Airlines brand, and increased finance cost*, hanya-airlines lain pun berdepan dengan kos-kos yang serupa, kos-kos yang disebut tadi bukan hanya unik kepada MAS sahaja. Kenyataan seperti ini membodohkan kerajaan khususnya Kementerian

Pengangkutan, kerana menyalahkan prestasi buruk MAS kepada *competition, higher expenses, foreign exchange, higher charges, dan increase finance cost...*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Raub, gulung.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Kecekapan MAS Tuan Pengerusi, tidak meningkat dengan Pengarah Urusan membuat laporan polis ke atas ketua *unionnya*. Sukalah saya memberitahu, kecekapan meningkat jika *management competency* dan *managerial common senses* wujud di kalangan pengurusan tertinggi MAS. Langkah pertama ialah kita *jettison* semua penasihat dan konsultan yang mengenakan kos yang tinggi kepada MAS.

Akhirnya, satu *operating cost* yang tinggi ialah kontrak katering selama 25 tahun dengan LSG Sky Chefs Berahim Sdn. Bhd. Kenapa MAS tidak mencari jalan membatalkan kontrak ini atau *renegotiate*? Ini menyebabkan 'pendarahan' dalaman kepada MAS. Ianya mengenakan kos RM6.25 bilion untuk 25 tahun atau RM250 bilion satu tahun. Tidak ada sistem penerbangan lain yang dibebani seperti MAS untuk menanggung satu *high catering bill* yang bernilai RM250 juta setahun, untuk 25 tahun. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Limbang.

#### 4.05 ptg.

**Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 080300 – Subsidi Perkhidmatan Udara Luar Bandar dan Sewaan Pajak Pesawat (RAS).

Jadi pada masa ini kita di Limbang, penerbangan antara Miri dengan Limbanglah menggunakan ATR boleh dikira antara harga penerbangan yang paling mahal dibandingkan dengan perjalanan antara Miri ke Kuching dan sebagainya. Jadi kita ingin mintalah kepada Kementerian, kita tahu yang Limbang ini adalah di bawah *is a subsidize* tetapi subsidiya masih juga menjadi beban kepada rakyat di sana. Kita ucapkan terima kasih juga, walau bagaimanapun kita ucapkan terima kasih kerana kerajaan telah pun mengurangkan kepada kalau pesakit itu dengan pengiring untuk di bawa ke luar Limbang melalui pesawat kalau ada surat daripada doktor, RM50 sahaja.

Itu kita ucap terima kasihlah tapi yang sakit itu berapa orang sahajalah tapi yang banyak itu yang hari-hari inilah. Jadi kita kalau bolehlah mungkin kerajaan dapat *just stretch a little bit* lah dalam membantu untuk meringankan harga penerbangan dari Limbang ke Miri, *vice versa* ini. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kluang. Lepas Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Langkawi lepas itu Menteri jawab.

#### **4.07 ptg.**

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pendek sahaja Yang Berhormat Kluang ya.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Okey. Saya merujuk kepada Butiran 010100, isu kemalangan, bahawa kemalangan pada 22 Ogos 2013 di Genting Highlands yang melibatkan kematian 37 penumpang bas. Saya minta kalau boleh satu *inquiry* bukan sahaja di peringkat kementerian, bukan di peringkat penasihat tetapi satu *inquiry* yang seperti apa yang diadakan pada tahun 1988 berikutan kemalangan jeti di Butterworth. Satu suruhanjaya yang diketuai oleh Mendiang Tan Sri Chan Ling Tat, di peringkat *Royal Inquiry* dan bukan di peringkat kementerian sahaja. Isu kemalangan bas telah berlaku beberapa kali dan yang terlibat Genting Highlands ini memang yang paling serius. Tidak pernah satu kemalangan yang melibatkan 37 kematian, so saya minta kementerian mengambil perkara ini secara serius bukan sahaja ada *inquiry* di peringkat kementerian tetapi satu *Royal Inquiry*.

Saya nak bincangkan isu Butiran 070000 – Kemalangan ataupun Keselamatan Jalan. Saya nak sokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi. Kemalangan di Malaysia memang tinggi dan saya ingin merujuk kepada kajian oleh seorang profesor, Mohd Marizuawan Abdul Manan bahawa dia kata dengan izin, *Malaysia had the highest fatality risk- per hundred thousand population in the world since 1996*. Bermakna bahawa kemalangan motosikal ataupun risiko kemalangan di Malaysia adalah paling tinggi di seluruh dunia dan ini memerlukan kita mengambil satu *paradigm shift* di mana pengangkutan awam mesti diberikan pertubuhan dan bukan sahaja bina jalan lagi.

Kita perlukan pengangkutan awam yang baik dan dengan ini saya merujuk kepada muka surat 369 dokumen Anggaran Belanjawan, di bawah seksyen objektif jelas kementerian mengatakan bahawa salah satu objektifnya sebagai menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam dan barang yang berhubung tanpa sempadan, *seamless cemerlang dan selamat*.

#### **■1610**

Akan tetapi SPAD tidak diletak di bawah Kementerian Pengangkutan, dan juga *MRT Corporation*, Prasarana juga di luar Kementerian Pengangkutan. Saya minta kerajaan untuk selaraskan dan letakkan agensi-agensi yang melibatkan ataupun ada peranan dalam pengangkutan awam, di bawah Kementerian Pengangkutan supaya dasar boleh dirancang, boleh digubal secara...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kluang, gulung ya.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Okey. Sebelum saya mengakhiri, saya minta kementerian adakan satu *route map* untuk kereta api.

Saya rujuk kepada Butiran 080400, 080500, 080600, 080700 dan 081200 bahawa KTM tidak ada *route map*. Kalau kita baca peruntukan untuk kereta api tahun ini, memang peruntukan

sudah dikurangkan. Saya hendak tanya, saya hendak minta kementerian berikan kenyataan yang jelas, adakah KTM akan diswastakan, dan adakah sudah ada satu jadual, *is there a schedule*, dan kepada siapa KTM akan diswastakan? Adakan KTM akan diswastakan kepada Tan Sri Syed Mokhtar- MMC, ataupun kepada pihak lain, dan apa prosedurnya? Adakah dengan *open meeting* ataupun sudah diputuskan akan diswastakan kepada MMC. Saya minta jawapan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Kluang, bagi laluan sikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak apalah. Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Saya jemput Yang Berhormat Langkawi.

#### 4.12 ptg.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Langkawi ingin menyentuh tentang 020000 - Pengangkutan Laut, dan 020200 Kawalan Industri.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, bahawa Langkawi ini kita mempunyai perkhidmatan feri tetapi pada masa sekarang ini, feri ini dalam kawalan sebuah konsortium, yang berpakat untuk menentukan harga feri dan sebagainya, menyebabkan keadaan ini tertekan oleh masyarakat. Baru-baru ini mereka cuba untuk menaikkan harga tambang feri untuk penduduk Langkawi kepada RM3, lebih daripada apa yang ada sekarang. Jadi keadaan itu sentiasa berlaku setiap tahun. Apabila dekat sahaja dengan bulan November, mereka sahaja buat surat untuk minta naikkan. *Alhamdulillah* kementerian dapat mengawal keadaan itu.

Akan tetapi saya berpendapat bahawa, dengan adanya konsortium ini, mereka seolah-olah memonopoli dan baru-baru ini kita lihat bahawa terdapat satu akta Anti Monopoli...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru bangun Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Minta celah sedikit boleh? Tumpang sedikit ya tentang Yang Berhormat punya isu.

Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan dan menumpang Yang Berhormat Langkawi tentang isu *airport* di Pulau Pinang. di mana kita telah membelanjakan lebih RM250 juta, tetapi banyak masalah. Tahun 2012- kita ada kebocoran bumbung, Julai 2012 ada gangguan bekalan elektrik, minggu lepas banjir teruk. Jadi saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri jawab kepada kita, dan juga kepada Yang Berhormat Langkawi, kenapa ia berlaku, dan apakah cara untuk membaiki situasi ini? Kita tidak mahu *airport* itu satu *port of entry* yang cukup penting tetapi malah kalau pelawat-pelawat datang ke Pulau Pinang.

Soalan seterusnya adalah...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Eh, ada lagi?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sedikit sahaja. Adakah *airport* ini akan diextend kerana kita perlukan pesawat yang lebih banyak, dan *airport* sekarang telah mencapai kapasiti maksimum 5 million. Adakah kerajaan akan naik taraf *airport* lagi? Terima kasih Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, bersangkut-paut dengan kartel feri Langkawi, saya melihat bahawa terdapat satu akta baru iaitu Anti Monopoli yang mana MAS dan juga AirAsia telah pun dikenakan denda RM10 juta setiap satu, kerana memonopoli dalam industri penerbangan.

Jadi saya ingin membawa kepada perhatian kementerian, agar melihat keadaan kartel yang berlaku ke atas feri Langkawi. Kerana kita tidak mahu keadaan monopoli ini memberi bebanan kepada masyarakat dan tidak mengendahkan tentang servis ataupun perkhidmatan yang sepatutnya diberikan kepada pelancong dan rakyat. Sekiranya kita ada syarikat-syarikat lain yang boleh masuk dalam sistem, sudah tentu harga akan bertambah baik-turun, dan servis akan bertambah meningkat.

Di samping itu saya juga ingin menarik perhatian kepada Butiran 020300 - Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan. Di mana Kuala Kedah, Jeti Kuala Kedah dipunyai atau dikawal oleh Kementerian Pengangkutan- Jabatan Laut, tetapi malangnya apabila sampai ketika bulan-bulan cuti bulan November dan Disember, terlampau ramai dan sesak sehingga menjadi suasana yang tidak nyaman di tempat itu.

Saya mohon supaya Jeti Kuala Kedah ini dapat diupgrade, agar *first impression* bila datang ke Langkawi, akan lebih baik. Ada di antara kawan-kawan saya pergi ke situ, anak-anak dia kata tidak mahu datang Langkawi sebab masalah bersesak-sesak dan nak naik feri susah tetapi dengan kapal terbang nampaknya okey. Yang seterusnya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Langkawi, cukuplah.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Sedikit lagi. Satu lagi Tuan Pengerusi.

Saya ingin memohon di negeri Kedah ini diasingkan antara Suruhanjaya Pelabuhan dengan Pulau Pinang. Sekarang ini contohnya di Langkawi, kita kena bayar RM1 juta setahun kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Mengapa kita kena bayar kepada Pulau Pinang sedangkan negeri, negeri Kedah? Jadi saya mengharapkan supaya kerajaan dapat mewujudkan satu suruhanjaya khas untuk pelabuhan negeri Kedah.

Akhir sekali ialah di *Airport* Langkawi. Tahun lepas apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan salah seorang ketua negara Arab datang ke Langkawi, tiba-tiba tidak boleh turun kereta yang dibawa untuk turunkan mereka tidak boleh berfungsi dengan baik, menyebabkan ada regangan antara tempat turun dan tempat pijak. Saya ingat setengah jam proses itu berlaku kerana tidak ada *aerobridge*. Jadi saya mohon supaya kementerian mengambil tindakan untuk membina *aerobridge* di *Airport* Langkawi. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri sila jawab.

#### 4.17 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara

berkaitan Kementerian Pengangkutan dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam... [Mencari YB Shah Alam] Yang Berhormat tidak ada ya?...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat boleh jawab bertulis atau... [Disampuk] Jawab bertulis sahaja.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Okey, saya jawab bertulis mengenai soalan Yang Berhormat Shah Alam.

Seterusnya, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Raub yang menyentuh bertanyakan sebab mengenai MAS. Tentang kerugian MAS. Kerugian MAS adalah disebabkan faktor-faktor seperti berikut. Antaranya ialah struktur kos yang lebih tinggi akibat kos bahan api yang tinggi kerana tambahan kapasiti dan *frequency* penerbangan. MAS juga memerlukan jangka masa yang panjang untuk *recover* kos tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, kos bahan api MAS untuk suku ketiga 2013 telah meningkat sebanyak 16%. Seterusnya persaingan yang sengit daripada syarikat penerbangan yang sedia ada dan yang baru. MAS cubakekalkan kompetitif dari segi harga tiket, dan ini telah menjelaskan keuntungan.

MAS juga telah mengambil langkah-langkah seperti berikut, antaranya mengurangkan kos operasi di dalam segala aspek perniagaan, tanpa menjelaskan kualiti perkhidmatan MAS. Walau bagaimanapun, *load factor* MAS pada tahun ini adalah 85% yang merupakan satu rekod yang tertinggi dalam sejarah MAS. Seterusnya MAS juga menawarkan produk premium pada harga yang kompetitif.

Ada Ahli yang bertanyakan mengenai sebab MAS mengurangkan frekuensi penerbangan KL-Sandakan. Untuk makluman Yang Berhormat Kinabatangan, keputusan untuk mengurangkan frekuensi penerbangan KL-Sandakan daripada 11 kali seminggu, kepada tujuh kali seminggu, adalah merupakan keputusan komersial MAS, dan tidak mempunyai kaitan dengan mana-mana syarikat penerbangan yang lain.

## ■1620

Mengenai sebab MAS mengalami kerugian, isu ketua atau CEO MAS, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Raub dan juga Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Putatan dan juga Yang Berhormat Sekijang yang telah membangkitkan isu-isu seperti berikut, kerugian MAS, isu kredibiliti Ketua Pegawai Eksekutif MAS, isu penamatan pekerja MAS, pelantikan lapan orang ekspatriat asing, penukaran warna pesawat, pelantikan konsultan dan cadangan penutupan pejabat-pejabat MAS di luar negara. Sebenarnya isu-isu ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pengangkutan.

Mengenai *air traffic control* Lapangan Terbang Sandakan yang dikendalikan secara manual. *Air traffic control* di Lapangan Terbang Sandakan adalah menggunakan teknik *procedural* yang telah diluluskan oleh ICAO ataupun Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa dan ia terbukti selamat.

Seterusnya mengenai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan dan juga Yang Berhormat Kota Kinabalu berhubung dengan Lapangan Terbang Kota Kinabalu yang masih belum siap dibina dan seterusnya perkara-perkara tentang penamatkan kontrak. Untuk makluman, jumlah yang telah dibayar kepada pihak kontraktor asal yang telah ditamatkan kontrak adalah sejumlah RM721.63 juta. Tiada sebarang bayaran tertunggak oleh kementerian kepada kontraktor tersebut. Untuk makluman, kementerian pada tahun ini telah melantik kontraktor-kontraktor baru bagi menyiapkan kerja-kerja sivil dan kerja-kerja mekanikal dan *electrical* dan jumlah kos kontrak kerja tersebut adalah sebanyak RM194.8 juta.

Mengenai ILS, banyak Ahli Yang Berhormat bertanyakan mengenai isu- daripada Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu juga membangkitkan ILS yang telah disimpan agak lama. Sebenarnya, operasi pendaratan tanpa *Instrument Landing System* (ILS) ini di KKIA tidak membahayakan keselamatan kapal udara. Ia bertujuan meningkatkan kecekapan pendaratan, bukannya keselamatan.

Pada keadaan cuaca buruk tanpa mengira ada atau tidak ada peralatan ILS ini, pesawat masih perlu *divert* sekiranya jarak penglihatan juruterbang jatuh di bawah paras minimum yang ditetapkan. Kerja-kerja ILS telah diberi keutamaan oleh kementerian dan kontraktor baru bagi menyiapkan kerja-kerja ILS telah pun dilantik. Untuk makluman, sistem ILS bagi *runaway* 20 akan disiapkan pada 30 April 2014.

Seterusnya menyentuh Ahli Yang Berhormat Putatan mengenai...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Penjelasan, penjelasan.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Sila.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan Laporan EIA untuk pembinaan ILS ini, saya ingin bertanya sama ada laporan EIA ini sudah diluluskan atau macam mana. Ataupun pembinaan ILS diteruskan tanpa kelulusan EIA atau macam mana.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Pengerusi, mengenai EIA, sebenarnya telah mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Alam Sekitar. Pada asalnya kajian EIA telah dibuat oleh syarikat kontraktor dan mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar pada 13 Februari 2007.

Kajian EIA ini adalah bagi kawasan penebus guna tanah termasuk *assessment of hydraulic impact from approach light foundation*. Walau bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar mengenakan syarat tambahan kepada kontraktor pada tahun 2010 dan syarat tambahan dikenakan kerana JPAS mendapati berlakunya hakisan pantai berikutan kerja-kerja tebus guna. Seterusnya dalam konteks ini, pihak kontraktor dikehendaki membuat kajian EIA dan pihak kontraktor telah menyatakan dalam kontrak utama iaitu klausula 26, *compliance with statute regulation* dan klausula 84.3, *compliance of law*. Pihak kontraktor telah menggunakan satu sistem yang mana akhirnya diterima oleh pihak EIA.

Seterusnya untuk menjawab yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Putatan mengenai isu pelupusan kereta berusia lebih daripada 12 tahun. Merujuk daripada data JPJ, jumlah terkumpul kenderaan yang berusia lebih daripada 12 tahun yang mendaftar di Malaysia dianggarkan 10 juta kenderaan. Di sini ingin ditegaskan bahawa kerajaan setakat ini tidak bercadang untuk melaksanakan pelupusan kereta yang berusia melebihi 12 tahun di jalan raya seperti yang dilaporkan di media-media baru.

Seterusnya, Yang Berhormat Putatan juga menyentuh mengenai kempen melalui JKJR. Untuk makluman Yang Berhormat Putatan dan juga Yang Berhormat Jerlun, yang telah menyentuh mengenai pendidikan keselamatan jalan raya. Jabatan Keselamatan Jalan Raya ada melaksanakan kempen media keselamatan jalan raya melalui surat khabar, radio, televisyen dan internet. Kempen media ini hanya mampu ditumpukan semasa musim-musim perayaan, cuti umum, cuti sekolah dengan bilangan slot yang terhad.

Jabatan Keselamatan Jalan Raya juga dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan pendidikan keselamatan jalan raya pada tahun 2007 melalui pengajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia. Sehingga tahun 2013, pelajaran keselamatan jalan raya telah dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah Tahun 1 hingga Tahun 6 dan sekolah menengah Tingkatan 1 hingga Tingkatan 2. PJKR ini akan dikembangkan ke Tingkatan 3 pada tahun 2014.

Selain itu juga, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan mengenai program *Community Based Program* keselamatan jalan raya, Jabatan Keselamatan Jalan Raya mempunyai pejabat di setiap negeri dan setiap pejabat melaksanakan program *Community Based Program* keselamatan jalan raya dua minggu sekali di syarikat-syarikat, sekolah-sekolah, universiti dan lain-lain bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penggunaan jalan raya.

Seterusnya mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani juga mengenai JKJR, apakah perbelanjaan dibuat, peruntukan melalui One-Off. Peruntukan perbelanjaan One-Off di bawah JKJR digunakan untuk membayai percetakan, pembekalan dan pengedaran pakej modul keselamatan jalan raya di sekolah menengah untuk Tingkatan 1, 2 dan 3. Seterusnya, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kota Kinabalu...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang, sila.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan kempen keselamatan jalan raya. Hari ini kita tengok, kalau kita lalu di *highway*, boleh kata semua Yang Berhormat yang menggunakan lebuh raya, kita lihat bagaimana tidak ada siviknya terutama daripada kalangan pemandu bas dan juga pemandu lori yang kita lihat begitu tidak sivik dan kita anggap mereka merupakan punca kepada kemalangan yang berlaku di lebuh raya.

**■1630**

Persoalan saya, selalunya kadang-kadang yang dibuat oleh pihak JPJ ataupun polis, setiap kali berlaku *accident*, kemalangan yang mengerikan barulah kita akan buat satu *spot-check*, kadang-kadang JPJ duduk Jalan Duta, naik atas bas periksa lesen pemandu. Selepas sejuk cerita itu, kes itu hilang begitu.

Keduanya kita tengok banyak juga pemandu bas sepatutnya ada dua dan sekarang kita tengok ada pemandu bas hanya seorang sahaja. Bagaimana keselamatan yang akan terjamin kepada penumpang-penumpang dalam keadaan pemandu yang perjalanan jauh sepatutnya dua orang, sedangkan dia berjalan hanya seorang. Saya pernah berbual dengan seorang pemandu, dia kata kami buat *rotate* dia kata. Hari ini tiga hari kami turun, esok pula dia boleh pergi bendang, dia boleh pergi sawah, lain pula orang lain pula pergi.

Jadi saya rasa ini satu tindakan yang amat berbahaya terutama di dalam untuk hendak menjaga keselamatan untuk penumpang-penumpang. Sehinggakan hari ini kalau kita naik bas ini bukan kita naik bas, kita anggap macam naik keranda. Keranda tahu keranda. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Mengenai pemandu bas yang tidak sivik, pihak JPJ pada bulan Oktober yang lepas telah mula menggunakan ataupun melancarkan satu Sistem Profil Pemandu di mana pemandu-pemandu yang mempunyai saman-saman yang banyak dan tertunggak, maka pemandu-pemandu ini akan dikenakan tindakan yang keras dengan menggantung lesen ataupun membatalkan lesen. Untuk makluman, ini adalah usaha untuk mengeluarkan pemandu-pemandu yang berbahaya untuk terus berada di jalan raya untuk menjaga keselamatan rakyat. Seterusnya pihak SPAD juga telah menggunakan satu sistem SOP antarabangsa kepada syarikat-syarikat pengangkutan awam untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan pengangkutan awam di Malaysia ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai penjelasan berapa banyak hutang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu, hutang emas kepada kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu, perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Akan tetapi ini di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Seterusnya untuk Butiran *One-Off* yang diminta oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Perbelanjaan Butiran *One-Off*, 100100 – Perkhidmatan Bantuan. Perbelanjaan ini adalah meliputi Butiran seperti berikut:

- (i) Perpindahan dan sewaan bangunan baru kementerian di Presint 4 Putrajaya dijangka siap pada Jun 2014;
- (ii) Pembangunan modal insan di bawah memorandum persefahaman dengan International Maritime Organization dan juga Integrated Technical Cooperation Program;
- (iii) Pengajuran mesyuarat Singapore-Kunming Rail Link (SKRL);

- (iv) Pengajuran Mesyuarat Ke-37 dan Ke-38 Pegawai Kanan Pengangkutan ASEAN dan Mesyuarat Ke-20 Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN;
- (v) Kos penyelidikan di bawah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS); dan
- (vi) penyelenggaraan *six car set trim*.

Butiran terperinci akan diberikan secara bertulis nanti.

Seterusnya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil, memohon penjelasan mengenai pengenaan caj yang berbeza. Seperti caj parkir dan caj pendaratan kepada AirAsia berbanding dengan syarikat-syarikat lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Katil, caj pendaratan dan caj pemarkiran yang dikenakan oleh Malaysia Airport Holding Berhad adalah sama kadarnya kepada semua syarikat penerbangan termasuk AirAsia. Cuma untuk makluman, kadar pendaratan di KLIA memang lebih mahal berbanding dengan KLIA2 kerana KLIA2 adalah kategori lapangan terbang untuk pesawat murah.

Seterusnya, menjawab soalan daripada Yang Berhormat Bachok...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Menteri, sikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma saya hendakkan penjelasan tadi diberitahu bahawa caj pendaratan dan pemarkiran di KLIA2 ini harganya sama seperti di LCCT, tidak bertambah sedikit pun. Ini kerana kita tahu LCCT ini jikalau dibandingkan dengan KLIA2, KLIA2 ini jauh lebih moden dan baik. Kenapa cajnya sama? Tidakkanlah kita tidak boleh kenakan sedikit bayaran yang lebih kerana pemodenan yang berlaku di KLIA2. Saya tidak nampak rasionalnya.

Saya tahu LCCT itu macam Stesen Bas Pudu sahaja. Saya hendak minta, apakah istimewanya AirAsia dan mungkin yang lain-lain kerana kita tahu AirAsia yang nampak ke depan dari segi kapal terbang murah ini. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya KLIA2 adalah satu lapangan terbang kategori penerbangan murah sedangkan KLIA lapangan terbang untuk *full service airline*. Jadi, duanya kategori yang berbeza dan kategori KLIA2 sebenarnya sama dengan LCCT, kategorinya sama. Cuma kali ini dengan perubahan teknologi dan industri penerbangan yang lebih *demanding*, maka pembinaan KLIA2 itu dibuat dengan meningkatkan mutu supaya ia memberikan keselesaan kepada pengguna. Jadi KLIA2 adalah sama kategorinya dengan LCCT.

Seterusnya untuk makluman Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bachok yang mana memohon kerajaan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu dan juga Yang Berhormat Machang. Untuk makluman Yang Berhormat Bachok dan Ahli Yang Berhormat Machang, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu telah dinaiktarafkan oleh kerajaan yang meliputi pemanjangan landasan daripada 1,981 meter kepada 2,400 meter pembinaan laluan teksi yang baru, apron helikopter. Projek ini telah siap sepenuhnya pada September 2011. Menyedari keperluan pembangunan masa depan lapangan

terbang ini, Kementerian Pengangkutan sedang di dalam peringkat perancangan dan kajian bagi menaik taraf lapangan terbang tersebut supaya ianya dapat memenuhi keperluan masa hadapan.

Seterusnya mengenai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bachok mengenai kematian yang tinggi disebabkan keadaan jalan yang tidak diselenggarakan dengan baik. Untuk makluman Yang Berhormat, penyelenggaraan jalan raya bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan tapi di bawah Kementerian Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Seterusnya, mengenai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong mengenai bila pelabuhan Pulau Pinang akan diswastakan. Pelabuhan Pulau Pinang akan diswastakan pada akhir tahun ini, dan penswastaan ini mengambil masa yang lama disebabkan rundingan syarat-syarat dan terma-terma penswastaan, baru dimuktamadkan baru-baru ini.

**■1640**

Seterusnya, mengenai perihal perkhidmatan feri yang dikurangkan daripada kekerapan asalnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan pembukaan Jambatan Pulau Pinang, jumlah penumpang dan kenderaan yang menggunakan feri telah berkurangan sebanyak 50%. Jumlah ini akan terus berkurangan apabila Jambatan Pulau Pinang yang kedua akan dibuka. Penang Port Sdn. Bhd. telah mengalami kerugian sebanyak RM14 juta hingga RM20 juta dalam perkhidmatan feri, dan jumlah ini akan meningkat dengan pembukaan jambatan baru yang disebutkan tadi. Dengan demikian, perkhidmatan feri perlu dirasionalisasikan.

Seterusnya mengenai...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Duduk Yang Berhormat. Bolehkah Ahli Yang Berhormat saya mohon persetujuan, kalau waktu Menteri menjawab, siapa Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu tiada di sini, bolehkah untuk menjimatkan masa supaya Menteri mengatakan dia jawab secara bertulis? *[Disampuk]* Ini kerana saya nampak ramai yang tidak hadir. Jadi Yang Berhormat, kalau menjawab nanti, kalau Yang Berhormat yang berkenaan tiada...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Jawab secara bertulis sahaja.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi, kami akan catat untuk beri - *if related* lah. Saya pun, kita pun hendak tahu juga.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bertulis. Kita setuju bertulis sebab yang tidak ada tidak perlu jawab. Bertulis lebih baik. Kita boleh ringkaskan. Kita ada banyak..., hendak jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi, tidak setujulah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, saya rasa jawab. Sebab Menteri menjawab kepada Parlimen, bukan jawab kepada Ahli Parlimen... *[Disampuk]* Jawab kepada seluruh Parlimen. Tidak boleh bertulislah Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila. Ini sudah kita buat sebelum ini. Jadi bermakna, ia tidak juga menyalahi peraturan mesyuarat. Silakan Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau mengenai penjual kereta yang menghadapi masalah mengenai urusan tukar milik.

Untuk makluman, JPJ telah mengambil makluman akan masalah tersebut yang dihadapi oleh penjual-penjual kereta terpakai dan beberapa siri perjumpaan dan perbincangan telah diadakan. Untuk makluman, saya sendiri telah mempengerusikan perbincangan tersebut dan telah memutuskan beberapa perkara untuk kemudahan penjual-penjual kereta terpakai yang mana proses tukar milik boleh dilaksanakan tanpa menggunakan pengesahan biometrik sehingga 31 Mac 2014. Jadi, telah diberi kelonggaran.

Seterusnya, mengenai kenderaan yang masih mempunyai maklumat tuntutan hak. Syarat ini bukanlah syarat baru yang ditetapkan oleh JPJ. Ia telah dikuatkuasakan sejak daripada penggunaan sistem lama lagi selaras dengan kehendak peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 di bawah seksyen 11(4).

Seterusnya, mengenai permohonan nombor hilang, dicuri oleh pemilik kenderaan. Permohonan menggunakan semula nombor kenderaan yang telah hilang/dicuri masih diterima dan diproses oleh JPJ.

Seterusnya, masalah pertindihan data sistem mySIKAP. Berkenaan masalah pertindihan data yang berlaku dalam sistem mySIKAP, JPJ mewajibkan pemilik untuk hadir ke JPJ untuk tujuan pengesahan data sebelum transaksi lain diteruskan. Perkara ini hanya melibatkan sebilangan kecil pemilik kenderaan sahaja bagi tujuan pembersihan data.

Seterusnya, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong dan Yang Berhormat Bayan Baru, kenapa masih berlaku banjir di Lapangan Terbang Bayan Lepas Pulau Pinang, dan seterusnya mengenai naik taraf dan membesarakan terminal. Untuk makluman Yang Berhormat, masalah utama adalah sistem perparitan direka cipta pada tahun 1970-an berdasarkan taburan hujan sekitar taburan hujan 20 mm sejam. Sekiranya taburan hujan melebih 20 mm sejam di kawasan sekitar dan air laut pasang ketika itu, maka kemungkinan besar banjir akan berlaku.

Faktor semula jadi kawasan lapangan terbang yang mempunyai paras air di bawah tanah yang tinggi menyebabkan sam direka bina di sekitar kawasan landasan bagi membolehkan lebih air di pam keluar ke laut. Setiap kali hujan turun, maka air bawah tanah dan air di kawasan sekitar akan mengalir ke kawasan lapangan terbang yang mengakibatkan kesan *bottleneck* iaitu sistem perparitan tidak mampu menampung lebihan air. Kawasan sekitar lapangan terbang begitu pesat membangun. Banyak kawasan perumahan yang baru seperti Sri Setia dan kawasan perindustrian dibangunkan. Ini telah banyaknya air larian. Air ini mengalir ke sungai melalui kawasan lapangan terbang. Sering kali sungai ini melimpah dan airnya masuk ke kawasan lapangan terbang terutamanya ketika air laut pasang akibat daripada *back flow*...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun]**

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Hanyutan sampah-sarap yang dibawa kawasan sekitar perumahan ini dialirkan ke kawasan lapangan terbang dan berlaku penyumbatan yang memburukkan lagi keadaan perparitan. Adalah dicadangkan beberapa kolam takungan ataupun *retention pond*, agar limpahan air tidak lagi mengalir ke kawasan lapangan terbang. Pihak MAB bersedia bekerjasama bagi menyelesaikan masalah ini.

Untuk makluman, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang sedang menyediakan kajian penyediaan Pelan Induk Saliran Air Ribut bagi Daerah Barat Daya Pulau Pinang, termasuk lapangan terbang bagi mengatasi masalah banjir. Kajian ini dijangka siap pada bulan November 2013.

Mengikut kajian Pelan Induk Lapangan Terbang Kebangsaan (MAMP), Lapangan Terbang Pulau Pinang- kapasiti landasan masih cukup untuk menampung keperluan operasi pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, pembesaran lapangan terbang ini telah dirancang seperti mana dalam Pelan Induk Lapangan Terbang Kebangsaan bagi menampung keperluan pengguna pada masa akan datang.

Seterusnya...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap ya. Terima kasih Tuan Pengurus dan terima kasih Menteri. Saya hendak tanya tentang lapangan terbang. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kawasan di sana dan hujan yang lebat menyebabkan sam tidak mencukupi dan juga kawasan *airport* yang rendah itu adalah antara faktor-faktor. Walau bagaimanapun, saya dapati bahawa apabila kita naik taraf satu lapangan terbang, ia memang kena *take into accounts of all the situations* dengan *design* sekali. Tidak akan kita belanja RM250 juta tetapi kita tidak naik taraf *designnya*? Kita tahu bahawa memang tidak mencukupi untuk menampung air yang banyak. *To me*, ini adalah *failure of design, failure* untuk merancang *plan ahead*, untuk menyelesaikan masalah yang memang sudah lama kita tahu wujud.

Jadi saya rasa ini, saya rasa Menteri kena berilah satu jawapan yang lebih telus. Adakah ini *failure of design, failure of contractor* atau... [Disampuk] Konsultan? Kalau konsultan tidak betul, kita kena *go after the consultant*, sebab *design* ini memang dia *signed*. Kita kena buat tindakan. Kalau tidak, tiap-tiap kali kita belanja RM250 juta, akhirnya sama juga, akhirnya banjir juga.

Saya hendak beritahu Menteri, sebenarnya dulu, 30 tahun *airport* yang lama, tidak pernah banjir sebegini. Saya ini orang Penang. Ini kawasan saya Bayan Baru. Selepas *airport* baru ini dibuka, pelbagai masalah seperti elektrik, bumbung runtuh, roboh, air turun dari langit seperti air terjun, *waterfall* dan sekarang banjir. Banjir bukan sekali, banyak kali. Ini malulah. Projek tiap-tiap kali beri kepada kerajaan naik taraf memang wujud masalah tetapi dahulu punya tidak jadi masalah. Sekarang kita tengok semalam, Yang Berhormat Kuala Terengganu juga, setiap hari bumbung runtuh, stadium runtuh. Sekarang kita punya *airport* macam ini. Ini satu yang cukup memalukan. Terima kasih.

■1650

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, seperti saya telah maklumkan tadi, ia berkaitan dengan keadaan sekeliling seperti pembangunan-pembangunan baru di sekeliling seperti mana perumahan baru telah bangunkan, kawasan perindustrian...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, pembangunan di luar...

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat ...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Catchments area...*

**Tuan Pengerusi:** ...Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi saya mencelah sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Kalau mencelah mesti mengikut peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Timbalan Menteri sedang menjawab, belum lagi satu, dua perkataan telah diganggu...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** ...Ahli-ahli Yang Berhormat, tolonglah Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau kita menunjukkan sikap bahawa kita lebih pandai daripada orang lain, kita juga harus menunjukkan sikap bahawa kita perlu dihormati oleh orang lain. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Untuk makluman Yang Berhormat, saya sudah maklumkan tadi pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang sedang menyediakan satu kajian penyediaan Pelan Induk Saliran Air Ribut bagi daerah Barat Daya Pulau Pinang termasuk dalam kawasan itu adalah Lapangan Terbang Bayan Baru bagi mengatasi masalah banjir yang timbul. Kajian ini dijangka siap pada November 2013, maknanya pada bulan yang lepas.

Seterusnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kuching mengenai...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi saya hendak mencelah sedikit tentang *airport...*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri memberikan laluan kepada beliau? Kerana ini *floor* Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tidak! Tidak- saya hendak jawab banyak lagi.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Untuk Ahli Yang Berhormat Kuching yang membangkitkan, mengapa peruntukan begitu sedikit di Bandar Kuching?

Berhubung dengan peruntukan pembangunan perkhidmatan pengangkutan awam di Sarawak, ia adalah di bawah tanggungjawab Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak. Oleh yang demikian, apa-apa peruntukan berdasarkan pengangkutan awam, diselaraskan bersama dengan Unit Perancang Ekonomi dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Sarawak, dan juga Jabatan Perdana Menteri.

Seterusnya mengenai status terdapat apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kluang, mengenai status terkini penswastaan KTMB. KTMB adalah merupakan salah satu anak syarikat penuh milik Kementerian Kewangan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan. Kementerian Pengangkutan tidak ada maklumat berkenaan cadangan penswastaan KTMB ini.

Seterusnya mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang mengenai membersihkan bangkai-bangkai bot di dasar...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Tuan Pengerusi...

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** ...Sungai Rajang.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** ...Jabatan Laut akan bekerjasama dengan Lembaga Sungai Sarawak bagi mengenal pasti tahap gangguan keselamatan pelayaran di Sungai Sarawak. Sebelum tindakan mengalih bot daripada sungai diambil...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kluang bangun.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga bertanya tentang kemalangan di Genting Highlands. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Saya hendak sebut tentang soalan Yang Berhormat Hulu Rajang dahulu. Untuk makluman, pengurusan sungai-sungai di Sarawak diuruskan di bawah kuasa Lembaga Sungai-sungai Sarawak. Jadi segala hasil dalam sungai-sungai Sarawak adalah di bawah naungan kerajaan negeri.

Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Langkawi mengenai kartel pengusaha feri di Langkawi dalam menaikkan tambah feri. Untuk makluman Yang Berhormat, tambang feri di Langkawi ditetapkan dan dikawal selia oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia. Oleh itu tidak timbul tambang feri dinaikkan sewenang-wenangnya oleh pengusaha-pengusaha feri di Langkawi.

Seterusnya mengenai Langkawi iaitu mengenai naik taraf Terminal Penumpang Kuala Kedah. Kementerian Pengangkutan Malaysia sedang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kedah dan Lembaga Pembangunan Langkawi menerusi Makmal Transformasi Kedah bagi memohon peruntukan daripada Kementerian Kewangan bagi tujuan untuk menaik taraf Terminal Penumpang Kuala Kedah. Pihak LADA juga akan mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia.

Seterusnya mengenai apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lanang mengenai penswastaan KTMB, saya telah sebut tadi bahawa penswastaan adalah di luar bidang Kementerian Pengangkutan.

Seterusnya mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan mengenai sikap penunggang motosikal yang tidak berhemah di jalan raya, dan isu pemandu baru wanita di jalan raya.

Pihak Kementerian Pengangkutan melalui agensi penguatkuasaan JPJ sedang berusaha untuk memperkenalkan modul Kurikulum Pendidikan Pemandu yang baru dalam masa yang

terdekat. KPP ataupun Kurikulum Pendidikan Pemandu yang baru ini telah ditambah baik berbanding dengan kurikulum yang sedia ada. Penekanan diberi kepada aspek kemahiran efektif dan psikomotor berbanding dengan kemahiran kognitif, kemahiran efektif membantu membentuk sikap pemanduan, manakala psikomotor pula merupakan kemahiran yang amat penting untuk mengendalikan kenderaan secara selamat dan berhemah.

Kurikulum Pendidikan Pemandu yang baru ini dijangka dapat menghasilkan para pemandu yang lebih bersikap baik, dan memiliki kemahiran, dan skil pemanduan yang lebih tinggi. Selain daripada itu, terdapat inisiatif lain seperti penguatkuasaan oleh JPJ dan PDRM, kempen dan program keselamatan jalan raya dan pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah.

Seterusnya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lanang. Mengapakah bayaran RM50 dikenakan kepada pengguna hanya untuk tiga perkara berbanding banyak perkara diperiksa sebelum ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemeriksaan berkala bagi kenderaan perdagangan, pemeriksaan dilakukan enam bulan sekali. Jumlah bayaran yang dikenakan ke atas pemeriksaan berkala adalah daripada RM55 kepada RM75 mengikut jenis kenderaan perdagangan yang diperiksa. Berikut adalah sebahagian perkara-perkara yang dikenakan untuk pemeriksaan berkala bagi kenderaan perdagangan, iaitu:

- (i) bahagian atas;
- (ii) bahagian gelincir CC;
- (iii) sistem *break*;
- (iv) sistem suspensi, berat dan muatan bawah 1500 kilogram;
- (v) asap; dan
- (vi) bahagian bawah.

Seterusnya soalan, apakah terdapat cadangan untuk menambahkan PUSPAKOM di Sibu? Setakat ini PUSPAKOM yang ada di cawangan Sibu adalah berhampiran dengan JPJ Cawangan Sibu, masih lagi berupaya menampung kapasiti aktiviti sehari-hari. Oleh itu tiada keperluan untuk menambahkan cawangan. Sebagaimana termaktub dalam konsesi perjanjian baru yang ditetapkan oleh Kementerian Pengangkutan, kawasan lingkungan aktiviti PUSPAKOM adalah di dalam lingkungan 100 kilometer bagi setiap cawangan PUSPAKOM.

Seterusnya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani mengenai ujian berkomputer untuk mendapatkan Lesen Memandu. Ujian Undang-undang Jalan Raya Bahagian 1, ialah ujian teori yang perlu diduduki oleh pemohon Lesen Memandu. Tujuan ujian teori dijalankan adalah untuk menilai aspek kognitif seseorang pelajar pemandu.

#### ■1700

Manakala ujian amali adalah untuk menilai aspek kemahiran ataupun psikomotor seorang pelajar pemandu. Kombinasi kedua-dua ujian teori dan amali ini merupakan amalan antarabangsa untuk menilai pelajar-pelajar memandu untuk melahirkan pemandu yang kompeten, mematuhi peraturan dan berhemah. Ujian teori secara berkomputer dijalankan oleh syarikat penyedia

perkhidmatan e-Kerajaan iaitu MyEG, KOMMS dan MySpeed. Kerajaan juga sentiasa memantau perkhidmatan yang diberikan oleh pusat-pusat ujian e-Khidmat.

Seterusnya, mengenai penyelewengan ujian memandu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan. Ujian memandu yang dijalankan di institusi memandu adalah mengikut *standard operating procedure* (SOP) yang ditetapkan. Kementerian amat memandang serius mengenai aduan penyelewangan dalam pelaksanaan ujian memandu dan akan mengambil tindakan sewajarnya, termasuk tindakan tatatertib kepada pegawai penguji dan aduan kepada SPRM.

Seterusnya, yang dibangkitkan lagi oleh Yang Berhormat Putatan dan juga Yang Berhormat Shah Alam mengenai peningkatan mutu pengujian dan pelesenan untuk mengatasi masalah pemandu yang kurang cekap. Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan mutu pembelajaran di institusi memandu bagi menghasilkan pemandu yang kompeten, mematuhi peraturan dan berhemah serta dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menggubal semula kokurikulum pendidikan pemandu yang sedia ada seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menambah baik kokurikulum yang dianggotai oleh MIROS, JPJ, JKJR, wakil universiti dan wakil industri latihan pemanduan. Dalam penghasilan KPP ini, kajian menyeluruh telah dilaksanakan merangkumi perbandingan kaedah pembelajaran pemanduan dengan negara-negara maju untuk disesuaikan dengan keadaan di Malaysia. Kokurikulum baru ini melibatkan rombakan kepada kokurikulum motokar transmisi manual dan motosikal serta pengenalan kepada kokurikulum motokar transmisi automatik. Kokurikulum baru berasaskan hasil pembelajaran *learning outcome based*, di mana penekanan akan diberikan kepada aspek kognitif kemahiran dan sikap yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2014.

Selain itu, terdapat inisiatif lain seperti penguatkuasaan oleh JPJ dan PDRM, kempen-kempen keselamatan dan pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah. Kerajaan juga bercadang untuk memperkenalkan kursus peningkatan etika pemandu kepada pesalah di bawah sistem mata *demerit* Keselamatan Jalan Raya (KEJARA) yang baru sebagai sebahagian daripada program pemulihan *remedial* sebagai langkah berterusan untuk mendidik pesalah untuk mengamalkan budaya selamat di jalan raya.

Seterusnya, mengenai penangguhan pelaksanaan MySIKAP sehingga April 2014. JPJ tidak berhasrat untuk menangguhkan pelaksanaan MySIKAP sehingga 1 April 2014. Usaha berterusan akan dilakukan untuk memastikan segala masalah yang berkaitan dapat diselesaikan sehingga MySIKAP berjalan lancar dan dapat diterima oleh orang ramai. Bagi mengatasi *backlog*, jabatan membuka kaunter pada hujung minggu kepada orang ramai.

Berhubung dengan masalah ketidaklancaran pelancaran sistem MySIKAP, perkara ini disebabkan JPJ memerlukan masa untuk proses *fine tuning*, dengan izin. Selain daripada itu, pelaksanaan juga mengambil kira kesediaan rakan niaga JPJ seperti syarikat-syarikat insurans,

PUSPAKOM dan institusi-institusi memandu. Faktor-faktor lain yang menyumbang kepada ketidaklancaran pelaksanaan sistem baru adalah kerana terdapatnya aplikasi-aplikasi atau inisiatif baru yang diperkenalkan oleh JPJ seperti lesen memandu Malaysia, AES, myIDENTITY yang menyebabkan beban pemprosesan sistem komputer utama di JPJ.

Seterusnya, tuduhan anggota JPJ masih tidak cekap menggunakan MySIKAP. Sebenarnya latihan dalaman diteruskan daripada masa ke semasa untuk meningkatkan kemahiran. Taklimat kepada agensi rakan niaga mengenai *impact* pembaharuan yang berlaku menerusi MySIKAP kepada mereka serta mempromosikan penggunaan MySIKAP kepada orang awam bagi membolehkan mereka berurusan dengan JPJ secara *online*.

Mengenai rekod PUSPAKOM yang masih tidak wujud di JPJ. Kelewatan penghantaran rekod PUSPAKOM memang berlaku pada peringkat awal pelaksanaan. Bagaimanapun ianya telah dapat diselesaikan. Seterusnya, berapakah yang telah dibelanjakan untuk projek MySIKAP. Sehingga kini, sebanyak RM240 juta telah dibelanjakan untuk sistem MySIKAP berbanding dengan kontrak asal yang berjumlah RM282 juta. Kontrak pelaksanaan MySIKAP yang melibatkan kos perisian, perkakasan talian rangkaian, peningkatan pusat data latihan dan pembangunan serta penyelenggaraan aplikasi MySIKAP dan juga pusat pemulihian bencana.

Mengenai perkara cukai jalan yang berbeza daripada kadar sebenar semenjak penggunaan sistem MySIKAP. Masalah cukai jalan berbeza daripada kadar yang sepatutnya telah dikenal pasti semasa di peringkat awal pelaksanaan sistem MySIKAP. Masalah ini telah diperbetulkan dengan serata merta. Ini merupakan sebahagian daripada proses *fine tuning*, dengan izin, yang perlu ditangani oleh pihak JPJ. Untuk kes-kes yang telah membayar pada kadar yang berbeza, bolehlah memohon untuk mendapatkan kembali perbezaan kadar bayaran tersebut daripada mana-mana pejabat JPJ yang berhampiran. Permohonan akan diproses dalam tempoh 14 hari. Seterusnya, proses pertukaran milikan kenderaan *off-road*...

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: [Bangun]**

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** ...yang memerlukan pemeriksaan PUSPAKOM. Proses tukaran milikan bagi kenderaan perdagangan yang memerlukan laporan pemeriksaan PUSPAKOM hanya melibatkan...

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** ...Kenderaan perdagangan yang berstatus *off-road* sementara sahaja. Ini kerana kenderaan tersebut boleh dileSENKEN dan digunakan di atas jalan raya. Bagi kenderaan *off-road* kekal, pemeriksaan PUSPAKOM dikecualikan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Lanang berdiri Yang Berhormat.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya bahawa yang kadar kenderaan lesen motor yang dibayar itu dengan kadar yang tidak betul. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengumumkan bahawa masa 14 hari sahaja. Akan tetapi kes yang saya dapati sudah lebih daripada tiga bulan. Bagaimana dengan cara untuk

menuntut balik dengan secepat mungkin? Juga dari Puspakom. Soalan saya adalah sama ada kementerian dapat menambah lebih banyak kaunter di pejabat PUSPAKOM, bukan cawangan PUSPAKOM yang baru. Jadi, jawapan yang tidak sama dengan soalan. Saya minta penjelasan.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Mengenai yang melebihi tiga bulan, Yang Berhormat boleh berhubung dengan- ini anggap *special case*. Berhubung dengan saya, kita akan selesaikan dengan segera. Mengenai PUSPAKOM, saya akan menjawab secara bertulis kerana saya tidak dapat maklumat.

Seterusnya, mengenai pertukaran milikan menggunakan pengesahan biometrik dalam masa tujuh hari. Berdasarkan Akta Pengangkutan 1987, seksyen 13 (1)(b) menyatakan bahawa pemilik baru kenderaan bermotor itu hendaklah dalam masa tujuh hari, selepas pertukaran milikan, mengemukakan kepada pendaftar berlesen di suatu penyata yang ditetapkan bersama perakuan pendaftaran dan fi yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, pihak JPJ telah menambah baik proses pertukaran milikan kenderaan dengan menggunakan pengesahan biometrik bagi menggantikan pengesahan identiti pemilik berdaftar dengan menggunakan borang TM/AB ataupun SAB/1A yang banyak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu.

#### ■1710

Di samping itu juga, pihak jabatan telah memperkenalkan sistem tukar milik secara atas talian, *online*, dengan menggunakan ID pemilik, pemunya berdaftar. Proses mendapatkan ID ini memerlukan pemilik berdaftar kenderaan membuat pengesahan biometrik di kaunter JPJ. Proses ini hanya perlu dilakukan sekali sahaja.

Seterusnya, berkaitan isu yang ditimbulkan mengenai status pengambilalihan sistem AES oleh Syarikat AES Solution Sdn. Bhd. Untuk makluman, berkaitan pelaksanaan AES yang akan diambil alih oleh Syarikat AES Solution Sdn Bhd, kerajaan akan memaklumkan tentang kedudukan terkini setelah selesai proses kewangan, perundangan dan teknikal dimuktamadkan oleh pihak kerajaan yang melibatkan Kementerian Kewangan, PDRM, JPJ dan juga Jabatan Peguam Negara.

Seterusnya mengenai perkara-perkara yang tidak dapat saya sampaikan, saya akan sampaikan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas segala yang dikemukakan kepada saya untuk Kementerian Pengangkutan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,311,071,000 untuk Maksud B.28 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM1,311,071,000 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,910,041,700 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM3,910,041,700 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**Maksud B.62 [Jadual] –**

**Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan 2014] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.62 dan Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahaskan.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kluang.

**5.13 ptg.**

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Isu pertama saya hendak bincang ialah Butiran 020100 – Pengurusan Polis. Saya hendak bawa isu tentang MyDistress. Menurut surat khabar *The Heat* pada minggu ini, 6 Disember 2013, software MyDistress yang dilancarkan pada Ogos 2011 di Selangor oleh Ketua Polis Selangor pada masa itu Datuk Tun Hisan Tun Hamzah telah ditamatkan. Alasannya ditamatkan ialah bahawa satu program baru SafeMe999 akan dilancarkan untuk menggantikannya.

Akan tetapi menurut surat khabar *The Heat* pada minggu ini, dikatakan bahawa dengan izin, *“It is learned that, before his retirement, the veteran police officer, Tun Hisan, had some dispute with a member of the top brass in the police, causing the drama over MyDistress to unfold and leading to a decisions to discontinue the programme. It is not known who the senior officer is”*. Saya minta Yang Berhormat Menteri berikan maklumat dan alasan kenapa program MyDistress yang telah diguna oleh 200,000 orang di Selangor telah dimuat turun oleh 200,000 orang di Selangor telah ditamatkan tanpa alasan? Kalau boleh, mengesahkan siapa *member of the top brass* dan apa sebab yang menyebabkan ini.

Saya juga hendak bincang tentang Butiran 020400 – Risikan Keselamatan. Dalam anggaran perbelanjaan, sampai hari ini, sampai anggaran perbelanjaan tahun 2014, masih ditulis dalam buku anggaran muka surat 644 bahawa ancaman komunis adalah salah satu tugas risikan polis supaya ancaman komunis ditangani. Saya tidak tahu komunis mana yang dimaksudkan. Chin Peng pun sudah mati. Saya minta kalau bolehlah, ambil perspektif yang lebih realistik, janganjadikan buku anggaran belanjawan ini satu *laughing stock* di seluruh dunia.

Saya juga hendak minta kementerian kalau boleh mengemukakan ataupun mengumumkan *Inspector General of Police Order* ataupun Peraturan Ketua Polis untuk semua, untuk umum

memahami apa peraturan yang menjaga polis dan apa peraturan yang sebenar, yang dipatuhi oleh polis supaya semua boleh faham, semua secara umum boleh faham operasi ataupun SOP polis. Kalau rakyat tidak faham SOP polis, maka kita buat anggapan sahaja. Akan tetapi, kalau polis boleh mengumumkan dan kerajaan boleh mengarah pihak polis supaya mengumumkan *Inspector General of Police Order* supaya semua faham, kita faham, kita faham prosedur-prosedur SOP polis, maka tidak ada anggapan salah. Ini satu cara untuk kita semua mengadakan satu pasukan polis yang lebih matang dan juga untuk rakyat boleh berbincang dengan pihak polis secara lebih baik.

Saya juga hendak tahu kenapa dan apa kandungan Butiran 111600 – NKRA - *Improve Safety Perception Index* yang melibatkan RM272 juta. Adakah persepsi penting ataupun masalah jenayah ditangani dengan lebih baik itu penting? Kalau hanya persepsi, hanya untuk membaiki persepsi, saya ingat ini cara yang tidak betul. Saya minta Yang Berhormat Menteri berikan butiran secara terperinci tentang apa kandungan, apa yang akan digunakan untuk membaiki persepsi keselamatan ataupun hanya satu butiran untuk membayar konsultan sahaja. Saya harap ini bukan satu lagi butiran untuk membayar konsultan besar-besaran dari luar negeri.

Butiran 020300 – Penyiasatan Jenayah yang melibat RM533 juta. Saya pernah ada perbincangan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya rasa pandangan Timbalan Menteri ini baik. Dia *spot on*. Yang Berhormat Santubong kata masalah polis ialah *quality investigation*. Polis perlu ada penyiasatan yang berkualiti. Akan tetapi masalah sekarang ini, kita tidak ada IO yang mencukupi.

#### ■1720

Masalah ini saya tidak nampak ditangani dalam belanjawan tahun 2014, *proposition* pelbagai bahagian ataupun jabatan dalam polis ini tidak tukar. Kalau kerajaan serius untuk membaiki atau menangani isu jenayah maka IO perlu ditambah. Jabatan Siasatan Jenayah perlu ditambah peruntukan. Peruntukan tidak seharusnya diberikan kepada Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam tetapi haruslah disalurkan kepada JSJ supaya jenayah diselesaikan dan kita boleh tambah lebih ramai IO, tambah lebih banyak cara saintifik ataupun pendekatan penyiasatan saintifik supaya kita mendapat penyelesaian kes-kes lebih banyak.

Saya juga hendak minta Menteri untuk memberikan angka yang terperinci bahawa berapa ramai anggota PGA diletakkan atau diperuntukkan untuk Kem Simpang Renggam. Pada pandangan saya dan juga pandangan kawan-kawan di sebelah sini ialah bahawa anggota PGA seharusnya ditugaskan dengan tugas-tugas untuk menyelesaikan jenayah dan bukan disimpan di dalam kem ataupun disimpan di dalam stesen untuk menangani konflik yang tidak wujud lagi.

Mereka memang ada jasa ataupun PGA memang ada jasa yang penting kepada negara pada masa anti komunis. Akan tetapi komunis sudah hilang lama. Masalah pertama, masalah utama untuk pihak polis ataupun kita semua ialah jenayah. Rondaan oleh pihak polis terutamanya, kalau boleh semua anggota PGA ditugaskan dengan kerja-kerja rondaan di jalan-jalan ataupun di komuniti atau masyarakat. Itu akan membantu menyelesaikan masalah jenayah. So, saya minta

angka terperinci berapa ramai anggota PGA di Kem Simpang Renggam yang bersebelahan dengan kawasan saya, kawasan Kluang.

Saya juga minta kalau boleh pihak polis dan juga pihak kementerian mengumumkan statistik anggota polis di seluruh negara. Seperti di kawasan Kluang, Johor Bahru dan di kawasan mana sahaja, berikan angka-angka dan berikan statistik secara terperinci supaya rakyat di kawasan itu faham berapa ramai anggota PGA di kawasan dia, berapa ramai IO di kawasan dia, berapa ramai anggota pengurusan polis di satu kawasan atau daerah polis, supaya kita boleh faham perlu kah atau apa prioriti polis di kawasan kita sendiri. Ini kerana saya jumpa dengan Ketua Polis di kawasan dan saya diberitahu ini rahsia. Ini sepatutnya tidak dijadikan sebagai satu rahsia. Ini satu cara untuk kita dan juga rakyat jelata memahami polis. Saya ingat ini perlulah umumkan dengan cara yang lebih terbuka, beritahu rakyat apa polis sedang uruskan, apa-apa prioriti polis.

Butiran 050000 – Agensi Antidadah kebangsaan (AADK), Butiran 020500 – Pencegahan Dadah. Petang ini satu *round table* telah dianjurkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Petrajaya dan saya ucapan tahniahlah kerana dapat menganjurkan program ataupun *round table* ini yang mendapat penyertaan *Malaysian Aids Council* dan dari pelbagai pihak. Satu kesimpulan dalam mesyuarat *round table* tersebut ialah bahawa kita perlukan satu dasar untuk menangani masalah dadah. Sekarang ini kita ada AADK dan juga Kementerian Kesihatan yang menganggap masalah dadah sebagai masalah kesihatan.

Akan tetapi kita juga ada pihak polis yang mengambil satu pendekatan *legal* ataupun pendekatan jenayah untuk isu masalah dadah. Semua yang terlibat dalam *round table* ini bersetuju bahawa kita perlukan satu dasar dan satu falsafah. Adakah kerajaan dan kita semua menganggap bahawa masalah dadah ini masalah jenayah dari segi pengguna dadah, bukan dari segi penjual dadah. Akan tetapi pengguna dadah ini adakah dia pesakit ataupun dia penjenayah? Itu penting supaya kita ada satu pendekatan yang holistik, satu pendekatan yang *multifaceted* supaya tidak ada percanggahan, kalau ada penagih dadah pergi dapatkan *methadone*, selepas mereka dapat *methadone* dari hospital mereka ditangkap oleh polis di luar. Ini tidak diperlukan.

Saya juga cadangkan dalam *round table* tadi dan saya ulangi cadangan saya bahawa satu *Select Committee*, satu Jawatankuasa Pemilihan perlulah ditubuhkan oleh kerajaan supaya kita boleh selaraskan undang-undang yang melibatkan masalah dadah dan adakan satu pendekatan yang lebih baik.

Sebelum saya akhiri ucapan saya Tuan Pengurus, Butiran 080000 – Pendaftaran Pertubuhan. Saya haraplah ini sudah lama ROS digunakan, dipergunakan untuk memburukkan imej Parti DAP dan juga parti-parti ataupun pertubuhan-pertubuhan yang tidak menyokong kerajaan dan di sebelah sini dan juga NGO yang bukan daripada Barisan Nasional.

Kita perlukan institusi-institusi yang berwibawa. Untuk negara kita berjaya kita tidak harus ada institusi- kerajaan tidak boleh, kerajaan dan parti pemerintah tidak boleh menggunakan institusi-institusi kerajaan untuk memburukkan parti lawan. Kita harus ada satu *level playing field*

supaya kita jangan pergunakan institusi-institusi kerajaan untuk memburukkan ataupun cuba menghapuskan parti lawan. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tuaran, selepas Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Bagan. Kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat kalau saya tidak tegur masa itu, harus juga ambil perhatian kepada masa. Yang Berhormat Kluang dia ada dua, tiga minit, tetapi saya biarkan. *Strict to ten minutes* kalau boleh.

### 5.28 ptg.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan bagi Maksud Bekalan 62 Butiran 060000 – Pendaftaran Negara yang telah diperuntukkan lebih RM400 juta dan Butiran 020600 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam yang telah diberi peruntukan lebih RM1 bilion. Tuan Pengerusi, negara kita dikejutkan dengan perilaku beberapa penjenayah berat baru-baru ini, seakan-akan penjenayah di Malaysia tidak segan silu melakukan kesalahan.

Antara contoh beritanya ialah seorang Pegawai Operasi AmBank, Norazita Abu Talib yang mati ditembak oleh pengawal keselamatan di muka menggunakan *pump gun* ketika sedang membuka peti besi berisi wang. Tuan Pengerusi, apa yang amat mendukacitakan ialah pengawal-pengawal keselamatan yang telah terlibat dalam jenayah ini telah mempunyai kad-kad pengenalan.

### ■1730

Apa yang lebih sedih lagi ialah kad pengenalan dikeluarkan daripada JPN negeri Sabah. Tuan Pengerusi, apa yang lebih menyedihkan lagi ialah pada ketika RCS sedang menyiapkan laporan mereka, kita dikejutkan dahulu tentang saksi-saksi yang telah datang tampil ke hadapan memberikan kesaksian menyatakan bagaimana mereka telah terlibat dalam pengeluaran kad-kad pengenalan sama ada pegawai-pegawai daripada JPN ataupun mereka yang telah menerima kad-kad pengenalan tersebut.

Persoalan di sini Tuan Pengerusi, dari segi penguatkuasaan. Apabila seseorang pemilik kad pengenalan ini datang tampil ke hadapan dan memberi kesaksian di hadapan Suruhanjaya Siasatan Diraja dan mengaku menerima kad-kad pengenalan ini dalam pelbagai bentuk. Selepas memberi kesaksian, dia berjalan begitu sahaja. Tidak ada penguatkuasaan. Orang yang sudah mengaku melakukan kesalahan tetapi tidak ada penguatkuasaan. Sepatutnya orang sudah menyatakan saya terlibat, saya telah buat ini, patutnya ditangkaplah. Penguatkuasaan menangkaplah tetapi tidak ada. Sama ada pegawai kerajaan yang terlibat secara langsung ataupun penerima tidak ada penguatkuasaan telah dibuat, tidak ada tangkapan ataupun pendakwaan yang dibuat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Tuaran, saya tambah sikit Yang Berhormat Tuaran. Adakah itu...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Nanti dulu, nanti dulu. Saya akan beri peluang kalau ada pencelahan. Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya pihak Peguam

Negara mengambil inisiatif secara positif untuk menguatkuasakan undang-undang secara tegas. Apabila ada perkara-perkara seperti ini hendaklah dikuatkuasakan sebab akibatnya jika sekiranya tidak ada penguatkuasaan, maka orang ramai akan menyatakan bahawa ini sudah terang-terang mengaku bersalah. Ini satu kesalahan tetapi kenapa tindakan tidak diambil? Ya, tindakan tidak diambil dan sudah banyak.

Selain daripada yang telah tampil ke hadapan untuk membuat kesaksian ada juga yang telah mengaku dan keluar di muka hadapan di akhbar-akhbar tempatan dan begitu sahaja. Ada yang mengatakan saya di rumah, orang datang berikan saya kad pengenalan dan saya mendapatkan kad pengenalan itu dan selepas itu saya telah menggunakan kad ini tetapi orang itu juga tidak diambil tindakan. Ya Yang Berhormat Penampang, ada persoalan?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Tuaran cakap, adakah orang-orang ini tidak diambil tindakan kerana mereka telah membuat satu *deal* dengan izin, dengan pihak-pihak RCI dan adakah itu patut? Saya setuju dengan Yang Berhormat Tuaran bahawa orang ini patut disiasat dan didakwa. Terima kasih.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Persoalan Yang Berhormat sama ada itu satu andaian tetapi jika sekiranya tindakan tidak diambil- andaian seperti itulah. Andaian itu jahat, yang mengatakan ada *deal* dan sebagainya. Jadi sepatutnya dibawa pendakwaan ke muka pengadilan, maka kebenaran akan- kita akan tunggu kebenaran. Akan tetapi tidak ada penguatkuasaan, tidak ada pendakwaan.

Tuan Pengerusi, yang lagi teruk apabila kita membaca di laman-laman web sosial, pelbagai dakwaan, pelbagai tohmahan yang dilemparkan kepada kerajaan tentang pemegang-pemegang kad pengenalan palsu. Ada yang mengatakan dilindungi oleh pihak-pihak penguatkuasaan seperti yang dinyatakan tadi. Semuanya tohmahan-tohmahan tetapi jika sekiranya perkara ini tidak ditangani, tiada tindakan yang diambil, maka ia akan jadi satu kebenaran, membina satu persepsi dan menyebabkan imej kerajaan semakin menurun, semakin buruk ya.

Jadi sebab itu, saya memohon supaya semua perkara-perkara tuduhan-tuduhan yang dinyatakan dalam laman sosial ini diambil tindakan tegas supaya kita dapat membersihkan, menjernihkan yang keruh. Pada masa yang sama juga, saya mohon supaya setiap laporan polis yang telah dibuat berkaitan dengan perkara ini hendaklah diambil tindakan yang tegas untuk membuat siasatan.

Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 040000 – Imigresen. Ini telah diberikan peruntukan lebih RM768 juta, dan sekali saya ingin berbahas pada Butiran 090300 – Sistem Biometrik Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional *next call* dan peruntukan lebih RM75 juta.

Tuan Pengerusi, saya telah membahaskan di Dewan ini dalam beberapa kementerian berkenaan dengan mereka yang memegang dokumen IMM13. Saya telah bertanya soalan kepada Kementerian Dalam Negeri, saya telah berbahas dalam melalui Kementerian Pertahanan. Saya juga telah berbahas di Kementerian Luar Negeri dan juga di Jabatan Perdana Menteri untuk dapat kebenaran, hendak mendapat apa sebenarnya keadaan sebenar berhubung dengan masa depan

pemegang-pemegang dokumen IMM13. Pertama yang saya ingin dapat penjelasan, sejelas-jelasnya ialah tentang perangkaan yang telah dinyatakan.

Suatu ketika dahulu, saya berada di Dewan selama dua penggal, saya berkali-kali diberi maklumat bahawa dokumen yang diberikan ini IMM13 hanyalah lebih kurang RM57,000 sahaja dan boleh diperbaharui setiap tahun. Kali ini bila saya balik di sini dan pada ketika itu saya juga ahli dalam PAC dan kita telah memanggil KSU daripada Kementerian Dalam Negeri menyatakan tentang status pemegang-pemegang IM13 ini dan ini disahkan bahawa ada yang sudah dianugerahkan sebagai PR dan sebagainya. Kalau sudah dianugerahkan PR ini bererti bahawa pemegang IMM13 ini sepatutnya berkurangan. Akan tetapi pada hari ini, perangkaan yang telah diberikan ialah 98,427 orang sejak tahun 1999.

Satu lagi yang saya susah memahami ialah dinyatakan sejumlah 60,284 yang dikategorikan sebagai aktif. Jadi ada yang aktif, ada yang tidak aktif. Jadi saya mohon penjelasan, ada baki yang 38,193 pemegang IMM13 iaitu tidak aktif. Jadi statusnya macam mana? Kalau tidak aktif, apakah dia boleh diperbaharui setiap tahun atau macam mana? Jadi ini persoalan-persoalan yang timbul dan persoalan yang selama ini yang kita tanya-tanya ialah apakah sebenarnya masa depan? Masa depan di sini maknanya ialah sampai bila kita memperbaharui dokumen-dokumen ini?

Oleh sebab ini, sudah sampai mahu tiga generasi. Jadi kalau diteruskan, diperbaharui setiap tahun, sampai bila? Oleh sebab ini, lagi menambahkan banyak masalah dari segi anak-anak mereka dari segi status, dari segi hak-hak mereka hendak sekolah dan sebagainya ataupun dari segi kewarganegaraan mereka. Oleh sebab hari ini, pemegang-pemegang dokumen ini yang berasal daripada negara Filipina, negara Filipina ini sebenarnya sudah tidak ada perang saudara.

Kita amat khuatir sebenarnya dengan kedudukan mereka sebab apabila berlaku pelbagai masalah di Tanduo, baru-baru ini di Pulau Pom Pom sebagai contoh. Hari ini kita baca di akhbar, bila Ketua Polis Negara menyatakan bahawa ada di kalangan pekerja-pekerja yang bekerja di syarikat pelancongan ini yang menjadi tali barut dan sudah pun ditangkap. Tali barut dan saya difahamkan ada mengatakan bahawa mereka ini juga mempunyai dokumen yang diragui. Kalau dia pekerja asing, tentu sekali ada permit dan sebagainya.

Dalam hal ini Tuan Pengurus saya mohon mencadangkan dan meminta kerajaan manama majikan yang mengambil pekerja tanpa dokumen, tanpa permit dan sebagainya, Akta Imigresen itu hendaklah dikuatkuasakan. Saya masih ingat lagi waktu pindaan itu telah dibuat dan begitu keras tetapi sehingga hari ini saya belum mendengar lagi seorang majikan yang mengambil pekerja tanpa dokumen diambil tindakan. Sehingga hari ini saya belum dengar dan saya mohon supaya diambil tindakan sebab jika sekiranya tidak diambil tindakan, maka mereka pekerja-pekerja asing ini akan berleluasa dan juga menggalakkan sindiket-sindiket yang mengeluarkan kad-kad pengenalan ataupun dokumen-dokumen seperti IMM13 berleluasa.

■1740

Dalam hal IMM-13 ini juga Tuan Pengerusi sudah sekian lama kita mencadangkan supaya tolong tukar dokumen ini dan jangan lagi dalam bentuk kertas. Tolong jadikan sebagai satu kad supaya ada dia punya *security features*, supaya ia sukar untuk dipalsukan. Dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya telah mencari butiran-butiran dalam bekalan ini tetapi saya tidak nampak butiran dari segi pekerja asing sedangkan dalam hal pekerja asing, Kementerian Dalam Negeri inilah yang dirujuk.

Saya tahu di dalam sektor industri perkayuan sebagai contoh di Lembah Klang ini sahaja beberapa syarikat sudah ditutup kerana masalah pekerja asing dan ini kerana semuanya akan dirujuk di Kementerian Dalam Negeri dan saya difahamkan bahawa sehingga ada sistem ejen pekerjaan yang leseninya dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri tetapi saya tidak nampak peruntukan di sini.

Jadi ini suatu masalah yang begitu besar bagi negara di mana beberapa kementerian daripada MITI, kementerian yang memerlukan pekerja-pekerja asing menghadapi pelbagai masalah untuk mendapatkan pekerja asing dan mengakibatkan ekonomi kita juga terjejas...

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Okey yang terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 060200 iaitu dalam Rekod Pendaftaran Penduduk, dan 060300 - Kawalan Pendaftaran. Ini Jabatan Pendaftaran Negara.

Saya juga telah membangkitkan soal kewujudan apa yang dipanggil Unit Khas Sabah di Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah. Saya belum mendapat penjelasan apakah kewajaran penubuhan Unit Khas ini dan kenapa di Sabah sahaja dan apakah benar adanya kategori P1, P2, P3 seperti yang disebut semasa pendengaran penyiasatan FCI di Kota Kinabalu?

Dalam hal ini, sejak bilakah unit ini ditubuhkan dan sampai bila ia diwujudkan dan apakah benar unit ini adalah satu unit yang mengawal selia, mengurus tadbir warganegara yang diragui dan sebagainya? Kalau begitu saya memohon penjelasan, apakah kewujudan unit ini telah menyebabkan pelbagai masalah kad-kad pengenalan dari negeri Sabah yang sekarang sudah merebak di seluruh Semenanjung Malaysia dan telah mengakibatkan nama baik negeri Sabah itu buruk. Ada yang terlibat dalam pelacuran, ada yang terlibat dalam pelbagai jenis jenayah dan sebagainya dan akhirnya dari Sabah dan apakah kewujudan unit ini menjemukan atau bagaimana?

Jadi akhir sekali, saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berhubung dengan PDRM. Adakah cadangan untuk memperbaiki atau membina semula ibu pejabat polis di kawasan Parlimen Tuaran yang sudah semakin usang. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Bagan.

**5.43 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Pengerusi yang telah dianugerahkan gelaran Yang Tertinggi Dato' Seri Utama daripada Tuan Yang Terutama Gabenor Pulau Pinang. Semoga Tuan Pengerusi lebih kerap boleh berkunjung ke Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada B.62, Butiran 020000 - PDRM. Tuan Pengerusi, saya ingin meminta Ketua Polis Negara sama ada kalau kita hendak memperbaiki perasaan puas hati rakyat terhadap prestasi polis, bolehkah beliau mengadakan dialog dengan *stakeholders* atau orang awam? Ini kerana baru-baru ini saya lihat tentang kenyataan yang dikeluarkan oleh IGP khususnya tentang penulis-penulis dalam *blog* seperti seorang yang bernama Mariam Mokhtar yang telah menulis tentang apa yang beliau anggap sebagai *double standard* kerana kalau mereka yang terlibat dalam fahaman kiri iaitu fahaman komunis, mengapa ada yang dibenarkan pulang tetapi ada pula yang tidak dibenarkan pulang? Beliau menimbulkan sama ada ini adalah berkaitan dengan kaum atau warna kulit kerana mereka yang terlibat dalam fahaman komunis yang berbangsa Melayu dibenarkan pulang tetapi yang berbangsa bukan Melayu tidak dibenarkan pulang.

Pada masa yang sama beliau telah pun menyatakan bahawa beliau belum sebut lagi tentang mereka yang terlibat dalam kes-kes keganasan di Malaysia seperti letupan bom dan sebagainya tetapi selepas dibunuhi mati oleh Pasukan Keselamatan Indonesia pun dibenarkan pulang. Mengapa ada *double standard* sedemikian?

Seharusnya pihak IGP harus jawab kepada Mariam Mokhtar dan bukan memberikan atau membuat ancaman hendak mendakwa beliau di bawah Akta Hasutan atau pun mengambil tindakan yang lebih keras terhadap penulis ini. Saya rasa kalau inilah cara untuk membala kritikan, ini tidak akan meyakinkan rakyat bahawa pihak polis memang serius untuk menangani masalah yang timbul dan yang penting sekali menegakkan undang-undang secara sama rata dan bukanlah secara pilih kasih.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan kalau boleh pihak kerajaan juga menasihatkan IGP dalam kes sedemikian. Jawablah apakah fakta dan apakah sebab? Kalau hanya menggunakan ancaman, saya rasa ini tidak akan meyakinkan mana-mana pihak sebaliknya akan menimbulkan satu perasaan bahawa pihak polis atau IGP hanya bertindak sekadar menyalahgunakan kuasa untuk menutup sebarang kritikan terhadap beliau.

Tentang masalah jenayah yang menjadi satu isu atau buah mulut orang ramai. Saya di sini masih ingin mengingatkan pihak polis bahawa sungguhpun kadar indeks jenayah dinyatakan sebagai menurun tetapi masih ramai orang awam berasa amat gelisah dan di sini saya rasa yang penting ialah dengan izin Tuan Pengerusi, *the people must not only be told that they are safe. They must feel safe*. Selagi mereka rasa mereka tidak selamat, apa-apa statistik yang digunakan tidak akan meyakinkan orang ramai bahawa keselamatan awam terkawal kerana sebelum ini pun ada timbul komen-komen dari bekas- ini bukan orang sembarangan tetapi dari bekas Ketua Polis

Negara, daripada bekas pegawai kanan polis yang secara implikasi, secara tidak langsung menyatakan statistik-statistik yang dikeluarkan bahawa keadaan keselamatan terkawal ataupun indeks jenayah terkawal. Ini semua dimanipulasikan. Semua tidak benar.

Oleh itu, untuk mengurangkan atau mengikis pandangan negatif sedemikian, saya rasa adalah perlu pihak kerajaan menggunakan satu KPI yang bebas. Kalau boleh kita minta dari luar negara untuk meyakinkan orang ramai bahawa memang kadar indeks jenayah telah turun dan bukanlah sebaliknya. Sekiranya kita boleh meminta pakar-pakar baik dari negara barat ataupun dari negara-negara yang berjaya mengawal kadar jenayah macam negara jiran di Singapura untuk membuat satu pengukuran. Saya rasa ini akan meyakinkan orang ramai bahawa memang benar bahawa kadar jenayah indeks memang sudah turun.

Saya timbulkan perkara ini Tuan Penggerusi kerana kalau kita lihat betapa banyak wang telah dibelanjakan untuk menubuhkan ESSCOM iaitu penubuhan *Eastern Sabah Security Command* selepas serangan daripada pengganas-pengganas yang mencerobohi tanah air kita di Lahad Datu. Akan tetapi sungguhpun RM75 juta diperuntukkan dan sungguh pun ESSCOM telah pun didirikan dengan begitu banyak publisiti yang meluas sekali.

#### ■1750

Akan tetapi apabila berlaku kejadian culik seorang pelawat atau pelancong daripada negara Taiwan, di mana suaminya pun dibunuh oleh penculik-penculik tersebut. Yang membimbangkan ialah kejadian ini berlaku kurang daripada 1km daripada ibu pejabat atau satu balai tugas ESSCOM. Kalau ia boleh berlaku begitu dekat sekali, macam mana kita dapat meyakinkan rakyat bahawa wang yang dibelanjakan memang, dengan izin, *value for money*. Ini kerana kita sekarang dalam proses *outcome based administration* iaitu berdasarkan hasil.

Apakah rasional, apakah hasil daripada perbelanjaan atau pun penubuhan ESSCOM ini. Sehingga ada pengganas-pengganas dengan begitu mudah sekali boleh keluar masuk dan sampai membunuh dan menculik. Lepas ini tanpa sebarang tindakan atau pun sebarang usaha dapat diambil untuk menghalang mereka. So, saya harap di sini bahawa kalau kita hendak lihat sejauh manakah berkesannya usaha-usaha atau pun perbelanjaan yang telah dibuat. Saya rasa satu penjelasan harus diberikan.

Macam mana kita dapat yakinkan rakyat, khususnya pelawat-pelawat daripada luar negara bahawa keadaan atau kejadian sedemikian tidak akan berulang lagi. Ini kerana seperti yang sedia dimaklumkan oleh pihak kerajaan dan kementerian bahawa selepas kejadian ini berlaku, memang jumlah pelawat yang datang ke Sabah turun. Akan tetapi bukan sahaja datang ke Sabah turun tetapi di seluruh Malaysia pun terjejas.

Apabila saya pergi untuk satu misi pelaburan ke Taiwan pada masa itu. Saya pergi secara *low key* kerana tidak mahu menimbulkan sebarang reaksi daripada media massa Taiwan. Saya pergi secara *low key* tetapi reaksi yang saya dapat daripada pelabur-pelabur ialah mereka anggap seluruh Malaysia tidak selamat. Sungguh pun ini berlaku di Sabah yang hampir 2,000km jauh dari Pulau Pinang tetapi mereka anggap seluruh Malaysia tidak selamat kerana kejadian sedemikian.

Oleh itu, apa yang berlaku di mana-mana tempat di Malaysia memang akan timbul kesan negatif ke atas seluruh negara. Bukan cakap kerana ia berlaku di Sabah, di Pulau Pinang tidak perlu ambil peduli. Tidak ada. Saya rasa kepedulian yang sama, yang tinggi harus diberikan.

Tuan Pengerusi, saya hendak pergi ke bahagian penjara. Butiran 030000 - Penjara. Sekali lagi, saya ingin meminta bahawa kalau boleh tentang layanan atau pun aduan yang dibuat oleh Uthayakumar bahawa layanan yang tidak sewajarnya diberikan kepada beliau kerana beliau mengalami atau menghadapi banyak penyakit. Sungguh pun surat permohonan saya kepada Ketua Pengarah Penjara telah pun ditolak untuk berjumpa atau mengunjungi Uthayakumar, saya harap pihak menteri yang ada kuasa untuk meluluskan permohonan saya. Saya pun telah menghantar surat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya berharap ini dapat diluluskan supaya kita dapat tahu apakah sebenarnya keadaan kesihatan Uthayakumar.

Satu lagi perkara ialah tentang Imigresen yang saya telah bawa secara peribadi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu keadaan *queue* yang agak panjang di Pejabat Imigresen di Pulau Pinang. Saya difahamkan juga di beberapa bandar raya. Saya ingin cadangkan kalau boleh-kerana mungkin masa ini musim cuti, ada ramai yang ingin berbaris untuk memohon pasport. Bolehkah pihak kementerian memperkenalkan sistem lebih masa untuk pegawai-pegawai supaya semua *queue* yang panjang ini dapat diuruskan. Kalau tidak, saya rasa ini akan memberikan lagi satu gambaran yang kurang baik.

Tentang 050000 – Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Malangnya, Pulau Pinang adalah di antara negeri yang mempunyai penghidap dadah yang paling besar di seluruh negara. Akan tetapi sungguhpun macam di Pulau Pinang ada penghidap dadah yang paling besar tetapi kita tidak ada satu pusat reman untuk penagih dadah. Di sini, pihak kerajaan negeri telah meminta banyak kali pada pihak kerajaan supaya kita tubuhkan satu pusat reman. Ini kerana yang ada pusat reman hanya boleh memuatkan lima, enam orang. Saya rasa bila ada penagih dadah yang lebih 10,000, mana mencukupi. Kalau pergi ke penjara polis, saya rasa itu bukanlah tempat yang sesuai. Ini kerana mereka ditahan sebagai penghidap dadah, penagih dadah dan bukanlah kerana melakukan apa-apa perbuatan jenayah. So, di sini saya ingin meminta bahawa pihak kerajaan boleh membina satu pusat reman khas supaya kita dapat menampung bilangan penagih dadah.

Untuk mengatasi masalah tersebut, di sini kalau perlu kita boleh berbincang tentang tempat untuk membina pusat reman AADK ini. Kerajaan negeri bersedia untuk menimbang dari segi tanah supaya pusat reman tersebut dapatlah dibina.

Tuan Pengerusi, tentang pendaftaran negara. Saya hendak menyebutkan tentang masalah rakyat atau pun penduduk Malaysia yang tidak berwarganegara atau pun, dengan izin, *stateless*. Ini kerana apabila kita lihat baru-baru ini ada seorang budak perempuan yang tidak mendapat IC atau IC nya dibatalkan kerana dia dianggap bukanlah anak kepada sebuah keluarga India. Rupanya bukan macam golongan India. Selepas itu, selepas dimalukan, beliau telah cuba bunuh diri dan akhirnya, IC telah dikeluarkan oleh gadis ini. Akan tetapi ini bukan sahaja kes dan saya rasa pihak

Kementerian pun tidak mahu tunggu seorang cuba bunuh diri, baru keluarkan IC. Saya rasa itu bukan cara penyelesaiannya.

Kalau itulah cara penyelesaiannya, mungkin esok kita akan lihat ramai yang akan cuba bunuh diri. Saya rasa itu bukan formula. *That is not the solution* Tuan Pengerusi. So, di sini saya akan minta kalau boleh kita harus selepas merdeka 56 tahun, kita patut ada satu penyelesaian menyeluruh tentang masalah *stateless citizens*. Saya rasa perlu kita ada satu piagam pelanggan tentang permohonan sedemikian. Kita mesti ada satu tempoh masa. Kadang-kadang kalau kita lihat permohonan mereka bertahun-tahun, berpuluhan tahun untuk dapatkan satu jawapan. Itu bukanlah keadaan yang diingini.

Pihak Kerajaan Pulau Pinang telah tubuhkan unit untuk membantu mereka yang tidak ada dokumen-dokumen warganegara. Saya harap bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri bolehlah bekerjasama supaya kita sama-sama dapat mengatasi dan menangani masalah IC atau pun *stateless citizens* ini.

Pada masa yang sama, tentang masalah penduduk Dayak atau Iban di Sarawak yang tidak memiliki kad pengenalan. Saya harap pihak kerajaan boleh memberikan statistik, berapa ramaikah penduduk Iban di Sarawak yang tidak mempunyai kad pengenalan kerana mereka duduk jauh di kawasan luar bandar. Dalam satu laporan yang telah dimaklumkan atau diperoleh secara sulit, yang telah diuruskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak tentang penduduk Penan di Mulu. Dinyatakan bahawa ada 80% orang Penan tidak memiliki kad pengenalan. Kita tidak tahu adakah ini keadaan serupa untuk penduduk Iban di Sarawak.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Sedikit, sedikit kalau. Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sekejap, saya habis ini saya akan bagi. Adakah keadaan ini untuk suku kaum-suku kaum lain di Sarawak. Ini kerana ada sesetengah pihak menyatakan mungkin sampai 40% daripada penduduk Iban tidak memiliki kad pengenalan kerana mereka duduk jauh di kawasan pedalaman. Adakah ini benar dan bolehkan pihak kerajaan...

■1800

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat, sedikit. Tolong. tolong sedikit.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Nanti sekejap. Habis ayat ini saya bagi. Bolehkah memberikan statistik tentang keadaan yang sebenarnya. Sekian. Sila.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat ada keliru sedikit sebab tadi Yang Berhormat menyebut orang Iban, lepas itu Penan, lepas itu tidak tahu. Ini *ethnic group* yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, mula-mula disebutkan Iban, lepas itu Punan, saya tidak tahu yang mana satu ini Yang Berhormat ingin tahu ini. Iban sahajakah atau Punan sahajakah, sebab di Sarawak ada 20 atau 30 *ethnic group*.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Yang Berhormat yang nampaknya ambil minat tentang masalah ini kerana sebelum ini nampak tidak berapa minat. Apa yang saya sebut ialah tentang satu laporan ialah 88% untuk suku kaum Penan tetapi yang saya sebut ialah secara

keseluruhannya. Kalau 80% Penan, untuk yang kumpulan Dayak dan Iban ada berapa peratus? Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk berikan statistik dan maklumat. So, kita tunggu jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi, perkara terakhir yang saya hendak timbulkan ialah berkaitan dengan polis bantuan. Saya rasa polis bantuan adalah satu senjata yang penting untuk melawan penjenayah. Sehingga hari ini saya tidak faham mengapa polis bantuan tidak diluluskan kepada pihak berkuasa tempatan tetapi boleh diluluskan kepada pihak swasta tertentu. Saya rasa kita mesti konsisten. Sekiranya diluluskan kepada pihak swasta tertentu, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menyatakan mana pihak swasta yang telah diluluskan menubuhkan polis bantuan. Kalau boleh diluluskan, mengapa tidak diluluskan kepada pihak berkuasa tempatan seperti mana yang diminta oleh ADUN di Selangor, Yang Berhormat Yeo Bee Yin, tetapi tidak dibenarkan. Saya rasa ini amat penting kerana kita hendak sama-sama lawan penjenayah.

Kalau boleh Tuan Pengerusi, saya percaya di Malaysia sungguhpun kita datang daripada berbilang bangsa, Cina, India, Melayu, Iban, Kadazan, tetapi sebenarnya Malaysia terdiri daripada dua bangsa utama. Satu ialah penjenayah dan satu lagi ialah mangsa penjenayah. Marilah kita sama-sama lawan penjenayah. Oleh itu, saya harap polis bantuan ini boleh dibenarkan.

Sebagai kata akhir, saya ingin meminta Tan Sri IGP Polis janganlah ancam atau ugut orang-orang biasa yang mematuhi undang-undang negara. Kalau hendak ancam atau ugut, lebih baik ancam dan ugut penjenayah-penjenayah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

#### **6.03 ptg.**

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Butiran 080000 – Pendaftaran Pertubuhan.

Saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat Kluang tadi bahawa memberikan satu tuduhan kepada ROS seolah-olah ROS ini dipergunakan oleh UMNO dan juga cuba membatalkan parti-parti politik yang tidak sehaluan dengan UMNO. Juga, tuduhannya tadi mengatakan bahawa ROS ini digunakan oleh pihak kerajaan untuk memantau ataupun membatalkan pendaftaran-pendaftaran NGO-NGO yang pro pembangkang... *[Disampuk]* Pekak kot. Tidak dengar? Pendaftaranlah. Dia sebab sudah kalah Naib Presiden, dia tidak berapa dengar. Akan tetapi tahniahlah, jadi Ketua Penerangan walaupun tidak jadi Setiausaha Agung.

Ucapan Yang Berhormat Kluang tadi saya dengar, ini saya tengok satu tuduhan. Tambahan lagi saya tengok satu lagi *statement* yang dibuat oleh Yang Berhormat PJU, Ahli Parlimen daripada Petaling Jaya Utara yang tuduhannya saya kata agak biadab kerana menuduh ROS ini sebagai anjing, sebagai anjing UMNO. Apa kena mengena? Kalau Yang Berhormat PJU ada, tolong nafikan. Ini *statement* yang saya ada.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Cuba baca. Baca.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Hendak suruh baca? Pada 29 September...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tanjung Karang...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Yang jemput baca itu Yang Berhormat Seputeh, bukan saya. Tidak perlu baca, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Betul, betul, minta maaf. Tidak, saya...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia pening, dia tidak ketahuan yang mana MP, yang mana speaker *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak apa. Sebab, Yang Berhormat Seputeh ini dia kawan lama, dia tidak percaya, jadi saya kena buktikan. Saya cakap ini ada bukti.

Jadi saya hendak bangkitkan, daripada dua Ahli Parlimen daripada DAP, satu tadi daripada Yang Berhormat Kluang dan juga Yang Berhormat PJU dan juga ramai lagi, Yang Berhormat Bukit Gelugor pun hendak ugut, hendak saman ROS. Ini kerana apa, Tuan Pengerusi? Ini kerana semata-mata tindakan yang diambil oleh ROS kepada DAP. Dan kita pun ikut isu ini. Saya hendak minta ROS supaya dapat, dan pihak Menteri dapat memberi penjelasan mengenai kedudukan kes DAP ini. Jangan kerana kes DAP, ROS dilihat seperti anjing UMNO, dihina. Berapa banyak jasa-jasa ROS ini. Oleh kerana ada ROS lah maka hari ini kita lihat demokrasi kita berjalan dengan baik, parti politik boleh berjalan dengan baik dan banyak NGO-NGO hari ini berjalan dengan baik.

Kita juga tahu bahawa ROS menjalankan tugas dan kalau tidak ada *complaint* daripada Ahli-ahli DAP mengenai pemilihan CWC dia yang tidak mengikut peraturan, yang tidak ada notis, masakan ROS tidak campur tangan? Bermakna, laporan telah dibuat. Ini masalah dengan pembangkang. Bila buat laporan, tidak ada ambil tindakan, dituduh kerajaan tidak ambil tindakan. Bila ada laporan dibuat kena batang hidung mereka, ROS mengambil tindakan, maka dihina tindakan-tindakan yang diambil oleh ROS.

Jadi saya hendak minta daripada pihak kementerian, Yang Berhormat Menteri, hendak tahu kedudukan ini. Itu kali pertama. Sudah buat pemilihan kali kedua. Saya difahamkan ada juga lagi *complaint* kali pertama sudah buat, ada pula *complaint* kali yang kedua. Hari ini...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Penjelasan? Okey.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak tahu apakah pandangan Yang Berhormat Tanjung Karang tentang yang bekas pemimpin MCA dan juga Ahli MCA yang mengakui wujudnya ahli hantulah, *phantom members* dalam MCA. Kita ada ahli DAP juga telah buat laporan polis. Jadi saya juga hendak tahu apakah hasil siasatan ROS tentang aduan bahawa MCA ini memang ada ahli yang tidak sahih ini? Ini diakui dan juga ada cawangan pula yang dia *sign*. Semua ini keluar dalam surat khabar. Apakah pandangan Yang Berhormat Tanjung Karang?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak dapat laporan daripada ROS lah sama ada laporan itu ada dibuat kepada ROS atau tidak. Adakah laporan itu dibuat? Biarlah ROS yang jawab. Jadi saya ingat laporan yang dibuat oleh DAP ini mengenai berbagai-bagai perkara-notis, ahli yang tidak perwakilan. Jadi, itu bukan soal saya.

Hanya saya hendak dapat tahu ialah bagaimanakah kedudukan dia? Kedudukan penyiasatan ROS kepada kesahihan CWC DAP yang mana kalau mengikut peraturan ROS, kalau mana-mana pihak-sebab saya pernah ada pengalaman. Pengalaman berhubung dengan ROS. Saya pun pernah ada pengalaman waktu saya jadi pemimpin Gerakan Belia 4B. Belia 4B pun telah diberi amaran untuk dibatalkan pertubuhannya, kerana apa? Kerana pada masa itu Gerakan Belia 4B tidak memenuhi segala permintaan dan juga sasaran yang dikehendaki oleh ROS.

Jadi kerana itu, saya hendak tanya daripada pihak Menteri, adakah pihak DAP ini telah memenuhi segala syarat-syaratnya? Adakah mungkin juga DAP ini dia sengaja hendak suka ROS membatalkan pertubuhan dia? Jadi senang hendak tubuh Dinasti Ching kah, Dinasti Lim kah di dalam DAP. Ini satu cara kita tahu apabila mana-mana pertubuhan tidak memenuhi syarat-syarat yang diminta oleh ROS, maka ROS boleh ambil tindakan membatalkan pertubuhan ini. UMNO pun pernah dibatalkan pendaftarannya. Jadi sebab itu hendak tahu keadaan kedudukan supaya tidak berlarutan dan tidak diberikan pandangan negatif kepada ROS.

Kedua mengenai....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang, adakah UMNO sekarang begitu takut kepada DAP sehingga memperalatkan ROS... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Untuk mengharamkan DAP, ini takutkah?

#### ■1810

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. UMNO mana takut pada DAP.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, hendak tanya juga.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Masalahnya DAP ini tidak menghormati undang-undang dan juga perlombagaan dia sendiri *[Dewan riuh]* Saya hendak tanya Yang Berhormat Seputeh yang cakap banyak itu. Yang Berhormat Puchong juga *lawyer*. Kalau saya tidak silap dan setahu saya bahawa dalam Perlombagaan DAP bahawa Pengurus DAP Negeri, ianya dipilih oleh Ahli DAP tetapi mengapa di Kedah, pengurus yang dipilih oleh Ahli DAP ditukar dengan Ahli Parlimen daripada Bukit Bendera? Daripada Pulau Pinang dilantik menjadi Pengurus di Kedah *[Dewan riuh]* Jadi bayangkan, kalau sudah perlombagaan sendiri pun tidak dihormati macam mana hendak menghormati?

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, minta celah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh, boleh.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Kalau Yang Berhormat Tanjong Karang tidak faham Perlembagaan DAP jangan cakap, okey. Jangan baca *selective* sahaja. Baca perlembagaan dengan keseluruhan dan baru Yang Berhormat Tanjong Karang akan faham kuasa CEC.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Baik.

**Tuan Pengerusi:** Nanti dahulu, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Jangan cakap macam UMNO.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tanya, yang saya tahu dalam Perlembagaan DAP, pengerusi negeri ini dipilih bukan dilantik. Akan tetapi di Kedah yang saya tengok rungutan yang ditimbulkan ini, yang dipilih diketepikan dia boleh lantik pula. Jadi, saya hendak bagi contoh jawapan Yang Berhormat Seputeh, kita tidak takut. Kita tidak takut langsung dengan pembangkang ini, tambah DAP. Kita tidak takut, yang kita takut dengan mereka ini kerana mereka tidak menghormati undang-undang. Ini yang kita bimbang dan mereka boleh menimbulkan berbagai-bagai cara. Pilihan raya dahulu kita lihat. Tadi saya dengar Yang Berhormat Bagan membangkitkan luar negara, tengok negara kita ancaman jenayah cukup kuat. Eh!

Akan tetapi saya juga pergi luar negara. Mereka kata apa. “*Apa Malaysia ini? Adakah pilihan raya Malaysia ini tidak sah kerana rakyatnya mengadakan perarakan Black 505?*” Itu pun satu tindakan yang boleh menjatuhkan maruah dan imej negara. Itu dia tidak nampak yang dia buat. Jadi sebab itu, saya hendak beritahu pembangkang ini dia jangan ambil kesempatan apa juga cara, asyik hendak menyalahkan kerajaan. Ini satu contoh yang saya buat.

Keduanya, mengenai Butiran 080000 ini Yang Berhormat Pokok Sena. Butiran 080000 – Pendaftaran Pertubuhan. Kalau Yang Berhormat Pokok Sena tanya lagi. Saya cakap bawah butiran mana...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, *point of order* [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Peraturan Mesyuarat 36(12). Tuan Pengerusi, kita mendengar Yang Berhormat Tanjong Karang, beliau cakap banyak berkenaan dengan Parti DAP. Beliau juga seorang peguam, saya difahamkan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Tanjong Karang, mana ada satu aduan dibuat berkenaan dengan pilihan CWC DAP? Mana ada? Sila jawab.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tadi tidak dengarlah. Dia bangkit peraturan apa tadi?

**Tuan Pengerusi:** Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau tidak dengar saya ulang. Kalau tidak dengar saya ulang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** 36 berapa?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Peraturan Mesyuarat 36(12). Tadi kamu katakan bahawa ada *[Dewan riuh]* Dengarlah dulu. Yang Berhormat tadi sebut. Yang Berhormat...

Relakslah. Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu apa ini? Masalahnya Yang Berhormat dari Barisan Nasional ini, dia tidak ada fakta. Dia tidak tahu fakta dia. Mana dan bila ada aduan berkenaan dengan pilihan CWC DAP? Sila jelaskan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini lagi satu *lawyer*. Saya pun *lawyer*. Dia orang kata saya *lawyer*. Jadi, saya pun hairan [*Dewan riuh*] Dengar dahulu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sila...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *This is the problem* dengan pembangkang. Saya punya *floor*, bila Yang Berhormat cakap saya duduk. Saya hormat. Walaupun Yang Berhormat panggil "Engkau", "*You*" it's not my... "*You*" tidak mengapa, kita faham tetapi dalam Dewan kena panggil "Ahli Yang Berhormat". Saya duduk. Jadi, Yang Berhormat kata- sebab itu saya tanya. Peraturan Mesyuarat 36(12) ini kata penyelewengan Dewan.

Saya hendak tanya. Oleh sebab itu soalan saya tanya kepada kementerian. Adakah kementerian telah mengambil tindakan - tetapi duduklah dahulu Yang Berhormat. Saya belum habis cakap lagi...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, yang saya sebutkan, yang saya bangkitkan ialah isu...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa ini? Yang Berhormat bangkit atas peraturan berapa ini? [*Dewan riuh*]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, kalau boleh. Yang saya bangkitkan cukup senang. Peraturan Mesyuarat 36(12) menyatakan Tuan Pengerusi, menyatakan bahawa beliau mengelirukan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya. Lawyer ini peraturan berapa?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya hanya ada satu soalan. Sebelum kita boleh jawab soalan itu kena tepat. Kalau orang yang tanya soalan itu tidak tahu fakta memang tidak perlu dijawab. Jadi, soalan yang saya tanya sekarang dan Yang Berhormat membawa aduan berkenaan dengan DAP, manakah ada aduan berkaitan dengan pilihan CWC DAP?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, sudah habis?... Sudah habis?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Silakan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Soalan yang sama. Soalan yang sama ditanya berkali-kali. Saya faham. Bukan macam pihak pembangkang tidak faham. Saya hendak tanya, sebab itu saya tanya dengan pihak Menteri [*Disampuk*] Ya, sebab itu saya tanya dengan pihak Menteri untuk Yang Berhormat Menteri jawab. Saya hendak tanya, kalau tidak aduan mengapa CWC yang bermesyuarat pada 20 Disember 2012 telah pun dibatalkan dan mengadakan mesyuarat kali kedua pada 29 September kalau tidak ada arahan daripada ROS? Itu saya hendak tanya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [*Ketawa*] Tuan Pengerusi, *point of order*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *Point of order* berapa?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Berapa?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Manakah aduan terhadap pilihan CWC DAP?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, duduklah. Saya jawab.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak ada sebarang aduan. Tidak ada *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okeylah. Sudah habis.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Belum habis. Duduk, duduk!

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sendiri tanya sendiri jawab.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudahlah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Fakta tidak tahu. Mana ada aduan terhadap CWC?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya jawab. You duduklah dahulu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** CWC?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, duduk. Duduk! *[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Silakan. Itu soalan saya. Tuan Pengerusi, kalau boleh kita fokus kepada itu. Kita nampak Yang Berhormat Tanjung Karang langsung tidak tahu fakta. *Even to begin the argument* pun dia tidak tahu!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Habis?

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Boleh.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kita dalam DAP jawab. Mungkin saya perlu memberikan dia sedikit masa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, ini apa ni?

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Tanjung Karang, boleh Yang Berhormat duduk dahulu Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tengah bercakap dia bercakap.

**Tuan Pengerusi:** Duduk dulu Yang Berhormat. Kalau saya tidak lupa ingatan, saya pun peguam juga *[Ketawa]* Akan tetapi saya bingung mendengar kedua hujah ini.

Yang Berhormat, 36(12) mengelirukan Dewan iaitu ada tiga fakta yang perlu diestablish dahulu tetapi kita sering kali gunakan itu. Dalam perbahasan tadi saya dengar betul-betul apa Yang Berhormat Tanjung Karang sebut iaitu ada aduan dan sedemikianya yang dibuat dan itu ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Jadi, Yang Berhormat Puchong telah timbulkan isu itu. Jangan lagi panjang lebarkan. Bermakna itu perkara sudah settle isu. Bagi saya tidak ada penyelewengan di 36(12). Teruskan Yang Berhormat Tanjung Karang dan masa Yang Berhormat sudah lebih daripada 10 minit. Sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya sudah hendak habis tetapi Yang Berhormat Puchong kacau. Saya senang, saya hendak tanya. Saya hendak tanya Yang Berhormat Puchong, kita hendak tahu kalau tidak ada aduan mengapa pemilihan CWC pada 29 September itu dibuat semula pada bulan Disember 2012?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh saya jawab?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya biar Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak. Bukan CWC. CEC! *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Biar Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Itu CEC bukan CWC!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak mengapalah. Apa-apa punlah...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Fakta pun *you* tidak tahu. Hendak buat macam mana kita hendak jawab. Apa punya orang? Fakta pun tidak tahu *[Dewan riuh]* CWC mana ada aduan? Kalau CEC. Itu pun tidak tahu. Bodoh! *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjung Karang masuk kelas tadikalah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak mengapalah. *You* hendak panggil apa pun *you* panggillah. Ini apa ini?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apa?... Hendak tanya lagi?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *You* kacau saya bercakap, kenapa?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Mana ada. CEC bukan? CEC dan CWC lain! Tidak faham kah?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak mengapa. *You* duduklah *[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Central Working Committee...*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Udang dengan ketam, berbeza.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini DAP mana pula ini? *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri saya minta Yang Berhormat duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi. Saya tahu memang. Ini ada tulis. CEC itu saya tahu ada.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...PAS sokong DAP.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak ada apalah. Dengar dahulu...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tanjung Karang, duduk Yang Berhormat Tanjung Karang.

■1820

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa pun CEC atau CWC... *[Dewan riuh]* Apa? Apa pun...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Supreme Councilkah, pokoknya bahawa pemilihan yang pertama itu tidak sah dan diarahkan pengiraan semula [*Dewan riuu*]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini Yang Berhormat Sepang, PAS hendak masuk DAP itu?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Memang, dia tidak ada *point*, itu pun hendak dijadikan isu [*Dewan riuu*]

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Bilang undi pun tidak pandai.

**Tuan Pengerusi:** Teruskan Yang Berhormat Tanjong Karang kepada *point* lain. Sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang akhir, saya hendak minta ROS. ROS saya hendak minta supaya menyiasat, saya hendak ungkit lagi bahawa 54 badan bukan kerajaan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Tanjong Karang dihantar ke doktor, *check* balik. Ada masalah.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Sepang ini dari PAS hendak jadi DAPkah ini? Duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Fakta pun tidak betul, buat apa hendak cakap?

**Tuan Pengerusi:** Teruskan, teruskan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Sepang ini saya tidak bantai PAS pun sudah cukup baik. Pembangkang ini, kalau apa yang kita buat semua salah. Kalau saya hendak bantai ini, saya hendak terus ini, saya boleh cakap. Tidak, saya tidak bantai PAS pun cukup baiklah Yang Berhormat Sepang. Saya hendak menyentuh DAP sahaja. Cukuplah.

Akhir mengenai 54 badan bukan kerajaan yang bergabung di bawah Comango ataupun 'ComanGay' pun bolehlah kalau hendak panggil pun. Ada 54 pertubuhan dan saya dimaklumkan daripada 54, 12 sahaja katanya yang berdaftar. Oleh itu, kita minta ROS kena siasat mereka ini, pemimpin-pemimpin yang pergi ke peringkat antarabangsa yang kononnya mengaku mewakili NGOs. Saya hendak tanya adakah ini merupakan satu kesalahan bahawa mewakili satu pertubuhan haram yang tidak wujud pergi ke peringkat antarabangsa yang boleh mencemarkan nama baik negara, yang boleh menggugat kedudukan keharmonian negara kita. Kita lihat yang sedihnya macam-macam persatuan, Persatuan Guru-Guru Tadika Semenanjung Malaysia. Hendak tanya, ada wujud atau tidak wujud persatuan tadika ini. Bayangkan apa gambaran hendak bagi.

Kalau dia mewakili tadika, amat bahaya. Bermakna kalau persatuan ini memperjuangkan LGBT, ini menunjukkan bahawa anak-anak kita di tadika pun sudah dilatih supaya bersetuju dengan gay semua ini. Jadi kerana itu kita hendak tahu siapa di belakang mereka ini. Kalau mereka tidak berdaftar, dari mana mereka mendapat kewangan. Badan-badan manakah di belakang mereka. Adakah badan-badan ini yang amat berbahaya yang boleh mengancam keselamatan negara? Oleh kerana itulah saya amat menyokong supaya *Special Branch* tadi yang diungkit yang ahlinya menyiasat Komunis. Hari ini SB bukan sahaja hendak menyiasat Komunis, ancaman

negara kita bukan Komunis lagi tetapi kumpulan-kumpulan yang seperti ini yang boleh menyebabkan kita hidup tidak harmoni *[Tepuk]* Kumpulan-kumpulan yang menjadi kuda tunggangan kepada orang-orang asing, pada pertubuhan asing.

Ini mesti disiasat bukan sahaja oleh ROS, tetapi juga pihak polis di bawah *Special Branch*. Ini kerana kalau kita biarkan perkara ini berlaku, yang akan datang macam-macam pertubuhan lagi akan pergi ke peringkat antarabangsa yang boleh memburukkan nama kita. Apa yang lebih bimbang lagi ialah yang boleh menimbulkan konflik agama dalam negara kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kita ubah Peraturan Mesyuarat supaya siapa yang ketawa melampau, tidak boleh *[Ketawa]* Ahli Yang Berhormat, sudah saya tulis dalam *list* saya bahawa yang berucap sekarang ini giliran dari PAS kerana DAP sudah saya jemput tadi. Ada senarai yang saya terima daripada PAS, yang dahulu Yang Berhormat Sepang. Jadi saya rasa apabila Yang Berhormat Sepang nanti berhujah, dia tidak akan suka diganggu bukan. Jadi kalau tidak suka diganggu apabila berhujah, jangan ganggu kawan lain semasa berhujah. Sila Yang Berhormat Sepang.

#### 6.25 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak ada masalah. Kalau ganggu, ganggu yang betul tidak ada masalah. Kalau dapat beza CWC, CEC berbeza, saya boleh benarkan. Kalau tidak boleh beza, saya tidak benarkan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, menurut peraturan mesyuarat, kita tidak boleh mengganggu Ahli Yang Berhormat yang sedang berhujah kecuali atas dua sebab. Pertama mencelah, kedua apabila *point of order*. Masalah dia tidak ikut peraturan mesyuarat. Itu sebab kenapa saya ingatkan Yang Berhormat Sepang. Ambil rasa kepada diri. Cubit peha kanan, kalau sakit peha kiri pun sakit juga. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi ambil masa saya dua minit. Minta tambah.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Yang lain jangan Yang Berhormat bermula lagi. Yang Berhormat Sepang sudan dijemput, sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, saya punya masa kena ambil ini. Minta tambah sedikit.

Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan tentang butiran pertamanya mengenai 030000 berkaitan dengan penjara, dan seterusnya 040000 Imigresen, keselamatan negara dan juga mungkin PDRM.

Saya pergi dahulu Tuan Pengerusi kepada penjara. Kita dapati bahawa dari segi penjara ini, jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan bertambah daripada RM706,200 kepada RM708,612. Maknanya satu pertambahan yang agak besar telah diberikan kepada pihak penjara. Tuan Pengerusi, yang saya ingin minta supaya Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan,

adakah isu dengan izin, *overcrowding*, limpahan jumlah penghuni dalam penjara Malaysia ini telah dapat diselesaikan.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan isu ini kerana saya ingin berkongsi dengan Parlimen ini bahawa pada tahun 1999 *the Council of Europe* telah membuat satu *recommendation* berkaitan dengan isu *prison overcrowding* ini, dengan izin. Jadi antara cadangan-cadangan yang telah diberikan, mereka sama sekali mengetepikan ataupun menjadikan cadangan sebagai tidak penting adalah pelanjutan masa penghuni di dalam penjara ini. Maknanya hukuman penjara ini seeloknya dikurangkan dari segi tempoh masanya.

Antara polisi yang dicadangkan oleh *Council of Europe* ini adalah pertamanya dengan izin, *decriminalizing offence*. Tidak menjadikan sesuatu kesalahan yang mungkin bukan satu kesalahan, tetapi dijadikan kesalahan *criminal*. Juga dengan izin, *developing alternative to prosecution*. Ketiga, *alternative to profile detention and community sentence* dan keempatnya *avoiding long term imprisonment*.

Tuan Pengerusi, saya melihat apa yang dibuat dalam negara kita ini khususnya apabila baru-baru ini Parlimen ini meluluskan beberapa akta, antaranya Akta Pencegahan Jenayah dan pindaan dibuat kepada Kanun Keseksaan dan juga ke atas SOSMA. Kita dapat apa yang kerajaan buat sekarang ini nampaknya tidak selari dengan apa yang praktis ataupun amalan di peringkat antarabangsa di mana di peringkat antarabangsa usaha telah dibuat untuk cuba menjadikan hukuman penjara ini kalau boleh sebagai hukuman yang terakhir. Dia *reverse*.

Saya hendak bagi contoh Tuan Pengerusi, bagaimana di beberapa buah negara yang mengamalkan *inquisitorial* seperti negara-negara Latin Amerika seperti Chili, negara Venezuela dan sebagainya mereka pun menukar daripada *inquisitorial* kepada sistem yang menjadikan *presumption of innocent* ini sebagai satu sistem yang dipilih. Didapati apabila ditukar sistem tersebut, memang ada perubahan kepada jumlah penghuni dalam penjara khususnya penghuni penghuni penjara yang menunggu tarikh untuk perbicaraan.

### ■1830

Oleh sebab itulah, saya mohon supaya pihak kerajaan memberikan maklumat kepada pihak Parlimen ini bagaimanakah nisbah jumlah penghuni di penjara ini khususnya, saya hendak ambil contoh yang di Simpang Renggam, di Kajang dan juga di Sungai Buloh. Sebagai contoh, saya difahamkan di Simpang Renggam, penjara itu dibina untuk *cater*, dengan izin, lebih kurang 1,200 banduan. Akan tetapi apa yang berlaku, jumlah itu semakin lama semakin meningkat. Apatah lagi apabila bukan banduan sahaja yang dimasukkan ke Simpang Renggam tetapi pesalah-pesalah seperti orang-orang yang di reman, yang belum lagi menunggu perbicaraan.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempergerusikan Jawatankuasa*]

Orang yang ditahan di bawah akta-akta yang *preventive detention* ini dimasukkan juga. Jadi ia menyebabkan satu keadaan *overcrowding*, dengan izin. Kalau kita lihat, malahan Samy

Vellu, bekas Presiden MIC juga menyatakan atas spesifikasi Penjara Simpang Renggam itu pun sebenarnya tidak dibuat mengikut standard yang diperlukan. Malahan dia pernah mencadangkan supaya ditutup Penjara Simpang Renggam itu sebab pertamanya *overcrowding* sangat dan ini bertentangan dengan standard *international*.

Oleh sebab itulah, saya harap kerajaan mengambil berat soal ini. Jadi saya hendak tahu berapakah jumlah sekarang penghuni penjara di Simpang Renggam khususnya, di Sungai Buloh? Kalau ikut website penjara sendiri, di Sungai Buloh itu untuk cater 2,500 penghuni. Jadi saya hendak tahu berapakah sekarang jumlah penghuni yang ada di Sungai Buloh? Jadi kalau jumlahnya melebihi 2,500, adakah ini sesuai dengan standard yang telah ditetapkan oleh *United Nations* sendiri? Kita lihat antara cara-cara untuk mengurangkan *overcrowding* ini adalah pertamanya mengurangkan apa yang dikatakan tangkapan sebelum perbicaraan, *pre-trial detention*. Akan tetapi kalau kita lihat Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita kenalkan balik ISA melalui Akta Pencegahan Jenayah. Bermakna, kita bukan *reducing pre-trial detention*, kita makin hendak buka balik mereka yang ditahan di bawah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh, boleh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Saya ucapan tahniahlah kepada Yang Berhormat Sepang membuat kajian sampai ke *United Nations*, membuat kajian kepadatan *overcrowding* banduan di Simpang Renggam dan di Sungai Buloh. Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah tidak Yang Berhormat kajian pula berapa ramai pula banduan yang ditahan di penjara-penjara Malaysia ini yang hari ini diberi peluang melanjutkan pelajaran?

Ada yang dalam proses hendak buat Phd. Ada yang sedang membuat Master. Ada yang sedang membuat ijazah pertama. Ada yang sedang membuat diploma dan ada juga yang tengah membuat LLB. Yang Berhormat tahu tidak berapa ramai? Mengapa perkara-perkara yang positif seperti ini tidak mahu diketengahkan supaya lebih adil pandangan Yang Berhormat daripada hendak mencari salah kerajaan, membawa contoh-contoh yang ada matlamat politik ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya rasa kalau Parlimen ini menganggap Ahli Parlimen pembangkang ini penting dan memberikan fund untuk kami mendapatkan pegawai-pegawai *research*, benda ini memang kita boleh buat [*Dewan riuh*] Akan tetapi saya akui, saya tidak ada masalah. Soalan-soalan itu saya rasa Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Nampaknya Yang Berhormat Tanjong Karang buat pertama kalinya bercakap dapat membezakan apa dia perkara yang dia jelaslah [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh habiskan Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masa habis Yang Berhormat, sila habiskan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Sepang, jangan bagi malu Selangorlah [Ketawa]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Relaxlah, relax Yang Berhormat Tanjong Karang. Okey, satu perkara lagi ialah yang keduanya Tuan Pengerusi, juga dicadangkan di peringkat *international* ini adalah *reform of criminal procedure*. Oleh sebab itu saya kata tadi, ada negara-negara yang telah bertukar daripada sistem *inquisitorial* kepada sistem yang dipanggil sistem *advisorial* ini yang mementingkan *resumption of innocent* itu. Kalau kita lihat sebagai contoh di Kanada sendiri, saya hendak bagi contoh bagaimana negara Kanada dari segi *criminal procedure code* mereka. Saya ambil contoh dalam salah satu seksyen 78 di *Canada Criminal Procedure Code*. ia mengatakan, dengan izin, “*An offender should not be deprived of liberty, if less restrictive sanctions may be appropriate in the circumstances and all available sanctions other than imprisonment should be considered for all offenders*”.

Maknanya dalam undang-undang diletakkan *specific prohibition* yang mengatakan kalau boleh hukuman penjara ini sebagai alternatif terakhir. Oleh sebab mereka menyedari apabila perbelanjaan ke atas banduan-banduan ini bukan satu perkara yang kecil. Sebagai contoh, kalau kita lihat di California, dia punya *host* kepada perbelanjaan kepada penghuni penjara ini yang dibayar oleh *tax payer* ini melebihi daripada perbelanjaan untuk pendidikan tinggi. Jadi ini satu perbelanjaan yang tinggi.

Oleh sebab itulah, sistem penjara ini kita lihat ke arah untuk dikurangkan. Akan tetapi kalau kita lihat dalam pindaan ke atas Kanun Keseksian baru-baru ini, hampir majoriti kesalahan yang diwujudkan itu meletakkan hukuman mandatori penjara. Hukuman minimum *sentence* dan dikenakan pula hukuman penjara yang makin tinggi, jumlahnya makin panjang.

Bermakna, saya merasakan kemungkinan kita tidak mengkaji tentang trend yang berlaku di peringkat *international* ini. Oleh sebab itulah, kita risau apabila kita benarkan hukuman penjara ini makin jadi hukuman *sentence* ini, maknanya, kita ke belakang dibandingkan dengan negara-negara yang telah mencari penyelesaian bagaimanakah hendak selesaikan tentang *sentence* penjara ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Seterusnya, sikit lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ramai hendak berucap Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, dan saya rasa, kalau kita lihat kepada sebagai contoh *UN Standard Minimum Rules*, *The Tokyo Rules* dia panggil. Dia mengatakan antaranya, *offenders shall have the right to appeal against the decision of the implement of authority*. Kalau kita lihat sekarang sebagai contoh, apabila seseorang itu dibicarakan di Mahkamah Tinggi seperti mana yang berlaku kepada Yang Berhormat Permatang Pauh apabila beliau dibicarakan pada kali pertama dahulu. Sebelum dia dipenjarakan, sebelum dia dibicarakan kali pertama itu, beberapa bulan sebelum itu kerajaan telah meminda ACPC dengan meletakkan satu

*provision* yang mengatakan keputusan mahkamah berkaitan dengan soal jaminan ini tidak boleh dirayu.

Oleh sebab itulah, Yang Berhormat Permatang Pauh ditangkap dan ditahan dibicarakan di mahkamah tinggi dan tidak mendapat jaminan. Bila difaiklan di Mahkamah Tinggi, tidak boleh. Mahkamah Rayuan kata tidak boleh rayu sebab apa, ada *provision*. Jadi ini sebenarnya bertentangan dengan *United Nations, the Standard Minimum Rules, Tokyo Rules*. Jadi ini menunjukkan, saya rasa banyak perkara yang perlu kita ubah berkaitan dengan ini. Sedikit sahaja lagi. Sebagai penutup ini saya mengharapkan juga, saya terpaksa ulang balik ini.

Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat juga memberitahu saya tentang bagaimanakah kedudukan dua pejabat kerajaan yang ditutup di Parlimen Sepang ini iaitu pejabat imigresen, cawangan dia di Sungai Pelek, iaitu di Bandar Baru Salak Tinggi ditutup. Cawangan Jabatan Pendaftaran Negara juga ditutup. Saya mohon sangat sebab saya hampir setiap hari mendapat aduan daripada penduduk-penduduk di situ, mereka mengatakan penutupan kedua-dua cawangan ini mendatangkan kesukaran.

Ada yang bertanya kepada saya, adakah ini sebagai satu hukuman apabila Sepang ini kawasan tempat yang kuat BN ditawan oleh pembangkang, dihukum begini [*Dewan riuh*] Ini orang cakap, bukan saya. Saya menyampaikan [*Ketawa*]

Seterusnya, saya minta juga bilakah tarikh Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri akan merasmikan pecah tanah untuk pejabat polis dekat dengan Puchong, saya lupa nama ini...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Allah! Nama tempat sendiri pun tidak tahu, macam mana?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya lah, terlupa, terlupa. Di Bandar Baru...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Inilah kalau Ahli Parlimen payung terjun, inilah dia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Janganlah kacau.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nama kawasan sendiri pun tidak ingatkah? Malulah [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hai, sudah. Bagi cakap dululah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Tidak apalah Yang Berhormat, KDN sudah faham itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, saya rasa saya minta tempat itu di...

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tidak jaga kawasan lah itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya akan bagi tahulah, tunggulah. Saya pun sudah beritahu. Saya cuma hendak ingatkan balik kepada Yang Berhormat Menteri tetapi saya tahu beza CEW, CWC, CC, yang itu saya faham. Itu settle masalah [*Dewan riuh*] Terima kasih, terima kasih.

■1840

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Malulah, nama kawasan pun tidak ingat.

**Seorang Ahli:** Nama kawasan pun tidak ingat. Sibuk hendak buat kerja orang lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu.

#### 6.40 ptg.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi beri peluang kepada saya ambil bahagian dalam jawatankuasa ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, Taman Putra Perdana. Saya lupa tadi, ini baru ingat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mahu sentuh di jawatankuasa ini P.62 Butiran 01000 – Pengurusan Dasar Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, saya ucap tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri dan anggota polis sudah ambil tindakan menjalankan tugas menghapuskan jenayah-jenayah di negara kita termasuklah di Sarawak tetapi masalah kita nampaknya mula-mula memang banyak jenayah dikurangkan. Rakyat persoalkan sekarang bahawa jenayah sudah nampak bertambah lagi. Curi kereta, macam-macam jenayah berlaku di Sarawak lagi. Tuan Pengerusi, rakyat mahu bertanya, macam mana kita mengadakan satu jangka panjang dan jangka pendek untuk menyelesaikan jenayah-jenayah ini ataupun mengurangkan jenayah sampai minimum? Janganlah kita cuma bila ada banyak aduan daripada rakyat barulah kita hendak kelam kabut buat tindakan sampai masa, rakyat memanglah tidak berpuas hati.

Kemungkinan ramai orang sudah terlibat, sudah kena aninya habis-habis. Contoh macam pagi tadi, ramai rakyat ada hantar aduan SMS. Dia tidak faham kenapa sekarang macam contoh, *Deputy Commissioner Police Sarawak* pertahan habis-habis, Tuan OCPD Sibu. Mula-mula memang dia kata kita tidak ada gengster di Sibu, cuma ada *hooligans* sahaja. Akan tetapi untuk rakyat, *hooligans*kah, ahli *gangster*kah ataupun kumpulan berjenayah tiada perbezaan. Dia kata ini semua sama, bila dia hendak cari hal memanglah satu kereta atau dua kereta penuh mari. Mereka ini pun sama juga, tidak berbeza. Kenapa sebagai *Deputy Commissioner Police* tidak ambil peluang buat rancangan macam mana hendak selamatkan rakyat atas isu-isu rakyat dianiyai. Contoh lain macam isu mesin kuda, memang hari itu kita berbahas dalam Dewan ini semua tutup tetapi hari ini buka semula lagi semua pekeliling. Ada mungkin di *ground floor*, dengan izin, pindah di tingkat satu ataupun tingkat dua, beroperasi lagi.

Rakyat kata kalau *Deputy Commissioner Police* mestilah dapat maklumat pekeliling. Mana ada mesin kuda? Kenapa dia tidak bantu menghapuskan mesin kuda ini? Kenapa cuma menjelaskan di dalam surat khabar kata, Sibu tidak ada gengster cuma ada *hooligans*. Saya rasa kalau boleh saya memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri nasihat sedikit bagi

anggota polis kita. Janganlah kita putar belit pertahankan isu yang rakyat tidak mahu dengar kerana perkara itu ada betul-betul berlaku.

Tuan Pengerusi, rakyat pun tanya mesin kuda ini memang hendak jadi satu perkara yang serius. Ramai rakyat terutama sekali ibu bapa pening kepala, dia punya anak-anak ada terlibat dalam permainan mesin kuda ini. Kalau dia tidak ada wang, dia pergi pinjam. Selepas itu orang datang rumah kutip. Pinjam RM1000 boleh jadi RM10,000. Ada juga dia pergi buat curi ibu bapa punya wang ataupun kadang-kadang dia pergi kedai buat kecurian. Inilah masalah yang rakyat hadapi.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh atas isu ini berilah satu cadangan ataupun beri maklumat kepada kita dan rakyat macam mana dalam jangka panjang dan jangka pendek cara untuk menghapuskan aktiviti mesin kuda ini di seluruh Sarawak termasuklah mana-mana tempat yang sepatutnya dihapuskan...

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ada?

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Bintulu, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bintulu bahawa kedai mesin kuda ini banyak membawa kesan buruk kepada rakyat Malaysia terutama di Sibu yang selalu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bintulu dan saya dimaklumkan bahawa KBP Sibu akan diganti pada 16 Disember tahun ini. Jadi saya mahu tanya Yang Berhormat Bintulu, adakah Yang Berhormat Bintulu bersetuju supaya KBP Sibu yang baru ini dapat menghapuskan dan menutup semua kedai mesin kuda di Sibu? Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Memanglah isu ini saya bersetuju. Saya bukan hendak suka persoalkan kawasan lain punya masalah pasal dalam parti ini saya juga kawasan Cina. Inilah saya terima banyak aduan SMS daripada rakyat minta bantu. Ini kerana masa mula-mula kawan-kawan sebelah tidak bangkit. So sekarang terima kasihlah Yang Berhormat Lanang pun bangkit isu ini. Jadi saya sekali lagi minta Timbalan Menteri tolonglah kita, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun dari sebelah Sarawak tolonglah kita di Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

#### **6.47 ptg.**

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang untuk Lembah Pantai turut serta dalam perbahasan Kementerian Dalam Negeri.

Saya terus kepada Butiran bagi PDRM – 020000 dan saya ingin membawa perhatian Dewan kepada aplikasi program *MyDistress* yang telah kita lancarkan pada 24 Ogos 2011. Sebenarnya jarang sekali kalau saya boleh bangkitkan perkara positif dan antara perkara positif yang akan saya bangkitkan hari ini ialah program ini kerana aplikasi program *MyDistress* apabila dilancarkan memberi peluang kepada orang ramai untuk mempunyai talian terus kepada pihak

polis. Daripada apa yang kita dapati, masa respons polis telah dipercepatkan daripada 15 minit hingga lapan minit sahaja sebelum tahun 2015. Maksudnya KPInya telah capai.

Semenjak dilancarkan, saya meneliti semua komen yang amat positif daripada orang ramai yang menggunakan aplikasi ini. Selama dua tahun rekod menunjukkan aplikasi menerima lebih banyak 700 komen positif dan ratusan permintaan supaya dilancarkan untuk kegunaan lain atau selain daripada Negeri Selangor. Insentif pihak polis menyediakan aplikasi ini amat dipuji kerana memberi impak kepada jenayah seperti culik, ragut dan sebagainya.

Malangnya saya agak terkejut dan terkesan kerana pada 3 November lepas, pihak polis di bawah Selangor telah meletakkan satu notis di laman *Facebook* yang menyatakan perkhidmatan *My Distress* akan digantung buat sementara waktu untuk mengkaji keberkesanan penggunaan aplikasi tersebut. Jadi saya agak hairan kenapakah penggunaan perkhidmatan yang memang mendapat impak dan respons positif ini digantung, katanya untuk mengkaji keberkesanannya. Ia sudah dua tahun Tuan Pengurus, beroperasi. Bayaran pun sudah dibuat dan kenapakah tiba-tiba keputusan ini diambil? Ada sebuah surat yang dihantar kepada akhbar *The Star* bertarikh 11 November di mana seorang pengguna telah mengatakan penggunaan aplikasi ini amat berkesan apabila beliau menghadapi masalah dengan seorang pembuli jalan raya. Polis dapat mengenal pasti lokasi tersebut secara automatik.

#### ■1850

Saya juga rujuk kenyataan Ketua Polis Selangor, Datuk Tun Hisan Tun Hamzah dalam laporan pada 2 April 2012. '*Keberkesanan aplikasi ini terbukti apabila polis berjaya tiba di tempat kejadian dalam dua kejadian berbeza serta menyelamatkan mangsa dan memberkas penjenayah yang terbabit*'. Jadi, saya ingin tanyakan kenapakah keputusan untuk membatalkan program ini atau aplikasi ini serta-merta dan menggantikan dengan aplikasi baru disebut sebagai *SaveMe999*. Akan tetapi hanya boleh diguna pakai oleh golongan OKU yang berdaftar sahaja, bukan oleh orang ramai. Itu satu.

Keduanya, ada juga sebuah lagi aplikasi yang baru, *Malaysian Emergency Respond System* (MERS) 999 juga diperkenalkan. Akan tetapi malangnya aplikasi ini, menurut Laporan Ketua Audit Negara, tidak mendapat hasil yang setimpal dengan bayaran yang telah dikenakan pada konsultan lebih kurang RM800 juta. RM800 juta dengan sistem ini. Laporan Audit mengatakan, dalam fasa pertama Mei 2007 hingga Jun 2010, sistem yang dibina oleh Telekom Malaysia sepatutnya menerima lebih kurang 106 juta panggilan. Akan tetapi menerusi Laporan Ketua Audit mendapati sistem hanya beroperasi kurang 50% daripada kapasiti optimumnya. Daripada 51 juta panggilan yang diterima, cuma 2.5% yang merupakan panggilan kecemasan.

Jadi, saya ingin jawapan jelas daripada pihak kementerian. Antara ketiga-tiga aplikasi, pertama yang mendapat impak yang baik tiba-tiba dibatalkan. Bagaimanakah kementerian dapat memastikan aplikasi yang terbaik diguna pakai. Kenapakah keputusan diambil untuk membatalkan satu dan bukan lainnya? Telekom Malaysia juga Tuan Pengurus, saya ingin bangkitkan. Kenapakah dipilih untuk melaksanakan projek ini? Mereka mengenakan bayaran sebanyak

RM44.29 juta, itu untuk bayaran konsultasi. Ketua Audit Negara juga mendapati bahawa konsultan yang dilantik tidak memenuhi peraturan kewangan dan bayaran konsultasi terlebih RM1.92 juta.

Ada juga perkhidmatan konsultasi sebanyak RM25.88 juta dibayar *one-off, one lump sum*. Sesuatu yang dilarang dan ditegah di bawah undang-undang Kementerian Kewangan. Bayaran dibuat tanpa dokumen sokongan terhadap perkhidmatan yang diberikan dan kerajaan juga meluluskan bayaran sebanyak RM480 ribu untuk perbelanjaan dokumentasi di bawah skop pengurusan projek dan konsultasi tanpa resit. Jadi, saya ingin minta penjelasan yang jelas daripada pihak kementerian kerana program ini sahaja yang ketiga yang saya sebut ya, *Malaysia Emergency Respond System 999* hampir RM1 bilion, RM800 juta dibelanjakan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan berkait Butiran 050000 - Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Di mana saya ingin bangkitkan pengalaman saya sendiri di kawasan Parlimen saya di kawasan Seri Sentosa. Terlalu berleluasa masalah penagih dadah, termasuklah yang melibatkan anak-anak muda yang menggunakan daun ketum dan juga menghisap gam. Saya pinta pihak kementerian kerana sebelumnya PDRM, Kastam Diraja Malaysia dan juga Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia melaksanakan banyak operasi yang berjaya menangkap 82 ribu orang mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, daripada Januari hingga Ogos 2013.

Saya mahu tahu, bagaimakah kementerian memastikan bahawa kes yang berulang itu tidak bertambah, satu. Kedua, saya minta jasa baik kementerian untuk melakukan operasi di kawasan Seri Sentosa. Saya sendiri didatangi beberapa penagih dadah dan saya fikir terlalu mudah akses mereka tanpa tindakan balas daripada pihak berkuasa. Ada juga isu yang berkait dengan penempatan kerana antara semua pusat-pusat *cure and care* 1Malaysia untuk penagih dadah ini yang terbanyak dikunjungi adalah oleh pesakit luar dari Kuala Lumpur.

Jadi pada saya, saya minta pihak kementerian agar meneliti dan memastikan operasi ini dilakukan dari semasa ke semasa dan tidak sampai melimpah ruah ke semua penagih-penagih dadah di kalangan masyarakat. Isu yang terakhir Tuan Pengerusi, yang berkait dengan pengurusan PDRM juga adalah tentang perancangan kementerian bila berkait tentang isu-isu. Misalan, isu penagih dadah itu isu yang besar tapi saya nampak peruntukan yang amat tinggi masih lagi diberikan untuk kerja pengintipan ataupun risikan keselamatan. Jadi, adakah tumpukan kementerian masih lagi berkisar di kalangan memantau pergerakan ahli politik ataupun sebenarnya menangani masalah yang benar-benar berleluasa di luar sana.

Saya fikir sebelum ini Ahli Parlimen Bukit Mertajam telah bangkitkan isu pengambilan anggota-anggota pegawai khas. Pada zaman mantan Perdana Menteri suatu ketika, Tun Abdullah Ahmad Badawi, hanya lebih kurang 5 ribu anggota *special branch*, dengan izin, pegawai khas. Akan tetapi bertambah sehingga sekarang. Untuk tahun lepas sahaja, dibandingkan belanjawan yang terbaru, lebih kurang 380 ribu laporan yang dikeluarkan oleh *special branch* berbanding hanya 60 ribu kes yang diselesaikan di bawah Jabatan Siasatan Jenayah. Jadi, saya pohon kerana pada

saya masalah utama, isu dadah, isu rompakan dan sebagainya dan saya pinta pihak kementerian akan menukar haluan dan juga pengkhususan mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Saya ada nota nama tapi saya mahu lihat nama yang ada dalam nota ini tidak bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia tidak termasuk Yang Berhormat Segambut itu. Dia bukan pimpinan kanan.

**Seorang Ahli:** Kasihan Yang Segambut, bagilah *chance*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin.

**Seorang Ahli:** You jangan bantai orang ha.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah sebut Yang Berhormat Jasin.

#### 6.56 ptg.

**Datuk Haji Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi bagi saya peluang. Saya ringkas saja Tuan Pengerusi. Iaitu yang pertamanya, saya pergi kepada perkara 020000 - Polis Diraja Malaysia (PDRM), 020600 - Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Butiran 020700 - Siasatan Jenayah Komersil.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri yang telah diberikan satu peruntukan yang cukup meningkat sekali. Kalau pada tahun 2013, hanya sebanyak RM11.53 bilion tapi pada tahun depan, tahun 2014 ianya telah meningkat lebih RM1 bilion, sebanyak RM12.608 bilion untuk belanja mengurus dan juga pentadbiran. Semata-mata kita memberikan satu pengiktirafan kepada penglibatan Kementerian Dalam Negeri dalam usaha kita untuk memastikan keselamatan dalam negara dan juga ketenteraman awam sentiasa terjamin dan terpelihara.

Saya terus pergi kepada perkara pertama iaitu ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada PDRM yang telah berjaya dalam operasi tangkapan Ops Cantas. Ops Cantas ini telah dilancarkan pada 17 Ogos yang lalu semata-mata untuk membendung jenayah kekerasan, jenayah bunuh dan juga jenayah samun bersenjata. Sejak dilancarkan pada 109 hari yang lalu, jenayah indeks telah menurun dalam seluruh negara sebanyak 7.1%, sementara jenayah kekerasan telah menurun sebanyak 12.5%. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah kesan-kesan sampingan lain setelah Ops Cantas ini dilancarkan. Kalau dibandingkan sebelum Ops Cantas sebelum ini, sebelum dilancarkan.

Jadi, kita mahu kalau boleh persepsi masyarakat tentang kewibawaan PDRM, kebolehan anggota-anggota kita akan dapat dikikis. Setakat ini persepsi ini telah meningkat, kalau dulu kepada 30%, sekarang kepada 70%.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat boleh celah sikit.

**Datuk Haji Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih kasih. Terima kasih Yang Berhormat Jasin dan juga terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang PDRM, saya memang setuju bahawa

mengurangkan kadar jenayah dan untuk juga menyelesaikan kes-kes siasatan polis amatlah diperlukan dan semua rakyat pun nanti-nantikan. Dengan penyeragaman CCTV yang dikatakan dapat membantu siasatan.

Saya ingin minta pandangan dari Yang Berhormat Jasin. Kita memang tahu pihak kementerian sudah belanja beratus juta untuk pasang CCTV dan minta juga bahawa rakyat juga bekerjasama dengan pihak polis dengan memasang CCTV sendiri untuk rakaman jika berlaku sebarang jenayah. Akan tetapi, saya merasa khuatir. Saya memang dapat beberapa aduan dari rakyat Melaka iaitu dengan ada rakaman CCTV yang cukup jelas tetapi masih kita jarang nampak pihak polis dapat buat tangkapan atau selesaikan kes ini dengan kegunaan rakaman CCTV ini.

■1900

**Tuan Penggerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Sebab itu saya hendak minta pandangan dari Yang Berhormat Jasin sebab macam kita punya ADUN di Ayer Keroh, Melaka, dua kali rakaman CCTV pun diserah kepada pihak polis tetapi masih tidak dapat bantu siasatan. Adakah CCTV ini dapat bantu siasatan pihak polis dan saya ingin tanyakan angkanya berapa kes dapat diselesaikan siasatan dengan bantuan dari CCTV? Terima kasih Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Melaka. Sebenarnya CCTV ini adalah satu daripada cara yang cukup berkesan bagi kita membanteras jenayah-jenayah terutama dalam kawasan-kawasan dengan izin, *crime-prone area*. Seperti negeri Melaka, sebuah negeri pelancongan, banyak CCTV diletakkan di kawasan-kawasan pelancongan yang telah membuktikan bahawa kita telah dapat menyelesaikan banyak kes jenayah. Akan tetapi kita minta kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tentang angka-angka itu.

Saya balik kepada perkara asal tadi iaitu tentang Ops Cantas. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sama ada operasi yang kita jalankan pada ketika ini akan diteruskan atau akan dihentikan apabila indeks jenayah kita menurun? Ini kerana, sekiranya Ops Cantas ini telah membuktikan keupayaan kita dalam memerangi dan membanteras jenayah-jenayah berat, jadi seharusnya operasi Ops Cantas ini dapat kita teruskan.

Seterusnya saya ingin bertanya kepada pihak kementerian kerana setakat ini kita dapat banyak makluman persepsi dan juga tuduhan seolah-olah pihak polis hanya membuat tangkapan kepada satu-satu kaum sahaja. Saya yakin pihak PDRM sebenarnya adalah '*color blind*'. Dia tidak kira siapa. Kalau ianya pesalah, memang akan ditangkap. Setakat ini kita dapat angka dan kita minta kalau boleh pihak kementerian dapat memberikan jawapan yang terang supaya tidak ada persepsi, tidak ada tuduhan daripada mereka yang tidak bertanggungjawab seolah-olah pihak PDRM kita berat sebelah.

Seterusnya saya pergi kepada kawasan saya sendiri di Jasin. Di Jasin, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah dapat membina satu IPD baru iaitu lebih kurang tiga kilometer daripada tapak asal dalam bandar Jasin. Apa yang telah terjadi, IPD

yang lama yang terletak di tengah-tengah bandar Jasin telah tinggal begitu sahaja walhal di sana bukan sahaja pejabat bahkan telah diperuntukkan ada tempat kediaman. Saya berharap semoga pihak kerajaan dapat memikirkan, kerana pada ketika ini bandar Jasin seolah-olah tidak dijaga dan kita mahu kalau boleh kehadiran polis dapat benar-benar memerangi apa juga jenayah dan memastikan supaya tidak ada kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku.

Seterusnya saya ingin mencadangkan supaya kawasan ini dijadikan sebagai pusat latihan untuk kita meningkatkan lagi bilangan polis.

Seterusnya, ada sebuah balai polis dalam daerah Jasin iaitu Balai Polis Sungai Rambai. Pada tahun 2006, balai polis yang cukup bersejarah ini balai polis yang betul-betul terletak di tempat yang cukup strategik di sebelah sungai, bangunan kayu tetapi cukup indah sekali, tetapi telah dirobohkan dengan tujuan untuk membina sebuah balai polis yang baru. Jadi, terpaksa sekali anggota-anggota kita berpindah ke rumah kedai dalam pekan Sungai Rambai. Sehingga setakat ini, tidak ada berita daripada pihak kementerian sama ada mahu membina balai polis yang baru. Jadi saya berharap semoga pihak kementerian dapat mengambil tindakan dan membuat satu pembinaan di kawasan yang telah sedia ada.

Saya terus kepada perkara terakhir. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah sekali lagi kepada kehebatan pihak PDRM, Polis Diraja Malaysia, yang telah membuktikan kehebatan mereka dalam menyelesaikan banyak jenayah berprofil tinggi... [Tepuk] Yang pertamanya kejadian pembunuhan tembakan seorang pegawai Ambank baru-baru ini. Keduanya, apabila seorang Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang yang telah ditembak. Jadi ini membuktikan kehebatan pihak PDRM yang setanding dengan polis-polis antarabangsa.

Apa yang saya ingin sebutkan di sini adalah tentang kejadian di mana berlakunya pembunuhan seorang pegawai Ambank dan orang yang disyaki telah pun ditangkap tetapi apa yang terjadi, kita mahu kalau boleh pihak kementerian membuat satu kajian yang mendalam supaya perkara sebegini tidak berlaku lagi. Dalam masa yang sama, kita mahu membangkitkan, saya bukan menuduh sesiapa yang melakukan tetapi apa yang terjadi pada ketika tersebut, senapang seorang pengawal telah digunakan. Jadi pada ketika ini, kita dapat industri kawalan keselamatan ini menggaji lebih kurang 200,000 orang pekerja. Bagaimana masalah, kalau timbul, kerana banyak daripada pengambilan pekerja ini yang ada di kalangan mereka tanpa izin dan juga tidak melalui sumber-sumber yang sah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Jasin. Isu pengawal keselamatan hari ini nampaknya menjadi topik hangat yang diperbincangkan di media massa dan juga oleh rakyat. Apa yang menjadi kebimbangan kita ialah apabila pengawal keselamatan daripada luar negara ini, sama ada dari Nepal atau negara lain, ditempatkan untuk mengawal tempat strategik dan penting kepada negara sebagaimana disebut oleh Menteri Wilayah Persekutuan tempoh hari, kawasan-kawasan strategik. Kita bimbang nanti kalauolah pejabat Menteri sendiri pun pengawal keselamatannya ialah orang luar negara ataupun di tempat-tempat strategik yang lain yang mana ini boleh mengundang

pada suatu perkara yang tidak baik pada negara. Apa pandangan Yang Berhormat Jasin mengenai perkara ini?

**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya minta kalau boleh teks ucapan beliau itu dimasukkan ke dalam sebahagian ucapan saya. Memang cukup bertepatan sekali.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena, hendak berucap lepas inikan? Duduklah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Akan tetapi isu ini saya tidak bawa. Saya hendak minta celahan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia hendak habis sudah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Saya bersetuju bahawa tindakan harus diambil kepada syarikat pengawal keselamatan ini khususnya yang terbabit dengan kes di Ambank itu. Akan tetapi Yang Berhormat setuju tidak bahawa pertimbangan juga harus diberikan oleh pihak kerajaan jangan sampai tutup syarikat itu yang menyebabkan kesannya pekerja-pekerja rakyat Malaysia ini yang tidak buat benda seperti mana yang dilakukan oleh pegawai yang ditangkap itu menjadi mangsa? Sekarang ini mereka menjadi mangsalah, tidak dapat bekerja.

**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Memang saya hendak masuk *point* yang itu. Apa yang saya hendak sebut di sini, tindakan pihak kementerian adalah sangat bertepatan untuk membantalkan lesen syarikat pengawal keselamatan. Akan tetapi dalam masa yang sama, sekurang-kurangnya sebelum apa juga keputusan yang dibuat, seharusnya pihak kementerian, yang pertamanya, membuat siasatan dengan terperinci.

Yang keduanya, pihak kementerian kalau boleh dicadangkan supaya membuat satu rundingan dengan pihak-pihak bank kerana dengan pembatalan lesen itu serta-merta telah mengakibatkan satu krisis berlaku kerana syarikat ini, syarikat yang berkaitan, sebenarnya menggaji sebanyak 2,000 orang pengawal keselamatan yang telah melibatkan sebanyak 600 buah cawangan pelbagai bank yang tidak dapat beroperasi kerana ketiadaan pengawal keselamatan. Bayangkan perkara ini berlaku, semua bank dan juga tempat institusi kewangan kalau tidak ada pengawal keselamatan yang bersenjata tidak akan diinsuranskan.

Seterusnya, pihak...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

■1910

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya pun sudah hilang punca bila ditegur tadi Tuan Pengerusi. Saya apa-apa pun, saya hendak berikan penegasan di sini bahawa pihak kementerian seharusnya membuat satu kajian yang mendalam. Apa juga tindakan-tindakan yang dibuat kerana pada ketika ini kita dapati bahawa pengawal-pengawal keselamatan ini

ditempatkan di kawasan-kawasan strategik, bukan sahaja di bank bahkan kawasan-kawasan yang cukup penting untuk keselamatan negara. Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena. Untuk makluman Yang Berhormat, kita akan hentikan selepas seorang, dua selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab ya. Yang Berhormat Pokok Sena.

#### 7.10 mlm.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita sudah mengambil lebih daripada 120 minit untuk kementerian ini dalam perbahasan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya sudah masuk *list* awal.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak mengapa.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Boleh saya teruskan ya. B.62 Butiran 020000 – Polis Diraja Malaysia (PDRM). Saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, baru ini pihak polis dan sekarang ini sedang berjalan iaitu Ops Cantas Saman Trafik yang telah pun dibuat kalau tidak silap saya sejak 23 November melalui satu kenyataan polis bahawa akan memulakan rondaan rumah ke rumah untuk mencari pesalah trafik yang mempunyai 15 saman tertunggak dan juga mempunyai dua waran tangkap.

Saya ingat Yang Berhormat Baling pun ada, kalau tidak silap. 15 saman tertunggak ada? [Ketawa] Pemangku Ketua Trafik Persekutuan SAC Mohd Fuad Abdul Latif menyatakan bahawa sekatan-sekatan jalan raya juga akan turut dilaksanakan untuk mencari pesalah-pesalah trafik. Dia menyatakan bahawa Ops Cantas Saman Trafik ini supaya pesalah trafik membayar saman. Baik, isunya saman tertunggak, saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan apa yang dimaksudkan tentang dengan saman tertunggak itu, yang dikatakan 15 saman tertunggak itu ataupun isu saman tertunggak itu, apa yang dimaksudkan? Adakah ia yang dimaksudkan itu saman POL 257 atau sekadar notis POL 170A, apa yang dikenali sebagai saman ekor.

Oleh sebab kalau POL 257, bagi saya ia tidak boleh dianggap sebagai tertunggak kerana setiap saman wajib hadir ke mahkamah. Jika hadir ke mahkamah maka saman akan selesai sama ada dengan mengaku salah ataupun bicara. Jadi, tidak akan ada saman tertunggak bagi saya, macam mana kalau dikatakan bahawa POL 257 itu dianggap saman tertunggak sedangkan dari segi perundangannya ia tidak boleh dianggap sebagai saman tertunggak sebab yang dikatakan saman untuk seorang itu kena hadir ke mahkamah. Jadi, saman boleh jadi tertunggak kerana polis tidak di bawa mahkamah.

Adakah bermakna bahawa ini menunjukkan bahawa polis tidak bawa kes ini ke mahkamah? Kalau polis tidak bawa ke mahkamah, itu tidak boleh dianggap sebagai saman tertunggak. Itu polis tertunggak, kerja polis tertunggak. Dia tidak boleh dianggap sebagai saman tertunggak. Jadi, saya hendak dapatkan penjelasan sebab bagi saya bahawa jika polis tidak bawa ke mahkamah kenapa hendak salahkan orang lain sehingga perlu buat ops khas kononnya orang

awam yang tidak patuh undang-undang. Jika saman bawa ke mahkamah tetapi pesalah tidak hadir maka waran tangkap akan dikeluarkan.

Jadi, saya kata sebab bagi saya bahawa bila pergi rumah ke rumah, polis pergi ke rumah-rumah dan sebagainya, ini bagi saya bahawa sesuatu yang tidak wajar kecuali kalau ada waran tangkap, kita hendak pergi tangkap kerana proses itu sudah berjalan iaitu proses pergi mahkamah, dia tidak hadir barulah keluar waran tangkap. Baik yang kedua notis POL 170A. POL 170A ini hanya notis permintaan butir-butir pemandu, bukan saman. Jadi, tidak perlu bayar dan tidak perlu ke mahkamah ini 170 hanyalah untuk meminta butir-butir pemandu. Saya hendak minta penjelasan di sini bahawa...

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kalabakan bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekejap-sekejap. Tujuan Ops Cantas Saman ini adalah supaya pesalah bayar saman. Maknanya kerajaan nampaknya hendak cari seberapa banyak untuk menambah sumber pendapatan sebelum daripada Ops GST ini dilaksanakan. Jadi, sumber pendapatan itu hendak ditambah melalui apa yang disebut kononnya sebagai saman trafik, saman-saman yang tertunggak. Sila.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saman tertunggak ini atau saman yang ditangkap sewaktu polis bertapuk di bawah pokok untuk tangkap orang-orang speed trap. Saya ada 19 saman. [Tepuk] Saya kena 19 saman. Saya tidak tahu, tidak ada notis tetapi bila anak saya check di internet, dia kata kita punya kereta ini, kereta ini, kereta ini ada kena saman. Akan tetapi persoalannya sekarang kalau kita yang tahu saman itu melalui internet, macam mana orang yang kampung tidak tahu pun tengok internet? Apa macam? 19 saman ini dengan ia punya denda dan apa semua lebih RM7,000 saya mahu bayar.

Mahu bayar kepada pihak polis OCPD lebih RM7,000. Saya bagi satu *cheque*, mereka kata tidak boleh terima *cheque*. Jadi, saya mahu tahu juga, bayar pakai *cash* kah atau *cheque* bolehkah? Kita minta mungkin saman ekor ini yang polis di Tawau sana tapuk bawah pokok, tangkap speed trap dan semua ini, bolehkah kita terima atau kita buat sistem seperti di Australia. Di mana ada notis mengatakan 500 meter di hadapan ada speed trap. Akan tetapi di Sabah tidak ada, jadi kita minta kalau boleh pihak polis hentikan semua ini terangkan kalau kita ada speed trap di mana-mana terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena tahu kah makna 'tapuk'?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** 'Tapuk' yang digunakan oleh Yang Berhormat Kalabakan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak tahu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** 'Tapuk' itu sembunyi. Sembunyi bawah pokok ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sembunyi oh! Sembunyi celah pokok ya. [Ketawa]

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Di Sabah 'tapuk' itu bererti sembunyi. Macam juga kata Speaker dahulu, itu perkataan 'ngam' tidak ada, yang Sabah pakai perkataan 'ngam' ertinya 'betul'.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ngam, betul. [Ketawa] Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, apa yang disebutkan tadi. Seorang Yang Berhormat ada 19 saman ya. 19 saman itu saya tidak tahu Yang Berhormat Baling ada berapa? Yang Berhormat Lenggong ada berapa itu? [Ketawa] Jadi, saya hendak minta bahawa jadikan sebahagian daripada ucapan saya apa yang dibangkit apa yang perlu diperjelaskan iaitu maknanya menunjukkan bahawa proses perundangan itu tidak selesai sebenarnya.

Pertama, saman itu mungkin tidak sampai, notis itu tidak sampai kepada seseorang itu, pemilik kenderaan tersebut, tiba-tiba bila hendak pergi memperbarui lesen ataupun *road tax* dan sebagainya, tidak dapat ataupun cek melalui pelbagai yang lain. Jadi, notis sebenarnya tidak sampai, jadi tidak boleh kita hendak pergi mencari sampai rumah ke rumah yang mengganggu privasi seseorang. Saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya hendak tanya sedikit sahaja. Mengenai yang dikatakan saman tertunggak tadi di pihak polis, sama ada pihak polis tidak bawa ke mahkamah ataupun polis bawa ke mahkamah kemudian orang yang di saman itu tidak hadir, keluar waran tangkap. Hendak tanya pandangan Yang Berhormat Pokok Sena, dalam undang-undang, dalam Kanun Acara Jenayah, dia ada satu cara untuk orang yang kena saman ini mengaku salah iaitu dipanggil *Plead Guilty by Letter* (PGL). Itu ada dalam undang-undang. Akan tetapi hendak mengaku salah melalui surat ini tanpa perlu pergi ke mahkamah itu hanya kes kecil-kecil sahaja, tidak pakai topi keledar, tidak pakai tali pinggang keledar dan yang kecil-kecil.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, setuju atau tidak kalau kerajaan membenarkan *Plead Guilty by Letter* (PGL) ini dengan izin, diperluaskan kepada kes tidak ada lesen, tidak ada *road tax*, tidak ada insurans dan perkara-perkara yang seumpamanya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, boleh gulung Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik-baik, terima kasih peguam tanya saya. [Ketawa].

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pokok Sena *lawyer*, jawablah. Yang Berhormat Pokok Sena *lawyer*, loyar buruk.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya bersetuju bahawa boleh dipertimbangkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu, seorang yang berpengalaman dan merupakan pengamal undang-undang dalam negara kita.

■1920

Saya kira bahawa apa yang saya sebutkan ini bukan dalam konteks itu tetapi boleh - kalau untuk ke hadapan itu boleh tetapi persoalannya sekarang ialah apa yang disebutkan *pool* 257 itu ialah sepatutnya dia kena bawa ke mahkamah. Dia tidak boleh kita hendak pergi cari dia di rumah dan sebagainya. Jadi, apa hak begitu? Bagi saya bahawa ini seharusnya diatasi segera untuk mengelakkan keselesaan, *privacy* orang, keluarga dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kemudian, saya juga ingin mendapat penjelasan iaitu Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Bakri Zinin berkata Polis Diraja Malaysia pada 30 November, "PDRM tidak akan menangkap pesalah trafik yang telah dikeluarkan waran tangkap serta mereka yang mempunyai saman tertunggak bagi memberikan peluang menjelaskan sebelum penguatkuasaan menyeluruh dilakukan dalam masa terdekat". Jadi, dua percanggahan kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Ketua Polis dengan SAC Mohd. Fuad yang kata akan tangkap, waran akan dikeluarkan.

Jadi isunya ialah kenapa ada arahan yang berbeza SAC pada 23 November kata akan dimulakan dengan *road block* dan rondaan rumah ke rumah, tiba-tiba Timbalan Ketua Polis kata sebaliknya? Maknanya akan ada waran tangkap tetapi kita tidak akan kuatkuasakan penangkapan tersebut serta-merta. Maknanya, ini saya fikir bahawa sesuatu yang tidak seharusnya berlaku. Saya hendak minta penjelasan juga, adakah selama tempoh pelaksanaan Ops Cantas saman trafik ini dilakukan, sudah berapa kutipan yang dapat dibuat, pulangan duit saman yang disasarkan yang telah pun diperolehi oleh pihak kerajaan?

Kemudian, sekejap. Ini kalau saya tidak sebut, tidak bolehlah iaitu AES. Pada 14 September, Menteri Dalam Negeri memaklumkan bahawa AES telah diserahkan pengendaliannya kepada PDRM. Jadi, saya hendak mendapatkan penjelasan. Pertama sekali saya hendak minta ialah apakah sudah selesai tentang daripada segi pengambilalihan yang dikatakan bahawa kerajaan akan ambil alih syarikat itu dengan mewujudkan satu syarikat baru? Daripada segi pembayaran ganti rugi yang telah dibayar kepada dua buah syarikat lama yang telah pun pernah saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini, jadi saya hendak minta berapa jumlah pembayaran yang telah dibuat?

Kemudian, berkaitan dengan AES ini juga, adakah AES sekarang ini sememangnya dijalankan oleh PDRM? Adakah pusat-pusat operasi AES di Glenmarie, Shah Alam dan Tapah, Perak dikawal sepenuhnya oleh PDRM? Sehingga hari ini, saya dapati bahawa *mobile unit* AES masih dijalankan oleh JPJ. Bagaimana dikatakan diserahkan kepada PDRM jika *mobile unit* masih dijalankan oleh pihak JPJ?

Akhir sekali saya hendak sebutkan ialah Butiran 040000 – Imigresen iaitu isu yang berkaitan dengan pelaksanaan penempatan tenaga kerja Indonesia di Malaysia. Saya hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, kenapa kerajaan lebih melakukan pelaksanaan ini melalui syarikat dengan syarikat, tidak G2G. Ini kerana saya bimbang bahawa daripada daptan apa yang saya peroleh menunjukkan rekod-rekod syarikat di Indonesia ini ialah syarikat-syarikat yang sangat tidak menggambarkan bahawa mereka pernah *blacklist* di Malaysia sendiri tetapi masih berurusan untuk benda-benda begini.

Begitu juga macam umpamanya syarikat kelompok merah putih yang terlibat dalam perjanjian dengan syarikat di Malaysia ini. Ini adalah kelompok yang dilihat sebagai NGO yang ultra nasionalis, yang percaya bahawa Malaysia adalah sebahagian daripada Indonesia dengan ideologi Indonesia Raya. Ini syarikat ini. Saya *check* dengan kawan-kawan di sana bahawa syarikat ini adalah ultra nasionalis. Jadi, saya bimbang bahawa dia akan memberikan kesan-kesan yang tidak baik. Juga saya dapati bahawa beberapa syarikat ini dikatakan ada dimiliki umpamanya macam syarikat yang bernaung di bawah syarikat yang saya sebutkan tadi itu ialah Bidar Putra Sukses yang dikatakan diketuai oleh Ketua Polis Brigadier General begitu, syarikat yang melibatkan Ketua Polis Indonesia dan sebagainya.

Jadi saya takut bahawa dia akan membabitkan kepada persoalan pengintipan yang mungkin boleh berlaku dalam negara kita sedangkan kita bercakap soal pengintipan sebelum ini, tiba-tiba syarikat-syarikat yang *deal* dalam hal-hal penempatan pekerja-pekerja asing khususnya dari Indonesia ini boleh masuk dan membuat pengintipan melalui cara yang sebegini. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya panggil Yang Berhormat Batu, selepas itu Yang Berhormat Padang Besar. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

## 7.25 mlm.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam Maksud Bekalan 62 di bawah Kepala Pendaftaran Negara, Butiran 060200 – Rekod Pendaftaran Penduduk. Saya ingin sentuh isu orang tanpa kewarganegaraan. Terdapat dua jenis orang yang tanpa kewarganegaraan yang diuar-uarkan. Ada sekurang-kurangnya 200,000 kanak-kanak yang telah dilahirkan di Malaysia tidak ada kewarganegaraan dan kita ingin tahu apakah rancangan kerajaan. Satu kategori lagi ialah orang-orang yang jelas telah duduk di Malaysia dan mereka telah berkali-kali memohon. Kita ingin mendapatkan penjelasan berapa angkanya dan kerajaan sebelum pilihan raya telah berjanji untuk menyelesaikan semua isu yang tanpa IC ini dalam lima tahun. Saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada itu *on track* atau tidak .

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: [Bangun]**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kedua, dalam tajuk di bawah Kepala Pendaftaran Pertubuhan, Butiran 080000 yang mana saya ingin mendapat apakah status permohonan ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sibu bangun Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Mana?

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sini, Sibu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, sedikit sahaja.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Tentang kewarganegaraan. Saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Batu, di Sarawak, Long Singut Baleh, ada sebuah kampung, kebanyakannya penduduk di kampung sana tidak ada IC ataupun tidak mendapat kewarganegaraan daripada KDN. Lebih kurang 100 orang di kampung sana tidak ada IC biru. Jadi ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya faham.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Masalahnya ialah ibu bapa mereka ini kebanyakannya keturunan dari Indonesia. Jadi, apakah rancangan kerajaan untuk membantu anak-anak daripada keturunan ini supaya mereka boleh mendapat kewarganegaraan Malaysia. Kalau tidak, mereka ini macam dikurungkan di Malaysia kerana mereka tidak boleh keluar pergi ke luar negara, tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey. Saya faham dan saya serahkan kepada Menteri untuk jawab tentang status kewarganegaraan ini. Saya teruskan dengan pendaftaran pertubuhan. Saya ingin mendapat tahu, apakah status permohonan pendaftaran Pakatan Rakyat pada bulan 3 Mac 2013. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ulas bahawa jangan percaya kepada manifesto Pakatan Rakyat kerana Pakatan Rakyat tidak sanggup untuk mendaftar jadi satu pertubuhan yang bersatu. Saya tidak tahu sama ada pihak KDN tidak pernah memaklumkan kepada Perdana Menteri bahawa sebenarnya Pakatan Rakyat telah memohon untuk didaftarkan sekurang-kurangnya tiga tahun yang lalu. Kita ingin tahu status permohonan.

Kemudian, saya ingin *move on to* satu perkara lain iaitu isu imigrasi pekerja asing. Seperti rakan-rakan saya, kita banyak kali telah menunjukkan keprihatinan dengan pembanjiran pekerja asing ini.

#### ■1930

Saya ingin tahu apakah status pemutihan kita di mana tahun 2011 dikatakan oleh Menteri Dalam Negeri pada waktu itu sekurang-kurangnya ada 2.3 juta telah berdaftar. Kalau menurut Yang Berhormat Sembrong pada waktu itu, masih Menteri Dalam Negeri telah menyebutkan bahawa di kalangan 400,000 pekerja asing yang datang dari Bangladesh, ada 300,000 adalah PATI. So saya ingin mendapat tahu apakah penjelasannya. Saya juga dimaklumkan oleh rakan saya Yang Berhormat Subang, apakah status siasatan terhadap isu *human trafficking*, perdagangan manusia yang telah difaiklan oleh Yang Berhormat Subang daripada penduduk-penduduk dari...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey seterusnya saya juga ingin membangkitkan isu di bawah isu PDRM dalam Butiran 020000, di bawah isu senjata api. Tadi kita mendengar tentang *security firm* ini yang di mana salah seorang pegawainya telah terlibat dalam rompakan dan sebanyak 2,000 pekerjaanya digantung. Saya tidak mahu membawa isu aspek itu tetapi saya ingin tahu berapakah syarikat keselamatan yang telah diberikan lesen untuk memiliki senjata api dan berapakah unit senjata api kita telah isu sebab kalau syarikat yang menjaga bank-bank ini sebanyak 2,000 orang pegawai keselamatan, seolah-olah tiga batalion yang besar. *Is a small private army* yang kita ada, itu satu syarikat. Saya tidak tahu berapa lagi syarikat. Kami dimaklumkan oleh IGP bahawa Abu Sayyaf hanya ada 300 orang yang bersenjata sahaja tetapi kita ada syarikat firma swasta yang mempunyai pegawai yang bersenjata seramai 2,000 orang. Itu saya...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Minta penjelasan sedikit Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat Batu mahu mencadangkan supaya dihadkan jumlah kakitangan yang bersenjata ini kepada satu jumlah yang boleh dikawal dan tidak menjadi suatu *small army* seperti yang disebutkan tadi?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, saya amat prihatin dan kita ingin tahu apakah kriteria sama ada warga asing dibenarkan untuk memegang senjata api terutamanya dalam premis-premis yang sensitif. Saya mencadangkan supaya sektor bank dan juga keselamatan yang agak sensitif ini dikembalikan supaya bank menjadi majikan, bukan kita swastakan kepada firma-firma sekuriti yang swasta.

Kemudian di bawah Butiran 020300 – Siasatan Jenayah. Satu pengakuan bersumpah telah dikemukakan oleh bekas Ketua CID, Datuk Mat Zain yang telah mendakwa beberapa perkara yang sangat-sangat serius termasuk perisikan terhadap keselamatan negara kita. Mengikut Datuk Mat Zain, sesuatu pengakuan bersumpah, SD itu di bawah seksyen 107(3) (a) sehingga (c) di bawah Kanun Tatacara Jenayah adalah sama status dengan laporan polis. Ini bermaksud polis ada kewajipan untuk menyiasat kandungan dalam SD ini. Lagipun saya juga mendapati ada beberapa kumpulan aktivis yang telah membuat laporan polis.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ingin tahu sama ada polis berniat untuk melakukan siasatan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Tadi Yang Berhormat Batu membangkitkan tentang akuan bersumpah Datuk Mat Zain. Kalau kita meneliti beberapa laporan media terutamanya media sosial, di antara tuduhan utama Datuk Mat Zain Ibrahim, bekas Pegawai Kanan Polis, Tuan Pengerusi ialah soal pertemuan beliau dengan mantan Perdana Menteri yang menyatakan terdapat agen CIA yang bekerja di Pejabat Peguam Negara. Menurut sumber media *Malaysian Insider* misalnya terus menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri telah dibawa berbincang dengan mantan Perdana Menteri mengenai tingkah laku Peguam Negara ini.

Bersetuju tidak Yang Berhormat Batu kalau kita meminta penjelasan yang tegas dan berterus terang daripada kementerian kerana maklumat yang kita terima ialah ada seseorang yang bernama **Kent Kol**, warganegara Amerika yang beroperasi yang menjadi *Regional Director* berpangkalan di Hong Kong di mana telah menasihati Peguam Negara selama dua tahun. Apakah ini watak yang sebenar dan kita minta penjelasan serta pendedahan terus terang daripada Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ramai yang bangun.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *[Bangun]* Sekejap sahaja. Yang Berhormat Batu. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Batu. Bolehkah Yang Berhormat Batu bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri mengapakah beliau memberikan amaran kepada rakyat Malaysia bahawa rakyat Malaysia sepatutnya tidak menyatakan berkenaan dengan Perjanjian Malaysia 1963 dan juga Perkara 18 dan Perkara 20. Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini luar daripada topik tetapi tidak apa, masukkan ke dalam ucapan saya supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawabnya. Saya hendak kembali kepada isu perisikan ini juga di bawah...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Hah? Nanti sebentar. Butiran 020400 di mana saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian sama ada kita membuat satu dengan izin, *shipping* supaya peralatan perisikan kita tidak telah diguna pakai oleh pihak kuasa-kuasa besar untuk mengintip pemimpin-pemimpin negara kita. Itu satu perkara yang sangat serius kerana ia mengancam kedaulatan negara.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya juga ada beberapa perbincangan peribadi dengan Yang Berhormat Menteri sendiri dan saya yakin Yang Berhormat Menteri sendiri juga bersetuju bahawa perisikan dan juga kehadiran, kewujudan penasihat daripada negara asing ini adalah satu perkara yang mempunyai implikasi besar terhadap kedaulatan dan keselamatan negara. Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu dan terima kasih Tuan Pengerusi. Bersetujukah Yang Berhormat Batu bahawa risikan keselamatan ini sudah ada banyak laporan negatif terhadap Cawangan Khas. Saya rasa ini bukan salah Cawangan Khas semata-mata kerana salah guna kuasa kerajaan menggunakan Cawangan Khas (SB) ini. Bersetujukah Yang Berhormat Batu jika saya mengatakan kerajaan harus segera untuk melaksanakan saranan oleh laporan suruhanjaya Tun Dzaiddin iaitu mewajibkan SB ini membentangkan laporan tahunan bukan sahaja kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang tetapi kepada Parlimen dan juga meminda Akta Polis 1967 supaya tugas bidang kuasa

serta tanggungjawab SB menjadi jelas bukan hanya menjawab kepada seorang sahaja iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey. Saya hendak gulung.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Batu boleh mencelah? Boleh ya? Okey terima kasih. Yang Berhormat Batu ada menyentuh tentang perisikan dan kedaulatan negara. Jadi Yang Berhormat Batu tahu tidak, awal tahun ini kita dikejutkan dengan pencerobohan pengganas Kiram di Lahad Datu. Sesungguhnya saya percaya satu detik hitam dalam sejarah keselamatan negara. Akan tetapi Yang Berhormat Batu, kita tahu tali barut dalam – sekarang ini mereka – kita mendapat hasil siasatan menunjukkan ada tali barut dalam PDRM dan individu berkenaan sudah pun dihukum tetapi apa yang menjadi persoalan ialah ada dakwaan menunjukkan ada pemimpin-pemimpin politik tertentu yang terlibat di dalam pencerobohan ini. Jadi Yang Berhormat Batu, kalau benarlah dakwaan ini – oleh itu saya ingin Yang Berhormat Batu bersetuju tidak...

#### ■1940

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya amat setuju...

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Kalau ada ahli politik yang terbabit perlu atau tidak kita dedahkan mereka yang terbabit dan tindakan diambil Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya faham. Kita telah dengar isu ada penglibatan ahli-ahli politik seolah-olahnya ahli-ahli politik pembangkang terlibat menjadi dalang kepada ini. Saya juga amat prihatin kerana kalau perkara ini sangat serius kita sepatutnya ambil tindakan tegas terhadap sesiapa pun. Itulah yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang lalu dalam satu *white paper* harus dikemukakan. Akan tetapi sehingga sekarang kenapa melengahkan perwujudan suruhanjaya penyiasatan itu. Itu nampaknya seolah-olah Kementerian Dalam Negeri ini tidak ambil serius. Saya bukan kata mereka. Hanya seolah-olah tidak ambil serius bila keselamatan negara kita terancam.

Akhir sekali saya ingin gulung dan beberapa perkara yang saya hendak tanya pertama sekali apakah status siasatan terhadap pembunuhan K. Murugan merupakan pembantu keselamatan untuk calon Tapah iaitu Vasantha Kumar. Kemudian juga saya ingin tahu apakah yang terjadi dengan dua orang UTK yang terlibat dan dituduh terlibat dalam kes Altantuya. Mereka telah dibebaskan dan tanpa bersalah dan mereka merupakan UTK.

Saya ingin tahu sama ada mereka berhak untuk dipulih semula untuk bekerja. Dia sebagai UTK kerana salah seorang daripada individu ini merupakan penduduk di kawasan Batu. Saya ingin tahu sama ada mereka yang tidak bersalah ini dapat berhak untuk kembali berkhidmat sebagai pegawai keselamatan. Dengan itu saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Besar.

**7.42 ptg**

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang. Sebenarnya saya ingin sampaikan sedikit tentang pesanan daripada anggota RELA. Jadi saya hendak bahaskan tentang **Butiran 010300** - Anggota RELA di mana peruntukannya telah diturunkan daripada RM201 juta kepada RM108 juta. Hampir RM90 juta lebih.

Jadi katanya peranan RELA dalam bidang persekitaran amat memberi impak positif kepada kerajaan terutama dalam usaha Kementerian Dalam Negeri menarik orang muda menyertai aktiviti sihat dan seterusnya dapat membantu kerajaan memerangi gejala jenayah. Ini disebabkan RELA merupakan orang tempatan dan banyak mengetahui selok-belok sesuatu tempat. Mohon kerajaan menyediakan peruntukan yang besar bagi menggerakkan program kemasyarakatan yang diyakini dapat memberi impak positif kepada kerajaan dalam usaha memerangi jenayah dan mencegah anak muda terlibat dalam jenayah.

Jadi dalam membahaskan RELA ini juga kita minta Kementerian Dalam Negeri kalau boleh kalau peruntukan ini dikurangkan malah peruntukan kalau kita dapat tambah peruntukan. Akan tetapi kuasa RELA juga perlu ada. Kita lihat di sini bahawa kebanyakan RELA ini merungut bahawa mereka ini tidak mempunyai apa-apa bidang kuasa tetapi kerja, usaha dan komitmen mereka untuk mereka membanteras jenayah dan melakukan kerja-kerja dari segi menjaga keselamatan negara cukup penting.

RELA ini juga dilihat peranan mereka dari segi latihan dan sebagainya juga memainkan peranan yang cukup penting untuk mereka meningkatkan tahap disiplin. Kita lihat bahawa RELA dari segi kursusnya hanya tujuh hari sahaja kerana peruntukan tidak cukup. Okey.

**Timbalan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Padang Besar. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri RELA ini - hendak mencelah sedikit, RELA ini kita ada anggota lebih kurang tiga juta orang. Tiga juta ini sudah 10% rakyat Malaysia ini. Di utara kita di Kedah dan juga Perlis, kita juga mempunyai masalah ketara berkaitan dengan penyalahgunaan daun ketum. Jadi kita mohon kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian untuk empower RELA ini supaya mereka ini ada kuasa untuk setidak-tidaknya lengkap orang-orang yang terlibat dengan penyalahgunaan daun ketum ini dan termasuk juga mereka digeruni dengan orang-orang yang terlibat dan juga kanak-kanak sekolah yang mula mencebur. Apa komen Yang Berhormat Padang Besar?

**Timbalan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanah Merah bangun Yang Berhormat.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Jadi saya masukkan dalam ucapan saya.

**Timbalan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanah Merah bangun Yang Berhormat.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Okey, okey.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Sentuh fasal RELA ini. Okey Yang Berhormat Padang Besar, setuju atau tidak kalau saya rasa sudah tiba masanya Kementerian Dalam Negeri memastikan anggota RELA ini yang tidak lagi menjadi sekadar penjaga lalu lintas, menjadi jaga lalu lintas di majlis-majlis perkahwinan dan di majlis rasmi. Saya percaya anggota RELA ini ada kemampuan untuk melakukan tugas lebih daripada itu.

Jadi baru ini Yang Berhormat Padang Besar setuju atau tidak kita menyambut baik cadangan kementerian untuk mengkaji kemungkinan menggantikan khidmat pegawai keselamatan swasta yang menjaga pejabat-pejabat kerajaan khususnya di Putrajaya hari ini kepada polis bantuan. Namun demikian Yang Berhormat Padang Besar, kita percaya pembentukan polis bantuan melibatkan kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan mungkin akan memerlukan peruntukan besar. Oleh itu Yang Berhormat Padang Besar setuju atau tidak saya kata kita mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mempertimbangkan kemungkinan menyerahkan tugas tersebut kepada anggota-anggota RELA. Yang Berhormat Padang Besar, saya yakin langkah itu lebih praktikal kerana selain terlatih kerana mereka anggota RELA ini telah terlatih saya percaya anggota RELA berupaya menjalankan tanggungjawab mereka dengan tekun dan amanah. Dalam waktu yang sama mereka dapat rezeki halal yang lebih lagi.

Maka bersesuaian dengan cadangan ini Yang Berhormat Padang Besar, saya berpendapat mungkin anggota RELA kita beri tugas tersebut dengan dalam waktu yang sama pakaian seragam mereka tentulah kita ubah. Ia dapat membezakan yang menjalankan tugas biasa dan yang menjaga pejabat kerajaan. Setuju atau tidak Yang Berhormat Padang Besar? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Padang Besar boleh minta laluan? Ini terima kasih Tuan Pengurus soal RELA ini saya bukan tidak setuju dengan Yang Berhormat Tanah Merah. Akan tetapi RELA ini dia tidak *fit*. Dia punya latihan pun kurang. Terlalu ringan, jadi untuk menjadi seorang anggota yang berwibawa kena ada latihan dan anggota RELA itu kena ada keterampilan yang gagah, yang cukup – bukan menggerunkan tetapi dihormati.

Kalau anggota RELA kita orang bilang tidur, orang Sabah bilang “*lamboyot*” itu rasa saya tidak membantu untuk menguatkuasakan undang-undang. Jadi RELA ini seharusnya kerajaan sudah tiba masanya harus mengeksplorasi RELA ini. Beri latihan, alat tentera yang mengetahui sedikit tentang *basic* undang-undang dan tatacara dengan keterampilan yang menggerunkan macam di Eropah dan sebagainya walaupun *security*, tetapi *security*nya bukan main. Jangan cuba-cuba cabar. Dia memang *tough* dari segi mempertahankan diri dan sebagainya. Jadi perlu ada pendekatan yang lebih mendalam dahulu barulah kita serapkan. Apa pandangan Yang Berhormat Padang besar?

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah dan Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi sila masuk dalam ucapan saya. Saya amat bersetuju kerana kita lihat sekarang ini anak-anak muda lebih tertarik dan banyak yang tertarik kepada RELA. Seperti mana dikatakan tadi latihannya cuma seminggu sahaja. Tolak perjalanan, lima hari. Jadi jika dapat disediakan peruntukan yang lebih dan latihan yang lebih maka kita lihat

RELA ini dapat memainkan peranan yang cukup penting terutamanya kawasan-kawasan di sempadan terutamanya di Kedah, Perlis, Kelantan. Maka peranan RELA ini penting sebab mereka ini dekat dengan masyarakat.

Keduanya berkenaan dengan penjara 030300..

**Timbalan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sibu bangun Yang Berhormat. Belakang Yang Berhormat Sibu.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Pemulihan dan rawatan.

**Timbalan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sibu Yang Berhormat.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Jadi Yang Berhormat saya ingin menyentuh sedikit sebab dilihat dari segi rawatan doktor-doktor melawat penjara ini kebanyakannya ada doktor pekerja asing iaitu Bangladesh. Jadi saya bukan kata – kita ucap terima kasih kepada orang Bangladesh yang banyak bekerja di negara kita ini membantu ekonomi negara kita. Kita pun mengucapkan terima kasih sehingga doktor pun kita pakai doktor Bangladesh. Jadi bukan apa, kita lihat di sini kalau Bangladesh itu ketahanan tempat Bangladesh itu doktor tidak mengapa.

#### ■1950

Akan tetapi pesanan daripada orang yang hendak kena penjara, dia bagi tahu dia tidak berapa yakin dengan doktor Bangladesh. Jadi kita lihat, kalaularah peruntukannya kurang, kita hendak kalau boleh doktor Malaysia yang terlatih, doktor kita sendiri yang merawat pesakit-pesakit kita di penjara.

Ketiganya berkenaan dengan Butiran 010200 - Dasar dan Operasi. Saya tidak tahu di mana saya perlu masuk ke sini. Akan tetapi yang pentingnya sini tentang pemalsuan dokumen. Kita lihat dari segi kita punya alat-alat untuk memeriksa ataupun mengenal pasti dokumen-dokumen seperti orang yang memalsukan dokumen, ini cukup penting. Kalau boleh kita sediakan peruntukan. Peruntukan ini cukup penting supaya kita dapat lihat kegiatan memalsukan dokumen di negara kita ini sudah berleluasa. Bukan sahaja dari segi kad pengenalan palsu, dokumen palsu, kadang-kadang pasport palsu dan sebagainya. Ini cukup penting. Kita lihat KDN patutlah melihat perkara ini dengan serius supaya tidak ada rakyat yang tertipu dengan memalsukan dokumen. Itu dari segi keselamatan. Akan tetapi dari segi ekonominya, ada dokumen harta dari luar negara, bond-bond palsu dan sebagainya. Kita lihat rakyat kita kerugian berjuta-juta ringgit kerana ditipu dengan dokumen-dokumen palsu ini. Jadi kita lihat perlulah ada rekod dan sebagainya, perlu kita ada satu alat yang memastikan bahawa dokumen ini palsu dan kita perlu dari segi operasi kita melihat bahawa kegiatan memalsukan dokumen ini perlu diberi perhatian.

Satu lagi berkenaan dengan - saya ingin menyentuh sedikit tentang FOMEMA. Saya cuba ringkaskan ucapan saya sebab kasihan kepada Yang Berhormat Tanah Merah, dia hendak berucap kalau Tuan Pengerusi dapat bagi peluang kepada dia. Akhir sekali tentang FOMEMA ini. Saya lihat KDN perlu membuat satu dasar yang lain dari segi FOMEMA. Kita lihat FOMEMA ini satu syarikat swasta tetapi *shareholdemya* adalah *Singaporean*. Kalaularah banyak buruh asing masuk ke

negara kita dan melakukan pemeriksaan, yang untungnya syarikat luar bukan syarikat Malaysia. Kita lihat FOMEMA ini melakukan pemeriksaan perubatan, pemeriksaan dari segi untuk sahkan mereka tinggal melanjutkan tempoh mereka bekerja di sini, FOMEMA yang melakukan ini, kebanyakannya datang ke sini dengan membawa penyakit. Setelah mereka datang ke sini, barulah FOMEMA periksa mereka.

Jadi kalau boleh kita mintalah satu dasar baru kalau boleh dibuat oleh KDN bahawa terdapat syarikat lain, tidak payah FOMEMA syarikat Singapura ini, syarikat lain yang memeriksa contohnya di Bangladesh kita ada tiga negara yang mendapat pekerja asing yang masuk ke negara kita yang datang bekerja iaitu Indonesia, Nepal, dan Bangladesh. Tiga negara dahulu. Kalau boleh kita bagi satu syarikat lain yang memeriksa mereka buat pemeriksaan darah ataupun *blood test* di sana, lihat *blood test* tidak ada penyakit-penyakit yang aneh yang masuk ke Malaysia. Apabila mereka datang ke Malaysia dengan membawa penyakit-penyakit baru ini, kita lihat hospital kita mengeluarkan belanja yang besar untuk memeriksa mereka, merawat mereka.

Jadi kalau boleh kita minta kerajaan, KDN dapat melihat perkara ini dan mengkaji semua tentang FOMEMA ini. Kalau boleh kita bagi kepada syarikat tempatan mana-mana yang dianggotai oleh doktor-doktor yang pakar kita di negara ini supaya mereka dapat lihat sebelum masuk ke negara ini, sudah ada *report* dari tempat negara asal mereka supaya mereka dapat masuk ke negara ini dan luluskan.

Akhir sekali saya hendak sentuh sedikit tentang mesin kuda ini terutamanya di belah utara, terutamanya di Pulau Pinang. Jadi kita lihat ini polis sendiri *complain*, bukan orang *complain* yang dikatakan di Sabah dan Sarawak ini. Ini polis sendiri bagi tahu, pegawai polis, mesin kuda di Pulau Pinang cukup banyak. Pulau Pinang mesin kuda paling banyak. Pegawai kata, saya sukar menasihati anggota polis saya, ada yang kaki mesin kuda. Kalau-lah polis sendiri main mesin kuda dan pegawai polis sendiri *complain*, saya tidak faham. Siapa hendak tangkap siapa ini? [Ketawa] Saya pun tidak faham. Jadi apabila ditanya, pegawai polis ini cakap, apabila mereka larang sahaja sudah bayar di atas. Atas mana tidak tahu. Atas langit tidak tahu, tetapi sudah dibayar. Ada satu, atas langit ini kerajaan langit.

Jadi kita lihat, kalau boleh KDN dapat lihat satu kaedah baru sebab mesin kuda ini memang sukar hendak tangkap sebab mereka ini main komputer. Dibayar di tempat lain dan main komputer di tempat lain. Kalau hendak *rush*, mereka boleh bakar komputer itu, mereka boleh - cara mana untuk kita dapatkan bukti. Kalau boleh kita lihatlah bahawa perkara-perkara ini perlu dibanteras dan KDN perlu memainkan peranan bersama polis supaya jangan biarkan polis sahaja, maknanya kita perlu ada satu cara lain, makna kita perlu lihat. Kalau buka belakang pintu, kedai tutup tetapi dalam itu komputer *game* yang melibatkan judi kita boleh lihat terutamanya untuk kita menyelamatkan generasi muda daripada membuang wang mereka dan belanja perkara-perkara yang tidak tentu arah. Jadi itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengurus [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Hebat.

### 7.55 mIm

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih, hebat Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sama-sama hebat Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh*, selamat petang, salam sejahtera. Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan menyentuh beberapa perkara di dalam kementerian ini. Ingin saya menyentuh secara amnya, secara *general* berhubung dengan tugas-tugas polis dan IGP.

Ketua Polis Negara adalah sebagai ketua pemimpin yang tertinggi polis dan beliau mendapat kuasa di bawah Akta Polis Negara untuk menggubal peraturan-peraturan untuk kegunaan polis. Peraturan-peraturan ini diturun daripada peringkat Ketua Polis Negara yang dipanggil biasanya IGP Standing Order dan selepas itu sampai ke peringkat negeri. Kalau di Sarawak dipanggil *Commissioner Standing Orders* ataupun seterusnya polis negeri Standing Order dan juga sampailah ke peringkat daerah dan *station*. Dokumen ini pada masa ini adalah satu dokumen yang terhad khas untuk bacaan dan kegunaan sebagai SOP, *Standard of Procedure* pada semua pihak polis yang patut dipatuhi oleh pihak-pihak polis.

Kuasa IGP ini pula adalah tergantung kepada undang-undang itu sendiri dan tidak boleh melebihi daripada undang-undang itu. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, permintaan Yang Berhormat Kluang untuk mendedahkan garis panduan yang terhad atau terbatas ini untuk pegawai-pegawai polis di seluruh Malaysia ini adalah tidak dapat dilaksanakan buat masa sekarang ini.

Satu lagi yang disebut oleh Yang Berhormat Kluang ialah soalan PGA ataupun dahulunya semasa darurat dipanggil Pasukan Polis Hutan. Pasukan Polis Hutan ini adalah juga *paramilitary group* dalam Polis Diraja Malaysia. Kalau di Sarawak dahulu dipanggil *Police Field Force*, di Semenanjung Pasukan Polis Hutan. Apabila semasa darurat, mereka bertugas sebagai *paramilitary* walaupun mempunyai kuasa-kuasa polis di bawah undang-undang. Jadi mereka boleh menjalankan tugas sebagai tentera dan juga menangkap dan menggunakan kuasa undang-undang sebagai pegawai polis. Apabila tamatnya *emergency* pada tahun 1890, Pasukan Polis Hutan ini telah ditukar juga fungsi-fungsinya kepada polis yang melaksanakan tugas-tugas awam.

Akan tetapi salah satu halangan dankekangan ialah pasukan ini telah dilatih sebegini rupa sebagai pegawai tentera, ahli tentera yang berhadapan dengan Komunis, berhadapan dengan musuh di dalam hutan. Jadi untuk menukar sikap mereka yang telah berkhidmat berpuluh-puluh tahun sebahagian daripadanya di dalam hutang dan menatang Komunis dahulu, mengubah kepada polis sivil adalah memakan masa yang panjang. Untuk membuat perkara ini berlaku, boleh dilakukan, maka kita berhati-hati supaya mereka bersama dengan polis biasa untuk menjalankan tugas di kalangan masyarakat untuk menguatkan kuasa undang-undang.

Kita bimbang tindakan mereka mungkin tidak sejajar dengan apa yang kita lihat biasa dilakukan, menjadi amalan polis sivil yang biasanya diterima pakai dan diterima oleh pihak-pihak awam. Jadi kalau ada perbezaan tindakan itu nanti oleh sebab kejanggalannya menjalankan tugas, kita juga menghadapi masalah untuk mengguna mereka menjalankan khidmat itu keseluruhannya.

Akan tetapi dalam masa yang sama, kalau kita lihat, masih PGA ini digunakan di tempat-tempat yang di luar kerja polis-polis sivil. Umpamanya di kawasan Lahat Datu, mereka masih menjalankan tugas-tugas sedemikian rupa yang ala tentera. Begitu juga di sempadan-sempadan sama ada di sempadan Thailand, Kelantan, Perak dan Perlis dan juga di Sarawak dan Sabah, mereka menjalankan tugas ini di dalam hutan dan duduk di dalam hutan ala tentera. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita tidak boleh menyerapkan keseluruhannya pihak PGA ini ke dalam polis sivil ataupun *convert* mereka menjadi polis sivil. Jadi itu berhubung dengan polis hutan, Tuan Pengerusi.

Kedua, pasal *Special Branch*, ada juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Adakah perlu lagi perkhidmatan mereka ini? Jadi adalah satu tanggapan yang tidak tepat dan salah sebenarnya kalau kita mengatakan soalan risikan untuk negara yang tidak berhadapan dengan perperangan ini tidak perlu lagi. Jawapannya Yang Berhormat, sekarang kita lebih lagi memerlukan unit *Special Branch* ini untuk menjalankan risikan dalam beberapa sudut.

Jadi dalam keadaan sedemikian, saya sendiri berpendapat, yang mempunyai pengalaman bahkan pernah menegur dalam Dewan ini, apabila kita tidak lagi berhadapan dengan komunis dahulu, segelintir mahu melihat bahawa *Special Branch* telah di *stood down*. Saya tidak bersetuju dengan tindakan sedemikian, bahkan *funding* dengan izin, Tuan Pengerusi, untuk risikan dan *informers* ini dan '*sting operation*' mereka mesti diteruskan supaya kita tidak akan ketandusan maklumat-maklumat yang penting untuk keselamatan negara yang mungkin kita sendiri sebagai orang biasa tidak melihat maklumat-maklumat yang sedemikian ini.

Jadi Tuan Pengerusi...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, perisikan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, dalam Peraturan Mesyuarat 37(1) Yang Berhormat, dia dua perkara sahaja. Tadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi sebut. Satu, mencelah yang saya bagi. Kalau saya duduk, Yang Berhormat cakap. Yang kedua, mencelah oleh sebab saya menyalahi peraturan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** *Point of order*, ya.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Itu sahaja. Kalau tidak, saya tidak boleh dicelah semasa bercakap... *[Disampuk]* Melainkan saya benarkan. Okey, sila Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang tidak berniat untuk mencelah sebelum Menteri bagi laluan. Saya ingin dapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri, bahawa perisikan ini memang sangat penting

tetapi saya nampak adakah kita - banyak perisikan telah berlaku terutamanya di sempadan kita. Ada yang dilakukan oleh *Centre of Anti Terrorism*, ada yang dilakukan oleh *Special Branch*, ada yang dilakukan oleh tentera. Saya ingin tanya penjelasan daripada Menteri, apakah koordinasi supaya maklumat ini tepat disampaikan untuk menjamin keselamatan?

Kedua ialah, di negara-negara lain sekarang ada trend untuk mendirikan satu *investigation bureau* yang di luar pasukan polis tetapi mereka mengumpulkan pakar-pakar yang merupakan perisik dan tidak semestinya mengikut dari kalangan anggota polis atau tentera. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri kalau kita dalam keadaan untuk menjaga keselamatan kita memikirkan untuk mewujudkan satu biro untuk penyiasatan? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, terima kasih. *In the subterranean world of spies*, risikan *intelligent* Yang Berhormat, memang susah kita semua mengetahui. Jadi dia tidak boleh didedah kepada umum. Begitu juga di antara mereka sendiri, di antara *military intelligent for the purpose of intelligent collection* untuk *military* itu sendiri ada risikan-risikan dan hala tuju yang sendiri. Sebagaimana kita lihat di Amerika, dia ada mempunyai FBI, CIA dan bermacam-macam lagi. Bahkan ada tiga empat lagi badan risikan di Amerika. Mereka pun tidak dapat di lingkap dan tidak juga *share intelligent information* yang mereka buat.

Bahkan, mereka sendiri yang menentukan kepada siapa *intelligent information* kerana tadi ada Yang Berhormat menyebut jangan beritahu kepada Perdana Menteri sahaja, berilah tahu kepada semua. Kalau diberitahu kepada semua Yang Berhormat, dia tidak lagi menjadi *intelligent*, khazanah kita. Kalau sudah diberi dengan semua apa sahaja yang kita tahu kita dedahkan kepada semua. Jadi dia tidak lagi jadi satu *intelligent collection* dan tidak ada bergunanya kepada masyarakat kita dan juga keselamatan negara ini.

Jadi Yang Berhormat, untuk mengatakan menubuhkan satu badan lagi, menambahkan apa yang kita ada sekarang ini, itu satu lagi persoalan Yang Berhormat. Kalau kita memperkasakan *Special Branch*, kita memperkasakan *military intelligent*, kita memperkasakan *intelligent* dalam CID itu sendiri, kita cukup yakin dia sudah mencukupi untuk mengatasi masalah yang kita hadapi yang kita lihat sekarang ini, Yang Berhormat.

Jadi satu lagi yang saya ingin sebut secara amnya, berhubung dengan pendaftaran, oleh sebab ini perkara umum yang banyak dibangkit. Tadi Yang Berhormat mengatakan kenapa berpuluh-puluh ribu dakwaan mengatakan 200,000 masyarakat yang telah dilahirkan tidak berdaftar dan tidak mempunyai kewarganegaraan. Ini Yang Berhormat adalah kadang-kadang adalah kesilapan kita sendiri Yang Berhormat. Yang Berhormat mungkin tidak tahu, saya dulu pun tidak tahu, sekarang saya sudah tahu Yang Berhormat.

Ada orang yang pergi ke hospital selepas melahirkan anak, anaknya direkod dalam komputer hospital, selepas itu dia balik pulang ke kampung, pulang ke rumah, 42 hari selepas itu baru dia teringat anak dia belum didaftar kepada Pejabat Pendaftaran. Akhirnya disebutkan *late registration*. Kalau *late registration*, ada dua *mechanism*. Kalau di Semenanjung Malaysia dan Sarawak, dia satu sistem. Kalau di Sabah dia satu sistem.

Kalau di Semenanjung Malaysia, kita kena pastikan keibubapaan. Pastikan keibubapaan ini. Kedua, semua keseluruhan Malaysia kita kena lihat yang ibu bapa ini sudah kahwin ataupun tidak. Anak ini lahir sebelum kahwin atau selepas kahwin. Ini kena dipastikan. Jadi untuk menentukan di mana letaknya di bawah Perlembagaan, anak ini kewarganegaraannya.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: [Bangun]**

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kalau dia lahir selepas perkahwinan, mana satu ibu bapa itu warga Malaysia akan memberi anak itu status warga Malaysia. Akan tetapi kalau lahir sebelum perkahwinan, kalau isterinya bukan orang Malaysia, jadi anak itu bukan orang Malaysia. Jadi Yang Berhormat, kerja Jabatan Pendaftaran ini amat rumit hendak memastikan. Kalau tidak, berlakulah apa yang dikomplain oleh Ahli-ahli Yang Berhormat banyak daripada Sabah khususnya yang mengatakan orang-orang daripada luar negara itu kita daftar sebagai rakyat Malaysia.

Minta maaf Yang Berhormat, sampai saya habis cerita ini dahulu, pendaftaran ini. Jadi kalau soalan perkahwinan, oleh sebab nilai negara kita bersetuju bahawa perkahwinan asas kepada *legitimacy* kelahiran anak.

Jadi yang keduanya tadi, apabila dia *late registration* di Semenanjung dan di Sarawak, dia hanya perlu dikhuluskan oleh pihak pendaftaran. Bila pihak pendaftaran mengatakan anak ini adalah anak warganegara Malaysia, boleh diberi MyKad dan dia adalah warganegara Malaysia. Akan tetapi kalau berlaku di Sabah, ada undang-undang negeri Sabah mengatakan walaupun Jabatan Pendaftaran sudah mengatakan ini memang khusus memang tetap anak orang Malaysia, tetapi tidak boleh diberi MyKad, tidak boleh diberi sijil beranak orang Malaysia mengatakan warganegara Malaysia melainkan telah disahkan oleh Mahkamah Majistret Kelas Pertama.

## ■2010

Ini undang-undang negeri. Jadi, orang Sabah saya cukup yakin tidak mahu undang-undang ini ditarik balik. Kalau hendak *standardize* benda ini, undang-undang itu kena tarik. Saya bincang dengan Ketua Menteri. Ketua Menteri pun tersandar tidak mahu menjawab saya sebab dia memikirkan apakah *repercussion* politiknya kalau undang-undang ini ditarik balik. Jadi, akhirnya kita membiarkan begitu sahaja undang-undang itu dan kita terpaksa menjalankan tugas kita *which in the constraint that we have*, dengan izin Tuan Pengurus. Jadi, ini soalan pendaftaran, soal kewarganegaraan. Kita kena berjaga-jaga. Yang Berhormat sebut orang Iban. Yang Berhormat daripada Kanowit tadi hendak bangkit, hendak tanya. Yang saya tahu tidak ada banyak sangat orang Iban yang tidak berdaftar dan tidak... Tidak banyak Yang Berhormat. Kalau ada pun yang terlambat macam yang saya sebut tadi. Selepas melahirkan anak dia balik ke kawasan atau pun contoh-contoh yang saya terima bahawa apabila ibu bapa ini anak dia seorang sudah 'berjalai kuk' orang Iban di Sarawak. Senyap cakap Iban sedikit sahaja.

**Tuan Pengurus [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak faham rasanya.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Bila sudah pergi ke tempat orang, mengembara ke tempat orang. Jadi, bila dia hendak mendaftar anak dia tinggal di rumah dia, dia

sebut yang tiga ini sahaja. Yang dua orang pergi ke tempat lain itu tidak dimasukkan dalam senarai. Jadi ini dimasukkan ke dalam sistem *national registration* tetapi bila si anak yang balik ini hendak buat kad pengenalan, hendak buat dia punya sijil beranak, dia kata dalam sistem kami menunjukkan A dan X yang kahwin ini, tiga orang anak sahaja. Yang dua orang ini tidak ada. Jadi, satu lagi masalah yang dihadapi oleh Jabatan Pendaftaran. Akhirnya melainkan ibu bapa itu datang juga bersama untuk memberi surat sumpah yang kita terima. Ini tidak boleh dapat dielakkan.

Jadi, inilah banyak tetapi sebenarnya mungkin rakyat Penan yang kita sudah ketahui 90% lebih telah didaftar. Ada lagi yang belum didaftar. Cuma hanya yang masalah kita sekarang ialah untuk menghantar MyKad yang telah diluluskan dan dibuat oleh pihak Jabatan Pendaftaran, belum disampaikan kepada mereka ini kerana mereka sudah berpindah randah atau pun pegawai kita hendak menghantar masuk ke pedalaman itu payah hendak mencari, walau pun saya sudah memberi arah, Tuan Pengurus. Saya sudah beri arahan supaya berbincang dengan pemimpin-pemimpin kampung di kawasan-kawasan yang tertentu supaya MyKad ini boleh disampaikan kepada pemimpin kampung dan pemimpin kampung, DO, SDO atau pun pegawai-pegawai kerajaan yang masuk ke pedalaman itu boleh menghantar bagi pihak Jabatan Pendataran. Akan tetapi perbincangan ini untuk meminta orang menjadi *office boy* Yang Berhormat, bukanlah mudah.

Jadi Yang Berhormat, itu soalan *late registration*. Mengenai pendatang asing. Pendatang asing ini satu perkara. Memang...

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, sila.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Pendaftaran, sebelum masuk ke yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang pendaftaran ini kita tengok tadi Yang Berhormat Menteri cakap tentang pendaftaran anak-anak. Akan tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri tentang masalah pendaftaran bagi isteri-isteri yang bukan warganegara Malaysia. Ini kerana saya berada di kawasan Pulau Langkawi ini ramai kawan-kawan saya yang berkahwin belah sana. Bila kahwin sebelah sana, dia ada lebih kurang 500 orang isteri ini yang tidak ada IC Malaysia tetapi anak mereka sudah besar, masuk universiti dan sebagainya. Masalahnya mereka tidak boleh pergi ke Mekah dan sebagainya kerana mereka bukan warganegara Malaysia. Bagaimana kita dapat membantu mereka ini kerana mereka sebenarnya tinggal di Malaysia sekarang.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini memang relevan sebabnya anak-anak yang berkahwin dengan orang asing kadang-kadang kita hendak cari mudah berkahwin, pergi ke seberang sana mengikut – orang agama pandailah. Saya bukanlah orang tahu agama sangat. Pada saya sudut undang-undang Islam kalau cukup saksinya, ada kadinya, cukuplah, halallah perkahwinan tetapi masalahnya undang-undang berkehendakkan kita mendaftarkan perkahwinan sedemikian rupa di Malaysia ini supaya perkahwinan itu dianggap sah di Malaysia. Barulah anak itu dianggap sah lahirnya di Malaysia. Kalau perkahwinan itu masih boleh dipertikaikan anak itu juga akan dipertikaikan kedudukan status anak ini.

Kalau ini berlaku Yang Berhormat, jadi satu masalah kepada keluarga ini dan masalahnya juga buka bank akaun tidak boleh, masuk sekolah pun tidak boleh, menyambung persekolahan dan hendak pergi umrah pun tidak boleh. Semua, banyak tidak boleh. Jadi, minta tolonglah kawan-kawan yang duduk di sempadan itu, kalau hendak kahwin itu, kahwinlah betul-betul. Kalau hendak kahwin dua atau tiga itu mintalah kebenaran isteri yang pertama, minta kebenaran.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat, masalahnya yang ini sudah kahwin. Sudah kahwin 20 tahun. Kita hendak beritahu sekarang sudah tidak boleh. Sudah kahwin 20 tahun tetapi masalah anak dan isterinya. Isteri itu pun *problem*, anak itu pun *problem*. Tolong selesaikan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** MP Langkawi mungkin itu? [Ketawa]

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Amat penting sekali perkahwinan itu mestilah sah dipandang oleh undang-undang Malaysia, Yang Berhormat. Ini perlu. Apabila sudah sah, lahirnya anak selepas perkahwinan, *insya-Allah* anak itu juga kita akan sahkan statusnya. Yang Berhormat, boleh diberi kad pengenalan, MyKad dan dapat status warganegara Malaysia. Kahwin itu penting.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Lain kali. Belum habis cerita. Siapa hendak kahwin dua itu mintalah kebenaran daripada isteri yang tua dahulu. Kalau tidak dapat kebenaran jangan kahwin.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Isteri satu sahaja.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Masalah. Kalau kahwin seberang sempadan nanti...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Boleh, sila.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Penggerusi. Saya rasa agak ada keraguan Yang Berhormat menjawab tadi. Soalan Yang Berhormat Langkawi menyatakan rakan-rakan beliau, bukan rakan-rakan saya, 600 orang berkahwin dengan warganegara Thailand. Laki-laki orang Langkawi, isteri orang Thailand. Walaupun dianya mendaftar kata sah perkahwinannya di Langkawi, anaknya mesti ikut warganegara ibu, bukan bapa.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Dia begini Yang Berhormat. Kalau perkahwinan itu sah pada 1 Januari tahun 1990 umpamanya. Selepas itu lahirlah seorang anak pada tahun 1995. Anak itu kalau salah seorang daripada keluarga ini daripada ibu atau pun bapa ini warganegara Malaysia, anak itu juga warga Malaysia Yang Berhormat. Kalau ada masalah jumpa saya. Itu di bawah perlombagaan Tuan Penggerusi ya, betul. Di bawah perlombagaan kalau

lahir sebelum perkahwinan, dia ikut warganegara ibu. Kalau ibu anak orang Thailand, anak ini juga jadi anak Thailand. Jadi, dia tidak menjadi anak Malaysia.

Cerita sedikit ya Yang Berhormat. Saya tidak mengapa. Masa saya sudah habis saya berhentilah. Sepasang suami isteri berkahwin selama lapan tahun tidak dapat anak. Dia ada mohon kepada hendak berkahwin nombor dua. Isteri dia kata bolehlah kahwin. Dia kahwin dengan orang Vietnam. Ini orang Cina Yang Berhormat ya. Dia kahwin dengan orang Vietnam, lahirlah seorang anak. Dua bulan lepas jumpa saya di pejabat anak itu tidak jadi anak dia dan bukan warganegara Malaysia. Jadi, saya kata *first thing* kahwin *you* itu tidak halal. Tidak boleh sebab di bawah undang-undang Malaysia semenjak tahun 1975 dahulu, ada satu undang-undang itu menghalang orang yang bukan Muslim berkahwin dua. Tidak boleh kahwin dua. Jadi, dia tidak boleh berkahwin dua dan dengan sendirinya perkahwinan itu tidak sahlah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan tanya, terlibat kah itu?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Belum lagi Yang Berhormat. Tunggu dahulu.  
[Dewan riuh]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tanya sedikit.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tunggu dulu Yang Berhormat. Saya hendak cerita habis ini. Cerita ini belum habis. Jadi, nasihat saya Yang Berhormat kepada dia berbincang di antara kamu bertiga, si suami dengan dua orang isteri dia bincang di rumah, saya kata, *you adopt* kan anak ini sebagai anak yang sah kepada kamu. Bila *adoption* itu diluluskan nanti baru kita bagi. Bila cukup masanya mengikut perlembagaan.

## ■2020

Baru kita boleh bagi dia kewarganegaraan oleh kerana anak dia warganegara dia tetapi kena *proof* juga dengan DNA sekali sebab kita hendak *proof* anak ini betul atau tidak anak dia. Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini isu yang sama berlaku di Sabah iaitu warga tempatan berkahwin dengan warga Filipina, dengan warga Indonesia. Perempuan tempatan, lelaki daripada Filipina atau Indonesia. Di situ banyak komplikasi berlaku di mana Jabatan Pendaftaran tidak pula memberikan dia warganegara sebab dia kata bapa dia bukan orang dan selepas sudah kahwin ada anak dua tiga, si suami hilang tidak tahu ke mana. Itu masalah.

Jadi macam mana hendak menyelesaikan masalah ini sebab kita wakil rakyat menjadi beban. Kadang-kadang dia sudah besar 13 tahun ditahan, ditangkap. Hendak balik Filipina tidak pernah pun datang Filipina dan memang lahir di situ. Jadi macam mana masalah ini. Apa pendekatan yang boleh dilakukan oleh kerajaan dan kementerian khususnya sebab masalah sebegini bukan satu, dua kes. Mungkin beratus dan beribu. Jadi menjadi masalah kepada kita pemimpin daripada sana khususnya.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya saya jawab Yang Berhormat Kinabatangan dahulu. Sebenarnya masalah di Sabah saya sudah beritahu kepada Jabatan Pendaftaran supaya kita apa sahaja persoalan yang dibangkitkan ini akan gantung dahulu, *put on hold* hingga laporan daripada *Royal Commission of Inquiry* nanti siap dan dibentangkan di Dewan ini dan melihat apakah pilihan kerajaan dan tindakan kerajaan susulan daripada saranan ....

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: [Bangun]**

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tunggu sekejap Yang Berhormat. Susulan laporan daripada *Royal Commission of Inquiry* itu nanti. Jadi selepas itu apa sahaja cadangan dan keputusan kerajaan kerana kita ingat walaupun ada *Royal Commission of Inquiry, at the end of the day the, government of the day will decide on everything*. Minta maaf Tuan Penggerusi kerana kerajaan kita dibimbang dan ditadbir mengikut *Cabinet's decision*. Jadi *Cabinet's decision* itu juga tiga komponen Yang Berhormat. Kabinet itu bersama Yang di-Pertuan Agong. Jadi *Royal Commission of Inquiry* daripada Yang di-Pertuan Agong ada dua Yang Berhormat. Jadi sila Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Penggerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berpanjangan dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan bukan sahaja masalah mereka ini belum lagi dikira, mereka ini lahir di Sabah. Mereka mempunyai sijil lahir macam saya punya sijil lahir juga, bukan ada perbezaan. Jadi kita mahu tahu orang yang lahir di Sabah, sijil lahirnya macam kita punya juga macam dalam Dewan ini. Ke mana mereka ini mahu dihantar? Mereka ditangkap dan dihantar ke Penampungan, mahu dihantar balik.

Kita terpaksa pergi ke Penampungan beritahu hantar ke mana? Mereka tidak ada keluarga di Indonesia. Ini perkara serius. Jadi kita minta mungkin satu kaedah baru untuk kita buat keputusan sama ada mahu beri mereka ini warganegara atau apa macam mereka ini sudah jadi *stateless*. Kita tidak boleh kurung mereka. Mereka diberi sekolah. Ada sampai *Form 5* tetapi tidak ada kad pengenalan. Jadi itu minta penjelasan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Penjelasan saya tetap Yang Berhormat. Kita tunggu juga keputusan *Royal Commission of Inquiry*. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, setiap hamba Allah yang lahir di tanah Malaysia ini di bawah Undang-undang Pendaftaran mesti diberi sijil lahir dan status kewarganegaraannya mengikut apa yang undang-undang sebut juga mengikut Perlembagaan.

Jadi di sinilah kalau orang British kahwin dengan orang British, orang Nepal kahwin dengan Nepal beranak di sini, kita beri sijil lahir juga. Dia orang Nepal, dia orang British. Jadi dia macam ini Yang Berhormat. Jadi anak ini pun saya faham, saya tahu semua masalah-masalah dan keadaan pasir, *operation pasir* dan sebagainya itu saya tahu semua itu. Jadi kita tahu.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: [Bangun]**

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya merasa apa Yang Berhormat rasa tetapi hakikatnya kita sudah lantik *Royal Commission of Inquiry*. Kita kena tunggu juga laporan itu

dan kita lihat keputusan kerajaan selepas itu. Yang Berhormat, saya tidak jawab satu pun soalan dibangkit dalam perbahasan Yang Berhormat.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat. Saya hendak tanya satu kes sebegini yang benar-benar berlaku. Di tempat saya ada seorang kahwin. Bapanya orang Malaysia, ibunya orang Thailand. Kemudian anak dilahirkan dan sudah pasti dalam daftar surat beranak itu anak itu bukan warganegara dan kebetulan ibunya balik ke Thailand dan tidak datang lagi. Jadi macam mana kita boleh hendak membantu anak ini dilahirkan di Malaysia cuma ibu Thailand tetapi di dalam surat beranak itu disebutkan bukan warganegara. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Dasarnya tepat Yang Berhormat. Kalau salah seorang daripada ibu bapa itu orang Malaysia, perkahwinannya sah dan diiktiraf oleh undang-undang Malaysia dan anak itu lahir selepas perkahwinan, anak itu warganegara Malaysia. Kalau ada masalah Yang Berhormat, jumpa sayalah. Ini kalau ada masalah individu yang kes fit macam ini Yang Berhormat jumpa saya. Jangan jumpa orang lain Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Kita berhadapan dengan satu masalah dalam negara iaitu banyak di antara wanita-wanita muda melahirkan anak luar nikah menyebabkan kita tidak tahu peraturan negara. Mereka membunuh anak-anak mereka sedangkan saya difahamkan dalam negara, anak luar nikah tadi sebenarnya warganegara. Satu.

Kedua, berlaku juga wanita-wanita kita berkahwin di luar negara tiba-tiba tidak tahan lama perkahwinan mereka balik ke Malaysia ada anak tetapi kerana dia dilahirkan di luar negara, adakah anak tadi boleh menjadi warganegara kerana Yang Berhormat Menteri menjawab tadi kita sekarang ini ada kaedah baru ujian DNA. Ini yang kita tidak tahu peraturan baru. Minta menteri perjelaskan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Minta laluan menteri. Saya, sedikit sahaja soalan ringkas. Terima kasih Tuan Pengurus. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri apa bezanya antara kewarganegaraan dengan kerakyatan. *Citizenship and nationality*, apa bezanya? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, soalan itu tadi Yang Berhormat. Soalan kelahiran anak di luar negara tetapi kita masih lagi berpandu kepada undang-undang kita Yang Berhormat. Undang-undang kita jelas. Undang-undang kita mengatakan bahawa perkahwinan itu mestilah sah dan diiktiraf oleh undang-undang Malaysia. Kalau perkahwinan itu sah walaupun di mana sahaja dia dilahirkan kalau sepatutnya sistem *you kena melaporkan kepada embassy* kita atau wakil kita di seberang laut juga di mana dilahirkan. Kalau itu berlaku Yang Berhormat, kewarganegaraan dia patut diberi kewarganegaraan Malaysia.

Jadi tidak ada masalah sebenarnya Yang Berhormat. Kadang-kadang ada masalah sebabnya mungkin oleh kerana kita tidak melaporkan kepada *embassy* kita di luar negara dan kita terlupa melaporkan. Jadi ini telah menjadi satu kesilapan tetapi kerajaan dan jabatan can *put right all this* kesalahan ini. Sudah Yang Berhormat.

Jadi yang ini tadi Yang Berhormat pada saya payah hendak cari perbezaan di antara kewarganegaraan dan *nationality* Yang Berhormat. *Nationality* ini kalau saya lahir pun di luar sana

dan bukan warganegara Malaysia, *nationality* saya masih Malaysia juga Yang Berhormat tetapi kewarganegaraan itu memang dia *whole* hak sebagai warganegara ini memang ada pada dia di bawah Perlembagaan dan di bawah undang-undang kita Yang Berhormat. Jadi Tuan Pengerusi oleh kerana jawapan ini tebal sangat Yang Berhormat, jadi kalau saya hendak jawab secara ringkas sahaja tidak memuaskan hati, saya ingat saya boleh jawab semua soalan. Jadi saya harap saya akan beri jawab bertulis. Terima kasih Yang Berhormat semua.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, ini Menteri jawab pasal kahwin sahaja. Jadi Menteri kahwinkah? Banyak isu lain tidak jawab.

**■2030**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM11,960,776,000 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM11,960,776,000 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM647,000,000 untuk Maksud P.62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM647,000,000 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**Fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang Perbekalan 2014 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak mungkin jawapan hanya cerita bab kahwin sahaja. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kita banyak soalan kawan-kawan tadi bangun bangkitkan, banyak soalan-soalan yang saya sentuh...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Macam yang dibangkitkan dan dicelah oleh Yang Berhormat Jerlun kepada Padang Besar tadi. Benda-benda ini cukup penting.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena cukup, duduk Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kata tunggu sebabnya kita bukannya - hendakkan jawapan.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ketua Penerangan garang nampak.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apa, duduk Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kita tunggu sampai jauh malam ini kita hendakkan satu jawapan yang jelas.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Fasal itulah kalah, merapu banyak.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Jangan buat wayanglah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu fasallah kalah, merapu banyak.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pasal cerita bab kahwin. Mungkin Yang Berhormat Bera pakai macam pengantin hari ini, dia tengok hendak kahwinlah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena, sudah Yang Berhormat Pokok Sena.  
[Dewan riuh] Terima kasih Ahli Yang Berhormat, bertenang Ahli Yang Berhormat.

*[Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan tahun 2014 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**USUL**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh enam bilion empat ratus sembilan puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu ringgit (RM46,499,999,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2014, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2014, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2013, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan/Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Diputuskan,*

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh enam bilion empat ratus sembilan puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu ringgit (RM46,499,999,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2014, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2014, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2013, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

**Tuan Penggerusi:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 4 Disember 2013.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.36 malam]*